

Bil. 55

**Selasa
28 November 2017**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 6)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 26)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2018 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual:</u>	
Maksud B.62	(Halaman 28)
Maksud B.24	(Halaman 77)
Maksud B.64	(Halaman 99)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Anggaran Pembangunan 2018 <u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.62	(Halaman 28)
Maksud P.24	(Halaman 77)
Maksud P.64	(Halaman 99)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/ S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

21. Yang Berhormat Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P., S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasihah bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. “ Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]

15. Yang Berhormat Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

24. Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. " Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. " Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggisa bin Juara

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 28 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah kesan psikologi yang diterima oleh pelajar yang mendapat keputusan semua A kecuali satu subjek yang tidak diraikan bersama pelajar yang memperoleh "*Straight A's*" yang sering dilakukan di sekolah-sekolah seluruh negara sebelum ini. Apakah langkah yang boleh diambil oleh Kementerian berdasarkan perkara tersebut?

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan soalan yang berkaitan dengan keraian kejayaan pelajar di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari salah satu daripada kesan yang akan timbul di kalangan anak-anak sekolah di peringkat rendah ini adalah kesan psikologi di mana selama ini kita anggap bahawa kejayaan melalui UPSR itu secara keseluruhannya diraikan di semua peringkat.

Ini sudah tentulah memberi sedikit sebanyak kesan psikologi kepada mereka yang tidak mencapai apa yang diharapkan dalam peperiksaan. Kesan-kesan ini sudah berlaku sama ada secara sedar atau tidak sedar. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah membuat sedikit pembaharuan dengan tahun ini, membuat pelaporan pentaksiran sekolah rendah yang tidak hanya menumpukan kepada pencapaian akademik, UPSR semata-mata.

Ia membabitkan tiga lagi komponen iaitu pentaksiran bilik darjah, pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum dan pentaksiran psikometrik yang dinilai oleh sekolah yang dikenali sebagai, dengan izin, *school based assessment* ataupun pentaksiran berasaskan sekolah. Apabila keputusan keluar, tiga pelaporan ini disertakan sekali dengan keputusan UPSR di hari pelajar-pelajar mengambalnya. Jadi maknanya, pentaksiran itu dibuat secara holistik.

Suka saya tegaskan bahawa UPSR adalah ujian penilaian. Tingkatan 3 (PT3) itu adalah penilaian sekolah menengah rendah dan SPM adalah sijil peperiksaan. SPM itu barulah peperiksaan. Sebab itu kita katakan bahawa kepada seluruh anak-anak sekolah di sekolah rendah ini, kita raikan secara keseluruhannya atas kejayaan mereka capai di peringkat sekolah. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan bersedia untuk memisahkan sistem pendidikan dan penilaian sekolah dengan sistem peperiksaan nasional supaya kerangka penilaian sekolah dapat direka bentuk semula dengan lebih menjurus kepada penilaian sekolah yang holistik dan berinovatif? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Sebenarnya dari dulu lagi sistem di negara kita ini ada tiga peringkat peperiksaan. Kita buat penilaian di Darjah 6, kita buat sekali lagi peperiksaan ataupun penilaian di Tingkatan 3, dan akhirnya Tingkatan 5- SPM. Jadi sebab itu apabila *exam-oriented* kepada masyarakat, banyak di kalangan ahli masyarakat ini rasa tertekan dengan peperiksaan oleh anak-anak.

Jadi apabila sampai darjah lima, dia kena cari tuisyen, dia kena cari tempat untuk membolehkan anak dia mencapai kejayaan. Sebab itu kita cadangkan kepada peringkat ini adalah pelaporan pentaksiran sekolah rendah. *School-based assessment*, dengan izin, supaya di campur sekali dengan ujian peperiksaan UPSR itu. Pada waktu ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat Bagan Serai, kita buat peringkat ini dulu. Peringkat pelaporan pentaksiran sekolah rendah dicampur sekali dengan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Kerajaan sememangnya mengkaji satu bentuk yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi bahawa, bagaimana untuk masa hadapan sistem yang lebih baik secara holistik tetapi pada waktu ini, kita masih memakai UPSR dan pelaporan pentaksiran sekolah rendah.

■1010

Maknanya kita hendak pergi kepada sistem yang holistik tetapi pada waktu ini, kita masih menggunakan sistem yang ada. Cumanya kita hendak supaya tidak semua keputusan UPSR itu adalah sebagai keputusan yang akademik semata-mata. Hendak tengok juga kepada sahsiah diri budak, hendak tengok pelajar dari segi kokurikulum, hendak tengok pelajar dari segi sukan dan kecenderungan pelajar dalam psikometrik untuk hendak lihat masa depan dia apabila dia naik ke sekolah menengah, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan ini saya fikir sangat penting, dan bila masa bercakap tentang psikologi pelajar, saya ingin tanyakan juga kepada kementerian. Apakah langkah-langkah yang diambil berkait dengan pelajar yang gagal? Contohnya dalam peperiksaan SPM tahun 2014, lebih kurang 40,000. Menjelang tahun 2016, 93,000 orang. Langkah-langkah ini penting kerana sebolehnya mereka diberikan peluang kedua. *There is a second chance*, dengan izin. Jadi mohon tindakan dan juga jawapan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya betul yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa dalam 400,000 lebih pelajar yang mengambil SPM, kita boleh bahagikan mereka itu kepada beberapa kategori. Pertama, kategori yang telah mencapai kejayaan dan mereka ada tempat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian yang lebih tinggi sama ada mereka pergi ke universiti awam atau universiti swasta dalam negeri atau luar negeri.

Kedua, kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya mendapat tempat dalam *Technical Vocational and Education Training (TVET)*. Sama ada mereka pergi ke politeknik, MARA atau pergi ke kolej-kolej kerajaan dan swasta dalam bidang vokasional. Ketiga, mereka juga masih dapat tempat untuk membuat pra-kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi. Berulang sekali lagi dalam tempoh dua semester untuk mereka dapatkan keputusan untuk mereka dapat melanjutkan pelajaran. Kumpulan yang disebut Yang Berhormat Lembah Pantai tadi ialah kumpulan yang keempat di mana di kalangan mereka ini terpaksa mencari peluang. Ini salah satu yang diuruskan oleh kerajaan melalui program persijilan, Yang Berhormat di mana ada kursus-kursus pendek yang dibuat.

Untuk tujuan kursus-kursus pendek ini, sekolah mesti memberi, menyampaikan maklumat kepada pihak Jabatan Tenaga Rakyat untuk melihat berapa ramai dan kemudian diberi tawaran, sama ada mereka mahu atau tidak. Ini khususnya bagi pelajar-pelajar yang berada di kawasan-kawasan luar bandar dan juga kawasan-kawasan pinggir bandar. Saya tidak dapat *figure* itu, angka itu tetapi boleh kita maklumkan kemudian kepada Yang Berhormat, jumlah yang mahu sebenarnya pergi kepada kursus-kursus pendek ini. Jadi itulah yang dicuba membantu. Ini melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi jugalah, membantu bagaimana hendak melihat anak-anak yang tidak berjaya langsung dalam pendidikan. Terima kasih.

2. **Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah tindakan JAKOA bagi memartabatkan masyarakat Orang Asli; dan
- (b) apakah peranan yang telah dimainkan oleh JAKOA bagi memastikan sumbangan masyarakat Orang Asli dalam pembangunan negara?

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Pihak kerajaan sentiasa berusaha bagi memartabatkan masyarakat Orang Asli dan memastikan masyarakat Orang Asli memberikan sumbangan di dalam pembangunan negara. Bagi maksud tersebut, JAKOA memberikan tiga tumpuan. Pertama adalah dari segi membangunkan prasarana asas di perkampungan Orang Asli.

Kedua, meningkatkan ekonomi di kalangan mereka. Ketiga, memperkasakan tahap pendidikan. Ini usaha kita untuk memartabatkan masyarakat Orang Asli.

Bagi prasarana, setakat ini, 80 peratus daripada perkampungan Orang Asli asal telah pun mendapat liputan jalan. Manakala bagi bekalan air dan bekalan elektrik, sebanyak 81 peratus. Kita menjangkakan sasaran kita pada tahun 2023 semua perkampungan asal Orang Asli telah pun memiliki 100 peratus jalan, bekalan air dan bekalan elektrik.

Kedua, dari segi meningkatkan ekonomi. Pihak JAKOA bekerjasama dengan pihak RISDA dan juga FELCRA di dalam melaksanakan 158 Projek Tanaman Semula Komersial dengan keluasan 27,404.33 hektar yang memberikan faedah kepada 8,817 peserta masyarakat Orang Asli. Kita juga membangunkan usahawan di kalangan masyarakat Orang Asli dan sehingga kini, terdapat 595 usahawan daripada kalangan masyarakat Orang Asli dan sasaran kita di dalam RMKe-11, kita akan melahirkan 600 lagi usahawan di kalangan masyarakat Orang Asli.

Di dalam aspek pendidikan, kita menekankan daripada segi mengurangkan kadar keciciran di kalangan masyarakat Orang Asli. Daripada 25.54 peratus keciciran pada tahun 2012, kita telah pun berjaya mengurangkan sehingga 16.25 peratus pada tahun 2017. Sehingga kini, seramai 2,103 pelajar Orang Asli telah pun menamatkan pengajian mereka di IPTS dan di IPTA-IPTA seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga hari ini, seramai 72 pelajar Orang Asli telah pun melanjutkan pelajaran ke luar negara dan tahun ini sahaja, kita menyasarkan 15 lagi pelajar masyarakat Orang Asli akan dihantar belajar ke luar negara.

Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. di akhir-akhir ini, masyarakat Orang Asli agak tertekan oleh kerana kawasan-kawasan yang diperuntukkan untuk mereka sama ada kampung dan ladang dicerobohi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Ini disebabkan oleh kelambatan kerajaan negeri di negeri-negeri untuk membuat *parameter survey* dan gazetkan tanah-tanah Orang Asli ini untuk keperluan mereka.

Ini satu keadaan yang cukup membimbangkan. Di kawasan saya sampai dekat kampung pun tanah-tanah yang diluluskan oleh kerajaan negeri oleh kerana tidak digazet dan tidak ada *parameter survey*, menyebabkan satu keadaan tertekan kepada masyarakat Orang Asli. Bilakah kerajaan bercadang untuk mengeluarkan bajet supaya *survey* dibuat di seluruh kawasan masyarakat perkampungan Orang Asli? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita amat memahami masalah pencerobohan berlaku kerana tanah-tanah milik masyarakat Orang Asli tidak digazetkan atau diwartakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang sedang berusaha untuk menyelesaikan keseluruhan isu yang berkaitan dengan rizab ataupun tanah milik simpanan Orang Asli ini. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa tanah yang telah pun dikenal pasti untuk kita gazetkan adalah sebanyak 132,631.04 hektar.

Sehingga hari ini, kita telah punewartakan sebanyak 32,779.37 hektar manakala yang telah pun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Mesyuarat EXCO Negeri adalah sebanyak 19,870.08 hektar yang masih menunggu untuk diwartakan.

■1020

Tanah yang telah pun diukur dan akan diserahkan kepada kerajaan negeri, sudah siap diukur, sebanyak 74,838.86 hektar dan yang sedang diukur sebanyak 5,142.7 hektar. Kita jangka sebelum akhir tahun ini, semua tanah masyarakat Orang Asli telah pun diukur sepenuhnya dan kita akan serahkan kepada kerajaan negeri untuk mereka wartakan.

Saya ingin maklumkan, beberapa kerajaan negeri saya lihat begitu serius di dalam membantu untuk meluluskan dan mewartakan tanah masyarakat Orang Asli. Sebagai contoh Perak misalnya. Di negeri Perak, mereka menubuhkan *special taskforce* untuk membantu menyelesaikan isu ini. Begitu juga di Pahang, kita mempunyai *taskforce* untuk menyelesaikan isu ini. Di Perak misalnya, diletakkan pegawai daripada JAKOA di Pejabat KPTG. Semua ini usaha kita adalah untuk memastikan tanah-tanah masyarakat Orang Asli dapat kita wartakan. Saya percaya, kalau tanah-tanah masyarakat Orang Asli ini diwartakan keseluruhannya, maka isu tentang pencerobohan dan sebagainya dapat kita selesaikan. Terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tentang tanah Orang Asli di negeri Kelantan. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah bantuan yang diberikan oleh kementerian untuk memastikan bahawa tanah-tanah Orang Asli di negeri Kelantan juga dapat diberikan kepada mereka? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti juga di tempat-tempat lain, kita juga dalam proses pengukuran sepenuhnya tanah-tanah masyarakat Orang Asli di Kelantan. Kita mendapat kerjasama sepenuhnya daripada masyarakat Orang Asli di Kelantan untuk kita mengukur tanah mereka. *Insyah-Allah*, selepas siap kita ukur, kita akan serahkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya haraplah ia mendapat sokongan daripada Yang Berhormat daripada Kelantan supaya dapat membantu kita menyegerakan dari segi, yang pertamanya, kelulusan kerajaan negeri itu mesti dibawa ke Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dan yang keduanya, wartakan. Kalau ini dapat dilaksanakan dengan cepat oleh negeri Kelantan, jadi dapatlah kita selesaikan dengan segera.

Saya cadangkan seperti di Perak dan juga di Pahang, Kerajaan Negeri Kelantan eloklah menubuhkan *special taskforce* tadi untuk membantu menyelesaikan pewartaan tersebut. Kalau di Perak boleh diletakkan pegawai JAKOA di dalam KPTG, saya harap Kelantan juga boleh melaksanakan demikian. Saya harap bukan setakat Pahang, Perak, Kelantan, negeri-negeri lain pun. Saya harap kerajaan negeri boleh membantu pihak JAKOA untuk menyelesaikan isu ini.

Saya hendak maklumkan, negeri yang telah pun selesai mewartakan keseluruhan tanah masyarakat Orang Asli adalah Negeri Sembilan. Sudah selesai sepenuhnya. Jadi kita ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sembilan.

Selain daripada pewartaan, saya juga mengharap supaya seperti yang dilaksanakan oleh negeri Pahang iaitu kita memberikan *separate title* atau geran berasingan kepada masyarakat Orang Asli iaitu geran berasingan untuk kebun dan juga geran berasingan untuk tapak rumah. Kalau ini dapat dilaksanakan, *insyallah*, kita dapat membangunkan masyarakat Orang Asli dengan lebih mudah. Saya percaya, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin tadi, kita dapat lebih mudah untuk kita lahirkan usahawan di kalangan mereka bagi kita memartabatkan masyarakat Orang Asli. Terima kasih Yang Berhormat.

3. Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta Perdana Menteri menyatakan, minggu lepas, pihak SPAD telah mengumumkan pembatalan tender projek *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur-Klang, sebuah projek di bawah GTP yang asalnya diumumkan akan mula dibina pada akhir tahun 2014. Mengapakah projek BRT KL-Klang mengalami masalah sejak awal dan kini dibatalkan walaupun anggaran kos hanya RM1 bilion hingga RM2 bilion, jauh lebih "mampu milik" berbanding projek MRT Line 3 yang berharga RM40 bilion hingga RM50 bilion dan kini dipercepatkan pelaksanaannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Serdang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat keputusan untuk menentu dan membangunkan jenis atau mod pengangkutan yang terbaik bagi sesuatu kawasan, kerajaan akan mengkaji dengan teliti segala faktor serta menimbang sewajarnya segala maklumat, data dan aspek yang berkaitan.

Selain daripada kos, kita juga mengambil kira faktor-faktor yang lain seperti kepadatan penduduk di sesuatu kawasan, jajaran yang boleh memberi tawaran perkhidmatan kepada cakupan penduduk yang besar, kegiatan ekonomi serta *passenger per hour per direction* ataupun PPHPD, dengan izin.

Merujuk kepada soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Serdang sebentar tadi, saya ingin membetulkan fakta yang disentuh oleh beliau berhubung dengan pembatalan cadangan projek *Bus Rapid Transit* (BRT) Kuala Lumpur-Klang. Pertama, cadangan Projek BRT Kuala Lumpur-Klang bukanlah diputuskan untuk diteruskan kerana mengalami masalah sejak awal seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Kedua, cadangan projek MRT 3 adalah langsung tiada kaitan dengan keputusan untuk membatalkan cadangan projek BRT Kuala Lumpur-Klang. Ini kerana kedua-dua projek ini adalah dua projek yang berbeza dari segi koridor atau kawasannya, jajarannya dan sasaran cakupan penduduknya. Oleh yang demikian, cubaan Yang Berhormat untuk mengatakan kerana ada masalah atau mengaitkan cadangan projek MRT 3 sebagai punca pembatalan projek BRT Kuala Lumpur-Klang adalah tidak berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal bulan November 2017, kerajaan telah mengumumkan pembatalan projek BRT Kuala Lumpur-Klang. Ia diputuskan setelah penelitian terperinci ke atas cadangan projek tersebut serta projek infrastruktur pengangkutan awam yang lain di *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* (GKLKV) mendapati bahawa cadangan projek BRT ini akan bertindih dengan cadangan projek LRT 3. Cadangan projek LRT 3 ini adalah meliputi laluan Bandar Utama ke Johan Setia di Klang melalui Glenmarie, Shah Alam dan Bandar Klang.

Dalam hal ini, ingin ditegaskan bahawa ini tidak bermakna cadangan projek BRT Kuala Lumpur-Klang tidak memberi manfaat. Akan tetapi, penelitian yang kita jalankan mendapati bahawa projek LRT 3 akan memberi impak yang lebih besar daripada cadangan projek BRT tersebut.

Oleh yang demikian, kedua-dua projek ini tidak sesuai atau, dengan izin, tidak *viable* untuk dibangunkan serentak pada masa ini. Sehubungan dengan itu, dalam menimbang pilihan terbaik, kerajaan telah mengambil keputusan untuk membangunkan projek LRT 3 berbanding projek BRT Kuala Lumpur-Klang. Sekian, terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebagaimana yang saya tahu, apabila tender itu dikeluarkan, ia adalah *build-operate-transfer module*. Saya diberitahu melalui akhbar bahawa *bid* yang telah dimasukkan termasuk satu *bid* oleh WCT yang jumlahnya RM2 bilion. Jadi saya hendak mendapatkan pengesahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, berapa *bid* yang telah diterima oleh pihak SPAD untuk BRT Kuala Lumpur-Klang ini? Memandangkan bahawa kosnya lebih kurang RM2 bilion, kenapa ia tidak diluluskan? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana soalan itu spesifik, kalau ada kekurangan dalam jawapan saya, saya akan beri secara bertulis. Akan tetapi kalau saya tidak silap, ada lima yang telah menunjukkan minat dalam projek ini. Namun begitu, seperti yang saya nyatakan tadi, kita tidak kira kepada kos, Yang Berhormat, sebab kita perlu mengambil kira secara impaknya yang lebih besar. Ini kerana kita bukan hanya mengira kepada zaman ini, masa ini kerana kita telah melihat bahawa trendnya lebih kepada menuju MRT. Jadi, sebab itu kita telah menukar kita punya perancangan.

Apa Yang Berhormat nyatakan tadi itu memang benar. Mula-mula kita merasa hendak membina BRT ini. Akan tetapi apabila kita telah menimbang segala faktor-faktor seperti yang saya nyatakan tadi, adalah lebih berbaloi dari segi *investment*, dengan izin, secara untuk masa depannya adalah lebih berbaloi untuk kita membina MRT ini daripada BRT.

Selain daripada itu juga, Yang Berhormat, kita perlu mengambil kira pada masa hadapan. Pada masa hadapan, apa yang lebih menjadi pilihan kepada penumpang secara- yang menjadi trend masyarakat pada masa hadapan. Terima kasih. Akan tetapi seperti yang saya nyatakan tadi, kalau saya tidak silap setakat ini memang ada lima yang berminat. Terima kasih.

■1030

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengguna pengangkutan awam sering mengadu kepada saya bahawa pas bulanan yang digunakan kini tidak seperti yang lama, di mana yang lama menggunakan konsep *unlimited rides* yang saya kira ia sebenarnya menjadi popular dan menjadi permintaan ramai. Adakah kerajaan bercadang untuk mengembalikan semula konsep *unlimited rides* ini sebab sekarang ini katanya menggunakan konsep seperti *Touch'nGo* yang kita tahu ia tidak mesra kepada rakyat. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini Yang Berhormat, Rapid mengeluarkan pas mingguan dan pas bulanan yang tetap harganya tanpa mengira penggunaan atas mana-mana bas dan rel bandar yang dikendalikan oleh Rapid. Akan tetapi ia telah ditukar kepada pas bulanan yang menikmati diskaun tetapi perlu ditambah nilai atau *top up* duit di dalam pas bulanan. Jadi banyaklah cadangan dan permintaan oleh pengguna seperti mana Yang Berhormat nyatakan untuk mengembalikan pas bulanan yang diguna pakai seperti dahulu kerana lebih mudah untuk merancang perbelanjaan dan penggunaan pengangkutan awam.

Saya pernah berbincang dengan pihak Rapid berhubung perkara ini dan mereka sedang meneliti perkara ini. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat, pakej pas bulanan yang lebih baik boleh dinikmati oleh pengguna pengangkutan awam yang dioperasikan oleh Rapid pada tahun hadapan. Ia disasarkan untuk dilancarkan pada suku pertama tahun 2018, *insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Setakat itu sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, usaha untuk meningkatkan gaji para pekerja bawahan yang didapati negatif setelah mengambil kira kenaikan inflasi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat daripada Jasin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, ingin saya mengalu-alukan kehadiran pegawai dan pemimpin KEMAS Daerah Maran dan Persatuan Wanita Pekebun Kecil RISDA Daerah Maran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin untuk makluman di Malaysia, *Malaysian Standard Classification of Occupation* (MASCO) dengan izin, ataupun Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia menyenaraikan sembilan kategori pekerjaan atau penerima gaji dan upah daripada satu, pengurus sehinggalah sembilan, pekerja asas. Bagi tahun 2016, penengah dan purata gaji kumpulan-kumpulan ini adalah antara RM5,500 sehingga RM1,100. Jadi inilah kategori pekerjaan lebih kurang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia juga, dalam usaha kerajaan untuk membawa Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi, isu kos sara hidup adalah tumpuan utama kerajaan.

Banyak usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat kurang dibebani oleh peningkatan kos sara hidup sejak kebelakangan ini. Salah satu intervensi kerajaan adalah melaksanakan Dasar Gaji Minimum selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, Akta 732. Perintah gaji minimum telah dikaji semula dan kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM900 sebulan kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan kepada RM920 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Julai 2016.

Faktor peningkatan kos sara hidup menjadi penentu utama bagi kajian semula di samping indikator-indikator sosioekonomi yang lain seperti *median wage*, dengan izin, gaji penengah iaitu kemampuan majikan untuk membayar gaji dan sebagainya. Dalam kajian semula Perintah Gaji Minimum 2016 yang akan datang, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan mengambil kira pendekatan yang sama iaitu meneliti kesemua indikator sosioekonomi termasuk peningkatan kos sara hidup dalam mengesyorkan kadar gaji baru kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu kadar inflasi yang meningkat seperti yang dibangkitkan, laporan Indeks Harga Pengguna atau *Consumer Price Index*, dengan izin mengikut wilayah tahun 2010 hingga 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar inflasi negara pada tahun 2014 ialah pada tahap 3.2 peratus dan kadar ini menurun menjadi 2.1 peratus pada tahun 2015 dan pada tahun 2016 kekal pada 2.1 peratus seperti tahun sebelumnya.

Sehubungan itu tidak timbul isu kenaikan inflasi seperti yang dinyatakan walaupun ada unjuran sedemikian rupa. Walau bagaimanapun kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil langkah proaktif melalui aktiviti penguatkuasaan kawalan harga sebagai salah satu inisiatif berterusan mengawal harga barang dan memastikan kadar inflasi di negara ini berada di kedudukan yang munasabah dan wajar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan rakyat, contohnya melalui latihan dan pendidikan seperti TEKUN, TUKAR, TERAJU, SUPERB, MARA dan usahawan muda, eRezeki, dana mudah cara dan bermacam-macam lagi. Dari segi pengawalan kos pula, kerajaan akan meneruskan Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain Rakyat 1Malaysia, PR1MA, Klinik 1Malaysia, Pusat Bersalin Berisiko Rendah, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia, Bantuan Buku 1Malaysia dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi penerangan yang cukup jelas. Apa pun saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pekerja yang telah berjaya melonjakkan pertumbuhan pencapaian ataupun produktiviti buruh daripada 3.5 peratus pada tahun 2016 kepada 4.2 peratus pada suku ketiga tahun 2017. Pencapaian ini adalah amat cemerlang kerana ia telah berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, sebenarnya mengikut laporan gaji dan upah Malaysia tahun 2016, didapati separuh daripada pekerja kita iaitu berjumlah sebanyak 5.1 juta pekerja yang bergaji di bawah RM1,700 sementara 30 peratus daripada pekerja kita ataupun 3 juta bergaji bawah pada RM1,500. Jadi soalan saya, bagaimanakah isu ini akan diatasi ataupun ditangani oleh pihak kerajaan dan bagaimanakah caranya untuk kita menjadikan supaya para pekerja kita dapat menikmati gaji RM3,500 seperti yang kita sasarkan pada tahun 2020 nanti. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jasin memang pakar ekonomi di negara kita yang saya cukup minat dengan beliau ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak langkah dilakukan oleh kerajaan. Tadi yang saya sebutkan adalah antara langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan supaya rakyat tidak terbeban dengan harga-harga barang yang meningkat. Dalam masa yang sama rakyat boleh menikmati gaji yang mereka perolehi. Saya akui kita ada sembilan kategori penerima gaji mengikut MASCO ini Tuan Yang di-Pertua. Antara penengah dan juga purata gaji yang diperolehi, umpamanya kita ada pengurus RM5,500 mungkin ada juga pengurus yang bergaji lebih besar dari itu tetapi golongan bawahan ini, pekerja asas yang kita panggil, gajinya lebih kurang RM1,100. Saya percaya mungkin itu antara perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Namun demikian, banyak usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan termasuklah melaksanakan Dasar Gaji Minimum ini. Dasar Gaji Minimum bukanlah pendekatan tunggal untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan membasmi kemiskinan tetapi ia juga hendaklah disokong oleh faktor-faktor lain seperti berikut. Pertama, menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi.

Kedua, kerajaan perlu menarik lebih banyak *foreign direct investment* dan *domestic direct investment*, dengan izin, yang menyumbang terhadap penghasilan *high value jobs* atau kerja yang bernilai tinggi dan *knowledge workers*, pekerja yang berpengetahuan.

Oleh yang demikian, negara perlu bersifat selektif dalam menaikkan pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan berintensifkan buruh. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga usaha-usaha lain. Kerajaan juga perlu mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Jadi sebab itulah antara usaha yang diambil oleh kerajaan melalui beberapa agensi seperti PSMB dan sebagainya.

■1040

Kita melaksanakan *upskilling* meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita supaya pekerja-pekerja dapat bersaing dan mengambil peluang-peluang yang dimiliki oleh pekerja-pekerja asing ini. Banyak program-program lain yang dilakukan oleh kerajaan, Tuan Yang di-Pertua dengan menubuhkan Industri Latihan Perindustrian termasuklah menjenamakan semula TVET yang dilancarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini dengan menggabungkan tujuh kementerian secara kolaborasi bagi melaksanakan peningkatan kemahiran kepada pekerja kita dengan sasaran 35 peratus pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua lagi pendekatan yang harus kita lihat. Bukan sahaja kepada pekerja, kepada kerajaan tetapi kepada pengguna. Oleh sebab itulah saya hendak sarankan supaya dalam Majlis ini Yang Berhormat Jasin, kalau kita lihat taraf hidup rakyat semakin meningkat hari ini. Kita tengok cara hidup anak-anak kita di bandar ini cukup mewah dan kita hendak kalau boleh kita mendidik masyarakat supaya berbelanja secara bijak. Ukur baju di badan sendiri walaupun kita tahu kadang-kadang sebahagian ibu bapa miskin di luar bandar tetapi anak-anak berbelanja begitu mewah di bandar-bandar. Belanja bila perlu sahaja, pendidikan di sekolah, pusat pengajian tinggi perlu diberikan tentang *consumerism*, pengguna ini.

Begitu juga jadi peniaga, janganlah peniaga mengambil peluang untuk mencari keuntungan lebih dan juga kalau boleh peniaga membantulah pengguna yang memerlukan dari kalangan B40 dengan harga yang berpatutan dan juga ada sebahagian kalau boleh kita elakkan supaya jangan berlaku penipuan di kalangan peniaga-peniaga untuk mengelakkan pembayaran cukai kepada kerajaan kerana cukai ini akan digunakan untuk kita membiayai projek-projek termasuklah membantu orang-orang miskin di kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman pagi ini memberi ruang soalan tambahan kepada Sumber Manusia. Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi tidak menyeluruh dalam segi isi atau nadi yang sebenarnya yang berlaku.

Dalam Akta Kesatuan 1959 yang telah dibuat cadangan pindaan atas perjanjian bersama yang isinya itu telah dibuat sehingga hari ini atas sifat TPPA itu cuba dilaksanakan walaupun konvensyen ILO 1987 meletakkan syarat manusiawi kepada setiap nadi pekerja itu. Atas alasan ini soalan saya ialah apakah langkah kerajaan untuk memastikan para pekerja mendapat perlindungan daripada perjanjian bersama yang ada sekitar lapan peratus dalam negara ini, 92 peratus tidak berkesatuan.

Jadi mereka tiada hak dalam perjanjian bersama yang dipanggil *collective agreement*, dengan izin. Kini tidak boleh memartabatkan atau meningkatkan kos sara hidup mengikut keadaan semasa antara pihak majikan dengan pihak pekerja.

Oleh yang demikian saya mohon pihak kementerian supaya mengambil langkah untuk proaktif membenarkan pekerja-pekerja ini berkesatuan dengan tersiratnya perjanjian bersama membolehkan mereka meluahkan dan mencadangkan kos sara hidup itu dapat diberikan kesamaan. Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua yang sungguh budiman pagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, budiman, budiman... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Budiman di belakang sana, Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini seorang lagi Ahli Parlimen walaupun beliau belah sana tetapi kalau duduk belah sini cukup cantik bersama dengan kita... [*Dewan riuh*] Dia seorang pembela pekerja.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita di bawah kementerian ini kita banyak undang-undang, akta yang semuanya berpaut kepada membela masa depan pekerja termasuklah daripada segi kesatuan pekerja. Saya memang bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya Yang Berhormat Kuala Langat ini pandangan beliau baik dan sebenarnya dari segi kementerian kita berusaha untuk mengubah suai ataupun meminda mana-mana akta yang telah agak lama dan perlu dipertingkatkan bagi kita memastikan supaya akta-akta ini boleh memberikan sokongan dan sumbangan kepada pembela masa depan pekerja kita.

Oleh sebab itulah kita ada konsep *tripartite* ini. Di antara majikan dan pekerja dan juga kerajaan, kementerian sebagai orang tengah, perunding kita berbincang bersama-sama bagi kita menyelesaikan masalah yang masih lagi menggonggong dan dalam usaha membela masa depan pekerja ini.

Yang Berhormat Kuala Langat usah bimbang kita sentiasa positif dan sentiasa proaktif bagi mencari jalan bagaimana kita boleh membela pekerja ini dan saya amat menyokong menggalakkan supaya kesatuan-kesatuan pekerja ini dapat dibentuk dengan lebih harmoni dan kita dapat menunjukkan satu semangat bersama *tripartite spirit* yang ada bersama pekerja, majikan dan juga kerajaan bagi kita membina satu ekonomi baru di negara kita, Malaysia ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 2 – Dato' Kamarul Baharin bin Abbas (Telok Kemang) tidak hadir]

3. Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah unjuran pendapatan negara hasil daripada pelaksanaan Projek Rel Hubungan Pantai Timur atau *East Coast Rail Link* – ECRL, dan adakah pendapatan tersebut mencukupi untuk membayar balik pinjaman pembiayaan projek tersebut; dan
- (b) berapa ramaikah jumlah pekerjaan yang bakal diwujudkan hasil daripada pewujudan ECRL.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Ranau, Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur ECRL merupakan projek infrastruktur rakyat yang bakal menjadi pemangkin transformasi sosioekonomi dan memberi kesan limpahan ekonomi ataupun *economic spillover effects*, dengan izin, yang besar kepada negara dan rakyat terutama sekali bagi masyarakat Wilayah Pantai Timur.

Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat Malaysia Railing Sdn. Berhad (MRL) sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung suku kedua tahun 2024. Projek ini dijangka merencanakan lagi produktiviti negara, memberi kesan limpahan ekonomi yang besar kepada rakyat tempatan melalui peningkatan produktiviti sektor logistik, pelancongan, pembinaan, pembuatan, perhotelan, pemakanan, peruncitan termasuklah perkembangan positif industri harta tanah di sepanjang jajaran ECRL. Projek ECRL yang dianggap sebagai *game changer* ini dijangka akan meningkatkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Wilayah Pantai Timur sehingga 1.5 peratus daripada *on top of* yang sedia ada ketika ini.

Seperti yang semua sedia maklum, projek ECRL membabitkan 85 peratus pembiayaan melalui pinjaman mudah, *soft loan* daripada China Exim Bank dan baki 15 peratus dibiayai melalui peruntukan atau program sukuk ataupun bon yang diuruskan oleh institusi kewangan tempatan.

Pembayaran semula kos pinjaman projek ECRL akan dibuat selama 20 tahun dan hanya bermula pada tahun 2024 iaitu setelah selesai projek ataupun pembangunan projek, pembinaan projek tersebut.

Selain daripada itu, ECRL dijangka akan dapat, MRL akan mendapatkan kutipan tambang penumpang dan juga fi perkhidmatan kargo. Syarikat juga dijangka akan turut meneroka sumber pendapatan bukan operasi ataupun *non-fare revenues* seperti pengiklanan, peruncitan dan sebagainya untuk menampung bayaran balik pinjaman.

Untuk makluman Dewan, kita menjangkakan mula tahun 2024 projek ini akan mula mendapat perolehan ataupun *revenue* hasil daripada tambang penumpang, kargo dan juga pendapatan bukan tambang. Adalah diunjurkan tahun 2024 hasil dijangkakan sehingga RM2.9 bilion, kerajaan mengunjurkan bermula pada tahun 2032 syarikat ini mampu mendapat *break even* dari segi operasi dan boleh berdikari tanpa suntikan dana dari kerajaan.

Selanjutnya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian dilaksanakan projek ECRL bakal mewujudkan peluang pekerjaan untuk MRL sendiri sehingga 300 orang pekerja kemudian semasa pembinaan 10,000 pekerja akan terlibat, rakyat tempatan kebanyakannya dan juga semasa beroperasi MRL menjangkakan untuk mengambil sehingga 3,600 orang pekerja mahir yang melalui kolaborasi antara institusi pengajian tinggi.

Selain daripada itu adalah dijangkakan juga peluang-peluang pekerjaan secara tidak langsung hasil daripada kemajuan dan projek ini adalah lebih 200,000 orang dan sudah tentulah ia akan memberi ruang kepada penduduk di Pantai Timur untuk terlibat secara langsung. Selain daripada itu, kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan rakyat tempatan mampu memenuhi keperluan industri terutama sekali untuk tahun 2024 dan seterusnya. Bagi tujuan ini kerajaan melalui MRL dan juga seperti yang disebut bekerjasama dengan IPTA dan sebagainya untuk melahirkan, menghasilkan pekerja-pekerja yang mahir.

■1050

Selain daripada itu, ECRL bukan sahaja projek yang dilihat sebagai *game changer* malahan mampu membuka minda rakyat Malaysia terhadap komitmen negara bagi memastikan infrastruktur awam di Malaysia berjaya di transformasi ke tahap yang lebih moden dan efisien, sekali gus memberi manfaat sama rata kepada rakyat tanpa mengira wilayah atau kedudukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]: Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya lihat kos keseluruhan pelaksanaan ECRL ini ialah lebih kurang RM55 bilion dengan jajaran jauh iaitu 688 kilometer. Jadi kalau kita ambil purata kos bagi satu kilometer ialah lebih kurang RM79 juta. Persoalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua ialah adakah kos pelaksanaan projek ECRL ini berpatutan ataupun kompetitif dengan mengambil kepentingan kos pelaksanaan projek-projek yang sama yang dilaksanakan di luar negara seperti China, Korea dan Jepun.

Kedua, soalan saya, apakah status terkini fasa pembinaan projek ECRL setakat ini? Sekian.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ranau. Berdasarkan kepada apa yang disebut sebentar tadi kita jangkakan sebanyak RM55 bilion untuk peringkat permulaan ini untuk kita *cover* 688 kilometer jajaran daripada Gombak sampai ke Tumpat, Gombak ke Port Klang. Seperti yang disebut hitung panjangnya lebih kurang RM80 juta satu kilometer. Kita telah pun - sebelum kita melaksanakan sebelum kita membuat keputusan untuk melaksanakan projek ini sudah tentulah kajian kebarangkalian, kajian keberuntungan, *feasibility and profitability study* telah pun dibuat.

Memang kita melihat adalah projek yang kompetitif dari segi harganya kalau jika dibandingkan dengan contoh apa yang kita buat di Kuala Lumpur, MRT dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga kita melihat bahawa kita sebutkan tadi ini merupakan satu *game changer* kita tidak boleh semata-mata melihat daripada segi *viability*, tambang penumpang semata-mata tetapi yang lebih penting kita hendak tukarkan, *transform*-kan pergerakan kargo antara Pantai Barat ke Pantai Timur dan seterusnya mungkin menjadikan Port Kuantan itu sebagai satu hab baru untuk *cater* kargo ataupun keluaran barangan negara kita mungkin juga daripada Thailand untuk dihantar ke Asia Timur seperti China, Jepun, Korea dan sebagainya.

Ini merupakan satu perkara yang saya kira akan memberi *spillover advantage* yang mungkin pada hari ini kita belum dapat *quantify* dari segi ringgitnya tetapi kita melihat ini adalah satu ruang baru dan inilah yang akan menjadi merubah segala-galanya dan dari segi *viability*, ia memang kita kata ianya *viable* berdasarkan kepada *cash flow analysis* dan sebagainya.

Untuk soalan yang kedua, status terkini kita telah pun membuat perjanjian pun sebenarnya dan telah pun bermula daripada segi pengambilan tanah dan sebagainya. Malahan saya dilaporkan juga syarikat induk ini daripada China telah pun mula menggerakkan masuk *machineries* dan sebagainya untuk memulakan kerja-kerja awal di tapak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata dalam tahun 2034 kalau tidak silap saya mereka akan berdikari. Saya menyambut baik projek tentang keperluan untuk pembangunan di Pantai Timur dan untuk kemudahan mereka.

Akan tetapi sama juga seperti mana ERL yang sepatutnya ERL daripada KL Sentral ke KLIA yang sepatutnya boleh berdikari. Akan tetapi sudah sehingga sekarang lebih daripada 16 tahun, ERL terpaksa bergantung kepada subsidi daripada rakyat, iaitu sebahagian daripada *airport tax* itu masih kita berikan kepada ERL kerana katanya operasi ERL masih mengalami kerugian. Itu dalam jarak yang tidak begitu jauh dan sehingga ERL sudah pun menaikkan kos tambangnya sehingga sekarang ini RM55 kalau tidak silap saya daripada KL Sentral.

Jadi bagaimana adakah kemungkinan boleh berlaku seperti mana ERL kepada ECRL? Apakah sumber-sumber kerajaan yang hendak menampung jika berlaku seperti mana apa yang berlaku kepada ERL?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. ERL ini sebenarnya adalah projek penswastaan, ada janji-janji termasuk seperti yang disebut sebahagian daripada *airport tax* itu terpaksa diberikan kepada ERL.

Akan tetapi dalam konteks ECRL ataupun *East-Coast Rail Link* ini dia berbeza sedikit. Kita kena ingat bahawa kalau hendak dilihat daripada segi *viability* lah sebenarnya dari segi *financing* ini, projek ini sampai bila-bila pun tidak *viable* sebab kita tahu kalau hendak mengharapkan penumpang daripada Pantai Timur itu sendiri aktiviti ekonomi yang mungkin hari ini masih terkebelakang sedikit jika dibandingkan dengan Pantai Barat.

Jadi tujuan sebenarnya ECRL ini diwujudkan seperti yang kita sebut sebagai *game changer* itu adalah untuk hendak meningkatkan aktiviti ekonomi di bahagian Pantai Timur. Kita tahu bahawa aktiviti utamanya 70 *percent* atau 70 peratus dengan izin adalah untuk menggerakkan kargo daripada Port Klang ke Port Kuantan. Kalau kita hendak harapkan betul-betul contoh ETS Kuala Lumpur-Padang Besar ini dia mungkin tidak menjadi begitu. Mungkinlah lagi 10 tahun hingga 15 tahun akan datang akan merubah penduduk Kelantan makin mewah, penduduk Terengganu makin maju dan sebagainya.

Akan tetapi kalau hendak harapkan semata-mata penumpang memang tidak *viable*. Akan tetapi yang penting adalah kita hendak menggerakkan kargo yang akan menjadi satu *game-changer* dan seterusnya sudah tentu *spinoff* daripada segi pembangunan TOD *transit development* maksudnya *development generated* hasil daripada transit stesen-stesen yang dibina.

Kemudian kita melihat macam contoh kita sebut semalam dalam Dewan ini juga bagaimana Terengganu, Kelantan boleh meningkatkan ruang dan peluang dari segi pelancongan. Bagaimana kita boleh membangunkan sebagai contoh kalau di Parlimen Setiu katanya ada Bandar Permaisuri, Bandar Ibrahim Fikri boleh dibangunkan hasil daripada wujudnya stesen di sepanjang perjalanan. Kalau semalam saya cakap di Terengganu ada lapan stesen, itu akan menjadi *spillover*. Akan tetapi kita kena ingat yang penting konsep ERL dengan ECRL ini berbeza. Kita tidak akan memberi tekanan kepada rakyat.

Untuk makluman, kajian yang dibuat ini satu kilometer lebih kurang 20 sen tambang dia. Jadi kalau ke Kelantan, daripada mula Kuala Lumpur, Gombak sampai Tumpat ini 688 kilometer sekitar mungkin RM120 dan sebagainya lah.

Itu untuk tambang tetapi yang penting kita tidak mengharapkan semata-mata atas *passengers fare* ini tetapi lebih kepada *cargo fare* yang akan bukan hanya menjadikan projek ini lebih *viable* tetapi yang penting kita hendak mengangkat pertumbuhan kawasan baru di Pantai Timur ini setaraf dengan Pantai Barat di masa hadapan. Terima kasih.

4. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah mereka yang muflis sehingga bulan Ogos tahun ini mengikut setiap negeri dan terdapat berapa orang muflis telah dilepaskan sejak Akta Kebankrapan 1967 (Pindaan) diluluskan; dan
- (b) adakah pihak peminjam iaitu bank-bank komersial yang masih enggan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan apakah kriteria-kriteria dan syarat-syarat untuk si muflis yang sekian lama boleh dilepaskan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah mereka yang muflis sehingga bulan Ogos tahun ini mengikut setiap negeri yang terdapat beberapa orang muflis yang telah dilepaskan sejak Akta Kebankrapan 1967 soalan daripada Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah kes kebangkrapan sehingga Ogos 2017 adalah sebanyak 296,712 kes.

Negeri	Bilangan kes
Selangor	72,114
Johor	52,255
Wilayah Persekutuan	46,377
Pulau Pinang	22,136
Perak	19,733
Sarawak	16,499
Kedah	14,343
Sabah	12,553
Pahang	10,415
Melaka	9,316
Negeri Sembilan	8,425
Kelantan	8,187
Terengganu	5,322
Perlis	1,037
Jumlah Keseluruhan	296,712

■1100

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, pindaan kepada Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] baru saja berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017. Justeru, Jabatan Insolvensi Malaysia masih di dalam proses pengumpulan data dan hebahan kepada masyarakat terutamanya golongan bankrap yang disahkan kurang upaya, mengalami penyakit kronik dan penjamin sosial serta waris kepada bankrap yang telah meninggal dunia untuk memohon pelepasan kebangkrapan di bawah seksyen 33A.

Walau bagaimanapun, golongan yang dibankrapkan selepas berkuat kuasa Akta Insolvensi 1967 ini disaran supaya memfailkan penyata hal ehwal dan menetapkan saranan sumbangan bagi membolehkan pelepasan automatik di bawah seksyen 33C.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat ialah, adakah pihak peminjam iaitu bank-bank komersial yang masih enggan bekerjasama dengan kerajaan dan apakah kriteria-kriteria dan syarat-syarat untuk si muflis yang sekian lama boleh dilepaskan. Tuan Yang di-Pertua, semua pihak yang terlibat seperti bank-bank komersial sentiasa memberikan kerjasama sewajarnya kepada kerajaan untuk memastikan keadilan dan pentadbiran pengurusan kebangkrapan berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, Akta Insolvensi 1967 telah memperuntukkan empat kaedah atau cara sebagaimana seorang bankrap boleh dilepaskan dari kebangkrapan beliau.

Pertama, pembatalan di bawah seksyen 105 selepas bankrap membayar penuh hutangnya dalam kebangkrapan.

Kedua, pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 selepas satu amaun dividen yang bersesuaian boleh dibayar kepada pemiutang yang mana mahkamah boleh untuk mengeluarkan syarat-syarat bagi tujuan pelepasan tersebut.

Ketiga, pelepas automatik selepas tiga tahun pemfail penyata hal ehwal di bawah seksyen 33C selepas berjaya mencapai saranan sumbangan yang memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan di bawah seksyen 38(1)(b) khusus bagi dibankrapkan selepas 6 Oktober 2017.

Keempat, pelepasan melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A selepas lima tahun pentadbiran kebangkrapan.

Baru-baru ini saya juga telah menghadiri Forum Pengguna Ketujuh yang dianjurkan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia. Semasa forum tersebut, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyarankan supaya Jabatan Insolvensi Malaysia untuk mengadakan satu *round table discussion* dengan persatuan bank di Malaysia dan pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan untuk meneliti *way forward* dalam usaha mengurangkan masalah kebangkrapan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Insya-Allah pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan melaksana cadangan ini dalam masa yang terdekat dengan menjalin usaha sama dengan bank-bank komersial dalam membantu mereka untuk menghadapi masalah keberhutangan yang serius. Perbincangan bersama pihak-pihak bank komersial khusus adalah untuk mencari jalan tengah yang boleh dicapai untuk memudahkan proses pelepasan kebangkrapan dan seterusnya mengelakkan masalah kebangkrapan dari terus meningkat dalam negara kita. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, memandangkan bahawa OKU, OKU salah satu pertimbangan untuk pelepasan kebangkrapan. Saya ingin tanya adakah, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa OKU ini adakala dia perlu menjadi OKU dengan satu tempoh masa yang tertentu atau apakah jenis kekurangan upayanya. Juga saya ingin tanya, adakah had masa oleh seorang bankrap iaitu jika saya ingin bagikan contoh.

Jika seorang yang sudah mencapai umur 70 tahun, dia bayar tiap-tiap bulan RM100 tetapi baki pinjaman itu masih RM200 ribu iaitu sampai bila boleh habis bayaran itu sebab adakah satu had masa seperti 75 tahun atau 70 tahun atau 80 tahun untuk seorang bankrap iaitu sampai itu, dia akan dilepaskan kerana usianya. Adakah satu had umur untuk seorang bankrap? Adakah ini boleh dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, banyak betul soalan dalam satu soalan. Saya cuba jawab yang mana yang boleh jawab secara lisan. Kalau tidak, saya akan beri jawapan secara bertulis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin isu-isu kebangkrapan dan telah mengambil beberapa inisiatif dan merangka strategi bagi mentransformasi kerangka perundangan lama dengan perundangan moden sejajar dengan perkembangan perundangan antarabangsa dan peredaran masa.

Inisiatif tersebut juga merangkumi peluang kedua yang diberi kepada golongan bankrap yang mempunyai masalah kesihatan dan kurang upaya. Dalam usaha memberikan peluang kepada bankrap bagi memulakan kehidupan baru serta memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara, diperkenalkan yang mana tiada prosedur bantahan oleh pemiutang bagi golongan bankrap yang berikut untuk tujuan Sijil Pelepasan KPI iaitu:

- (i) penjamin sosial yang dibankrapkan di bawah Akta 360;
- (ii) bankrap yang telah meninggal dunia;
- (iii) bankrap dalam kategori orang kurang upaya dan telah disahkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan
- (iv) bankrap mengidap penyakit kronik atau serius yang telah disahkan oleh pegawai perubatan kerajaan.

Kerajaan percaya berita ini pasti menarik nafas lega kepada mereka yang telah lama dibelenggu dengan kebangkrutan kerana mereka yang telah diisytiharkan bankrap sebelum tarikh kuat kuasa akta ini juga boleh dipertimbangkan untuk diberi Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi tanpa bantahan dari pemiutang sekiranya tergolong dalam empat kategori ini.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, umur bukanlah ukuran tetapi ia mesti tertakluk sama ada umur yang lebih penting dipertekankan ialah empat syarat yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian khususnya di bawah Jabatan Perdana Menteri sebab pelbagai inisiatif yang telah diambil seperti rundingan meja bulat dengan *stakeholders*, dengan izin, semua telah dapat dilaksanakan. Soalan saya juga berkaitan dengan anak-anak muda khususnya mahasiswa, mahasiswi. Contohnya yang ada di belakang kita ramai-ramai ini. Kita hendak memperjuangkan untuk mereka sebab masa mendatang ini populasi rakyat kita hampir sama, 50-50 dengan generasi muda.

Justeru itu, saya fikir ini amat bertepatan dengan TN50 yang telah diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta pengisiannya. Soalan saya adalah begini. Berkaitan dengan anak-anak muda ini, kita semua sedia maklum pada hari ini ramai anak-anak muda khususnya mahasiswa, mahasiswi yang terpengaruh dengan skim pelaburan ataupun *multi-level marketing* dan sebagainya. Kajian yang kita buat juga pada tahun 2013 hingga 2017, seramai 23,036 orang individu berusia 25 tahun hingga 34 tahun telah diisytiharkan bankrap, selain 1,109 orang berusia 25 tahun ke bawah telah muflis.

Jadi, sejauh manakah langkah proaktif kerajaan untuk mengatasi masalah kebangkrutan mahasiswa, mahasiswi universiti yang berikutan yang saya sebutkan tadi terpengaruh? Apakah langkah jangka masa panjang kerajaan dalam memberi pendedahan holistik berkaitan dengan pengurusan kewangan kepada para belia dan mahasiswa, mahasiswi ini?

Ini kerana bila mana mereka hendak ada *multi-level* punya *business*, cepat dapat duit, mereka sanggup ambil *credit card* RM5 ribu, RM8 ribu yang mereka ada, malah *subsidiary card* yang diberikan oleh mak ayah untuk mereka belajar digunakan kononnya depa akan dapat pulangan cepat. Jadi, mereka terpengaruh dan terkeliru dengan kaedah *marketing level* yang mereka ditunjukkan dan ditonjolkan. Jadi, apakah langkah proaktif yang dimainkan oleh kerajaan dalam jangka masa panjang khususnya untuk belia-belie ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, sama juga ya soalan beliau soalan yang banyak dalam satu soalan. Saya cuba menjawab yang mana saya boleh jawab secara lisan, yang kemudiannya akan diberikan jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Baling, saya memang begitu tertariklah dengan jumlah yang disebut oleh Yang Berhormat tentang antara 2013 dengan Ogos 2017, seramai 23,036 bankrap berusia di antara 25 tahun hingga 34 tahun dan seramai 1,109 bankrap berumur 25 tahun ke bawah. Ini memang apa yang disebut sebagai membawakan kecemasan bagi kerajaan. Sepatutnya generasi muda dalam umur yang begitu muda membantu dalam pembangunan ekonomi negara, bukan membawa diri mereka dalam keadaan tersepit seperti dalam elemen kebangkrutan.

Itu sebabnya dalam pindaan kepada Akta Kebankrutan, kalau kita ingat dalam Dewan ini, kerajaan memperkenalkan apa yang disebut mekanisme penyelamat yang dikenali sebagai *voluntary arrangement*, perkiraan sukarela. Mekanisme penyelamat ini bertujuan bagi mengelakkan sebarang prosiding kebangkrutan diambil terhadap dia. Maknanya Tuan Yang di-Pertua dengan Yang Berhormat Baling, mereka yang mendapat, menjadi mereka yang dikenakan kata orang tindakan mahkamah, dia mendapati pengetahuan bahawa dia dalam proses kemungkinan dibankrapkan.

Jadi apa yang dia boleh buat ialah mempunyai prinsip pergi ke Jabatan Insolvensi untuk *voluntary arrangement* iaitu perkiraan sukarela. Ini membantu untuk menyelesaikan hutang beliau, hutang mereka terutama sekali mereka dalam generasi muda. Akan tetapi *voluntary arrangement* ini tidak difokuskan hanya kepada generasi muda.

■1110

Semua mereka yang berhutang boleh pergi ke Jabatan Insolvensi untuk mendapatkan bantuan untuk menyelesaikan hutang mereka sebelum dikenakan tindakan kebangkrutan ke atas mereka. Pewujudan semula *voluntary arrangement* ini memberikan peluang kepada penghutang untuk menyelesaikan hutang dengan pihak pemiutang berdasarkan skim yang dipersetujui.

Maknanya dua-dua pihak yang memberi hutang dan menerima hutang akan mendapat satu persetujuan untuk menyelesaikan apa yang perlu dibayar ke atas hutang tersebut. Sekiranya penghutang gagal untuk mematuhi skim yang telah dipersetujui, barulah pihak pemiutang boleh meneruskan prosiding kebangkrutan ke atas penghutang. Dengan adanya mekanisme ini, kita berharap bahawa ia dapat mencegah terutama sekali golongan muda daripada dijatuhkan bankrap dengan begitu mudah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah status pelan Skim *1Care* seperti yang pernah diutarakan sebelum ini dan apakah tindakan kementerian dalam merealisasikan skim ini?

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Mansor, Yang Berhormat Sik. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa melakukan penambahbaikan kepada perkhidmatan kesihatan Malaysia demi kebaikan rakyat. Pada tahun 2009, KKM telah pun mengutarakan kertas konsep *1Care for Malaysia*. Walau bagaimanapun, perancangan *1Care* telah pun dihentikan semenjak 2011. Ini adalah ekoran daripada kurangnya kefahaman orang ramai pada masa itu mengenai keperluan dan faedah *1Care*.

Bersabit dengan itu Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama *Harvard School of Public Health* bermula daripada tahun 2014 dan hasilnya pada tahun 2016, KKM telah pun mencadangkan *Voluntary Health Insurance* (VHI) dengan izin, atau konsep Insurans Kesihatan Sukarela.

Tuan Yang di-Pertua, konsep ini telah pun mendapat kelulusan Kabinet pada 20 Julai 2016 dan Yang Berhormat Menteri telah umumkan penubuhan skim ini, Tuan Yang di-Pertua. Konsepnya ialah Insurans Kesihatan Sukarela ini dibangunkan berlandaskan tiga konsep iaitu tidak berasaskan keuntungan.

Ia sukarela ataupun *voluntary*, dan akan dioperasikan oleh satu badan milik kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Manfaat kepada rakyat ialah sebagai alternatif kepada Skim Insurans Kesihatan Swasta dan akan beroperasi untuk kepentingan awam dan sekarang ini status VHI ini ialah kerajaan akan sedia ada akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua. Makna yang sedia ada, klinik kesihatan dan juga di hospital kerajaan, kepada rakyat semualah. Manakala mereka yang ada akses kepada *facility* dan perkhidmatan kesihatan kerajaan yang komprehensif termasuklah perkhidmatan pencegahan, promosi kesihatan, rawatan perubatan dan rehabilitasi seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, Yang Berhormat Menteri sudah umum dan VHI ini akan dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2018, Tuan Yang di-Pertua dan setakat ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun memperuntukkan RM50 juta untuk bangunkan Skim Insurans Kesihatan Sukarela ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sebelum ini ramai yang *blur* berkenaan dengan *1Care*, jadi sekarang sudah jelas bahawa *1Care* sudah tidak ada dan digantikan dengan *voluntary health insurance*.

Jadi saya berharap bahawa kementerian, kerajaan memberi penerangan yang jelas dan juga menyeluruh kepada rakyat supaya kita tengok banyak dasar-dasar kerajaan yang dijalankan menghadapi masalah di peringkat pelaksanaan.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya beberapa perkara, daripada *fund* yang ada itu, adakah *insurance scheme* ini melibatkan semua hospital kerajaan dan juga semua hospital dan juga klinik swasta dan berapakah *percent* dana yang akan diambil daripada dana insurans ini dan juga berapa *percent* yang akan diambil daripada rakyat ataupun pencaerum ataupun pesakit yang terlibat dalam sistem ini.

Saya juga ingin bertanya apakah yang akan berlaku kepada, ini adalah satu skim insurans, apakah yang akan berlaku kepada pesakit-pesakit yang miskin, yang pendapatan kurang, yang tidak mampu dan juga orang yang mempunyai pekerjaan yang tidak tetap yang pendapatan bulannya tidak tetap. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa apabila VHI ini berjalan Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan yang sedia ada akan diteruskan. Maknanya semua kemudahan sama ada di klinik ataupun di hospital kerajaan masih memberikan perkhidmatan kepada rakyat yang kurang mampu.

Akan tetapi bagi mereka yang mampu mereka boleh beli insurans dan mereka ada pilihan sama ada nak pergi ke hospital kerajaan, bayar juga, dapat kemudahan tambahan ataupun kepada hospital swasta, tetapi premiumnya tentulah akan jadi lebih rendah daripada insurans kesihatan swasta, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana seperti yang saya sebut tadi kita akan menjalankan insurans ini sendiri tanpa keuntungan. Jadi jangan bimbang dalam hal masalah mereka yang kurang mampu, tidak dapat membeli insurans maka tidak dapat perkhidmatan, perkhidmatan biasa akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih lagi kurang jelas cara rakyat menyertai insurans sukarela ini dan cara untuk kita membuat carumannya.

Adakah ianya dibayar tahunan ke bulanan dengan cara tunai ataupun melalui skim pemotongan gaji misalnya ataupun diambil sebahagiannya daripada simpanan-simpanan khususnya di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan kalau boleh saya tahu, agak-agaknya oleh kerana ia nak bermula tahun depan, apakah kerajaan telah memutuskan jumlah caruman minimum yang dikenakan kepada para peserta ini, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat. Sekarang ini di peringkat awal lagi Tuan Yang di-Pertua, peringkat awal lagi. Kita jangka tahun depan baru kita nak memulakan dan cara-cara kaedah caruman pun belum kita tetapkan lagi. Kita jangka pelaksanaan ini akan kita buat secara peringkat demi peringkat selama lapan tahun, barulah selesai semuanya, Tuan Yang di-Pertua.

Kita bercadang peringkat permulaannya kita tawarkan kepada pekerja-pekerja asing. Sekarang ini pekerja asing dia ada insurans SPIKPA untuk pekerja asing dan sekarang ini pun walaupun dia membayar insurans swasta tetapi mereka datang ke hospital kerajaan dan hospital kerajaan yang menawarkan perkhidmatan berdasarkan insurans yang dibayar kepada hospital swasta.

Jadi maknanya kita akan menawarkan kepada SPIKPA ini kepada pekerja-pekerja asing supaya dia melanggan ataupun dia beli insurans daripada VHI ini supaya kita dapat memberi perkhidmatan, kita dapat insurans dan insurans kita agak rendah berbanding dengan biasa dan kita akan *cover* ataupun diberi rawatan kepada pekerja-pekerja asing dulu. Selepas itu kita akan buat peringkat demi peringkat sehinggalah selesai semuanya yang dijangka dalam masa lapan tahun Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah terkini kerajaan dalam menghadapi bencana banjir. Nyatakan jumlah Pusat Pemindahan Bencana yang masih gagal memenuhi semua keperluan yang ditetapkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang kini melawat mangsa-mangsa banjir di negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Monsun Timur Laut telah pun bermula pada 13 November 2017 yang lepas dan dijangka berakhir pada bulan Mac 2018. Semasa monsun ini, negara dijangka akan mengalami empat ke lima episod hujan lebat.

Oleh yang demikian di antara langkah persiapan yang dilaksanakan adalah seperti berikut; ada tiga komponen penting. Pertama, pemodenan dan penyelenggaraan aset. Kerajaan sentiasa memastikan aset-aset bantuan sentiasa mencukupi dan diselenggarakan dengan baik.

■1120

Semua peralatan dan jentera milik agensi-agensi yang terlibat seperti pacuan empat roda, bot penyelamat, lori dan lain-lain telah dipertingkatkan dan di modenkan dan bersedia digerakkan bagi tujuan menyelamatkan dan meminda mangsa-mangsa bencana banjir.

Jika dikumpulkan senarai aset yang dimiliki oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia kerajaan pada ketika ini mempunyai sebanyak 998 buah lori pelbagai saiz, 1,882 buah kenderaan pacuan empat roda dan 1,456 buah bot. Bagi mempertingkatkan keupayaan sedia ada aset dan memastikan aset-aset terkini yang akan digunakan dalam hal penyelamatan, kerajaan juga telah membuat perolehan beberapa aset baru.

Yang kedua dalam konteks pembinaan keupayaan atau dengan izin *capacity building*. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mengambil langkah proaktif dengan memberi tumpuan kepada pembinaan keupayaan kepada tiga golongan sasaran dalam menghadapi bencana banjir iaitu agensi kerajaan, masyarakat yang terdedah kepada bencana dan badan-badan bukan kerajaan NGO serta pihak-pihak swasta yang membantu.

Dalam membina keupayaan agensi atau Jabatan Pengurusan Bencana kerajaan sentiasa meningkatkan kepakaran dan koordinasi tempatan agar setanding dengan negara-negara lain. Kerajaan sentiasa memastikan semua tindak balas bencana lebih terselaras dan berkesan bagi mencapai hasrat ini kerajaan memberikan fokus kepada latihan amal dan seminar yang melibatkan pegawai daerah dan Ketua Polis Daerah OCPD bagi mengendalikan pusat kawalan operasi bencana. Di samping membina jaringan perhubungan yang lebih baik ini berikutan sesetengah pegawai berkenaan bertukar ganti kerana kenaikan pangkat, arahan pertukaran dan lain-lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mengadakan latihan amal kepada masyarakat sebagai persediaan mereka untuk menghadapi bencana kerajaan juga sentiasa mengiktiraf bantuan dan peranan badan bukan kerajaan NGO dan swasta dalam membantu pengurusan bekalan bantuan bencana, pendidikan masyarakat, pembinaan rumah untuk mangsa banjir dan lain-lain. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kehadiran NGO dan pihak swasta ke lokasi bencana adalah lebih terselaras kerajaan mengadakan libat urus bersama mereka secara berterusan dalam program-program berkaitan.

Sebagai tambahan, NADMA JPM telah turun padang untuk berjumpa kumpulan NGO di negeri-negeri yang berisiko banjir khususnya Pahang, Terengganu dan Kelantan. Diharapkan ini dapat memperkasa dan memperkemaskan gerak kerja bantuan bencana di kalangan NGO akhirnya sinergi kerjasama antara kerajaan, NGO dan pihak swasta lebih utuh dan agihan bantuan kepada mangsa bencana menjadi lebih teratur dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman konteks persediaan pusat-pusat pemindahan untuk makluman ahli-ahli yang terhormat pusat-pusat pemindahan di seluruh Malaysia berada di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga kini terdapat 5,433 buah pusat pemindahan yang boleh menempatkan hingga dua juta orang mangsa di seluruh negara. Semua pusat pemindahan yang telah wartakan JKM ini memenuhi syarat-syarat asas untuk dijadikan pusat pemindahan seperti tandas, ruang makan dan ruang untuk beribadah.

Dari semasa ke semasa pasti akan ada keperluan untuk pembaikan contohnya naik taraf tandas dan bilik mandi. NADMA JPM dalam proses menyelenggara, pembaikan dan pembinaan tandas dan bilik-bilik mandi tambahan mengikut keperluan. Bagi pusat-pusat pemindahan sementara yang dibuka atas dasar darurat kemungkinan akan terdapat beberapa kekurangan fasiliti ataupun kemudahan.

Jika perkara ini berlaku pihak kerajaan akan bertindak segera menampung keperluan-keperluan ini bagi memastikan kelancaran urusan di pusat-pusat pemindahan berdasarkan maklum balas rasmi yang diterima daripada orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kepada satu kes yang berlaku di SK Gelang Emas sehari sebelum lawatan Perdana Menteri ke Kelantan pada 6 Januari 2017. Permasalahan yang berlaku di pusat pemindahan itu ialah bagaimana penyelenggaraan tandasnya dan airnya yang tidak ada, sehingga penghuni-penghuni terpaksa angkut air daripada tingkat satu ke tingkat dua. Pagi tadi bila kita semak lagi dengan pihak berkenaan masih lagi belum ada yang dijanjikan sehingga Perdana Menteri terpaksa bawa keluar satu kenyataan akan menyegerakan, itu awal Januari yang lalu akan menyelesaikan masalah ini.

Begitu juga di tempat-tempat yang lain. Bila kita tinjau tempat pemindahan banjir ini kita sangat rasa kurang selesa dan persediaan yang dibuat itu kurang memuaskan. Dari segi kualiti makanan ada yang mengadu makan telur hari-hari dan ada yang bila kita tengok tempat tidur dia dalam keadaan yang sangat-sangat daif dan tidak ada privasi, itu yang saya melawat di SK Pak Badol di kawasan saya.

Soalan tambahan saya ialah apakah langkah khusus kerajaan dalam menangani segera masalah ini kerana gelombang banjir ini sekarang masih lagi trend air menunjukkan makin menaik. Apakah peruntukan dan projek bangunan tambahan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang dijadikan pusat pemindahan banjir ini? Sekian.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok atas keprihatinan yang ditunjukkan. Untuk makluman perkara yang berkaitan dengan tandas ini merupakan satu perkara yang menjadi perkara yang amat diambil berat oleh pihak NADMA khususnya.

Untuk pengetahuan dalam keadaan sekarang ini NADMA telah pun mengujudkan apa yang dipanggil sebagai *NADMA Emergency Support Team* (NEST) yang sudah pun berada di kawasan-kawasan yang diselaraskan sebagai kawasan yang bakal terdedah kepada bencana banjir sejak dua minggu yang lepas. Mereka telah pergi dan melawat ke tempat-tempat ke pusat-pusat pemindahan ini dan mengenal pasti apakah kelemahan-kelemahan yang ada kemungkinan seperti yang paling utama sekali dalam konteks penyelenggaraan tandas tadi.

Saya sendiri pun kebetulan pada hari Ahad yang lepas apabila pemindahan pertama berlaku di Pasir Putih saya berada di Sekolah Kebangsaan Wakaf Raja. Perkara pertama yang saya pergi adalah ke tandas-tandas ini kerana jangkaannya untuk tempoh tiga empat hari akan datang hujan akan bertambah lebat dan suasana ketidakselesaian akan berlaku. Kerajaan telah memperuntukkan dan telah disalurkan peruntukan tersebut sebanyak RM10 juta kepada NADMA untuk melakukan pembaikan segera kalau diperlukan.

Cuma dalam konteks sekarang ini saya mengharapkan agar Yang Berhormat-Yang Berhormat yang kawasannya terlibat dengan bencana banjir akan dapat memberitahu dan memaklumkan sesegera mungkin kepada pihak NADMA supaya kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan tandas-tandas khususnya ataupun perkara-perkara yang melibatkan keperluan mangsa banjir di tempat-tempat pusat-pusat pemindahan dapat disegerakan kerana kita akan melakukan pembaikan serta-merta.

Dalam konteks makanan memang ini pun antara perkara yang berlaku dan penyediaan makanan diberikan kepada tanggungjawab JKM dan diselaraskan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Pada masa ini dalam konteks makanan pada selalunya akan berhadapan dengan masalah pada malam yang pertama. Oleh sebab itulah disediakan kit makanan awal ataupun disediakan makanan-makanan bungkus yang diambil pada penyelenggara-penyelenggara.

Cumanya untuk hari yang kedua biasanya akan mula operasi penyediaan makanan secara gotong-royong iaitu masak dengan bahan-bahan seperti sardin tetapi bermula dengan hari ketiga biasanya makanan *fresh* akan mula disalurkan. Jadi ini antara SOP yang sudah pun sedia ada oleh JKM tetapi kalau ada perkara-perkara yang berlaku yang memerlukan penambahbaikan, saya mengharapkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memaklumkan kepada pihak NADMA untuk diambil tindakan pihak JKM untuk diambil tindakan dengan sesegera mungkin. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, banjir ini sebetulnya memang kita sudah jangka dia berlaku tiap-tiap tahun, apa yang perlu saya tanya sekarang ini langkah-langkah yang kita cuba menghalang banjir supaya jangan berlaku. Apa perancangan daripada kementerian daripada kerajaan sebab kita sudah tahu tahun-tahun kita rugi beratus-ratus juta jadi mungkin ada perancangan untuk menghalang banjir yang berlaku di setiap negeri-negeri ini memperbesarkan sungai kah, membuat perparitan yang besar kah, macam-macam teknologi yang ada.

■1130

Kita pinjam idea daripada luar negara, dari mana-mana. Sebab saya tidak percaya masalah ini tidak ada penyelesaiannya. Jadi, adakah kerajaan akan membuat satu *Blue Ocean Strategy* untuk memastikan supaya banjir ini tidak lagi melanda negara kita? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya rasa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan itu adalah pandangan yang amat bernas sekali. Saya pun bersetuju dengan pandangan tersebut cuma kerana hari ini saya hanyalah menggantikan Menteri untuk menjawab. Secara khusus apa yang maklumat berkenaan dengan perancangan jangka masa panjang yang kerajaan telah pun sudah ada dalam konteks untuk menyelesaikan banjir ini secara komprehensif dan secara holistik akan dijawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah inisiatif yang ada pada kementerian agar dapat membantu pelajar-pelajar yang dibuang sekolah kerana masalah disiplin.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan perhatian kepada kebajikan murid yang telah dibuang sekolah kerana melakukan salah laku disiplin termasuk ponteng sekolah yang berterusan. KPM menyediakan saluran rayuan bersekolah semula kepada ibu bapa murid yang telah dibuang sekolah melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) atau terus kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). JPN dan PPD akan membantu ibu bapa dan murid sehingga murid bersekolah semula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat juga sekolah dan wakil persatuan ibu bapa dan guru yang mengambil inisiatif membuat lawatan ke rumah murid yang telah dibuang sekolah untuk memujuk ibu bapa supaya membuat rayuan bersekolah semula. Pihak JPN dan PPD akan memastikan murid yang membuat rayuan bersekolah semula akan ditempatkan semula sama ada di sekolah yang sama atau ke sekolah yang lain. Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Anak-anak adalah kurniaan Allah SWT kepada kita dan mereka merupakan penyambung kemanusiaan kita. Kita bertanggungjawab mendidik mereka dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mereka. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan tragedi yang sangat menyayat hati.

Seramai 23 orang pelajar dan tenaga pengajar dilaporkan maut dalam kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dan lebih mengejutkan lagi tujuh daripada mereka yang ditahan adalah merupakan anak yang tidak bersekolah kerana telah dibuang sekolah kerana masalah disiplin. Jadi, kejutan-kejutan ini adalah satu peringatan kepada kita. Saya minta pihak kementerian, mungkin angkanya tidak ramai, tetapi saya rasa masalah ini bukan satu masalah yang kecil.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengadakan satu sistem yang lebih meluas dan melibatkan N-BOS? Ini kerana saya yakin masalah disiplin ini melibatkan ibu bapa, melibatkan persekitaran, minat anak-anak ini dan saya juga difahamkan dulu kita ada contohnya Sekolah Henry Gurney untuk anak-anak yang bermasalah.

Akan tetapi saya tidak mencadangkan ke arah itu. Saya mencadangkan, adakah dengan adanya TVET kerana anak-anak kita bukan dia tidak minat belajar kadang-kadang dia tidak minat belajar dia minat kemahiran. Mungkin kementerian kena ada satu kerangka yang lebih luas, melibatkan N-BOS untuk menyediakan peluang-peluang kepada mereka anak-anak kita yang dibuang sekolah kerana masalah disiplin dan mereka juga dalam sekolah yang kemungkinan juga akan terjebak kepada perkara-perkara yang sama. Jadi apakah respons daripada kementerian?

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih, soalan tambahan Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya hendak buat penjelasan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa apabila kita menggunakan terma 'buang sekolah', tidak bermaksud anak-anak kita dibuang daripada sistem sekolah. Mereka dibuang kerana isu-isu disiplin yang serius tetapi setelah dibuang, mereka diberikan peluang untuk memohon semula.

Jadi dalam jawapan pertama saya, saya sudah kata ada inisiatif daripada guru-guru ataupun PIBG yang pergi ke rumah di mana murid tersebut dibuang untuk mereka memohon semula kemasukan ke sistem pendidikan kita. Kita akan mengambil mereka semula khususnya mereka yang dibuang kerana ponteng yang berterusan. Jadi ini merupakan antara inisiatif kita supaya anak-anak kita, murid-murid kita tidak tercicir daripada sistem pendidikan kita.

Kedua, berkenaan dengan N-BOS. Memang banyak N-BOS yang sedang KPM lakukan bersama dengan kementerian-kementerian lain termasuk Angkatan Tentera Malaysia, PDRM, kita juga bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Program Minda Sihat, dengan adanya PRS, pelbagai N-BOS bersama dengan masyarakat tempatan untuk kita bersama-sama menyelesaikan isu disiplin murid kita. Akan tetapi yang penting jangan silap faham bahawa 'buang sekolah' bermaksud mereka tidak mempunyai peluang untuk mereka melanjutkan pelajaran di sekolah kita. Kita masih mengambil semula mereka kembali ke sekolah selain daripada mereka yang memilih memang mereka tidak mahu memohon.

Dari segi pandangan bahawa TVET memang dalam sistem pendidikan kita, kita sudah bermula dengan adanya sekolah menengah teknik, kita adanya kolej vokasional, selepas PT3 pun mereka sudah boleh memilih sistem aliran TVET dan bukan semuanya ikut akademik semata-mata. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kalau kita lihat di antara punca pelanggaran disiplin pelajar di sekolah adalah berpunca daripada ponteng kerana mereka tidak minat dengan pelajaran atau mereka bosan dengan pelajaran. Apakah kajian yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya pelajar-pelajar ini dapat menghayati ataupun dapat mempelajari pelajaran dengan penuh minat ataupun mungkin cara pendekatan yang lebih baik, yang boleh ditambah baik dalam sistem pembelajaran untuk memastikan tidak ada pelajar-pelajar yang berasa bosan dalam sistem pembelajaran di sekolah kita? Minta penjelasan.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih soalan tambahan. Sebelum saya menjawab Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan wakil-wakil daripada persatuan bekas penuntut SJK(C) Siang Lin, Melaka dan pemimpin masyarakat ke Dewan kita... [Tepuk]

Menjawab soalan Yang Berhormat Rantau Panjang, kita ada program yang dinamakan Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) kepada mereka yang tidak berminat datang ke sekolah khususnya untuk Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Dua tahun ini di bawah program PIMA, pelajar-pelajar ini boleh menyertai program ini di mana kita fleksibel, kita *request* mungkin dua hari berada di sekolah, tiga hari berada di industri ataupun tiga bulan berada di sekolah, dua bulan berada di industri yang tidak menjejaskan waktu persekolahan mereka tetapi mereka tidaklah duduk di sekolah atau duduk di bilik darjah sepanjang tahun.

Jadi program ini telah kita mulakan perantisannya tahun ini akan diperluaskan pada tahun depan dan program seperti ini memang menjadi satu program yang biasa di negara-negara maju. Jadi ini antara usaha kita untuk memberikan peluang pembelajaran yang lebih luas kepada pelajar-pelajar yang tidak suka duduk di sekolah.

Keduanya dalam kelas abad ke-21, kita mengubah cara PDP kita di bilik darjah. Tidak seperti dulu, bila seorang murid kita masuk ke sekolah, dia berada di tempat duduk tersebut dari hari pertama sampailah ke hujung tahun, tempat yang sama. Kita tidak, kita menyusun semula kelas kita lebih banyak perbincangan, dengan izin, *group discussion*. Jadi lebih interaktif termasuklah dengan KBAT-nya dan sebagainya, kertas kerja, *project paper*. Tidak lagilah hanya untuk peperiksaan sahaja. Jadi pembelajaran kita sekarang ini memang lebih interaktif, lebih inovatif, lebih ceria supaya murid-murid kita tidak bosan pergi ke sekolah. Itu antara apa yang telah kita lakukan di bawah PPPM. Sekian, terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ada satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya beri Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai isu disiplin ini di dalam sekolah ini, ini isu berlaku bukan hari ini, sudah lama. Akan tetapi kementerian ada sedar atau tidak, dalam ini murid-murid ada masalah disiplin bukan sehari atau dua hari. Kemungkinan *from day one* dia masuk sekolah fasal dia kira ada geng-geng itu, sebelum dia masuk sekolah sudah ada geng-geng itu.

Saya difahamkan kadang-kadang dia masuk sekolah dia pun tidak ambil tahu, tidak mahu ambil tahu apa arahan daripada cikgu itu semua. Kadang-kadang dia kasi ugut lagi sama cikgu-cikgu. Cikgu bila berjumpa isu sebegini, dia diam sahaja, dia buat tidak tahu.

Tadi saya ada dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, lepas sudah kena buang, baru minta PIBG ataupun cikgu pergi rumah. Saya rasa sudah terlewat.

■1140

Sepatutnya kita sebagai sekolah bertanggungjawab dan PIBG, sebelum kena buang, *from day one*, ada masalah ini, panggil ibu bapa dia datang sekolah ataupun pergi ke rumah dia berbincang, tengok *environment surrounding* apa sebabnya dia jadi nakal.

Pada masa yang sama, kita pun mahu tengok kualiti guru. Kita kementerian ada satu cadangan kah menaik taraf macam mana guru-guru boleh *handle* masalah disiplin murid-murid ini? Adakah diberi mereka kursus kah? Pada masa yang sama, adakah diberi cuti, panggil ini murid-murid yang bermasalah datang ke sekolah pada hari cuti mengadakan kursus? Atau kita boleh panggil polis masuk memberi penjelasan kepada mereka ini semua. Adakah kementerian mempunyai cadangan ini? Sekian.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu memang betul dan apa yang dicadangkan itu semua telah dan sedang kita laksanakan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saya ingin jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, semasa saya jawab bahawa PIBG dengan guru pergi ke rumah selepas mereka dibuang sekolah, itu adalah untuk memujuk mereka yang tidak memohon semula masuk ke sistem persekolahan. Akan tetapi, untuk mereka yang mempunyai masalah disiplin, memang guru kaunseling kita pergi membuat lawatan ke rumah-rumah untuk bercerita dengan ibu bapa mereka. Untuk mereka yang terlibat dalam isu kes disiplin terutamanya yang serius, kita akan mengadakan mesyuarat permuafakatan, di mana PIBG, polis, kedua-dua ibu bapa yang terlibat dan pihak yang berkepentingan kita panggil semua datang ke sekolah untuk kita adakan mesyuarat permuafakatan.

Pada masa yang sama, kita juga ada polis sebagai PPS. Setiap sekolah mempunyai seorang Pegawai Perhubungan Sekolah yang memang datang ke sekolah memberikan ceramah, membantu sekolah bersama dengan mesyuarat permuafakatan. Jadi, semua itu telah kita lakukan untuk kita membantu sekolah menangani kes-kes disiplin yang sedang berlaku. Sekian, terima kasih.

8. **Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bilakah tarikh sebenar penerima saman AES yang tidak membayar kompaun yang ditawarkan akan dibawa ke mahkamah untuk tindakan lanjut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk saman AES yang dikeluarkan pada tahun 2012 hingga April 2017, ia masih ditangguhkan. Walau bagaimanapun, untuk sistem AWAS, semua saman mulai 1 Mei 2017 boleh didakwa ke mahkamah sekiranya tidak menjelaskan kompaun.

Oleh itu, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sedang membuat persiapan untuk mengarahkan pesalah lalu lintas AWAS untuk hadir ke mahkamah dan pihak kementerian bercadang untuk memulakan pendakwaan kes AWAS mulai tahun 2018. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berkaitan dengan AES, kalau mengikut kenyataan yang dibuat Ketua Pengarah sebelum ini, mengatakan bahawa mereka sudah pun mendapat lampu hijau daripada AG dan kemudian Ketua Pengarah yang sekarang ini juga mengatakan pula bahawa mereka akan mendapatkan lampu hijau pula daripada AG. Seorang kata sudah mendapat lampu hijau, seorang kata akan meminta lampu hijau daripada AG. Jadi, apakah masalah untuk hendak bawa kes-kes itu ke mahkamah? Saya bertanya, ini bukan bermakna saya bersetuju dengan kes AES ini, tetapi untuk membolehkan pengguna-pengguna yang menerima saman itu untuk *challenge* tindakan pihak kerajaan, JPJ mengenakan saman ke atas mereka.

Begitu juga dengan AWAS, hanya 15 peratus sahaja yang membayar kompaun. Jadi, kenapa kerajaan hendak memaksa mereka, menekan untuk mereka membayar kompaun? Apa masalahnya untuk terus bawa ke mahkamah? Supaya buktikan dahulu sama ada sistem itu betul atau tidak dari sudut perundangan. Kerana sehingga sekarang, AG masih menangguhkan kes-kes yang berkaitan dengan AES.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, saman AES yang lama ini ada 2.7 juta banyaknya. Jadi, sebab itu pihak AG masih menangguhkan. Walau bagaimanapun, untuk saman AWAS, mulai 1 Mei 2017, kita akan memulakan pendakwaan sekiranya tidak membayar kompaun. Ini kerana, kompaun ini RM150, tetapi jikalau pergi ke mahkamah, minimum RM300. Jadi, sebab itu kita setakat ini kita bagi peluang dan sampai awal tahun 2018, sekiranya mereka tidak juga membayar kompaun, maka akan dibawa ke mahkamah dan bayarannya lebih tinggi, dua kali ganda. Jadi, itu pendekatan kerajaan.

9. **Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) adakah kementerian bercadang untuk menaik taraf dan menambah kapasiti pengeluaran air terawat loji-loji bekalan air mentah bagi memenuhi keperluan penduduk setempat yang kian bertambah khususnya di kawasan luar bandar Sabah; dan
- (b) berapa jumlah jalan luar bandar atau panjang dalam km yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan di Sabah.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian sentiasa prihatin dan komited di dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur asas luar bandar terutamanya berkaitan dengan bekalan air luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan bekalan air luar bandar terutama di negeri Sabah, ia tertakluk dan kita mengambil kira daripada senarai yang akan dikemukakan oleh pihak Jabatan Bekalan Air Negeri Sabah mengikut keutamaan. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada kedudukan peruntukan kementerian setelah kita menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini iaitu semenjak tahun 2010 sehingga kini, sebanyak 351,711 buah rumah telah dibekalkan bekalan air bersih dan terawat melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar di Sabah.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat ialah berkaitan dengan jalan luar bandar. Projek Jalan Luar Bandar negeri Sabah bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-10 sehingga kini iaitu Rancangan Malaysia Ke-11, sepanjang 1,081 kilometer jalan luar bandar telah pun berjaya disiapkan, manakala sebanyak 661 kilometer jalan lagi dalam peringkat perancangan dan juga peringkat pelaksanaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang diberikan sudah tentu kita senang dan juga memerlukan juga bantuan. Kita tahu bahawa jalan dan air ini merupakan perkara yang amat penting kepada manusia termasuk di luar bandar. Kita tahu juga bahawa luar bandar merupakan kawasan yang luas berbanding pinggir bandar ataupun di bandar. Jadi, komitmen kementerian haruslah juga menjurus ke arah itu.

Saya ingin tanya kepada kementerian, pertama, apakah projek jalan luar bandar yang sedang dirancang dan mahu dilaksanakan di Sabah khasnya juga di kawasan Parlimen Libaran?

Keduanya, jalan-jalan yang dibina dahulu, sama ada luar bandar ataupun perhubungan desa, banyak sudah yang berlubang dan sukar dilalui. Adakah perancangan ataupun jadual yang membolehkan kementerian dapat menyusun program-program untuk memperbaiki jalan-jalan yang saya sebutkan tadi? Terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Libaran atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi keseluruhan jalan luar bandar di negeri Sabah, sejumlah RM471 juta akan dilaksanakan ya.

■1150

Manakala khusus untuk kawasan Libaran, projek yang sudah diluluskan dan kalau proses pengambilan tanah terutamanya dapat diselesaikan di dalam keadaan yang segera maka perolehan kita akan dapat laksanakan pada awal tahun depan. Jalan yang saya maksudkan ialah Jalan Dandulit ke Kampung Banting, Sandakan Sabah. Dua kilometer melibatkan RM6 juta dan satu lagi ialah Jalan Senawang ke Tanjung Kuala Gum-gum sepanjang 25.8 kilometer berjumlah RM179 juta.

Manakala Yang Berhormat bertanyakan berkaitan dengan, jalan perhubungan desa (JPD) ataupun jalan kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Oktober 2017 di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, pihak kementerian telah melaksanakan sepanjang 227.9 kilometer jalan perhubungan desa. Manakala panjang jalan yang akan kita laksanakan pada tahun depan 2018 ialah 76 kilometer tidak termasuk barangkali ada sedikit sebanyak peruntukan tambahan yang akan disalurkan oleh pihak kementerian kepada negeri Sabah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mahu tanyalah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tentang bekalan air di luar bandar. Adakah kementerian mempunyai senarai berapa kampung atau yang ada tempat yang masih belum ada air. Ini disebabkan kita berkali-kali mendapat aduan dari pedalaman, baru-baru ini Impian Sabah baru dilaksanakan empat graviti air untuk Sook, Bingkor dan Tenom juga yang tidak ada air, tangki banyak. Jadi adakah Menteri ada satu rekod berapa kampung yang masih belum ada air yang kerajaan belum laksanakan memberi air yang bersih kepada kampung-kampung sebegini.

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sandakan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagaimana yang saya maklum sekejap tadi, senarai keperluan untuk bekalan air luar bandar ini kita terima daripada pihak air negeri Sabah, itu yang pertama.

Kedua, senarai yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat memang ada. Memang ada dengan kita terlalu banyak lagi kampung-kampung dan senarai yang belum kita laksanakan. Seperti yang saya sebut juga ia bergantung kepada kedudukan peruntukan yang pihak kementerian terima daripada Kementerian Kewangan.

Soal bekalan air luar bandar ini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, ia tidak akan ada satu titik noktah. Ia akan sentiasa berterusan kerana sentiasa ada kawasan perumahan-perumahan baru. Manusia semakin lama semakin ramai. Rakyat dalam negara ini semakin bertambah daripada 27 juta, 30 juta dan sekarang ini 33 juta. Sudah tentulah pertambahan ini juga disumbangkan oleh masyarakat luar bandar di negeri Sabah.

Oleh sebab yang demikian, maka penempatan-penempatan baru akan sentiasa wujud daripada semasa ke semasa dan ia memerlukan bekalan air. Jadi pihak kementerian sentiasa peka terhadap perkara ini tetapi walau bagaimanapun kita akan melaksanakan projek bekalan air luar bandar ini berdasarkan kepada senarai keutamaan yang akan diberikan oleh pihak bekalan air Sabah.

Kalau dia kemukakan nombor satu, nombor dua, nombor tiga, nombor empat maka itulah yang akan kita utamakan dahulu tanpa mengira ia daripada kawasan mana. Ini kerana kita yakin dan percaya pihak bekalan air Sabah lebih tahu kawasan manakah yang perlu dilaksanakan oleh pihak kementerian, sebagaimana saya sebut ia apa pun tertakluk kepada peruntukan ataupun sumber kewangan daripada pihak kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan nombor 10 dan soalan nombor 11 tidak dapat dikemukakan kerana kedua-dua Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Kinabalu dan Yang Berhormat Simpang Renggam tidak berada di Dewan pada ketika ini.

[Soalan No. 10 - YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy (Kota Kinabalu) tidak hadir]

[Soalan No. 11 - YB Datuk Liang Teck Meng (Simpang Renggam) tidak hadir]

12. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, perkembangan dan keberkesanan projek bina jalan raya getah yang telah dilaksanakan di beberapa kawasan di Malaysia.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian penggunaan asphalt terbahsuai getah bekuan atau *cup lump asphalt* atau lebih dikenali sebagai CMA dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya bersama dengan pihak Getah Malaysia atau LGM iaitu agensi di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang telah memeterai satu *memorandum of agreement* (MoA) yang ditandatangani pada Jun 2015. Perjanjian ini mengambil masa selama lima tahun iaitu sehingga 2019.

Pada masa kini Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) masih dalam peringkat penilaian bagi menentukan kesesuaian turapan jalan yang menggunakan CMA. Ia merujuk kepada tiga lokasi kajian perintis CMA iaitu di daerah Tampin Negeri Sembilan, di Baling Kedah dan Temerloh, Pahang.

Oleh sebab lokasi kajian perintis hanya melibatkan jarak yang pendek iaitu satu kilometer bagi setiap lokasi maka projek perintis akan dilaksanakan bagi mendapatkan penilaian yang lebih komprehensif.

Projek perintis yang dicadangkan iaitu yang pertama, Projek *Central Spine Road* iaitu membina jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, Pakej 1B, Pasir Hor ke Kadok sepanjang dua kilometer dan yang kedua, projek membina semula Jalan Persekutuan FT001 dari Kampung Desa Temu Jodoh iaitu Seksyen 134 hingga Kampung Kong Sai di Seksyen 174, Daerah Segamat, Johor sepanjang 10 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, status pelaksanaan bagi projek perintis pertama di Kelantan adalah dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada November 2017. Manakala bagi projek perintis kedua di Johor akan mula pembinaan pada Disember 2017. Penemuan terhadap pemantauan prestasi CMA di tiga tapak kajian yang dibina setakat ini belum menunjukkan sebarang perbezaan yang ketara dengan *asphalt conventional*.

Penggunaan CMA secara meluas adalah bergantung kepada pelbagai aspek termasuk keberkesanan penggunaan bahan CMA sebagai turapan *asphalt*, kos bahan binaan, kecukupan bahan mentah dan proses penghasilan CMA. Pihak kementerian tiada halangan untuk menggunakan CMA sekiranya ia memberikan kesan positif dan signifikan kepada prestasi turapan jalan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuan kita membina jalan raya getah ini untuk memberi peluang penggunaan getah yang meluas supaya kita harapkan harga mungkin meningkat. Akan tetapi jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi daripada kajian Tampin, Baling dan Temerloh itu tidak nampak perbezaan antara menggunakan proses biasa. Jadi sekarang ini projek yang di Central Spine Kuala Krai ke Kota Bharu sudah hampir siap.

■1200

Maknanya November 2017 sudah hampir siap. Jadi, tidakkah ada perbezaan mungkin dari segi kos atau mungkin kos getah dengan tar- CMA tadi, berbeza atau tidak daripada segi kosnya? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih, Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Dalam jawapan saya, Yang Berhormat, masih terlalu awal untuk kita menilai perkara ini. Seperti yang saya katakan tadi, penggunaan CMA secara meluas Yang Berhormat bergantung sepenuhnya bukan kepada satu perkara semata-mata Yang Berhormat. Bukan hanya dari aspek turapan asphalt itu sendiri, tetapi juga merangkumi dari segi kecukupan bahan mentah, kos bahan binaan dan juga proses penghasilan itu Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, terdapat banyak *success story* yang melibatkan penggunaan getah ini Yang Berhormat. Contohnya, pembinaan landasan (*runway*) KLIA sendiri menggunakan bahan *the used tyre*, dengan izin Yang Berhormat, di mana didapati bahawa kebajikannya Yang Berhormat jalan tersebut tidak perlu dilaksanakan penyelenggaraannya dalam tempoh 10 tahun.

Jadi ini adalah salah satu penjimatan hasil daripada penggunaan getah Yang Berhormat. Walaupun bukan *cup lumps* tetapi getah yang sudah di guna pakai tetapi ia mampu memberikan kesan yang positif. Jadi kementerian Yang Berhormat, akan sentiasa- lagipun Yang Berhormat masih terlalu awal untuk kita membuat keputusan sama ada ia sesuai ia yang terbaik atau sebagainya.

Akan tetapi ia masih memerlukan masa dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bagi meluaskan lagi penggunaan *cup lump modified bitumine* ini, untuk penurapan pelbagai jenis jalan di seluruh negara, pihak Lembaga Getah Malaysia bersama dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mencadangkan turapan semula menggunakan teknologi jalan *cup lump modified asphalt* ini di jalan kampung Yang Berhormat.

Bukan sahaja ia dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya malah Kementerian Luar Bandar sekali mengkhususkan penggunaan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, status jalan tersebut adalah di bawah pembangunan luar bandar Pejabat Daerah Teluk Intan. Tujuan penurapan di Teluk Intan ini adalah untuk melihat kepada kajian turapan *low volume road* bagi penggunaan jalan kampung dan jalan ladang ini menggunakan teknologi ini Yang Berhormat.

Pada 3 Oktober 2017 Yang Berhormat, LGM juga telah memulakan turapan semula di beberapa jalan lagi di Teluk Intan. Ini termasuklah Jalan Kampung Sungai Kerawai, jalan Kampung Laichee dan juga jalan Kampung Esso. Sama-samalah kita melihat keberkesanan- kita masih memerlukan masa Yang Berhormat untuk melihat keberkesanan kepada kajian ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setakat itu sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN 2017

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian untuk mengawal selia amalan pergigian dan bagi perkara-perkara berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.05 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam satu Malaysia, salam Malaysia Negeraku. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Penggajian Tinggi menjawab di peringkat Jawatankuasa dan sehingga diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 29 November 2017.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan Anggaran Pembangunan 2018 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [*Hari Kesembilan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di atas satu usul di bawah Peraturan 18(1) di mana saya telah meminta supaya dirundingkan kenyataan oleh ASEAN MPs supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dengan segera dan tanpa syarat. Tuan Yang di-Pertua, dalam kenyataan tersebut ASEAN MPs telah mengatakan bahawa sabitan tersebut adalah bercanggah dengan *International Standard* dan juga bahawa ia telah menjejaskan sistem keadilan negara. Saya kagum jawapan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, dalam menolak usul saya adalah bahawa perkara ini telah diputuskan oleh mahkamah.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau diputuskan oleh mahkamah, maka boleh dibincangkan. Hanya yang masih berjalan di mahkamah tidak boleh dibincangkan-*sub judice*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sendiri telah mengatakan perkara ini telah diputuskan oleh Mahkamah. Jadi saya meminta supaya *clarification* mengapa usul ini ditolak dalam keadaan seperti itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(1) sebenarnya tidak membenarkan Yang Berhormat untuk bangun dan mengemukakan kenyataan untuk mengkaji keputusan Speaker. Peraturan Mesyuarat 18(1) adalah pernyataan untuk seorang ahli mencadangkan mesyuarat ditangguhkan, menanyakan usul yang dikemukakan itu adalah atas Peraturan Mesyuarat 18(1). Yang Berhormat berdiri pada ketika ini menggunakan Peraturan Mesyuarat 18(1) sebenarnya tidak sesuai.

Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat ketahui dan maklum bahawa setiap keputusan Speaker adalah muktamad mengikut Peraturan Mesyuarat 43 begitu juga keputusan Speaker untuk menolak usul ini di dalam Kamar tidak boleh dibaca dan di bahas di dalam Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(8).

Jadi Yang Berhormat, saya beranggap Yang Berhormat tadi sebagai membuat satu *statement* tetapi Yang Berhormat maklum bahawa perkara ini telah diputuskan dan tidak boleh diubah pada ketika ini. Jika Yang Berhormat berhasrat untuk mengkaji keputusan Speaker seperti yang disuarakan tadi, boleh membuat usul berasingan Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi kalau kita tidak boleh bincang di sini, perkara pemenjaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim di mana lagi? Kalau di luar dia kata Akta Hasutan, di dalam Dewan tidak boleh dirunding, jadi di mana kita hendak timbulkan isu pemenjaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, di mana? Tuan Yang di-Pertua, ini keputusan menunjukkan elemen *bias*. Setiap kali kita membawa usul yang mengkritik kerajaan ditolak oleh Speaker. Itu menunjukkan ada elemen *bias*. Kita tidak bersedia untuk berdiam diri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I got no further comment*, Yang Berhormat. Keputusan speaker muktamad dan mengikut Peraturan yang diperuntukkan, peraturan-peraturan mesyuarat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Kita tidak mahu setiap kali elemen *bias* terhadap kita, Tuan Yang di-Pertua.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.62 [Jadual] -
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2018] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

■1210

Berapa ramai? Saya hendak tengok- lebih daripada 18 orang Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kerana seperti lazimnya perbincangan ini akan ditamatkan sebelum 3.30 petang nanti Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

12.10 tgh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010000 iaitu Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, butiran kecil Butiran 010800 iaitu Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti dan PDRM, muka surat 470.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kementerian Dalam Negeri dalam visi dan misinya menyebutkan KDN sebagai peneraju dalam memastikan keselamatan dan keamanan dalam negeri terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara. Berkaitan butiran kecil, Butiran 010800 iaitu Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM, saya ingin menyentuh mengenai jenayah indeks dalam negara. Saya hargai tindakan tegas dan berkesan oleh pihak polis dalam beberapa kes termasuklah kes kebakaran Maahad Tahfiz Darul Quran Itifaqiyah. Pihak polis dapat menangkap suspek dalam kadar yang segera. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Saya mengambil maklum jenayah indeks bagi tahun 2016 berjumlah 112,354.

Saya ingin tahu berapakah jumlah terkini jenayah indeks bagi tahun 2017 mengikut kategori kesalahan rogol, bunuh, samun bersenjata api dan tanpa bersenjata api, samun berkawan bersenjata api dan tanpa senjata api, mencuri menurut butiran curi motosikal, curi motokar, curi van, lori, jentera berat, curi ragut, serta pecah rumah dan mencuri. Tindakan membanteras jenayah dapat dilakukan dengan berkesan tanpa bergantung kepada undang-undang seperti SOSMA. Jadi kita melihat bahawa kadang-kadang undang-undang SOSMA ini tidak diperlukan kerana kita ada mempunyai undang-undang yang sedia ada untuk membanteras jenayah.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh butiran kecil, Butiran 010900 - Integriti dan Pematuhan Standard PDRM. Sehubungan dengan itu, saya ingin membangkitkan amalan salah laku jenayah rasuah yang melibatkan sebilangan kecil anggota PDRM. Berkaitan itu saya merujuk kepada jawapan bertulis Yang Amat Berhormat Bagan Datuk pada pernyataan lisan daripada Yang Berhormat Tenom pada 14 November 2017.

Saya memetik jawapan bertulis Yang Amat Berhormat Bagan Datuk itu isu gaji kecil bukan faktor pendorong utama *sole factor*, dengan izin, kepada penglibatan anggota PDRM dalam gejala tidak berintegriti seperti rasuah dan salah guna kuasa. Statistik penglibatan anggota PDRM dalam gejala rasuah bagi tahun 2016 yang dikeluarkan oleh SPRM hanya satu 187 kes ataupun 0.15 peratus daripada keseluruhan keanggotaan dalam PDRM.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Bagan Datuk memberitahu Dewan penglibatan anggota PDRM dalam gejala rasuah bagi tahun 2016 hanyalah 187 kes atau 0.15 peratus daripada keseluruhan keanggotaan PDRM.

Dalam semakan saya di portal rasmi SPRM, saya mendapati statistik tangkapan rasuah melibatkan penjawat awam bagi tahun 2016 berjumlah 468 kes. Jika dibandingkan statistik tangkapan penjawat awam oleh SPRM bagi tahun 2016 itu, tangkapan yang melibatkan keanggotaan PDRM ialah sebanyak 40 peratus. Ini meletakkan PDRM sebagai jabatan yang tertinggi dan terburuk rasuah dalam perkhidmatan awam. Angka ini mencemaskan. Saya mohon agar Yang Amat Berhormat Menteri memberikan penjelasan mengenai isu ini.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh PDRM untuk membendung gejala ini. Saya cuma sebutkan nisbah 40 peratus tangkapan rasuah PDRM dengan membandingkan statistik jumlah tangkapan rasuah penjawat awam oleh SPRM bagi tahun 2016 dengan angka yang diumumkan Yang Amat Berhormat Menteri. Sehubungan dengan itu saya ingin tahu statistik terkini penglibatan anggota PDRM dalam gejala rasuah bagi tahun ini dari bulan Januari hingga Oktober 2017.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 040000 iaitu Pengurusan Kementerian dalam butiran kecil Butiran 040100 iaitu Pengurusan dengan dibacakan sekali butiran kecil Butiran 040200 iaitu Dasar dan Operasi. Sebahagian pengurusan pekerja asing, KDN bertindak sebagai pusat kelulusan setempat pekerja asing iaitu *one stop center* dengan izin yang ditubuhkan bagi mengendalikan permohonan pekerja asing untuk sektor-sektor yang dibenarkan.

Saya mengambil maklum KDN membenarkan pengambilan pekerja asing bagi lima sektor formal iaitu perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan serta satu sektor informal iaitu pembantu rumah asing. Kita sedia maklum terdapat 1.7 juta pekerja asing yang berdaftar daripada 13 negara sumber. Baru-baru ini pada 10 Oktober 2017 Yang Berhormat Timbalan Menteri KDN ada menyebut bahawa kerajaan sedia mempertimbangkan penggunaan 100 peratus pekerja asing untuk bahagian pengeluaran sesebuah kilang.

Saya mohon penjelasan sama ada kerajaan telah membuat keputusan mengenainya. Saya sependapat dengan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang menggesa kerajaan supaya membatalkan keperluan melonggarkan syarat bagi membenarkan pengambilan 100 peratus pekerja asing dalam sektor perkilangan atau pembuatan. Kelonggaran syarat itu tidak wajar malah ia satu langkah ke belakang dalam usaha mengurangkan kebergantungan kita terhadap pekerja asing.

Sebelum ini Yang Amat Berhormat Bagan Datuk pada 16 Januari 2017 telah mengumumkan persetujuan kerajaan memperluaskan kelonggaran pengambilan pekerja asing bagi sektor perlombongan serta beberapa subsektor merangkumi penternakan unggas, pengendalian kargo di pelabuhan serta perkhidmatan spa danurut kaki, hospitaliti, pulau peranginan dan *caddie golf*.

Tuan Pengerusi, perluasan kelonggaran pengambilan pekerja asing bagi sektor perlombongan dan beberapa subsektor perkhidmatan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Bagan Datuk itu serta pertimbangan pengambilan 100 peratus pekerja asing dalam sektor pembuatan yang diumumkan oleh Yang Berhormat pula amatlah tidak wajar. Tidakkah ini bercanggah dengan dasar yang diumumkan oleh kerajaan sebelum ini untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing kepada hanya 15 peratus daripada seluruh sektor pekerjaan selepas tahun 2020.

Tidakkah ini langkah membantutkan usaha bagi mengatasi masalah pengangguran yang kian meningkat dalam negara kita ini? Tidakkah langkah perlambakan pekerja asing secara berterusan ini akan menjejaskan peluang pekerjaan rakyat tempatan serta menafikan kadar upah yang adil dan sewajarnya berikutan pembayaran upah yang rendah kepada pekerja asing.

Saya ingin tahu berikutan dengan pengumuman kerajaan bagi melonggarkan pekerja asing bagi sektor perlombongan dan perkhidmatan tertentu serta pengambilan 100 peratus bagi sektor pembuatan, berapakah unjuran pertambahan pengambilan pekerja asing? Dari negara sumber manakah yang akan membekalkannya? Kita selalu melihat pekerja asing tanpa izin ditangkap oleh penguat kuasa dan dikenakan tindakan. Namun jarang sekali kita melihat ataupun mendengar ejen-ejen mahupun individu-individu yang terlibat dalam membawa masuk pekerja asing tanpa izin ke dalam negara ini dikenakan sebarang tindakan.

Maka saya juga ingin tahu apakah, dengan izin, *standard operating procedure* (SOP) berkenaan tangkapan pekerja tanpa izin ini. Berapakah jumlah individu dan syarikat yang dikenakan tindakan undang-undang di atas kesalahan mereka membawa masuk pekerja asing tanpa izin serta yang terlibat dengan kes pemerdagangan manusia.

Tuan Pengerusi, dalam Penjara Sungai Buloh dianggarkan ada 5,000 banduan. Seramai 3,000 lebih kurang adalah daripada pekerja asing.

■1220

Mereka ini kadang-kadang datang untuk mencari nafkah dan rezeki, tetapi telah ditangkap sebagai penjenayah. Apakah ada tindakan kita yang diambil ke atas pekerja-pekerja asing ini? Sudahlah wang mereka diambil, dipenjarakan kerana masuk tanpa izin namun ejen-ejen yang membawa mereka masuk terlepas tanpa dikenakan sebarang tindakan. Saya ingin tahu, apakah langkah tegas dan berkesan yang diambil oleh kerajaan untuk menyekat kemasukan pekerja asing tanpa izin ini di negara?

Tuan Pengerusi. Walau ada apa pun, saya ingin mempertegaskan negara harus mengutamakan penggunaan tenaga tempatan dan dasar pergantungan pekerja asing secara besar-besaran sehingga berjuta orang ramai perlu disemak semula. Saya menyarankan suatu kuota diperkenalkan bagi pengambilan pekerja asing dalam sektor-sektor yang dibenarkan demi membuka peluang pekerjaan pada warga tempatan.

Walaupun saya tahu akan menjawabnya kata kalau *dirty, dangerous* dan *demeaning* itu mereka mahu ambil, tetapi kalau buatkan sesuatu polisi yang baik untuk menarik pekerja tempatan, itu adalah lebih baik. Jadi saya sehubungan itu, saya mencadangkan kuota penggunaan pekerja asing dalam sektor-sektor yang dibenarkan tidak melebihi 50 peratus. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

12.21 tgh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya turut serta berbahas peringkat Jawatankuasa Anggaran Perbelanjaan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 11000 iaitu Ibu Pejabat Polis (PDRM) yang anggaran pada tahun 2018 sebanyak RM13 juta dan Butiran 12000 iaitu Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM), anggaran perbelanjaan sebanyak RM31 juta.

Saya di sini mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah khusus kepada Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah begitu mengambil daya inisiatif untuk memastikan bahawa anggota-anggota polis dan anggota-anggota yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dapat melaksanakan tugas dengan baik dengan berbagai-bagai bentuk perubahan yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Kesempatan ini, saya juga ingin menyatakan bahawa melalui *bill* yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa kita di negara ini kewujudan sebanyak 148 IPD di peringkat daerah-daerah dan sebanyak 837 balai polis yang diketuai oleh polis balai di seluruh negara pada hari ini merupakan satu- menunjukkan bahawa kita sangat prihatin kepada masalah jenayah-jenayah yang mungkin boleh terlibat dan berlakunya di dalam negara kita.

Jadi, bagaimanakah kita hendak membantu mereka ini? Sudah pastilah kita hendak menaikkan prestasi mereka ini sendiri sama ada dari segi tempat tinggal, elaun, gaji dan sebagainya. Jadi, di sini saya ingin nyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pernah melawat ke Lipis dan kesempatan itu saya menzahirkan kepada beliau bahawa IPD di daerah Lipis merupakan salah satu IPD yang agak lama yang wujud dalam negara kita ini. Kalau melihat walaupun ia agak dijaga dengan baik tetapi walau bagaimanapun, di daerah-daerah lain di dalam negeri Pahang atau mungkin di dalam negara kita telah banyak di *upgrade* dengan bangunan-bangunan baru.

Jadi, saya merayu dan memohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ada dalam Dewan ini, mendengar rintihan daripada anggota polis di Lipis supaya dibina baru di mana tanah Kerajaan Negeri Pahang telah meluluskan kalau tidak silap saya, sebanyak 25 ekar berhampiran juga dengan kawasan balai polis yang lama dan telah diluluskan oleh kerajaan negeri kepada anggota pasukan polis ini untuk dibina penempatan mereka ini. Saya tengok di Raub cantik, di Temerloh cantik.

Di banyak daerah dalam negeri Pahang, telah cantik IPD mereka. Begitu juga dengan balai-balai serta pondok-pondok polis dalam kawasan saya merupakan yang boleh dikatakan agak lama ataupun tua. Ini kerana mungkin suatu ketika dahulu, Lipis merupakan ibu negeri kepada negeri Pahang. Inilah kewujudan di persekitaran tahun 1950-an lagi kewujudan balai-balai ini. Maka, sudah pastilah kita hendak supaya warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini mendapat tempat di- anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Lipis ini mendapat tempat perhatian juga daripada peringkat Pusat sendiri.

Saya hendak pergi kepada Butiran 21000 - Senjata Api dan Peluru (PDRM), anggaran perbelanjaan lebih kurang RM115 juta yang mana saya ingin menyatakan hasrat juga kebimbangan di atas perbuatan senjata api buatan sendiri ataupun *bakakuk*. Betul ya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ataupun *bakakuk*. Mungkin nama daripada Sabah dan Sarawak agaknya yang senjata api buatan sendiri. Ini kepakaran mereka agaknya...

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Lipis. Dikatakan *bakakuk*, *bakakuk*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bakakuk?*

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Senjata yang dibina sendiri oleh orang tertentu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bakakuk* ya?

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Ya, *bakakuk*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Makna baka- kuk. Baka yang kaki pakuklah, lebih kurang begitulah. Mungkin, mungkin baka ini baka kaki perang punya Yang Berhormat Menteri KKLW, sama ya? Jadi berlaku pada tahun 2017, di Sabah telah beberapa kes berlaku. Kebimbangan ini, mungkin ini beberapa negeri sahaja. Berapakah negeri-negeri dalam negara kita ini yang mungkin berlaku juga dengan membuat senjata api perbuatan sendiri ini?

Jadi, saya menyeru kepada pihak kementerian supaya kita dapat memberikan kelulusan kenyataan kelulusan-kelulusan dan perlu juga mengawal pemberian-pemberian lesen-lesen senjata api ini. Kita bimbang kalau terlalu banyak lesen-lesen senjata api ini juga akan menyebabkan bahawa kita mungkin tidak mengenal pasti apakah sebenarnya jumlah tersebut. Saya ingin juga tahu, berapakah kes *bakakuk* itu yang berlaku di dalam negara kita, tidak di Sabah dan Sarawak sahaja? Yang Berhormat Hulu Rajang ya? Hulu Rajang tidak berlaku saya rasa. Di Lipis pun saya tidak ada dengar kes buat senjata api sendiri kecuali tembak ikan sahaja. Menyelam dan tembak ikan. Ini pun kita kena beri perhatian. Tembak ikan ini bukan ikan sahaja mati, kalau tembak orang pun mati Yang Berhormat Menteri. Ini pun bahaya juga. Jadi, kita kena perhatikan dalam hal ini sebenarnya.

Saya pergi kepada Butiran 010400 - Risikan Keselamatan PDRM iaitu anggaran perbelanjaan RM471 juta dan ini merupakan pada saya, amat-amat baik peruntukan tersebut. Ini kerana kita hendak memperkasakan Unit Risikan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) ini. Kita semua tahu bahawa banyak perkara yang berlaku sudah di luar negara sebagai contoh. Jadi, kita di Malaysia sebagai sebuah negara anggota polis yang mempunyai risikan yang salah satu terbaik dalam dunia. Ini saya mengikutkan bacaan melalui laporan.

Daripada risikan ini, kita berjaya menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang telah juga percubaan-percubaan dilakukan oleh pihak-pihak jenayah dalam negara kita hendak mengebom di sesuatu kawasan umpamanya dan kita sangat bimbang dalam hal ini. Sebagaimana berlaku di luar-luar negara kalau kita melihat, sekali pengeboman boleh melibatkan ratusan nyawa yang sudah pasti melayang kalau kita tidak kawal dari sekarang.

Jadi pemerksaan ini mungkin dengan latihan-latihan yang lebih efisien, dengan peralatan yang lebih canggih, sudah pastilah peruntukan yang saya katakan berpatutan. Mungkin tidak mencukupi kalau kita hendak menambahkan alat-alat yang lebih baik lagi, alat-alat berbagai-bagai peralatan yang diperlukan. Jadi, saya berharap supaya unit risikan ini menjadi satu unit yang terbaik dalam dunia. Sekurang-kurangnya di rantau Asia, kita di kedudukan pada hari ini kedudukan nombor satu.

Jadi, kita hendak supaya keselamatan negara kita bukan sahaja kepada Ahli Parlimen, Yang Berhormat Menteri dan sebagainya, tetapi kepada semua anggota-anggota yang berada di- semua masyarakat yang berada dalam negara kita ini. Jadi saya berharap agar kita dalam memperjuangkan hal ini, kita tidak mahu berlaku di negara kita sebagaimana di negara-negara lain.

Saya pergi kepada tajuk yang terakhir, Butiran 010500 - Siasatan Jenayah Narkotik PDRM. Saya melihat perkembangan ini. Dari segi jenayah narkotik ini, angkanya juga agak besar dan pengedarannya agak besar. Apa yang kita dapat tangkap adalah ikan bilis-ikan bilis yang pengedar di bawah-bawah, yang pembuat-pembuat secara besaran, yang mengeluarkan ratusan, mungkin puluhan juta ringgit.

■1230

Kalau dia menjual barang-barang narkotik dan dadah-dadah ini, kalau dijual melibatkan puluhan juta- kalau kita melihat di siar raya-siar raya yang berlaku. Apa yang sangat membimbangkan adalah anak-anak muda kita, yang generasi yang ingin tahu, apakah itu dadah. Jadi akhirnya mereka akan jadi penagih dadah.

Saya hendak minta dan menyeru kepada KDN supaya- berapakah angka-angka yang terlibat di sekolah-sekolah? Kita sangat bimbang bermula daripada sekolah. Kalau ada pengedar kecil-kecilan yang bermula dari sekolah ini ia akan menjadi satu perkara yang sangat menyukarkan kepada guru-guru, kepada semua masyarakat bermula pada sedemikian rupa.

Mana yang sudah menjadi pertengahan ini, kita sudah cuba menyelesaikan sebaik mungkin sebenarnya. Kalau boleh tangkaplah jerung-jerung besar ini supaya disumbatkan- atau ke tali gantung itu. Maka saya percaya negara kita boleh bebas daripada dadah yang sangat berbahaya ini dan peruntukannya pun agak besar RM283 juta, hampir RM284 juta, peruntukan yang diberikan kepada Siasatan Jenayah Narkotik ini. Terima kasih, akhir kata saya mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan saya daripada PPD Lipis pada petang yang mulia ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

12.31 tgh.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua butiran yang ingin saya minta penjelasan pada pihak kementerian. Saya kira sebahagian besarnya telah disentuh oleh rakan-rakan daripada Ahli Parlimen di kedua belah pihak dan saya kira ini adalah satu isu keselamatan yang kita merentasi semua kepentingan politik, mahupun kepentingan kaum. Akan tetapi kita melihat ini kepada kepentingan negara sebab antara butiran yang kita tengok yang akan saya sentuh di sini ialah Butiran 010000 - Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam yang melibatkan peruntukan RM471 juta lebih kepada Butiran 010400 - Risikan Keselamatan PDRM.

Tuan Pengerusi saya kira mana-mana institusi kepolisian ataupun penguatkuasaan untuk menjaga ketenteraman awam yang menjadi pokok kepada maklumat ataupun mengumpul segala maklumat itu bermula daripada risikan ataupun kita panggil *intelligent*. Sudah tentulah ia merupakan satu tugas yang besar dan kita sudah tentu mempunyai berbagai-bagai aspek keselamatan yang kita rasa dilihat sebagai ancaman. Saya akan sentuh isu *terrorism* ataupun ancaman pengganas pada butiran yang satu lagi.

Akan tetapi yang untuk butiran risikan keselamatan, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, saya mendapat sebahagian daripada bahan-bahan yang dibentangkan oleh Institut Kajian Strategik Islam Malaysia ataupun IKSIM.

Ada dua sekurangnya dalam proses dalam pegangan saya yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka, Majlis Agama Islam Melaka dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Saya kira semuanya berada dalam tanggungjawab JAKIM dan sebagainya.

Pembentang- nama dia pun ada di sini. Tajuknya, "Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Meraikan Perbezaan Pandangan". Saya simpan yang ini dulu untuk Menteri memberi perhatian. Dalam kertas kerja ini disebut pelbagai perkara yang dianggap sebagai mengancam negara dan ia diberikan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Apa yang disebut di sini ialah golongan yang dianggap sebagai bahaya kepada negara ini disebut sebagai golongan liberal. Di sini dia sebut di dalam slaid dia ini, golongan liberal yang menggunakan pendekatan islamik seperti maqasid syariah dan Islam *Rahmatan lil-alamin*.

Jadi saya kira, kertas ini menimbulkan berbagai-bagai keraguan kerana isu maqasid ini Perdana Menteri sendiri sebut Menteri, beliau sendiri sebut kenapa dikategorikan ini sebagai liberal? Yang Berhormat Menteri senyum, sahabat saya. Begitu juga Islam *Rahmatan lil-alamin*. Sekarang kita ini masuk bulan Maulud ya... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Saya tidak payah terjemah, Yang Berhormat Bagan Serai pun tahu maksud dia, dalam surah al-Anbiya ayat 102. Tiba-tiba kenapa dalam jelajah mereka yang dibentang oleh IKSIM ini dengan bantuan atau sokongan daripada pihak agama menganggap ini sebagai liberal dan dikategorikan sebagai mengancam.

Kalau ancaman- saya ingin tahu sejauh manakah besar ancaman itu? Itu satu. Satu lagi ini lagi saya minta penjelasan ya. Satu kertas kerja yang dibentang oleh Yang Berbahagia Dato' Prof. Haji Mahamad Naser bin Disa, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik Islam. Tajuk dia Tuan Pengerusi, "*Evangelism dan Kedaulatan Islam*." Okey, akan tetapi di sini saya ingin tanya kepada Menteri, apakah ancaman yang disebut sebagai *radical evangelism Christian state* ataupun RECS. Adalah satu kebenaran, satu yang betul-betul mengancam negara kerana kalau mengikut apa yang dibentangkan di dalam slaid ini Yang Berhormat Pulaui, dia menyebut tentang negara ini akan menjadi negara Kristian, Tuan Pengerusi, sebab itu bahaya.

Malah disebut di sini, parti-parti politik tertentu, disebutlah DAP, ada orang DAP kah?...

Beberapa Ahli: Ada, ada.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak tanya orang DAP ini hendak jadikan Malaysia negara Kristiankah? Nanti sat, nanti dulu. Relaks, relaks.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Hendak jadi *corruption free*.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Relaks, relaks. Sebab ini soal keselamatan. *This is the national issue?* Sebab dia bukan bentang dalam program parti tetapi dia bentang dalam program yang dianjurkan oleh kerajaan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Fitnah seribu fitnah.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Mana boleh ini?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Siapa kata fitnah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sini, sini, sini.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya ingat dia kata dekat saya fitnah, saya hendak marahlah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: BN fitnah.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, okey. Malah disebut di sini antara lainnya gerakan *evangelism* ini mengancam negara kerana DAP menyokong untuk negara ini menjadi negara Kristian. Malahan diserang kepada seorang Yang Berhormat yang merupakan Speaker Dewan Undangan Negeri iaitu Yang Berhormat Hannah Yeoh atas buku dia, '*Becoming Hannah*' dilihat sebagai satu buku bahaya kerana dengan buku ini seolah-olah dia ini cuba hendak menjadikan Malaysia ini sebagai satu tapak untuk menegakkan *The Kingdom of God*.

Tuan Pengerusi, *it maybe rubbish for us to hear all these*. Akan tetapi *it is stated in*, dengan izin, program rasmi. Yang Berhormat Menteri tolong ambil kira sebab ini- saya hanya ada satu sahaja ini, saya tidak tahu berapa puluh tempat lagi yang dia orang buat, saya tidak tahu. Seluruh negara. *What nonsense are you talking about* sehingga menyebabkan benci-membenci antara kaum, hasutan dan sebagainya. So, saya minta Yang Berhormat Menteri tolong ambil, malah ada dia tunjuk gambar dalam ini, yang saya pun tidak tahu apa kena mengenanya. Dia tunjuk gambar...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan sahaja *nonsense, idiotic nonsense*.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: *Okay, you will have your floor, don't worry.*

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat kita ada peraturan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, betul, saya setuju itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau hendak- Yang Berhormat kalau kita hendak sebut orang lain, kita kena tunjuk juga Yang Berhormat... [*Dewan riu*]

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kalau hendak cakap, bangunlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini benda keselamatan dalam negeri ini, saya hendak tengok ini. Entah apa-apa, tiba-tiba dia sebut bahaya. Satu lagi liberal dipanggil, tiba-tiba keluar gambar Presiden saya, keluar gambar Presiden saya dengan amoi manakah, masa BERSIH dulu, dia tangkap gambar, dia kata ini semua agenda-agenda liberal ini. Selepas itu dia tunjuk gambar BERSIH menyokong gay, menyokong LGBT.

Menteri Dalam Negeri tolonglah, jangan *double standard* kita bercakap tentang keselamatan, tetapi ada orang di bawah sana yang merosakkan kita punya asas kenegaraan kita dengan mempertikaikan.

■1240

Malah di sini ada sebut orang yang menentang Rang Undang-undang 355 ini adalah golongan-golongan yang menentang anti Islam. Saya rasa *this is not going the right direction*, dengan izin Tuan Pengerusi. Dia bubuh gambar-gambar Dato' Dr Ahmad Farouk Musa- dia kata *freedom of religion means freedom to leave* Islam selepas itu dia bubuh kosong itu sahaja. Tidak ada konteks apa dia cakap, apa dalam konteks hujahannya tidak ada lalu diuar-uarkan kepada seluruh negara ini bahaya liberal. Ini bahaya negara kita hendak jadi negara Kristian. Adakah itu satu isu yang betul? Adakah ia sekadar satu usaha doktrinasi politik yang di bawah untuk menolak rakyat daripada menyokong satu alternatif daripada kerajaan yang ada?

Ini bukan program parti ini, ini program kerajaan ini. Ini yang ada dekat saya dia pergi dekat universiti, dia pergi dekat sekolah, dia pergi dekat kampus, dia jumpa pegawai-pegawai, cikgu-cikgu sekolah. So saya minta penjelasan dan saya tidak melihat bahawa ini membantu apa yang dinamakan sebagai dia bubuh gambar Ustaz Wan Ji dia *just* ambil satu perkataan lalu dia kata ini bahaya ini, ini golongan yang menolak Akta 355 dan sebagainya dan dia mengaitkan semua itu *Maqasid Islamiah syariah, Rahmatan lil-alam* dia kaitkan itu dengan agenda liberal.

Ini kerana dia tambah lagi kesaksamaan dan juga kebebasan sedangkan benda itu ada di dalam Islam. So saya tidak ada masa untuk berdebat dalam konteks ideologinya tetapi menteri dengan senyuman yang sinis saya tahu dia ada tahu benda dalam tetapi dia susah hendak cakap.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Menteri sokong.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi saya minta penjelasan dan saya mohon maaf kerana tidak sempat hendak sebut tentang E8 berkenaan dengan *terrorism* sebab sana banyak lagi isu. Satu lagi sebelum, satu lagi isu yang dikatakan Syiah ini. Syiah sejauh manakah bahayanya sehingga datang turun ke bawah hendak kempen macam satu bahaya dunia hendak kiamat ini, Malaysia ini habis dengan bahaya ini. So Menteri kalau betul *it is a threat*, bagi tahu *it is a threat so we can defend this country*. Akan tetapi kalau ini adalah satu penipuan hanya untuk kepentingan politik kami akan lawan perkara yang merosakkan negara ini. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sokong Syiah kah?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanah Merah.

12.42 tgh.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 010000 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Pertama sekali saya ingin membahaskan perkara 010100 – Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh pegawai dan anggota PDRM yang bertungkus-lumus siang dan malam menjaga keselamatan negara kita. Sesungguhnya pengorbanan yang mereka lakukan amat besar ertinya kepada kita. Disebabkan pengorbanan mereka kita dapat menikmati ketenteraman dan keamanan termasuklah dapat bersidang dengan penuh tenang di Dewan yang mulia ini.

Selari dengan butiran yang saya katakan ini saya berpendapat sudah masanya Kementerian Dalam Negeri melihat dengan teliti segala keperluan pegawai dan anggota pasukan itu termasuklah dari segi gaji, elaun dan imbuhan-imbuhan yang lain. Saya bersetuju dan menyokong pandangan pelbagai pihak sebelum ini yang menggesa kerajaan mengkaji semula gaji agensi penguat kuasa termasuklah PDRM, salah satu perkara yang kini menjadi perbualan dalam kalangan pegawai dan anggota polis ialah bagaimana golongan pertengahan dalam pasukan itu menghadapi tekanan dari segi kos sara hidup.

Sementara anggota bawahan mendapat BR1M, peringkat pertengahan pula tidak mendapat apa-apa bagi menambah pendapatan mereka. Justeru itu, saya menggesa kepada kerajaan mengkaji semula skim gaji PDRM berdasarkan peredaran masa termasuklah melibatkan pasukan khas di dalam PDRM seperti cawangan khas, Unit Tindakan Khas dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dalam usaha mengurangkan beban kos sara hidup pegawai dan anggota polis saya mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan *privilege card* untuk mereka membeli barang-barang keperluan asas dengan harga murah. Melalui kad ini pegawai dan anggota yang terlibat boleh diberikan diskaun pembelian barangan asas dengan diskaun antara 20 peratus hingga 30 peratus.

Pelaksanaan *privilege card* ini adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan pegawai dan anggota PDRM. Selain itu, berikutan harga minyak yang tidak menentu saya juga mencadangkan kepada kerajaan melalui KDN mempertimbangkan, mewujudkan subsidi khas kepada anggota keselamatan termasuk PDRM. Ini memandangkan saya difahamkan ada kalangan pegawai polis terpaksa menggunakan kenderaan sendiri ketika menjalankan tugas rasmi memandangkan kereta pasukan tidak cukup ataupun berada dalam keadaan uzur. Oleh itu, adalah wajar jika subsidi khas diberikan kepada mereka supaya pendapatan mereka tidak terjejas disebabkan terpaksa menggunakan kereta sendiri bagi melaksanakan tugas rasmi.

Sedangkan kalau mahu membuat tuntutan saya difahamkan ia memakan masa yang lama jadi terpaksalah mereka guna kereta sendiri. Ini merupakan satu pengorbanan yang cukup mulia yang patut kita ucapkan syabas dan tahniah kepada mereka ini. Oleh itu, saya menggesa KDN mengkaji secara keseluruhan gaji dan imbuhan yang diberikan kepada pegawai dan anggota polis bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Selain itu, melalui langkah itu juga ia dapat mengelakkan mereka terlibat dengan kegiatan yang tidak bermoral termasuklah perbuatan rasuah. Kita harus ingat kesempitan tidak mengenal tuhan dan penjenayah-penjenayah khususnya sindiket-sindiket amat memahami masalah dari segi pendapatan yang dihadapi oleh pegawai dan anggota polis. Oleh itu, mereka bersedia, *this* anggota-anggota sindiket-sindiket ini mengeluarkan modal asalkan kegiatan haram mereka tidak diganggu. Kalaulah keadaan ini berterusan sudah tentulah usaha membanteras jenayah di negara kita tidak akan berjaya.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 010300 – Penyiasatan Jenayah PDRM. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih ucapan tahniah kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd Fuzi Harun yang berjaya membanteras satu kegiatan jenayah yang sebelum ini seperti dilihat terlalu sukar untuk dilakukan iaitu judi haram. Ketegasan beliau dalam memungkinkan sebahagian besar pusat kegiatan haram ini ditutup sehingga memaksa sindiket mengubah modus operandi mereka.

Bagaimanapun apa yang menjadi persoalan ialah sebagaimana jauhnya kejayaan ini akan berkekalan. Ini memandangkan hukuman yang sedia ada dianggap ringan khususnya dari segi rampasan atau menyita harta milik tauke-tauke judi atau dalang kegiatan itu. Oleh itu saya ingin menyeru KDN mengkaji untuk mengemukakan kepada kerajaan undang-undang yang lebih tegas bagi membanteras kegiatan tersebut kerana ia bukan sahaja boleh merosakkan masyarakat tetapi juga negara. Sindiket judi haram harus dihapuskan sama sekali dari bumi Malaysia ini kerana merekalah penyumbang pendekatan gejala sosial dan jenayah negara kita termasuklah amalan rasuah.

Isu judi ini sudah banyak kali, tiap-tiap kali kita membahaskan sebab itulah ia harus diambil tindakan tegas, harus diambil tindakan daripada sekarang.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Tanah Merah, tumpang.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Bolehkah hendak mencelah lagi ada masa lima minit lagi okey.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Boleh sekejap sahaja.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, silakan Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Boleh ya, Tuan Pengerusi ini fasal judi haram. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat dan apa pandangan daripada Yang Berhormat yang tidak mempunyai lesen maksud saya. Sebabnya sekarang ini ada juga judi yang dibuat yang dilaksanakan melalui *online*, melalui komputer dan segala-galanya sampai setengah terutamanya berada di luar bandar bila dia terlibat sampai mengakibatkan mereka terpaksa menjual harta, keluarga, tanah dan segalanya. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini dan mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ingin menjawab. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey pandangan Yang Berhormat Parit Sulong memang kita tahu *online* ini juga antara satu yang perlu kita tangani serius. Saya masukkan dalam perbahasan saya untuk pihak KDN untuk menjawabnya. Jadi sebab itulah penggubalan undang-undang dicadangkan diberikan hukuman ke atas tauke-tauke judi ini dari segi rampasan harta perlu dilakukan sama seperti kita mengambil tindakan terhadap pengedar dadah yang mana akaun mereka di sita, harta benda yang dipercayai hasil daripada kegiatan itu haruslah di rampas.

Tindakan tegas saya percaya juga dilakukan akan menggerunkan sindiket-sindiket yang selama ini dilihat tidak begitu takut dengan serbuan demi serbuan dan operasi polis bagi membanteras kegiatan haram berkenaan.

Tuan Pengerusi menyentuh Butiran 010500 – Siasatan Jenayah Narkotik. Walaupun kita merasa gembira dan lega apabila PDRM dari semasa ke semasa terus berjaya melumpuhkan kegiatan pengedaran dadah di negara kita melalui pelbagai serbuan dan operasi.

Akan tetapi apa yang menjadi kemusykilan ialah bagaimana dadah yang begitu banyak boleh masuk ke negara kita. Kalaulah serbuan atau rampasan yang dilakukan di *airport* di lapangan terbang kita boleh faham kerana ia boleh datang daripada luar negara atau percubaan masuk ke negara ini. Akan tetapi apa yang menjadi persoalan berhubung dadah-dadah yang dirampas dalam serbuan di lokasi-lokasi tertentu termasuklah kediaman.

Ia menimbulkan tanda tanya dalam kalangan rakyat bagaimana dadah yang begitu banyak boleh berada di dalam negara kita. Di manakah kelemahannya? Apakah ia diproses dalam negara kita ataupun akibat sempadan kita dibolosi?

■1250

Oleh itu saya berharap dalam Dewan yang mulia ini yang akan mendapat jawapan yang sebenarnya berlaku kerana rampasan demi rampasan dalam jumlah yang besar menimbulkan persoalan dalam kalangan rakyat. Apakah negara kita sudah menjadi markas untuk mengedar dadah?

Tuan Pengerusi, sebagai anak Kelantan dan mewakili rakyat di salah sebuah kawasan Parlimen negeri Kelantan seperti Yang Berhormat Lipis juga tadi, saya berasa sedih dan risau berhubung gejala pil kuda yang kini berleluasa di negeri Kelantan. Dari masa ke semasa jenayah akibat daripada penagihan pil kuda semakin meningkat. Oleh itu, pada kesempatan ini saya menggesa dan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk melancarkan satu gerakan khas bagi membanteras gejala pil kuda khususnya di Kelantan dan juga di negeri Terengganu.

Sudah masanya pembanterasannya melalui satu operasi khas dilakukan oleh PDRM bagi membanteras gejala tersebut kerana ia mendatangkan kemudaratan yang amat dahsyat kepada sesetengah penduduk di kedua-dua negeri ini. Pembanterasannya dan penyalahgunaan pil kuda ini perlu dilakukan dalam operasi khas kerana ia boleh dikatakan sudah sampai ke tahap serius dan tidak boleh dihapuskan dalam operasi-operasi biasa. KDN perlu memastikan PDRM mempunyai segala kelengkapan dan keperluan untuk melancarkan operasi khas ini termasuklah dari segi pegawai dan anggota.

Tuan Pengerusi, saya akhirnya dalam perbincangan ini dengan sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh anggota pasukan keselamatan di semua agensi di atas pengorbanan mereka menjaga keselamatan dan keamanan negara. Semoga apa yang kita bahas dan diluluskan dalam perbincangan ini akan memberi manfaat kepada anggota-anggota keselamatan yang terlibat.

Akhirnya saya juga ingin memohon, mengambil kesempatan di sini seperti juga yang Yang Berhormat Lipis juga minta IPD dia dinaikkan taraf begitu juga di IPD di Tanah Merah juga tidak lagi sesuai kerana berada di tengah pekan. Ia harus berpindah ke kawasan yang lebih sesuai dan lebih strategik ataupun yang lain. Mohon diberi pertimbangan. Terima kasih, saya ingin menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

12.52 tgh.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahir Rahmanir Rahim...* [Bersalawat ke atas Nabi Muhammad SAW] Terima kasih, kepada Tuan Pengerusi.

Saya pergi kepada Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Kalau kita baca hadis Nabi Muhammad SAW... [Membaca sepotong hadis] Ada empat perkara punca kebahagiaan seseorang. Antaranya ialah... [Berucap dalam bahasa Arab] Rumah yang lapang.

Saya ingin timbulkan persoalan berek-berek polis atau rumah kediaman untuk anggota keselamatan. Bagi saya pegawai keselamatan ini adalah mereka yang berada pada ranking pertama untuk kita utamakan kemudahan dan kebajikan mereka. Dalam Islam mereka ini digolongkan di kalangan mujahidin yang diberikan suatu keutamaan dari sudut pendapatan dan juga gaji. Saya lihat isu yang melibatkan kediaman polis ini masih ada lagi berek-berek yang kita lihat agak usang didiami oleh polis-polis ini. Saya rasa perkara ini perlu diberikan perhatian besar oleh kerajaan.

Jadi saya mahu tahu apakah perancangan kerajaan berhubung dengan kediaman pegawai keselamatan ini dan banyak mana sudah telah disediakan oleh kerajaan untuk- sehingga kini dan dinisbahkan dengan jumlah semua pegawai dan juga anggota keselamatan yang kita ada? Khususnya untuk di Parlimen saya, Parlimen Kuala Nerus. Saya mahu tahu berapa jumlah kediaman disediakan untuk anggota-anggota polis di Parlimen Kuala Nerus dan berapa banyak kah mereka yang belum lagi mendapat kediaman yang sesuai untuk mereka? Itu tentang kediaman mereka-mereka anggota keselamatan...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya juga berminat dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang keperluan kebajikan terutama kepada anggota polis kita. Termasuk di kawasan-kawasan yang sekarang berdepan dengan musim banjir, termasuk di Rantau Panjang. Balai polis memang di antara tempat yang mudah tenggelam, berada berhampiran dengan sungai. Macam mana polis ini hendak menjalankan langkah-langkah keselamatan menyelamatkan orang ramai kalau tempat operasi itu sendiri tidak selamat? Jadi saya harap perkara ini juga diambil perhatian. Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Masukkan ucapan Yang Berhormat Rantau Panjang ke dalam ucapan saya.

Saya satu lagi perkara tentang tuntutan anggota-anggota keselamatan. Saya mendapat aduan tuntutan kewangan mereka walaupun tidak besar tetapi dilewatkan seperti mana juga tuntutan untuk Ahli Parlimen tahun ini juga dilewatkan. Nampaknya juga berlaku kepada anggota keselamatan kita. Maka saya mahu tahu kenapakah ia berlaku dan apakah prosedur kerajaan mengenai tempoh bayaran balik segala tuntutan yang dibuat oleh pegawai keselamatan ini dan juga anggota-anggota mereka?

Saya pergi kepada 030100 – Rawatan dan Pemulihan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Saya mahu tahu berapa banyak kah bilangan pusat pemulihan yang ada di seluruh negara? Adakah kerajaan berhasrat menambahkan bilangan tersebut untuk negeri Terengganu khususnya? Saya mahu tahu jumlah atau bilangan mereka yang sedang dipulihkan untuk tahun 2017 berdasarkan taburan umur mereka? Kemudian program pencegahan. Kalau kita hanya bincang tentang rawatan dan pemulihan ini, saya rasa yang penting juga ialah tentang pencegahan. Sejauh manakah, program pencegahan ini dilaksanakan terutamanya di sekolah-sekolah? Saya mahu tahu khususnya untuk Parlimen saya sendiri. Banyak manakah bilangan program kesedaran ini dibuat di sekolah-sekolah di seluruh Parlimen Kuala Nerus?

Kemudian saya pergi kepada Butiran 020200 – Rekod Pendaftaran Penduduk JPN. Saya mahu tahu prosedur kerajaan dalam memberikan kerakyatan. Ini kerana kita lihat ada yang diberikan kerakyatan tetapi dari sudut bahasa Melayunya sangat buruk ataupun kita kata hendak kata apa, tidak boleh cakap Melayulah. Senang, mudah ceritanya. Diberikan kepada Bangladesh, diberikan kepada China dan sebagainya. Maka adakah bahasa ini menjadi perkara yang kecil dalam penentuan pemberian kerakyatan kepada warga asing?

Terakhir saya pergi kepada Butiran 80000 – NKRA 1 – Mengurangkan Kadar Jenayah. Saya mahu tahu statistik jenayah berat yang berlaku yang untuk tahun 2017 di seluruh negara dan satu lagi tentang peningkatan pembunuhan bersiri yang kita lihat semakin berleluasa walaupun tidak semuanya didedahkan di akhbar. Saya mahu tahu tentang jumlah atau bilangan pembunuhan bersiri ini yang belum lagi dapat lagi diselesaikan misterinya oleh kerajaan untuk tempoh dua tahun terakhir. Adakah apa yang berlaku itu mempunyai kaitan dengan longgarnya kawalan keselamatan kita di sempadan khususnya di sebelah Kelantan dan juga Kedah, di Rantau Panjang, di Golok, di Pengkalan Kubur kerana kita lihat seolah-olah penggunaan senjata, termasuk senjata pistol dan sebagainya sangat mudah untuk diperoleh di tempat-tempat yang seumpama ini.

Adakah ia ada kesan kepada isu-isu yang melibatkan pembunuhan bersiri ini? Adakah pembunuhan bersiri ini mempunyai *target* tertentu? Umpamanya di-*target*-kan kepada orang politik, *businessman* ataupun melibatkan gengster-gengster. Saya mahukan penjelasan daripada kementerian. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

12.58 tgh.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi. Saya terus kepada beberapa Butiran yang saya hendak bangkitkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pertamanya, terus kepada Butiran 0100000 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Keselamatan negara merupakan agenda utama setiap pemimpin dunia termasuklah di Malaysia. Ancaman terhadap kedaulatan dan kesejahteraan negara datang dalam pelbagai bentuk dan juga daripada pelbagai kumpulan sama ada daripada orang persendirian mahupun daripada kumpulan-kumpulan tertentu.

Terutamanya yang akhir-akhir ini ataupun isu yang terakhir ini adalah isu militan dan juga sokongan secara ataupun sokongan simpati daripada sekumpulan rakyat negara ini kepada kumpulan militan ISIS yang secara terang kini dikategorikan sebagai ancaman *terrorism*. Ancaman lain terdiri daripada ancaman yang berbentuk agama dan puak-puak tertentu atas nama kebebasan bersuara.

Ada beberapa soalan yang saya hendak bangkitkan berdasarkan butiran yang saya nyatakan tadi. Pertamanya, adalah kita percaya terdapat pelbagai usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam menangani rakyat tempatan yang cenderung untuk terpengaruh dengan kumpulan militan. Ini kerana cara jenayah ini boleh diibaratkan seperti api dalam sekam dan tidak mustahil penyerang mempunyai ramai pengikut ataupun *silent sympathizers* yang bersimpati dengan perjuangan mereka.

Jadinya soalnya bagaimanakah kerajaan menangani isu yang saya kira begitu kompleks sebabnya di antara nampak, antara tidak nampak? Jadinya saya mohon pihak kementerian untuk menjawab soalan ini.

Seterusnya, apakah...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat..

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Boleh sedikit Yang Berhormat Parit Sulong, contoh- kalau boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya sambung kah macam mana?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit. Dua minit sahaja.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Baik, terima kasih. Saya amat tersentuh dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkait dengan pengaruh ISIS kerana semasa saya ditahan di lokap Balai Polis Jinjang ada seorang gadis berumur 14 tahun yang ditahan juga kerana mahu pergi ke Syria dalam – dikhabarkan untuk mengahwini seorang pejuang ISIS.

Jadi saya fikir mungkin Kementerian Dalam Negeri boleh mencari jalan bagaimana ada kerjasama yang baik daripada kes-kes bagi *juveniles* yang mungkin terpengaruh dalam masalah yang agak serius ini dan moga dapat diberikan perincian kepada Ahli-ahli Parlimen yang terkesan dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong boleh jawab selepas jam 2.30 petang.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah, kita bermesyuarat dalam Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong, enam minit 48 saat.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Akan tetapi sebelum itu saya hendak mengalu-alukan kehadiran penghulu-penghulu dan juga ketua-ketua kampung daripada kawasan Parlimen Parit sulung... *[Tepuk]* Lebih kuat sedikit tepuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Orang kampung Yang Berhormat ya?

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, seterusnya saya tadi berdasarkan butiran ini yang saya sebutkan tadi. Soalan saya yang seterusnya, kepada pihak kementerian, apakah usaha kerajaan dalam membentuk satu kerjasama agar fahaman ekstremis ini dapat dibendung khususnya yang melibatkan kefahaman agama yang salah dan juga ekstrem.

Saya dimaklumkan ada satu program yang dinamakan Program Deradikalisasi. Jadi, saya hendak tahu sejauh manakah kejayaan program ini dan bagaimana ia boleh membantu menangani isu-isu ekstrem ataupun isu-isu ISIS ini? Juga saya dimaklumkan ada juga satu modul yang dibuat oleh pihak KDN yang kemudian dibuat terjemahan kepada pelbagai bahasa. Jadi saya hendak bertanya mengenai impak modul ini. Adakah pihak-pihak lain yang menggunakan modul ini dalam menangani ISIS?

Seterusnya berkaitan dengan *recruiting*, dengan izin, ahli-ahli baru untuk fahaman ISIS ini. Saya pernah ternampak bagaimana dengan cabaran pada zaman teknologi ini, *recruiting* ini boleh dibuat secara *online* dan *baiah* pun dibuat secara *online*.

Jadi, saya hendak tahu, bagaimana kementerian *monitor*, dengan izin, dan apakah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menangani masalah-masalah seperti ini? Apakah juga kolaborasi yang dibuat oleh pihak kementerian bersama-sama dengan agensi-agensi lain seperti daripada Kementerian Pertahanan, daripada SEARCCT, dengan GMM dan juga agensi lain dalam berkongsi maklumat terutamanya maklumat yang berkaitan dengan *intelligence* mengenai bahaya dan *track*, dengan izin, ISIS ini kepada Malaysia.

Saya juga difahamkan bahawa pihak KDN ada membuat ataupun bercadang untuk membuat *National Plan of Action for Preventing Violent Extremism*. Jadi sejauh mana perkembangan *national plan of action* ini? Saya harap pihak kementerian dapat memberikan maklum balas mengenai perkara tersebut.

Seterusnya Butiran 030400 pencegahan AADK. Yang Berhormat Sri Aman, Yang Berhormat Timbalan Menteri KDN pernah berkata bahawa kes penagihan dadah di Malaysia ini meningkat kepada 14 peratus pada tahun 2016 kalau berbanding dengan tahun sebelumnya. Antara statistik ini juga menunjukkan bahawa ada terdapat peningkatan dari segi penagih baru kepada 22,295 buah kes kalau kita bandingkan dengan sebelumnya iaitu 22,281 buah kes. Ada juga mereka telah dihinggapi dengan HIV dan juga AIDS yang menunjukkan juga ada angka peningkatan.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah wujud satu usaha yang dibuat secara N-BOS di peringkat kementerian dengan jabatan agama bagi mengekang penambahan jumlah ini terutamanya mangsa-mangsa HIV. Adakah ada kajian juga yang dibuat juga secara N-BOS untuk meneliti ataupun mengenal pasti mereka ataupun pasangan yang hendak berkahwin ini yang terlibat dengan HIV.

Oleh sebab saya pernah terbaca Johor Bahru sebagai contoh, ada merekodkan jumlah penagih baru tahun 2016 ada seramai 2101 orang. Manakala penagih berulang juga seramai 464 orang. Ini untuk satu daerah, satu tempat. Jadi saya tambahkan saya adalah kerana dadah ini ia adalah musuh negara dan kesannya penyalahgunaan dadah ini adalah sangat besar terutamanya ia menggugat keharmonian negara kita terutamanya kepada generasi muda.

Jadi, apakah usaha pihak AADK dalam memantau para belia terutamanya yang berada di luar bandar supaya tidak terlibat dengan dadah dan supaya mereka ini tidak menjadi penagih berulang juga. Saya ingin mencadangkan juga kepada pihak kementerian sebab saya percaya banyak program yang dilakukan di peringkat daerah-daerah. Akan tetapi dari segi kewangannya, saya tidak nampak ia begitu berkesan kalau ia hendak membuat program-program yang berkaitan dengan kesedaran penduduk terhadap penyalahgunaan dadah.

Jadi saya hendak minta supaya kementerian memberikan lebih peruntukan terutamanya kepada kawasan-kawasan yang *hotspot* kepada penyalahgunaan apabila kita sudah kenal pasti ia adalah *hotspot* terhadap penyalahgunaan dadah.

Seterusnya Butiran 12000, balai-balai dan juga pondok polis PDRM. Kawasan saya ada tiga balai. Tiga buah balai- satu Parit Sulong, satu Semerah, satu Seri Medan. Akan tetapi saya juga ada tiga pondok polis. Dalam pondok polis ini ada satu itu pondok polis Taman Komuniti. Ia sudah beroperasi lebih daripada sepuluh tahun tetapi masih lagi menyewa Tuan Pengerusi- sepuluh tahun sudah.

Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, bilakah pihak kementerian bercadang untuk mendapatkan bangunan kekal untuk mereka ini? Kemudian saya minta diberi perhatian kepada balai polis di pekan Parit Sulong itu sendiri agar ia dapat dinaiktarafkan kepada satu balai polis yang baru. Ini kerana bangunannya pun sudah lusuh juga.

Butiran yang terakhir adalah butiran 010300 iaitu Penyiasatan Jenayah PDRM. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah kajian yang dijalankan oleh kementerian dan juga mekanisme yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memantau kongsi-kongsi gelap dengan yang mungkin ada merekrut golongan remaja.

■1440

Apakah pihak KDN ada buat pemantauan dan juga membanteras kes-kes ataupun pusat judi haram terutamanya di Daerah Batu Pahat itu sendiri? Sebab, saya mendengar banyak laporan mengenai kegiatan ini, dan ianya boleh mengganggu-gugat keharmonian dan juga generasi muda di Daerah Batu Pahat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong.

2.40 ptg.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk merujuk kepada Butiran 010300 berkenaan dengan Penyiasatan Jenayah PDRM.

Tuan Pengerusi, saya telah pun bangkitkan perkara-perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini sebelum daripada ini dan hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada duduk di sana, saya harap bahawa jawapan diberikan. Kita minta wang untuk PDRM dan kita minta wang untuk integriti PDRM.

Soal yang berbangkit adalah bagaimana dengan laporan polis yang dibuat yang mana tidak ada tindakan? Laporan polis terhadap Ketua Pengarah SPRM. Beliau didapati terlibat dalam satu skandal di Bali. Persoalan yang berbangkit, adakah tindakan sudah pun diambil sehingga sekarang, dan kenapa dia dilindungi?

Adakah oleh kerana beliau duduk semeja dengan Peguam Negara semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *is cleared of the RM2.6 billion wrongdoing*? Adakah pihak polis tidak berani hendak ambil tindakan terhadap beliau? Kenapa sampai sekarang tidak ada sebarang *statement* diambil daripada beliau?

Kita lihat, Tuan Pengerusi, di Johor Bahru ada satu gambar anggota polis dikatakan pegang tangan seorang wanita. Gambar itu *viral*. Terus tindakan diambil. Tatatertib. Dikatakan ini serius, kena ambil tindakan untuk bersihkan nama PDRM. *Action taken*.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Baru pegang tangan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu pegang tangan sahaja. Kemudian, ada laporan yang berkenaan dengan anggota polis yang dikatakan di dalam kelab di Muar.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Pusat hiburan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Pusat hiburan. Terus diambil tindakan. Ketua Polis Negara mengatakan ini perkara serius, kena bersihkan nama PDRM kerana kalau rakyat mahu percaya pada polis, maka kita mesti ada kepimpinan yang bersih, anggota yang bersih. Dua hari lalu juga sama, Ketua Polis Negara mengatakan, *action will be taken against an officer who allegedly enticed somebody else's wife*.

Kenapa dalam keadaan itu, anggota-anggota biasa, tindakan diambil cepat dan tindakan diambil atas alasan kita perlu ada PDRM yang mana ada pemimpin-pemimpin yang bersih? *For them, it is different standard, straight away action taken, but this KP of SPRM, kenapa sampai sekarang statement pun tidak diambil? Why are you protecting him?* Ini perkara yang- dan tidak ada respons. Bila dijawab, kata biar dia buat kerja dia. Biar dia buat kerja dia. Bagaimana dengan orang-orang lain itu?

Jadi, saya minta kalau kita hendak datang ke Dewan yang mulia ini, kita nak ambil atau minta peruntukan yang besar, perlu ada jawapan kepada perkara-perkara ini. Kita bercakap berkenaan dengan apa yang dikatakan dengan *morale of the police force, morale of the officers in SPRM*.

Saya hendak tanya terus terang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Have you asked him whether it is him in the video clip? It is easy. Get his phone number and you can do it now before answering me. Senang. Are you prepared to do that? Why not? Because you also want to cover it up?* Ini soalnya. Dia duduk di sini ada peluang tetapi tidak ada siapa-siapa yang mahu tanya dia. Kenapa? Jadi, ini satu perkara yang cukup besar, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, kita kena serius. Ini perkara yang serius kerana ini seperti mana saya sebut dahulu, *this is an Act of Parliament*.

Jadi persoalan kedua saya, kalau kita ada satu Ketua SPRM yang ada kes terhadap beliau, bolehkah kita harap supaya tindakan diambil oleh beliau dalam kes-kes lain dengan bebas? Saya bagi contoh. Semalam di Dewan Undangan Negeri Johor ada dikemukakan pertanyaan berkenaan dengan apa yang dikatakan bayaran kepada Menteri Besar Johor. Persoalan dibangkitkan berkenaan dengan adakah tindakan diambil, adakah benar atau tidak, itu sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun daripada Johor, mungkin tahu berkenaan dengan perkara ini. *But, the question is this*. Ahli Dewan Undangan DAP itu diminta keluar Dewan kerana tanya satu soalan berkenaan dengan Menteri Besar Johor.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang, adakah tindakan diambil terhadap Menteri Besar Johor? *But then, it is an example dalam mana kita tidak ada confidence. Bagaimana ada confidence dalam satu sistem di mana ketua-ketua jabatan itu ada siasatan terhadap diri mereka sendiri? How do we have confidence in the system like this and why is there no answer?* Kita tengok bagaimana kes ini dilenyapkan, disenyapkan sehingga sekarang.

Two weeks ago, I got up and asked, nothing is being done until now. Saya hendak tanya, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, be honest. Kalau tidak mahu ambil tindakan, you want to protect him, just say it in the Dewan. Be honest about it. Jangan cakap, "Okay, okay, kita akan ambil tindakan" but nothing happens. This is the caliber of Barisan Nasional. Yes, caliber dia. They do nothing. Keluar di sana minta orang supaya uphold the law, defend the constitution tetapi bila ada kes-kes macam ini, apa tindakan?

Saya juga ada bangkitkan berkenaan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli Parlimen daripada- *where he is from?* Saravanan.

Seorang Ahli: Tapah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapah. Tidak ada jawapan. *So, we have a Ketua Polis Negara that wants money, so that we can improve PDRM, but when it comes to question like this, no answers. I know you are in a difficult position. Not easy for you to sit there. But then, we are equally in a difficult position because we have to answer the public. We have to explain to them why as Members of Parliament we do nothing in the situation like this. Why it is we have to accept this silence by Barisan Nasional in cases where the leaders of their respective posts or respective departments are being investigated.*

And we come back kemudian apa yang disebut Ops Gopi. Ops Gopi- ini bukan saya cakap. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada cakap, "Oh, it is a very unfair accusation to make". Saya bukan yang buat aduan itu. Aduan itu datangnya daripada anggota-anggota SPRM yang dilaporkan dalam media The Malay Mail Online yang dikatakan wide sweep di Melaka. Ketua-ketua semua ditangkap tetapi sehingga sekarang even the internal inquiry, kenapa tidak ada sebarang jawapan? I mean, no action is one thing, but then response at least. Ini menjadi sebab atas mana saya bangkit again to press you, to ask you. It is not just me who wants an answer. I think everybody out there wants an answer.

Berkenaan dengan kawasan saya, saya juga telah minta beberapa kali berkenaan dengan adanya atau perlunya wujud satu balai polis di Taman Equine. Taman Equine *is a place that has developed*, pembangunan sangat pesat, Tuan Pengerusi, tetapi tidak ada balai polis di situ. Balai yang paling dekat adalah di DK 5, DK 3. Jadi persoalan saya bangkitkan sekali lagi, adakah kerajaan bersedia untuk meningkatkan fasiliti polis atau kepolisan di situ? Bilakah kita boleh lihat satu balai polis yang baru di tempat itu memandangkan pembangunan tempat itu sangat pesat? Itu adalah satu perkara yang sangat diperlukan oleh rakyat di kawasan Puchong.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab soalan-soalan saya selepas daripada ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

2.49 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Salam sejahtera. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri.

■1450

Saya menjurus kepada Butiran 010300 – Penyiasatan Jenayah PDRM. Tuan Pengerusi, apabila saya mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Puchong, saya juga turut terpanggil hendak memohon kepada pihak kementerian terutama sekali pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga PDRM untuk dapat memberikan penjelasan khususnya mengenai pertambahan pusat-pusat hiburan dan rumah urut yang saya ibaratkan bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan di negeri Selangor dan juga di Parlimen Kuala Selangor.

Jadi saya memuji tindakan pihak PDRM yang melakukan pelbagai urusan khususnya dalam melakukan penyiasatan dan juga pelbagai elemen yang berkaitan untuk membanteras perkara yang menimbulkan perkara-perkara yang negatif. Cuma saya hendak bertanyakan kepada pihak kementerian, sejauh manakah tindakan pihak polis ini berjaya untuk memastikan elemen-elemen jenayah dapat dikurangkan.

Ini kerana Tuan Pengerusi, apabila saya membaca di media mahupun pendedahan yang dibuat dalam sebuah media, saya mendapati sebagai contoh kalau di negeri Selangor ini, di Dataran Sunway, di Kota Damansara, Taman Sea Park di Petaling Jaya mendapati kira-kira 70 hingga 80 peratus khidmat seks ditawarkan di sebalik operasi rumah urut.

Jadi saya fikir sudah sampai masanya pihak kementerian dapat menceritakan dan mendedahkan dalam Dewan ini apakah punca sebenar perkara ini berlaku.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyatakan di sini, apabila saya membaca laporan daripada pihak PDRM, saya mendapati bahawa di Selangor ada 6,000 rumah urut yang kononnya menawarkan khidmat seks dan saya hendak tanya apakah ini benar atau tidak kerana saya terbaca dalam akhbar-akhbar tabloid. Jadi saya hendak minta pihak kementerian dapat menyatakan dalam Dewan ini, lebih-lebih lagi apakah operasi ini haram yang sudah tentunya mungkin melebihi dengan apa yang dinyatakan oleh saya sebentar tadi.

Lebih membimbangkan lagi Tuan Pengerusi, pengusaha perkhidmatan seks ini juga menggunakan media *WhatsApp* dan *WeChat* untuk mempromosikan perniagaan mereka seiring dengan inovasi teknologi maklumat. Persoalannya yang ingin saya tujukan kepada pihak kementerian, siapakah yang meluluskan permohonan mereka ini dan juga sama ada jumlah-jumlah ini dapat dipantau oleh pihak PDRM khususnya di kawasan-kawasan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 030500 – Pemulihan dan Rawatan Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Saya menyedari bahawa peranan Jabatan Penjara Malaysia ini sangat penting terutama sekali bagi sistem pengurusan dan pengintegrasian strategik banduan. Sebagai contoh Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya, Penjara Sungai Buloh adalah sebahagian dengan Parlimen Kuala Selangor, begitu juga pusat *correctional* di Puncak Alam juga dalam Parlimen Kuala Selangor.

Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana saya lihat Jabatan Penjara memainkan peranan yang sangat penting lebih-lebih lagi sebagai pusat pemulihan di negara ini dalam bentuk akhlak dan keperibadian mereka yang melakukan kesalahan di samping menjatuhkan hukuman terhadap mereka yang disabitkan kesalahan oleh pihak mahkamah.

Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, bagi memperkasakan institusi penjara sebagai satu institusi yang penting, saya juga ingin menyatakan penghargaan saya juga di atas pengorbanan dan jasa anggota penjara. Saya juga memohon agar skim dan gred gaji para anggota penjara dapat dikaji semula agar ia setara dengan skim dan gred gaji anggota Polis Diraja Malaysia. Saya juga memohon agar bayaran insentif khas pegawai penjara (BIK) dapat dinaikkan dari RM100 kepada RM300. Saya juga memohon elaun guru kemahiran di penjara iaitu sebanyak RM60 dapat dikaji semula kerana pada hemat saya, ianya tidak relevan pada masa kini.

Saya mencadangkan mungkin kalau kerajaan mempunyai kekuatan, dapatlah dinaikkan kepada RM200 sebulan memandangkan tenaga pengajar di penjara mempunyai kemahiran khususnya dalam pelbagai bidang yang mampu membantu para banduan untuk menyediakan mereka dengan kemahiran termasuk juga meneruskan penghidupan mereka di pangkuan masyarakat selepas tamat menjalani tempoh tahanan.

Saya juga ingin mengambil peluang ini juga mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penjara Malaysia yang telah menjalankan satu program yang bertemakan dan tajuknya, 'Mesej Daripada Penjara'. Bekerjasama dengan kepimpinan guru-guru dan guru besar dan pengetua Parlimen Kuala Selangor di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa yang saya lihat ianya sebuah program yang begitu baik sekali khususnya dalam memberikan kesedaran kepada generasi muda dan golongan pendidik tentang apa yang berlaku dalam penjara.

Seterusnya Tuan Pengerusi, kepada Butiran 11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM). Memandangkan pertambahan penduduk di Parlimen Kuala Selangor semakin meningkat dan ianya memerlukan kepada kapasiti perkhidmatan keselamatan dan ketenteraman awam yang efisien dan efektif.

Justeru itu, bagi meningkatkan tahap keselamatan dan memberikan motivasi kepada semua anggota polis di Kuala Selangor, saya memohon agar Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor dapatlah dinaiktarafkan terutama sekali dari elemen logistik dan juga kecantikan supaya ianya dapat dijadikan sebagai satu hab untuk menangani sebarang bentuk ancaman keselamatan dan jenayah. Saya juga amat berharap dengan kuarters polis yang mungkin pernah menjadi satu perancangan di IPD Kuala Selangor dapatlah dimasukkan dalam perancangan Malaysia pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Saya amat berharap sekali lagi kepada pihak Kementerian supaya Balai Polis Bestari Jaya dapatlah dilihat secara serius kerana keadaan yang sangat daif ketika ini. Lebih-lebih lagi kalau hujung minggu saya pernah melihat ketua balai tidur dalam balai polis tersebut. Saya juga melihat bahawa ini sangat penting terutama sekali bagi memberikan rangsangan dan dukungan kepada anggota polis di Balai Polis Bestari Jaya kerana kawasan tersebut merupakan antara kawasan yang perlu diberikan perhatian dalam memastikan gejala jenayah tidak berlaku dan meningkat.

Begitu juga kepada Butiran 01000 – Ibu Pejabat Kementerian Dalam Negeri. Tuan Pengerusi, saya ingin mengetahui tentang status rancangan untuk mewujudkan Kompleks Kementerian Dalam Negeri di Puncak Alam kerana ianya pernah dijadikan satu perbincangan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri suatu ketika dahulu dan saya menyambut baik tentang cadangan untuk mewujudkan Kompleks KDN di Puncak Alam kerana kependudukan penduduk semakin bertambah, lebih-lebih lagi perlunya ada *one-stop center* yang boleh dijadikan asas dan teras supaya semua penduduk dapat hadir ke sana seakan-akan seperti mini UTC yang menghubungkan semua agensi-agensi di bawah KDN di bawah satu bumbung.

Saya lihat ini satu elemen yang sangat penting kerana pada hemat saya, ini sebagai satu kekuatan juga bagi kawasan Puncak Alam kerana penduduk mengharapkan mungkin pada masa akan datang Puncak Alam boleh dijadikan satu hab baru khususnya dalam mempromosikan bandar selamat.

Tuan Pengerusi, akhir kata, saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kakitangan KDN dan juga pihak polis khususnya di Parlimen Kuala Selangor yang saya lihat mereka bertungkus-lumus membantu dalam memastikan elemen penjenamaan bandar selamat itu wujud di Kuala Selangor. Sekian, Kuala Selangor menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya ingin ingatkan bahawa keputusan telah dibuat pagi tadi, perbincangan ini akan ditamatkan jam 3.30 petang. Saya rasa memadai kita hadkan masa tujuh minit seorang.

Sila Yang Berhormat Kuantan.

2.59 ptg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan di bawah Kementerian Dalam Negeri ini, Maksud Bekalan 62. Butiran 010900 – Integriti dan Pematuhan Standard PDRM.

■1500

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Butiran 010000 di bawah Butiran 010900 berkenaan dengan emolumen. Saya lihat bahawa bilangan jawatan sama iaitu 1,820 pada tahun 2017 dan 2018. Akan tetapi anggaran perbelanjaannya lebih dua kali ganda daripada RM56 juta kepada RM92.4 juta, banyak peningkatan itu. Sedangkan tidak ada penambahan bilangan jawatan saya pohon penjelasan berkenaan dengan emolumen tersebut.

Saya juga pohon penjelasan berkenaan dengan Butiran 30000 di bawah Aset di bawah butiran yang sama. Apakah aset yang disenaraikan kerana pada tahun 2017 jumlah aset adalah kosong tidak ada perbelanjaan. Pada tahun 2018 anggarannya ialah RM1.5 juta, apa dia aset yang dirancang untuk dibeli. Di bawah aktiviti Integriti dan Pematuhan Standard PDRM ini Yang Berhormat Menteri kerana di bawah Pematuhan Standard PDRM ini, saya ingin bertanya dengan emolumen yang bertambah dan keadaan jumlah penjawat yang sama kita tetap kekal mendapat masalah ataupun kita menerima aduan-aduan berkenaan dengan orang kena tahan dikasari dalam lokap.

Jadi saya pohon penjelasan bagaimana kita hendak menangani kes ini? Harap-harapnya dengan penambahan emolumen ini akan berkuranganlah kes orang-orang yang kena tahan dikasari dalam lokap. Malah kita ada banyak kes. Saya di Kuantan sendiri pun ada satu kes yang sudah lebih satu tahun tidak selesai dipukul dalam lokap sehingga memerlukan 24 jahitan. Pada ketika itu, satu tahun lepas saya membawa kes ini kepada Ketua Polis Negeri Pahang, beliau berjanji kepada saya akan menyelesaikan kes ini.

Akan tetapi sehingga beliau pencen, sekarang sudah bertukar Ketua Polis Negeri kes ini tidak selesai. Kemudian IO pula menyuruh pengadu menarik kes, menekan *harass* keluarga suruh menarik kes, sehinggalah laporan hospital pun hilang. Laporan perubatan pun tidak dapat dikesan berkenaan dengan kes ini. Jadi persoalan saya kita berhadapan dengan keadaan yang begini. Ini bukan *One-Off*, kes ini berlaku di seluruh negara dan banyak lagi aduan-aduan yang sebegini. Jadi saya pohon penjelasan tentang Pematuhan Standard PDRM ini.

Saya juga mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Pematuhan Standard PDRM ini berkenaan dengan peti-peti undi awal. Oleh sebab peti-peti undi awal ini akan diletakkan di dalam balai di dalam Pilihanraya Umum Keempat Belas. Peti-peti undi awal pada PRU Ke-13 diletakkan di dalam lokap selama lima hari. Apabila saya bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab terhadap SPR, Menteri menjawab dalam peringkat Jawatankuasa baru-baru ini bahawa tanggungjawab adalah di bawah ketua balai sama ada ketua balai hendak bagi kita tengok atau tidak. Sedangkan SPR berjanji kita boleh kawal dan jaga peti-peti undi awal ini 24 jam sebelum proses pengiraan undi. Sebagaimana layaknya *polling agent* dan *counting agent* diberi hak dan kuasa untuk menjaga peti undi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri PRU Ke-14 nanti sekiranya lokap digunakan untuk menyimpan peti undi awal bagaimanakah kita hendak guna, bagaimanakah tindakan akan diambil, apakah prosedur yang akan digunakan oleh ketua balai? Apakah Peraturan Standard PDRM yang akan digunakan nanti terhadap peti-peti undi awal pada Pilihanraya Umum Keempat Belas.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Kuantan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Wangsa Maju Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Sekejap sahaja Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Okey, terima kasih. Tentang undi awal ini Ahli Yang Berhormat dari Kuantan bersetuju atau tidak seperti undi biasa. Kalau mahu undi awal, empat atau lima hari kira sama hari. Itu lebih baik dan lebih selamat. Terima kasih.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Kuantan tumpang sedikit. Ini berkenaan dengan peti undi awal ini, Tuan Pengerusi. Pada pilihan raya yang lepas saya ada buat laporan polis Setiawan-004945/13, mengenai percubaan pegawai lantikan SPR untuk bawa lari kotak undi yang belum digunakan. Lebih kurang 70 ribu kertas undi baru yang cuba dilarikan kita minta penjelasan daripada pihak PDRM.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Lumut. Undi awal ini berlaku lima hari sebelum undi awam. Ada banyak insiden-insiden yang meragukan tentang salah laku dan kemungkinan peti undi ini di tukar dan sebagainya. Ini kerana apabila saya memohon sebagai calon untuk mengiringi SPR apabila pintu lokap dibuka, saya ditahan dengan senjata api oleh pihak balai.

Jadi di sini pihak Menteri yang menjawab bagi pihak SPR, dia kata bukan masalah dia sedangkan ini isu pilihan raya, tetapi dia kata ini isu sekarang di bawah PDRM. Jadi saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Apa dia pendirian. Saya juga pohon Yang Berhormat Menteri jawab apa yang Yang Berhormat Wangsa Maju dan Yang Berhormat Lumut katakan tadi dan masukkan juga di dalam perbahasan saya.

Tuan Pengerusi, saya ingin tambah Butiran 020400 berkenaan dengan Pengurusan Jabatan Imigresen Malaysia. Laporan terkini mengatakan dekat 800 ribu rakyat Malaysia disenaraihitamkan daripada ke luar negara. 790,186 orang ya, maklumat yang terkini disenaraihitamkan daripada ke luar negara. Separuh daripadanya ialah peminjam PTPTN dan daripada Jabatan Insolvensi, Lembaga Hasil Dalam Negeri. Apakah rasional mereka disenaraihitamkan daripada ke luar negara? Termasuk yang disenaraihitamkan ialah seorang kartunis yang namanya Zunar, seorang pelukis yang melukis buku bernama 'Sapuman'.

Apakah kesalahan beliau sehingga beliau pun disenaraihitamkan daripada ke luar negara? Sedangkan beliau belum lagi di-*convicted of any* salah laku ya. Jadi saya pohon penjelasan atas butiran-butiran tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

3.07 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada empat perkara. Pertama Butiran 11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM). Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian sebab baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri datang ke Kinabatangan dan mengumumkan pembinaan IPD Kinabatangan. Jadi saya ingin bertanya status bagaimana- status sekarang IPD Kinabatangan.

Saya juga ingin menyarankan kepada kementerian, IPD yang baru ini haruslah dilengkapi dengan kelengkapan yang baru. Oleh sebab sekarang ini IPD Kinabatangan kereta pun tidak ada, ada kereta pun tidak boleh kejar pihak lawan. Jadi kita hendakkan polis kita efisien, hendakkan polis kita hebat, tetapi peralatan tidak ada. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ini harus pandang serius perkara ini supaya IPD Kinabatangan ini dapat diterjemahkan dan kalau boleh bina lah juga *shooting range*. Jadi pihak polis pun boleh lah praktis tiap-tiap hari. Kalau satu kali tembak terus kena. Ini tembak sepuluh kali pun jarang kena sebab tidak ada praktis. Tidak ada latihan. Jadi ini harus diambil kira juga lah.

Kedua, Butiran 030200 – Pengurusan AADK dan juga Butiran 010500 – Siasatan Jenayah Narkotik PDRM. Saya rasa kedua-dua AADK ini dan Pejabat Anti Narkotik ini dua-dua gagal menjalankan amanah tanggungjawab mereka. Kenapa gagal? Oleh sebab makin tahun, makin hari, makin banyak penagih dadah. Sedangkan dadah ini diisytiharkan oleh pemimpin kita sebagai musuh utama negara. Saya cadangkan AADK ini bubar sahaja lah. Buang duit rakyat, membuang masa. Tidak ada fungsi. Tidak berfungsi langsung. Tidak buat kaunseling pun, tidak berkesan, buat macam-macam. Habis duit kerajaan mesyuarat sana, mesyuarat sini rakyat tunggu, apa hasil mesyuarat tidak ada juga hasil. Ini masalah kita.

Kalau AADK ini bijak pandai cari mekanisme macam mana hendak menyelesaikan isu dadah merbahaya ini. Di kawasan saya di Kinabatangan, dadah ini menghancurkan masa depan anak bangsa kita, termasuk di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga. Speaker punya kawasan pun, Hulu Rajang semua ada. Macam kita ini sudah jadi pusat pengeluaran dadah. Suatu ketika dahulu Yang Berhormat Menteri, di *Philippines* ini dadah yang digunakan amat menggerunkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Akan tetapi apabila Presiden Duterte masuk, sekarang boleh dikira *zero drug in Philippines*.

■1510

Kenapa kita tidak boleh ikut cara *Philippines*. Kenapa tidak boleh? Mana-mana yang penagih dadah kita penjara *without trial*. Mana-mana yang pengedar, tembak dia. Apa masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Negara kita bersih, kita boleh menuju negara yang maju, membangun, rakyat dia pada ketika itu menjadi rakyat yang bijaksana. Sekarang rakyat kita kalau kita biarkan, bermakna lesulah masa depan negara kita kalau kita tidak urus dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang bangun Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya terpanggil tadi Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan yang panggil Yang Berhormat.

Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang mempunyai suku kaum Orang Ulu- tidak pernah dengar dadah dari ulu. Akan tetapi sekarang dadah sudah melimpah lebih dari yang tidak dijangka. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, kalau boleh bubarkan dan jangan main-main kerana sekarang serius sangat di kawasan saya di Hulu Rajang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Just* satu sahaja. Sikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Kinabatangan, tadi ada menyatakan bahawa kalau ada pengedar, tembak saja. *Are you serious?* Adakah ini satu perkara serius. Ada, *no, no*, adakah Yang Berhormat Kinabatangan percaya itu adalah cara yang baik seperti yang dibuat di Filipina? Adakah Yang Berhormat Kinabatangan menyokong tindakan Rodrigo Duterte di Filipina untuk membuat yang sama. Kita minta pendirian Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *I am very serious* Yang Berhormat. Kalau boleh sebab untuk kepentingan masa depan bangsa, negara kita. Kita tidak mahu pengisian bangsa negara kita terdiri daripada mereka-mereka yang tidak bermaya, lemah longlai, tidak beridea macam Yang Berhormat. Tengok Yang Berhormat tidak penagih, Yang Berhormat menyerlah macam saya juga. Itu yang kita mahu. Ini masa depan yang kita mahu. Bukan yang lemah longlai, jadi penagih, jadi pembunuh, jadi pencuri. Mana-mana pengedar, tembak. Macam di China pun begitu. Di *Philippines*, tengok *Philippines*, siapa bikin *Philippines* sekarang, tengok macam mana hebat negara dia?

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Kinabatangan. Sekejap saja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kinabatangan, setujukah bahawa ada juga pihak-pihak dalam polis yang mengawal ini juga terlibat dalam mengedar dadah. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak menuduh tetapi kebanyakan rakyat di bawah berkata begitu. Itu sebab saya tidak tahu macam mana perkara ini sebab betul juga, ada polis, penguat kuasa di situ, tetapi pengedaran dadah berterusan. Jadi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena tembak jugakah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Kalau rakyat cakap, bahawa ada terlibat, tolonglah periksa. Kita mahu, kita tidak mahu harapkan pagar, pegar makan padi. Itu tidak bagus.

Yang terakhir Tuan Pengerusi iaitu 050400 membanteras perdagangan manusia. Baru-baru ini kita dengar di Kota Kinabalu, imigresen telah berjaya menangkap lebih kurang, menemui RM13 juta di sebuah hotel. Jadi apa perkara ini? Kita pun mahu tahu. Siapa yang di belakang tabir permainan ini? Adakah sindiket yang besar ataupun ada yang lain? Saya pun ingin tahu sebab Imigresen yang tahu dulu, pihak polis belum tahu. Jadi apa yang berlaku dalam negara kita begini? Seharusnya ada kolaborasi di antara dua agensi ini untuk memastikan kita berada di landasan yang benar. Rakyat di Sabah ingin tahu apa yang berlaku ini. Sebab semua pun tidak ada informasi. Jadi itulah saja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

3.13 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sikit saja saya hendak ulas sikit fasal daripada Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Dia kata hendak tembak. Kita sekarang hendak hapus hukuman mati, nampaknya dia hendak kenakan hukuman bunuh pula. Nampak ada kontradiksi di sini Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Untuk kebaikan negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Ketawa] Tidak apalah. Saya ingin berbahas mengenai Butiran 010300 iaitu Penyiasatan Jenayah Tuan Pengerusi, PDRM. Saya ingin bangkitkan mengenai kenyataan daripada pihak Ketua Polis Negara yang dilaporkan oleh media bahawa satu siasatan telah diadakan ke atas Datuk Ambiga berkaitan dengan apa yang di- saya gunakan istilah undang-undang, di*plead*kan dalam *statement of defence* ataupun pernyataan pembelaan *Sarawak Report* di atas saman yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Marang.

Saya hendak tanyalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah kerajaan serius kah hendak siasat ini sebab minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini satu kes yang saya rasa kalau disiasat juga memang memalukan negara kita. Sebab tidak pernah lagi berlaku dalam dunia ini apabila kita nyatakan dalam satu *pleading*, tiba-tiba disiasat. Alasannya kerana melibatkan jumlah besar dalam laporan polis.

Takkan kedua alasan itu. Kami banyak buat laporan polis, tidak siasat pun. Akan tetapi bila melibatkan ini, disiasat. Okeylah, katakan lah memang disiasat, saya hendak tanya adakah sekarang ini telah dipanggil juga Perdana Menteri sebab beliau yang dituduh dalam kes itu. Yang kedua dan adakah juga hendak disiasat *Claire Brown* itu dan juga adakah hendak disiasat juga Yang Berhormat Marang. Sebab kita tidak boleh siasat seorang saja, Datuk Ambiga saja, kita kena siasat semualah, kalau hendak siasatlah dan juga siasat juga nama-nama yang dikatakan penerima imbuhan-imbuhan itu dalam saman itu. Kalau hendak siasat.

Akan tetapi bagi saya ini tidak sepatutnya. Sepatutnya kita tunggulah proses perbicaraan. Kerana ini saya harap pihak kementerian dapat menilai balik perkara ini. Kalau tidak kita akan dilihat sebagai satu negara yang amat, jadi dipanggil bahan ketawalah ya. Itu yang pertama.

Yang keduanya saya hendak bertanya juga berkaitan dengan Butiran 030700 iaitu keselamatan JPM. Saya hendak tanya, sekarang ini ada nampak ada dua *version* lah. Satu *version* mengatakan bahawa daripada pihak bekas Perdana Menteri iaitu Tun Mahathir mengatakan bahawa UTK telah ditarik balik daripada untuk mengawal beliau atau mengawal keselamatan beliau. Akan tetapi kata pihak kerajaan tidak ada. Jadi saya nampak ada dua *version* ini. Saya hendak tanya sebenarnya *version* mana yang betul ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya, saya rasa kita jangan fikir satu *precedent* yang memalukanlah. Saya tidak kisah, bagi saya apabila Perdana Menteri ini, sesiapa saja pun, kalau kata akan datang katakan Yang Berhormat Pekan tidak jadi Perdana Menteri lagi pun, kalau dia tidak masuk penjara katakan. Kalau katakan lepas dia berhenti, dia masih lagi bekas Perdana Menteri, masih lagi boleh bebas bergerak.

Saya rasa saya tidak ada masalah kalau sekiranya UTK diberikan tugas untuk mengawal beliau sebab kita harus menjadikan itu satu sebagai satu *precedent* yang baik. Akan tetapi sekarang ini apabila Tun Mahathir nampaknya agak kritikal kepada pihak kerajaan, tiba-tiba katanya banyak fasiliti-fasiliti yang diberikan kepada beliau ditarik balik. Saya rasa ini satu benda yang tidak sepatutnya berlakulah. Jadi saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat menjawablah.

Yang ketiganya berkaitan dengan 010700 iaitu penyiasatan jenayah komersial PDRM. Saya membangkitkan isu ini kerana apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana peruntukannya telah ditambah daripada RM130,426,000 kepada RM139,325,400.

Saya hendak tanya berkaitan dengan isu tentang sekarang ini heboh dinyatakan dalam akhbar tentang pengecualian tentang kes pembekuan bagi projek-projek yang besarlah, projek-projek yang bernilai juga iaitu diberikan pengecualian kepada projek bandar Malaysia yang melibatkan 486 ekar dan juga projek *Tun Razak Exchange* yang juga yang bersaiz 700 ekar. Jadi kedua-dua projek ini kita tahu melibatkan 1MDB, diberikan pengecualian. Sedangkan projek-projek mewah yang lain diarahkan ada moratorium ataupun ada satu sekatan.

Jadi saya hendak tanya adakah pihak polis khususnya bahagian jenayah komersial ini menyiasat perkara ini sebab jika ada elemen-elemen jenayah saya harap pihak polis seharusnya menyiasat dan juga mengambil tindakan yang perlu. Sebab kita tidak mahu nanti orang lihat adanya satu diskriminasi dari segi siasatan jenayah ini. Seterusnya...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Sepang, boleh celah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Silakan.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang sama ada Yang Berhormat Sepang terbaca ada satu butiran 050900 mengenai Bayaran Insentif Imigresen. Saya hendak tanya sama ada bayaran itu ialah satu peruntukan khas yang akan diberikan dalam bentuk habuan apabila Jho Lo disekat dan ditangkap mana-mana tempat Imigresen. Kalau tidak apa tujuannya Bayaran Insentif Imigresen RM20 juta ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada rakan saya. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri, saya minta supaya jawapan beliau dijadikan sebagai ucapan saya dan saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong sebab ini satu persoalan yang memang bagi saya amat perlukan jawapan.

■1520

Terakhir, saya minta berkaitan dengan pengurusan polis dan juga berkaitan dengan balai polis, pondok polis. Saya nak tanyalah, ini ada satu balai polis yang sampai sekarang tidak buat lagi iaitu di Putra Perdana di Sepang. Saya berkata begini Yang Berhormat Menteri sebab apa, kita sudah rasmikan tapak, berapa kali sudah rasmi tidak tahulah. Sudah rasmikan tapak, sudah buat sambutan besar-besaran kata nak buat satu balai polis di sebelah masjid Putra Perdana di Sepang, tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa. Tapak itu pun lalang sudah tumbuh sudah.

Jadi saya nak tanyalah, adakah pihak kerajaan serius atau tidak? Saya nak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dulu dia Menteri KDN, saya pernah tanya dia, sekarang sudah jadi TPM pun, dia pernah bisik dekat saya tidak ada duit. Betulkah tidak ada duit ini? Kalau tidak ada duit, jangan jadi kerajaanlah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

3.21 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memandangkan kesuntukan masa, hanya nak ingin menimbulkan dua isu. Pertama dengan Butiran 010500 iaitu berkenaan dengan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM, di mana di dalam butiran yang dipohon Tuan Pengerusi, ini adalah satu kos yang dipohon oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menyelaraskan kerja-kerja berkenaan dengan usaha-usaha siasatan narkotik.

Saya ingin bertanya berkenaan isu ini, apakah usaha-usaha sedang diambil untuk menyiasat pegawai-pegawai PDRM yang terlibat di dalam kes-kes di mana mereka berbohong di mahkamah? Di dalam kes-kes narkotik seperti baru-baru ini, Puchong telah pun ada satu kes di Seremban di mana seorang rakyat Korea Selatan. Yang Berhormat Puchong ada di sini, mungkin beliau boleh memberi penjelasan nanti, telah pun dibebaskan oleh mahkamah di mana IO di dalam kes tersebut, pegawai penyiasat telah pun menyatakan secara terbuka ataupun mengakui bahawa beliau berbohong.

Saya juga pun mempunyai lagi satu kes baru-baru ini, minggu lepas di Petaling Jaya. Satu lagi kes narkotik M1-83D-2927-10-2016, tertuduhnya bernama Beaneth Osita seorang warganegara Nigeria di mana IO di sana juga telah pun mengakui saya berbohong. Beliau berkata begitu. Dalam kes-kes begini Tuan Pengrusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *pro bono* Yang Berhormat ya.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Pro bono?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Your interest in the case.*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Yes, yes. I have interest in the case. I do.* Itu adalah kes saya yang saya menimbulkan sebagai contoh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Akan tetapi saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Personal interest* dia, bertentangan dengan peraturan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini bukan saya, merujuk kepada kes Yang Berhormat Puchong tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu adalah satu kes *on the point* di mana di dalam kes tersebut sama seperti itu, kita perlu tanya apakah siasatan ataupun tindakan yang diambil untuk mendisiplinkan. Adakah kos yang diminta ini adalah untuk mendisiplinkan ahli-ahli pegawai tersebut.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berkenaan dengan kes ataupun isu 011200 iaitu berkenaan dengan model Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM). Di dalam butiran tersebut, saya ingin bertanya berkenaan dengan isu Wang Kelian ataupun *mass graves*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Di dalam isu tersebut, kami telah pun dimaklumkan bahawa terdapat tiga suspek utama iaitu daripada negara Thailand kalau tidak silap saya, di mana terdapat permohonan ataupun kemungkinan terdapatnya permohonan untuk mengekstradisi suspek-suspek tersebut. Saya tidak pernah mendengar apa-apa berita selanjutnya berkenaan dengan ekstradisi-ekstradisi tersebut. Saya ingin bertanya sama ada kos yang dipohon ini akan juga terlibat untuk mengambil tindakan ekstradisi-ekstradisi tersebut? Apakah status ekstradisi tiga warganegara Thailand tersebut?

Berkenaan dengan ekstradisi Tuan Pengerusi, kita tidak boleh melupakan kes *Altantuya*. *What has happened to the Altantuya case?* Sudah berapa tahun sekarang, sejak 2015 di mana Menteri KDN telah pun menyatakan bahawa akan mengambil langkah untuk mengekstradisi salah satu pembunuh, Sirul Azhar yang kini berada di Sydney ataupun di Australia. Akan tetapi sehingga sekarang, tiada langkah diambil.

Saya ingin tanya Timbalan Menteri, adakah ini satu usaha untuk tidak membawa beliau balik supaya beberapa isu tidak dijawab di negara ini? Ini adalah satu perkara yang perlu diambil kira. Zakir Naik juga, kami juga ada mendengar berkenaan dengan permintaan ataupun niat, permintaan Kerajaan Negara India untuk membawa balik Zakir Naik. Apakah usaha ataupun apakah status yang diambil oleh KDN untuk mengambil ataupun menghantar balik Zakir Naik ke India? Adakah status ataupun langkah diambil untuk tujuan tersebut?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Setengah minit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak tanya juga sebab ada berita yang disampaikan bahawa Zakir Naik itu pasportnya dari India telah pun ditarik balik oleh negara asalnya. Jadi, adakah Zakir Naik yang bermastautin di Malaysia itu, bermastautin dengan *travelling document* yang sah? Itu yang saya hendak tumpang tanya. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Itu adalah satu soalan yang *valid* dan saya juga ingin memohon agar soalan tersebut dijawab oleh pihak Menteri.

Ketiganya Tuan Pengerusi berkenaan dengan *enforcement agency* ataupun *Enforcement Agency Integrity Commission*. Ini tergolong di bawah butiran siasatan jenayah juga, dalam Butiran 010300.

Tuan Pengerusi, di dalam laporan baru-baru ini daripada EAIC tersebut, kami dimaklumkan bahawa 1,950 aduan dibuat terhadap pegawai-pegawai PDRM dan kebanyakannya, 1,344 daripada aduan tersebut adalah terhadap pegawai polis. Ini termasuk lambat ataupun kelewatan membuat siasatan dan sebagainya.

Kes Nurin Jazlin sejak tahun 2007, September 2007. Sudah berapa tahun sekarang? Lapan, enam, tujuh tahun, 10 tahun?. Tuan Pengerusi, apakah status siasatan tersebut? Adakah kami mendapat apa-apa perkembangan berkenaan siapa pembunuh ataupun siapa yang akan diambil tindakan terhadap ataupun dituduh? Siapakah pembunuh Nurin Jazlin *and why is it gone quiet?* Ini adalah perkara-perkara yang perlu ditangani oleh KDN dengan hormatnya Tuan Pengerusi, oleh kerana ini adalah perkara di bawah *jurisdiction* EAIC tersebut...

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: [Bangun]

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Go ahead.*

Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Saya ingin mencadangkan di sini mengikut apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor mengenai isu *transparency* dan akauntabiliti pegawai polis. Adakah kementerian ada cadangan untuk menambah atau untuk memastikan bahawa *field officers* memakai *video cam* atas *vest* mereka supaya mereka juga dilindungi terhadap tuduhan-tuduhan oleh sesiapa pun ataupun perlindungan diberikan kepada si mangsa. Saya harap boleh masukkan juga. Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya pun juga minta perkara tersebut dimasukkan...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh kerana tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor sebut banyak kes yang lama sampai hari ini tidak selesai. Saya pada hari ini juga ingin merujuk kepada satu kes rogol yang berlaku di Pulau Tioman pada bulan Mac hingga Mei pada tahun yang lalu. Semasa itu di mana seorang pelajar tingkatan empat yang bekerja secara sambilan di Jeti Kampung Tekek telah mendakwa bahawa telah diberikan dadah sebelum dirogol secara bergilir-gilir oleh lima lelaki termasuk beberapa pengawal keselamatan dan seorang anggota Jabatan Kastam.

Walaupun laporan polis telah dibuat pada bulan Jun tahun yang lalu, tetapi selepas hasil siasatan diserahkan kepada AG pada 26 September tahun ini, keputusan daripada AG adalah tidak membawa kes ini ke mahkamah. Jadi saya rasa pertama, kenapa kes rogol sebegini mengambil masa yang begitu panjang untuk habiskan siasatan?

■ 1530

Dan kedua, dalam kes rogol macam ini, kenapalah kita tidak nampak tindakan yang lebih keras daripada kerajaan, daripada PDRM untuk ambil tindakan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ia akan dijadikan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Satu sahaja

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jadi saya sebagai akhir kata, saya minta KDN...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Satu sahaja.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh, *why not?*

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Boleh Tuan Pengerusi? Terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat Bukit Gelugor untuk mendesak polis dan Yang Berhormat Menteri, apakah perkembangan siasatan kepada Zamihan Mat Zin yang telah digelar sebagai *"the radicalise expert"*, dengan izin, oleh Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sedikit sahaja

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah cukup Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Berapa orang hendak sambung ini? Berapa orang yang hendak sambung ini?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sedikit, *last one* terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor telah bangkitkan isu saksi menipu dalam mahkamah. Saya hendak tambah sedikit di mana sekarang ada isu di mana laporan polis dilakukan dan kita mendapati bahawa laporan polis itu adalah palsu. Kegiatan ini banyak sekarang, setiap orang hendak hukum orang lain hendak kenakan orang lain, banyak kes-kes atau laporan polis yang dilakukan. Apakah tindakan daripada pihak polis? Adakah mereka mengetahui sekiranya mereka mendapati ada laporan polis palsu dilakukan? Apakah tindakan seterusnya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi kadang-kadang memberi saya peluang untuk bercakap dan juga pencelahan itu tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seperti yang diputuskan, sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.31 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada lebih kurang 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah, termasuk yang mencelah, 14 orang yang ada hak untuk bercakap kerana memberikan soalan-soalan yang ditujukan kepada kementerian, ada yang relevan yang berkenaan dengan peringkat jawatankuasa yang kita bincangkan ini, ada juga yang tidak. Jadi saya cuba untuk menjawab mengikut keperluan jawapan pada peringkat Jawatankuasa Bajet ini yang berkenaan dengan KDN.

Soalan yang pertama, Yang Berhormat Permatang Pauh, tiada. Saya tidak jawab, tidak jawab. Tadi dia sebut nama saya kerana kenyataan yang saya telah buat mengenai pekerja asing. Jadi saya hendak cuba terangkan mengenai kenyataan yang saya telah buat sebelum ini yang telah diputar belitkan.

Sebenarnya saya katakan bahawa OSC di KDN akan mempertimbangkan *case-by-case basis*, permohonan daripada syarikat pembuatan untuk membenarkan penggunaan 100 peratus pekerja asing di *production line* sahaja, bukan di keseluruhan syarikat. Perkara ini pun timbul fasal yang minta pun majikan yang sebenarnya, barang-barang mereka dibuat untuk dieksport. Ini satu lagi perkara yang saya hendak jelaskan di sini. Dasar pekerja asing ini timbul kerana permintaan daripada majikan pengeksporth barang pembuatan yang telah memintanya kira-kira tahun 90 an dahulu dan kerajaan membenarkan penggunaan pekerja asing kepada mana-mana syarikat yang pengeksporth pada ketika itu.

Masalahnya, dalam masa 20 tahun ini majikan daripada pelbagai-bagai sektor telah memohon untuk mendapatkan pekerja asing dan ini menimbulkan masalah kepada kerajaan kerana kalau kita tidak membenarkan penggunaan pekerja asing maka ini akan menjejaskan prestasi ekonomi kita. Akan tetapi kita masih lagi ada peraturan, ada lagi SOP, ada dia punya kadar-kadar yang digunakan untuk memastikan pekerja tempatan kita tidak hilang peluang pekerjaan. Soalnya sekarang ini, kita perlu pertimbangkan kepentingan majikan dibandingkan dengan kepentingan pekerja tempatan juga.

Untuk makluman dewan di sini, saya hendak maklumkan di sini bahawa sekarang ini kalau dikira keseluruhan pekerja di negara kita ada 12 juta orang, yang lebih kurang ya, ini *figure*, saya tidak tepat ya. Sekarang ini kita hanya ada jumlah pekerja asing yang didaftarkan sebanyak 1.7, hendak dekat 1.8 juta orang yang telah diberikan PLKS.

Jadi jumlah nisbah pekerja asing dengan pekerja secara keseluruhan memang lebih kurang dalam 10 ke 15 peratus. Jadi ini- biar saya habiskan dahulu. Jadi kerajaan tidak sewenang-wenangnya hendak ambil pekerja asing untuk masuk bekerja di negara kita tanpa memikirkan mengenai kepentingan pekerjaan penduduk tempatan. Saya juga hendak maklumkan di sini juga bahawa

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang jumlah pekerja asing ini. Yang Berhormat sebut tadi adalah 1.7 juta sahaja

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, yang didaftarkan oleh apa ini.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya tetapi kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia *directly* di sini, yang tidak daftar mungkin dua kali ganda itu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu *you* tanya dia lah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi dia kata.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kita hanya gunakan data yang ada di kementerian kita.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi dia kata ini semua diuruskan oleh Menteri Dalam Negeri, bukan oleh kementerian. Dia tidak ada kuasa. Semua ini diuruskan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak- kita keluarkan permit kerja selepas dinilai oleh Jabatan Sumber Manusia.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Itu dia sebut di sini, di Dewan. Imigresen dia kata *is responsible*. Kementerian Dalam Negeri yang ada *full control* untuk proses ini.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Salah, salah. Kita keluarkan permit selepas prosedur untuk menapis pekerja asing telah dibuat. Jangan salah faham, bukannya kita yang luluskan, ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak apalah okey. Akan tetapi poin saya ialah jumlah yang kita kena pakai ialah jumlah yang sebenarnya, bukan 1.7.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini sembang, sembang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi saya hendak mengakhiri jawapan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh dan sekiranya ada maklumat-maklumat yang berkenaan dengan Butiran, saya boleh bekalkan sebagai jawapan bertulis kepada beliau.

Seterusnya, daripada Yang Berhormat Permatang Pauh juga dan Kuala Nerus. Kuala Nerus pun tiada juga. Jadi mengenai jenayah indeks ini. Jadi kalau tiada, saya akan bekalkan secara bertulis.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh baru masuk Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Alamak [*Ketawa*]

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Jangan kata alamak, jawab sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya sudah jawab tadi hendak bekalkan secara bertulis mana-mana yang jawapan yang diminta butiran-butiran.

Jadi seterusnya saya pergi kepada Yang Berhormat Kuala Lipis, bertanya mengenai jumlah rampasan senjata api buatan sendiri. Setakat ini kita rampas sebanyak 18 laras sahaja. Maknanya kalau 18 laras itu, tidak banyaklah jumlahnya. Akan tetapi PDRM sentiasa memantau jumlah senjata api yang dikeluarkan lesen oleh PDRM sendiri, oleh KDN sendiri dan juga senjata api yang boleh diperoleh secara haram dalam pasaran.

Kita juga mengawal jumlah senjata api yang dikeluarkan secara lesen kerana kita tidak mahu jumlah senjata api yang tinggi di dalam negara kita yang akhirnya boleh digunakan untuk tujuan-tujuan yang lari daripada tujuan ataupun objektif asal lesen dan juga kelayakan orang yang dikeluarkan lesen untuk mendapatkan senjata api ini.

Yang Berhormat Kuala Lipis juga telah bertanya mengenai tindakan yang dibuat kepada *Kingpin* dadah, yang terutamanya yang menumpukan kegiatan mereka di sekolah-sekolah. Jadi untuk makluman Yang Berhormat PDRM telah menangkap sebanyak 44 orang *Kingpin* dadah daripada tahun 2014 ke Oktober 2017. PDRM juga mengambil tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 untuk menahan individu-individu yang menjadi dalang kepada kegiatan pengedaran dadah. Di bawah Akta LLPK ini, seramai 3,020 orang sedang ditahan di bawah akta tersebut.

Bagi mengawal kegiatan pengedaran dadah di sekolah, PDRM telah menempatkan pegawai perhubungan di sekolah untuk memantau masalah dadah dan disiplin pelajar. PDRM turut mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan serta menjalankan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras sindiket dadah tersebut.

■1540

Untuk makluman Yang Berhormat, PDRM sekarang ini telah diminta untuk menumpukan aktiviti penguatkuasaannya kepada aktiviti mengekang pengedaran dadah sahaja. Dulu PDRM boleh menangkap atau membuat aktiviti penguatkuasaan kepada pengedar dan juga penagih dadah. Sekarang ini mereka diminta untuk fokus kepada mengekang pengedar dadah dan penagih dadah, penguatkuasaannya sekarang diletakkan di bawah AADK. Jadi susahlah tadi Yang Berhormat Kinabatangan cakap bahawa hendak tutup AADK. Kalau tutup AADK siapa hendak buat penguatkuasaan pada penagih dadah dan sebagainya.

Saya hendak maklumkan di sini juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kinabatangan, soal dia menyokong tindakan Presiden Duterte untuk menembak pengedar dan penagih dan sebagainya, itu merupakan satu dasar yang bertentangan dengan normal antarabangsa. Kita pun tidak mahu membuat tindakan yang boleh menjejaskan *human rights* ataupun hak asasi manusia. Sekiranya tindakan tersebut Yang Berhormat Kinabatangan masuk sudah. Sekiranya perkara ini dibuat di Malaysia...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...ia akan membawa implikasi pelbagai daripada pihak antarabangsa termasuk *sanction* ekonomi dan sebagainya oleh *United Nations* dan juga badan-badan antarabangsa.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri, mencelah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak maklumkan di sini juga bahawa Kerajaan *Philippines* baru seminggu lepas atau dua minggu lepas, Presiden Duterte telah membuat keputusan bahawa semua aktiviti penguatkuasaan dadah dipindahkan daripada pihak polis kepada agensi antidadah kebangsaannya. Saya rasa itu mungkin disebabkan oleh tekanan daripada pihak antarabangsa di mana beliau mengubah dasarnya untuk membuat penguatkuasaan antidadah ini daripada pihak polis yang telah dikecam kerana tindakan pembunuhan *extra judicial*, dengan izin, dan dipindahkan tanggungjawab tersebut kepada penguatkuasaan di bawah agensi antidadah kebangsaan negara tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya, adakah merotan penagih-penagih dadah itu juga bertentangan dengan amalan antarabangsa yang mana kalau kita *introduce* itu mungkin memberikan kesan negatif kepada negara kita? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah tentu kerana negara di peringkat antarabangsa memang menekankan mengenai hak asasi manusia dan terutamanya tindakan untuk merotan dan juga untuk hukum gantung.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Baru-baru ini kerajaan telah membuat keputusan kalau dari segi hukum gantung ini dulu di bawah Akta Dadah Berbahaya, hukum gantung mandatori dikenakan kepada sesiapa yang memiliki dadah atau mengedar dadah lebih daripada had tertentu.

Baru-baru ini- saya rasa perkara ini pun dibincangkan dalam Dewan bahawa *charge* hakim dalam kes-kes penyalahgunaan dadah ini diberikan opsyen untuk mengenakan hukuman selain daripada hukuman mati kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti dadah ini. Jadi ini merupakan satu langkah yang dibuat oleh kerajaan yang juga ada kena-mengena dengan usaha untuk menyesuaikan Malaysia dengan cara di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya faham tentang perlunya kita mematuhi dan juga mengambil kira pandangan hak asasi manusia, badan-badan hak asasi manusia. Itu betul tetapi soal di hadapan kita ialah masalah dadah perlu kita tangani. Pada pandangan saya secara peribadi, apa-apa pun mesti kita buat, yang penting isu ini selesai. Jadi memanglah kita tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang dibuat oleh sesetengah pihak misalnya di Filipina.

Akan tetapi pada pandangan Yang Berhormat Menteri dan kementerian dan saya pun dimaklumkan ada mesyuarat baru-baru ini yang khusus berkaitan dengan isu dan masalah ini. Apakah Yang Berhormat rasa bahawa langkah-langkah yang kita buat ini sudah memadai, perlu ditingkatkan lagi? Ataupun apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan pandangan saya bahawa untuk menyelesaikan isu ini, kita mesti gabungkan dan laksanakan pada semua pihak secara bersama dan jadikan ini sebagai agenda besar? Ini kerana saya lihat bahawa kita bangunkan soal pembangunan modal insan dan sebagainya tetapi nampaknya isu ini menjadi penghalang kepada usaha tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat itu memang baik. Memang kita mengadakan aktiviti penguatkuasaan mengenai antidadah ini secara bersepadu pun. Kalau pihak AADK pergi buat *raid* dan sebagainya mereka bawa polis, mereka bawa imigresen dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan. Masalah kita sekarang ini adalah masalah dadah ini merupakan satu industri yang lumayan, yang sudah tentu akan menarik minat mereka untuk menceburkan diri kerana bayaran lumayan yang diberikan.

Masalahnya pula masalah dadah sekarang ini ia merupakan masalah yang dihadapi oleh orang muda generasi negara akan datang. Jenis dadah pun sudah berubah. Dulu dadah yang dibawa candu dan sebagainya, berbau, berat dan sebagainya. Ganja pun bau dia kuat. Sekarang ini banyak penagih dadah sudah berpindah kepada dadah-dadah berbentuk *anti-stimulant* dan *new psychotropic drugs*, dengan izin, yang berbentuk kimia. Jadi susah untuk aktiviti penguatkuasaan dibuat. Oleh sebab itu kerajaan mengambil keputusan untuk memfokuskan tindakan kita supaya polis fokus kepada pengedaran dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan fokus kepada pemulihan.

Untuk makluman Dewan di sini, saya hendak maklumkan di sini bahawa di peringkat antarabangsa, negara Amerika Selatan dan negara Eropah, sekarang ini sedang mendesak di peringkat antarabangsa untuk *the legalization of drugs for personal consumption*. Maknanya kalau seseorang individu mempunyai dadah dan juga menyalahgunakan dadah tetapi untuk diri dia sendiri, ini dianggap satu masalah yang bukan berkenaan dengan undang-undang tetapi merupakan masalah *medical*, masalah kesihatan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi rawatannya adalah melalui pemulihan dan sebagainya. Akan tetapi kesannya pada negara kita, kalau resolusi ini diluluskan di peringkat *United Nations*, maka kita terpaksa mengubah dasar-dasar kita dan juga cara-cara kita untuk menangani masalah antidadah tersebut. Saya beri kepada Yang Berhormat Kinabatangan dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, saya melihat bahawa *enforcement* yang menguatkuasakan undang-undang kita banyak kelonggaran. Oleh sebab itu walaupun mungkin dadah-dadah yang dibawa ini jenis-jenis yang lebih moden, yang bersifat-sifat *chemical* dan sebagainya, tetapi kalau *enforcement* kita ini kita letakkan mereka dalam benar-benar dalam menjalankan kewajipan mereka, saya rasa tidaklah begitu berleluasa. Sebab kebimbangan saya di Sabah ini, betul-betul tidak boleh dibanteras. Saya tidak tahu apa lagi program yang diadakan dan macam mana mahu berhenti. Semakin hari semakin meningkat. Banyak yang anak-anak muda yang terjerumus dalam gejala penagihan dadah ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa depan mereka *totally* memang sudah tidak ada. Ini yang berlaku.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung sedikit, Yang Berhormat Menteri, boleh? Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, saya telah bangkitkan sebelum ini di mana kerajaan perlu bezakan penagih dan pengedar. Penagih ini sebenarnya adalah pesakit. Mereka perlukan bantuan, sama seperti penyakit-penyakit yang lain. Kita menangkap penagih ini, letak *handcuffs* masukkan dalam lokap dua tiga hari biarkan begitu, dia merana itu kita kena faham daripada sudut psikologi. Kita kena pandang dia sebagai seorang pesakit. Apabila kerajaan memandang seorang penagih sebagai pesakit, barulah kita boleh menyelesaikan masalah ini.

Kedua, mengenai pengedar. Pengedar inilah masalahnya. Saya pernah sebelum ini pun mencabar kementerian bahawa saya bincang dengan beberapa orang pegawai-pegawai polis yang tertinggi, memang ada rekod. Kita tahu siapa *kingpin*, kita tahu di mana berlakunya, di mana seludupan dan sebagainya. Keborosan di pihak PDRM yang menyebabkan pengedar semakin berleluasa.

So saya minta sekali lagi Yang Berhormat, pandang penagih lain, pengedar lain, pengedar kalau betul buat satu bulan ops apa-apa ops lah dipanggil, serang habis-habisan. Saya rasa semua *kingpin* di luar kita boleh tangkap sebab pihak PDRM ada input, ada *detail*, ada *database* dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Tuan Pengerusi, sekejap.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Biar saya jawab dahulu, sebelum saya lupa nanti.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Okey, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi Yang Berhormat Kinabatangan, saya amat bersuka hatilah kerana Yang Berhormat setuju bahawa anasir dadah ini ia mengancam orang muda iaitu masa depan negara kita.

■1550

Saya hendak maklumkan di sini juga bahawa, saya sudah sebutkan tadi, dasar kerajaan kita pada mula-mula *zero tolerance*. Polis dengan AADK buat *enforcement*. Kita jadikan penagih dadah ini dan juga kerana mereka menagih dadah, mereka terlibat dengan jenayah untuk *finance* dia punya penagihan dadah dia.

Dahulu kita anggap mereka ini *criminals*, dengan izin. Sekarang ini, dengan tindakan baru ini, dengan pemisahan kuasa di antara polis dengan AADK ini, jadi makna AADK ini akan tumpukan penagih ini sebagai pesakit. Kita pun sebenarnya mengamalkan dasar *harm reduction*, dengan izin. Kita ada banyak klinik-klinik *Cure & Care Centre*.

Cuma, masalahnya, Yang Berhormat, peruntukan kurang cukup. Sebab itu di Dewan ini saya menyerulah kepada rakan-rakan, kita anggap bahawa perkara untuk menangani masalah dadah ini merupakan *it is a cross bench afford*, bukan sahaja dari segi kerajaan melaksanakannya, tetapi tidak mendapat sokongan daripada ahli-ahli pembangkang.

Jadi, kalau kita boleh bersetuju hendak menambahkan peruntukan kepada AADK, maka masalah penagih untuk dipulihkan ini dapat dibuat dengan lebih efektif lagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung sikit, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana mengambil input saya, sebab saya dari hari pertama saya sudah menekankan bahawa mereka pesakit. Hari ini keluar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harga pandangan itu diambil kira dan ada input yang telah dilangsungkan.

Saya juga terima pandangan Yang Berhormat mengatakan dana tidak mencukupi, tetapi, walaupun dana tidak mencukupi, saya ingin memberi satu cadangan, di mana kita perlu menubuhkan satu pusat pemulihan di mana semua penangkapan bukan dihantar ke balai polis dan sebagainya, tetapi terus kepada pusat pemulihan ini dan mereka diberi rawatan serta-merta. Sebaik ditangkap, mereka perlu dihantar untuk rawatan seperti orang gila dan sebagainya. Itu pandangan saya, Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik yang terbaru, lebih kurang 60 peratus daripada *inmate*, dengan izin, dalam penjara merupakan mereka yang terlibat dalam gejala dadah.

Jabatan Penjara pun memang amat dalam kesusahan juga dalam menangani masalah tersebut. Sebab itu, dengan perubahan dasar ini, maka ia akan memindahkan pula masalah itu kepada AADK. Oleh sebab itu tadi, saya sebut kita kena tingkatkan lagi fasiliti kita dan sebagainya. Bukan sahaja fasiliti tetapi pakar-pakar, staf-staf yang mahir untuk menangani masalah penagih dadah. Kerana penagihan dadah berbentuk baru, berbentuk kimia ini, dia punya kerosakan otak, kerosakan badan yang berlaku adalah merupakan lebih teruk daripada penagihan opioid dan sebagainya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi Barisan dulu. Doktor hendak tanya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berdiri untuk menyokong apa yang Yang Berhormat Kapar cakap tadi. Sebenarnya pemenjaraan ini ia tidak menjadi kebaikan banyak mana pun. Mereka telah ada stigma yang mereka ini adalah bekas banduan dan sebagainya. Jadi, keluar tidak dapat kerja dan sebagainya dan akhirnya *the vicious cycle*. Jadi, inilah perkara yang kita sudah lalui begitu lama. Saya rasa kalau kita betul-betul serius, kita kena hentikan pemenjaraan kepada mereka yang guna perkara kecil ini. Itu yang pertama.

Keduanya, jikalau kita betul-betul serius, kita hendak pergi TN50. Anak muda kita *in big trouble* sekarang ini. Negara akan menjadi masalah sekarang ini. Saya hendak cadangkan kepada kerajaan, peruntukan yang kata tidak cukup itu kita kena tambah. Kita kena tambah untuk- sebab ini serius punya perkara.

Ketiganya, saya dengar tadi tentang undang-undang yang akan memberikan mereka yang menggunakan dadah secara kecil boleh bawa, maknanya tiada kesalahan. Saya hendak tanya juga, adakah ubat ataupun dadah ini- dadah ini dia ubat, tetapi bila diambil secara salah, dia jadi sesat.

Jadi bila dadah ini diguna sedikit-sedikit, adakah mereka begitu disiplin untuk guna sedikit-sedikit ataupun secara melampau sehingga mendatangkan kemudaratan? Adakah mereka memerlukan *prescription* daripada doktor? Hari ini hendak beli antibiotik pun sebenarnya tidak boleh beli, kena melalui doktor yang periksa sebab antibiotik sendiri bukan sahaja dia baik, tetapi dia juga ada *side effect* yang mungkin mendatangkan bahaya. Jadi saya terfikir tadi, kalau kata undang-undang yang diminta mana-mana tempat di dunia kata boleh bawa *for personal use*, adakah mereka ini mendapat kelulusan ataupun *prescription* daripada doktor sebenarnya? Itu lebih selamat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh sambung, Yang Berhormat?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sebelum saya lupa. Itulah dia pandangan dari doktor dan susah- saya ini bukan doktor ya. Akan tetapi itu sebenarnya isu yang berlaku, di mana kita perlu membezakan di antara dadah yang masuk dalam *schedule* Akta Dadah Berbahaya dengan dadah yang masuk dalam Akta Ubat yang diselia oleh Kementerian Kesihatan. Tanggungjawab ini di kedua-dua kementerian.

Saya hendak maklumkan di sini juga bahawa masalah penyalahgunaan opioid di Amerika sekarang ini sudah di peringkat terlalu genting, di mana farmasi pun, doktor pun yang keluarkan *prescription* ada juga penyalahgunaannya. Sampai ramai rakyat Amerika yang terlalu bergantung pada opioid seperti *fentanyl* dan sebagainya yang akhirnya boleh membahayakan diri mereka dan menyebabkan kematian.

Jadi, di Amerika pun sekarang ini, walaupun ada usaha untuk menghalalkan dadah untuk kegunaan *personal* seperti ganja, ATS pun ada juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, pandang ke sini, Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: [Ketawa] Saya ingat saya buat aktiviti...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, saya risau nanti kalau Yang Berhormat Libaran bangun, Yang Berhormat kena toleh belakang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Minta maaf, minta maaf.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong cakap sikit ya?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak, tak. Hendak habiskan. Jadi maknanya, banyak negara sekarang ini hendak pergi kepada tindakan lebih keras secara penguatkuasaan. Kita menggunakan pendekatan yang seimbang tetapi kita hendak lebihkan kepada menjadikan penagih ini sebagai pesakit. Akan tetapi pada masa yang sama, kita menolak sama sekali apa-apa cadangan daripada peringkat dunia bahawa dadah ini boleh dihalalkan untuk kegunaan persendirian.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya ini hendak menyuarakan pandangan daripada setiausaha dan juga Bendahari PEMADAM. Saya minta Pengerusi PEMADAM minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk tambahkan peruntukan kepada PEMADAM ini. RM2 juta, mana cukup hendak jaga lebih 117 daerah ini. Jadi, Yang di-Pertua PEMADAM kena *fight* betul-betul minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tambahkan peruntukan tersebut. Itu satu.

Kedua, tadi saya sebut soal kerja bersepadu ini. Maksud saya begini, Yang Berhormat. Saya tahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Lenggong, mana ada duit. Yang Berhormat Lenggong, duit tidak ada.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apa Yang Berhormat Sepang? Terkejut saya, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat, tadi saya dengar Yang Berhormat sebut...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sepang lupa makan ubat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Betul, kerja-kerja *enforcement* dibuat. Yang saya maksudkan begini. Kalau kita letakkan agenda menyelesaikan dadah ini perkara utama- kita tahu kekangan kewangan, okey- boleh atau tidak misalnya semua pihak, baik di sekolah, baik di Kementerian Belia, baik di pejabat agama, di mana institusi pun, apa badan yang kita tubuhkan di sini, kita jadikan agenda utama?

Contohnya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dia ada JKKK. Dalam agenda mesyuarat JKKK atau JPP, masukkan agenda dadah ini sebagai agenda yang perlu dibincangkan dan dilaksanakan.

Kalau dalam masjid atau di gereja di mana pun, jadikan itu sebagai satu daripada perkara yang perlu disebut, biar berulang kali. Di sekolah, aktiviti kokurikulum, jadikan satu daripada aktiviti yang berkaitan dengan perkara ini. Saya percaya, kalau semua bekerja ke arah yang sama, ia boleh membantu. Kalau letak dekat tanggungjawab Yang di-Pertua PEMADAM saja, mati Yang Berhormat. Bendahari di belakang saya pun sakit kepala, duit tidak cukup. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tidak mahu menyebut bahawa saya menjadi Pengerusi PEMADAM, tetapi setiasa dengan bendahari saya, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dengan Yang Berhormat Setiawangsa ini pun tanyalah di luar Dewan ini. Jangan tanya dalam ini. Ini masalah yang kita kena selesaikan bersama.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Takkan setiasa dengan...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Itu untuk minit, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Takkan Ahli Parlimen bawakan isu dalam Parlimen sedangkan dia Pengerusi PEMADAM, Yang Berhormat?...
[Dewan ketawa]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak. Kerana masalah ini merupakan masalah negara. Itu sebab. Dadah menjadi musuh nombor satu negara.

■1600

Jadi kita kena cari pelbagai cara. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, untuk mengatasi masalah kekangan kewangan, AADK sekarang ini membuat lebih banyak program *community empowerment*, dengan izin. Maknanya ia menggunakan khidmat daripada pelbagai sektor masyarakat termasuk di sekolah, di pejabat daerah dan sebagainya supaya banyak aktiviti akan dapat diaturnya yang menjurus terus kepada mereka-mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti dadah dengan mengadakan lebih banyak lagi program penerangan dan sebagainya.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi bahawa Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) yang dipengerusikan oleh pegawai daerah (DO) perlu meletakkan masalah dadah ini sebagai satu *fixed agenda* dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah tersebut supaya ia akan sentiasa dijadikan tumpuan, masalah pencegahan penyalahgunaan dadah ini. *Credit hours* untuk aktiviti kokurikulum di universiti, ada sesetengah universiti yang sudah ada dua jam *credit hours* yang diberikan kepada *student* untuk mengadakan aktiviti-aktiviti sosial termasuk aktiviti pencegahan penyalahgunaan dadah.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan global trend yang sedang menjadi *currently legalizing*, dengan izin, *personal usage* lebih lagi dengan marijuana dan jika kerajaan Malaysia mengambil tindakan yang sama, apa akan berlaku kepada orang yang sedang, dengan izin, *-serving their term in prison for marijuana use*? Bolehkah saya mendapat berapa banyak yang telah dihukum dan sedang menjalani hukuman mereka yang berkaitan dengan *marijuana usage*?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, siapa yang telah masuk dalam penjara, yang telah menjalani hukuman itu kita boleh cuba kurangkan *term* penjara dia. Dia ada program parol di mana mereka boleh memohon untuk keluar cepat. Siapa yang dalam program LLPK, mereka ini akan dinilai setiap beberapa bulan untuk memastikan bahawa mereka telah pulih dan boleh dilepaskan. Tidak payah melalui tempoh dua tahun yang mereka dihukum. Ini ada dua cara dia.

Saya hendak juga maklumkan di sini bahawa kita dari segi penguatkuasaan, kita masih lagi kena gunakan cara *preventive detention*. Maknanya tahanan sebelum bicara tetapi ada *remedies* yang ada kita gunakan secara perundangan untuk memberikan hak kepada mereka yang ditahan ini secara preventif ini untuk mendapatkan rayuan kepada kes mereka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu berkaitan dengan dadah ini adalah isu yang lama. Kita sudah lama berjuang bermati-matian, PDRM sudah lawan dan juga agensi-agensi lain untuk membanteras aktiviti pengedaran dan penyalahgunaan dadah. Akan tetapi, sekiranya kita tidak ada *political will*, kita tidak boleh menyelesaikan masalah ini sebab seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi semakin hari semakin meningkat, tidak ada penyelesaian.

Saya hanya hendak bawa satu perkara kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apabila terdapat aktiviti pengedaran dadah di sesebuah kawasan kediaman ataupun di kawasan taman dan penduduk-penduduk kawasan itu memang mereka tahu tentang masalah itu dan mereka tidak berani untuk keluar membuat laporan kepada polis, apakah sebabnya? Ini adalah satu soalan yang perlu dipertimbangkan oleh pihak KDN, kenapa orang ramai, kenapa masyarakat di luar sana tidak berani untuk membuat laporan kepada pihak polis.

Mereka pernah datang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun mempunyai pengalaman ini. Orang datang kepada Ahli Yang Berhormat dan membuat laporan kepada kita tetapi mereka tidak berani untuk pergi membuat laporan polis. Apabila ditanya kepada mereka, kenapa kamu tidak mahu pergi buat laporan polis? Dia kata saya takut, maklumat akan diberikan kepada orang-orang yang terlibat dengan penyalahgunaan ataupun pengedaran dadah ini.

Saya rasa perkara ini adalah satu perkara yang perlu diberi pertimbangan yang serius oleh KDN sebab selagi kita tidak mendapat sokongan dan dokongan daripada masyarakat untuk menyelesaikan masalah ini, saya rasa kita tidak boleh pergi jauh untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Pandangan Yang Berhormat tadi sebenarnya sama dengan pandangan Yang Berhormat Kapar tetapi beliau ada niat tidak baik sedikit, dia tuduh polis terlibat sama dalam melindungi pengedar dadah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat....

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bukan sangka tidak baik...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya bukan menuduh, saya kata mereka ada *database*, mereka telah melakukan siasatan, mereka tahu siapa *kingpin*. Kalau kita buat satu operasi sebulan pun boleh tangkap, itu yang saya maksudkan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ini sebabnya saya kata tadi kita perlukan undang-undang preventif kerana masalah yang dihadapi oleh pihak polis adalah keengganan saksi-saksi untuk tampil ke hadapan untuk pihak polis membuat kes yang boleh berjaya di mahkamah. Oleh sebab itu masalah kita sekarang ini apabila kita hendak dakwa *kingpin* ini mereka lebih mahir, mereka lebih cekap dan mereka mempunyai keupayaan kewangan untuk menghindarkan saksi-saksi daripada datang untuk memberikan keterangan terhadap mereka.

Jadi sebab itu, saya sudah sebut tadi undang-undang preventif ini masih diperlukan di mana kita mengatasi masalah ini dengan menangkap dahulu mereka-mereka yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah termasuklah pengedaran dan sebagainya.

Akan tetapi *it is a long term fight*, dengan izin. Ia bukannya satu perkara yang kita boleh selesaikan dalam tempoh masa yang dekat dan ia perlukan bantuan daripada masyarakat juga. Saya telah sebut tadi Yang Berhormat Batu Gajah, AADK sekarang menggunakan pendekatan *community empowerment* untuk mendapatkan sambutan dan juga kerjasama daripada masyarakat setempat...

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat Batu Pahat Yang Berhormat?

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak ringkas sahaja, *just* hendak *register* saya punya... [*Disampuk*] Kehadiran, menyokong kehadiran Yang Berhormat Parit Sulong.

Saya hendak *register* saya punya pandangan menyambung kompelin orang kampung. Mereka seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain tadi sebahagian besarnya takut untuk memberi laporan dan laporan itu diberikan kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat berutus langsung dengan ketua polis daerah, *alhamdulillah* ada penangkapan. Tangkapan kepada penagih-penagih tetapi yang dia punya penyebab, pengedar tidak tertangkap.

Oleh sebab itu beberapa hari atau minggu selepas itu, penagih akan timbul balik dan rekrut baru akan didapati, diambil. Jadi ertinya putaran ganas itu Yang Berhormat ia berterusan dan yang kena ini, yang terperangkap dalam rekrut baru ini anak-anak muda, budak-budak kecil, budak-budak sekolah dekat sekolah rendah lagi. Jadi saya fikir, saya cadangkan mesti ada keberanian. Disebut tadi keberanian politik, *political will* di kalangan penguat kuasa dan juga ahli politik untuk memastikan pengedarnya diambil tindakan, sumber atau *the source of the problem* bukan mangsa.

Kita sekarang ini kebanyakannya yang dihukum mangsa, yang memangsakan itu terlepas. Jadi kalau boleh, bukan kalau bolehlah, kalau kita hendak lihat selamat negara ini bukan sahaja masalah dadah tetapi masalah-masalah yang lain pun yang memangsakan itu kena ambil tindakan bukan yang dimangsakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, pendek sahaja Yang Berhormat Menteri. Pendek sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Biar saya jawab dahulu selepas itu saya bagi. Yang Berhormat, suka hati saya apabila Yang Berhormat sebut tadi mana-mana laporan yang diberikan kepada Yang Berhormat ada tindakan daripada pihak polis tempatan. Cuma Yang Berhormat tidak berpuas hati mengenai tindakan *kingpin, kingpin* lah. Sebenarnya *the system works except* apabila ada unsur penguatkuasaan yang dicabar oleh sejumlah wang yang besar yang ditawarkan oleh sindiket-sindiket ini kita menghadapi masalah.

■1610

Sindiket ini pula dia beroperasi dengan kerjasama daripada sindiket-sindiket luar negara juga. Jadi, dalam negara pun dadah ini boleh dibuat dan di luar negara pun boleh dibuat dan dibawa masuk ke dalam negara kita. Jadi, sebab itu bajet untuk risikan kita RM400 juta. Bajet untuk penguatkuasaan polis kita berjumlah RM200 juta lebih. Tujuan dia adalah untuk menunjukkan keseriusan kerajaan untuk menangkap mana-mana *kingpin* dan juga mencekik *supply of drugs* ini. Jadi, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, pendek sahaja. Laporan *United Nations Office on Drugs and Crime* menunjukkan bahawa tahun 2006 sehingga tahun 2016, *the volume of drug transshipment increased by sixfold*, dengan izin, enam kali ganda. Ini kehadiran disebabkan di samping *opiates* juga *synthetic drugs*.

Saya ingat bajet, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lenggong tadi, *empowerment* untuk *engagement committee* contohnya seperti PEMADAM, AADK mesti diperkasakan. Mesti ditambah lagi. Saya minta kementerian dengan MOF, *please take note* kena ada pertambahan yang lebih ketara dalam pemerksaan mereka untuk menjalankan *community engagement at the grassroot level*. Seperkara lagi tentang undang-undang, selalu yang jerung besar ini terlepas ke atas, yang ditangkap ini keldai-keldai bawah.

Jadi, saya ingat itu juga harus dilihat bagaimana kita boleh *standardize or uniformize* kita punya undang-undang bersama dengan mereka, paling tidak pun di peringkat ASEAN. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi kerana telah memahami masalah tekanan daripada peringkat antarabangsa dan daripada kerajaan. Kita pula merupakan satu negara yang membuat pelabuhan, lapangan terbang yang besar-besar. Kapasiti yang besar juga memberikan peluang kepada penjenayah untuk menggunakan port dan *airport* ini sebagai tempat untuk membuat *transshipment* dan sebagainya.

Jadi, memang kita akan menumpukan kepada aktiviti untuk memantau pergerakan dadah yang berlaku sekarang ini. Tambahan lagi dadah yang berbentuk kimia yang macam saya sebutkan tadi, tidak ada bau dan mudah untuk dibawa ke mana-mana. Ya, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga terpanggil, sebenarnya saya lah yang memulakan dalam ucapan permulaan tadi mengenai dadah ini. Jadi saya tengok rakan-rakan yang menyebut memperluaskan lagi perbincangan ini, saya tengok tidak kira sebelah sana, sebelah sini sangat bersetuju bahawa dadah ini mestilah dibanteras secara besar-besaran. Hal ini kerana, oleh sebab saya sebut tadi kerana saya sudah dapat tahu bahawa sudah masuk menular hingga ke sekolah-sekolah.

Macam Yang Berhormat Kapar cakap tadi, saya sangat setuju bahawa kita mesti sebenarnya melakukan perkara yang drastik untuk menyelesaikan masalah ini. Oleh sebab saya pun sebenarnya menerima laporan kenapa kawasan sini kawasan pengedaran, kawasan sini, kawasan sini tempat berlaku tetapi sedangkan sehinggakan sebenarnya rakan-rakan saya ini berpendapat bahawa rakan-rakan yang bercakap ini adalah untuk mengembalikan dari segi menyelesaikan masalah narkotik ini sebenarnya kepada anggota kita sendiri.

Kita hendak supaya anggota kita tidak dianggap bahawa hanya sekadar main-main. Ada yang bercakap di tempat saya hanya hendak serbu ketum sahaja, bukan hendak serbu dadah. Mereka kata dadah banyak. Oleh sebab saya transit kawasan yang bersempadan dengan Kelantan sebenarnya, maka berlaku juga kawasan transit pengedaran dadah. Oleh sebab itu saya bangkitkan sedemikian rupa.

Jadi, saya minta pihak kementerian kita seperti Yang Berhormat Kapar kata, buat serbuan secara besar-besaran beberapa bulan, maka mungkin kalau aktiviti itu makmal-makmal dan sebagainya mungkin mereka berhenti dalam hal ini. Oleh sebab kasihan anak bangsa kita sendiri. Penyakit ini tidak kira Cina, India, Melayu, di kelab malam, di sekolah di mana sekalipun. Oleh sebab itu saya katakan sedemikian rupa, maka masyarakat melihat bahawa di manakah kekuatan anggota narkotik kita itu sendiri? Takkan dia kata hendak bawa, hendak menutup sesuatu hanya bawa tangkap ketum sahaja? Sedangkan air ketum itu kalau minum pun ada yang sesetengah berpendapat bahawa boleh menyihatkan badan. Boleh pergi main bola. Bawa main bola bertambah baik.

Akan tetapi masalah dadah ini, menjejaskan sumber ekonomi negara. Jadi, sebenarnya saya rasa Yang Berhormat Menteri berkenaan dadah ini ramai yang memberikan pandangan kita bersetujulah Yang Berhormat Menteri jawab itu mungkin memberikan pandangan yang baik kepada membanteras jenayah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, saya hendak cepatkan ini. Terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita akan mengambil kira semua pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat. Jadi saya hendak teruskan kepada soalan-soalan lain.

Yang Berhormat Tanah Merah mencadangkan supaya kajian yang dibuat terhadap gaji dan elaun kepada anggota polis bagi mengelakkan terjerumus dalam gejala yang negatif. Itu memang sentiasa kita buat dengan mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan.

Seterusnya Yang Berhormat Tanah Merah juga mencadangkan kajian terhadap undang-undang yang tegas terhadap sindiket perjudian. Jadi, perkara ini sekarang ini kerajaan sedang membuat kajian terhadap pindaan kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan juga beberapa lagi akta termasuklah akta judi *online*. Perkara ini masih lagi dalam perbincangan dan belum lagi mendapat kata sepakat daripada semua kementerian yang terlibat.

Tadi, Yang Berhormat Tanah Merah juga bertanya mengenai pil kuda. Pil kuda ini, statistiknya saya akan berikan secara bertulis.

Seterusnya, ancaman. Tadi Yang Berhormat Parit Sulong bertanyakan mengenai langkah menangani ancaman Daish. Ada beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengekang aktiviti Daish ini termasuklah memperkasakan Bahagian *Counter-terrorism* PDRM di mana 343 perjawatan telah diluluskan oleh JPA.

Kita juga memperkasakan dan menambah baik aset-aset PDRM bagi tujuan perisikan dan penyiasatan. Kita juga meneruskan operasi dan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada dan meningkatkan kerjasama dengan agensi perisikan asing untuk memantau dan berkongsi maklumat dan juga meningkatkan rondaan bersama ATM dan PDRM di kawasan sasaran strategik.

Yang Berhormat Parit Buntar tadi memohon penjelasan mengenai isu yang sebenarnya tidak berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya pun tadi tidak faham mengenai soalan Yang Berhormat Parit Buntar tadi kerana untuk saya, itu adalah di bawah kawal selia JAKIM dan juga penganjur kepada majlis yang telah dibuat tersebut.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon, saya berikan penjelasan sedikit. Sebenarnya, ada kaitan Tuan Pengerusi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, soalan saya itu ialah tentang risikan dalaman. Itu butiran dia, risikan dalaman atau risikan lah yang menyatakan bahayanya *radical evangelism Christian-state*. Kenapa saya katakan ini. Saya tanya, adakah ini satu ancaman sebab program yang dianjurkan oleh IKSIM walaupun dia duduk di bawah JAKIM, walaupun Menteri dia tidak mahu mengaku, tetapi dari segi program itu melibatkan pegawai kerajaan. Program itu melibatkan sekolah-sekolah dan guru-guru.

Oleh sebab itu saya tanya, adakah *level* ancaman itu terlalu bahaya sehingga mereka terpaksa buat seperti satu program khas dan dalamnya yang lebih penting Yang Berhormat Menteri untuk saya minta penjelasan ialah, *slides* yang dibekalkan dalam pengisian itu yang saya telah tunjukkan di sini bukan menunjukkan sekadar isu, kalau betul ada *radical evangelism Christian-state* (RECS) itu.

Akan tetapi digambarkan parti-parti politik tertentu menyokong wujudnya negara Kristian di Malaysia ini, menyokong contohnya agenda *liberalism* lalu dikaitkan dengan *maqasid syariahnya*. Itu isu saya, sebab Kementerian Dalam Negeri patut melihat benda ini. Jangan kita kawal keselamatan, tiba-tiba bawah ini kita tidak tahu apa yang berlaku. Itu yang saya punya soalan. Soalan asal saya begitu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya lah, baik Yang Berhormat Parit Buntar. Soalnya, apakah risikan yang telah dibuat ini adalah secara sulit. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapatkan maklumat bahawa KDN ataupun agensi di bawahnya terlibat dalam aktiviti anti-liberal dan anti-Kristian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

■1620

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak. Maksud saya, yang dibentangkan itu menggambarkan satu ancaman, seolah-olah satu ancaman. Jadi saya mahu bertanya, adakah betul adanya *radical evangelism Christian-state* ini yang dikatakan mengancam. Itu soalan saya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu setakat— agensi penguatkuasaan, agensi keselamatan kita sentiasa menilai keadaan keselamatan negara kita berdasarkan kepada keadaan semasa, okey. Mungkin perkara tersebut boleh diklasifikasikan sebagai satu ancaman. Akan tetapi, ancaman itu bukan menganggu gugat keselamatan pada ketika ini. Jadi saya tidak faham kenapa Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Akan tetapi soalnya mereka buat program ini...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mereka...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, saya hendak habiskan jawapan ini oleh sebab ini tidak ada kena mengena dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya cuma hendak terangkan di sini...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itu isu saya sebenarnya. Oleh sebab kalau benda itu tidak bahaya, kenapa sampai dia hendak buat program...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak Yang Berhormat. Ini *floor* saya. Jadi soalnya, segala tindakan daripada agensi keselamatan kita termasuk risikan, memang telah menjamin keselamatan negara selama 60 tahun. Oleh sebab Malaysia ini merupakan negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan sebagainya dan dimasukkan pelbagai pengaruh daripada luar.

Akan tetapi soalnya sekarang ini, keadaan itu masih lagi terkawal. Jadi, Yang Berhormat tidak perlu bimbang mengenai kalau ada gerakan anti liberalisme ataupun anti Kristian yang berlaku kerana kita sentiasa memantau keadaan tersebut. Kita akan mengambil tindakan kalau ia mengancam keselamatan negara. Setakat ini, belum lagi. Jadi, jangan bimbang mengenai hal itu. Jadi, tadi Yang Berhormat juga meminta penjelasan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, saya hendak habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Bukan, ini isu lain. Ini yang isu Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Isu Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak jawab Yang Berhormat punya soalan dulu.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Oh, hendak menjawab. Nanti saya- sebab tadi saya tidak sempat tanya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak apa, tidak apa. Biar saya menjawab dulu Yang Berhormat punya soalan asal dulu. Tadi Yang Berhormat minta penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap mereka yang menyebarkan fahaman liberalisme dan Syiah. Jadi kalau mereka melanggar undang-undang dan sebagainya, ancaman yang melibatkan fahaman dan akidah, mengenai Syiah dan ajaran sesat adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. KDN pun bergantung kepada pandangan mereka untuk melakukan apa-apa tindakan seterusnya.

Jadi, namun demikian, kementerian akan memberikan kerjasama dari segi penguatkuasaan sekiranya ancaman berkenaan mempunyai implikasi terhadap ketenteraman dan keselamatan awam. Seperti yang saya sebutkan tadi, undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk menangani ancaman berkenaan seperti Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Saya juga hendak menyambung sedikit tadi isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai walaupun dia tidak berada di sini. Mengenai layanan yang kita berikan kepada *juvenile* yang ditangkap, mereka remaja bawah umur yang ditangkap melibatkan diri dalam kumpulan Daish ini. Jadi, kerajaan memandang serius penglibatan remaja dalam kumpulan militan Daish kerana mereka ini merupakan *young and impressionable kids*, dengan izin. Mereka ini mudah untuk dipengaruhi.

Walau bagaimanapun, jumlah yang kita telah tahan tidak besar, kecil sahaja jumlah dia. Keadaan ini masih lagi terkawal. Akan tetapi kita sekarang ini mengadakan aktiviti kesedaran mengenai bahaya dan ancaman Daish kepada pelajar sekolah dan universiti dan juga memantau laman sosial menerusi kerjasama dengan SKMM bagi mengesan penglibatan remaja dengan ideologi Daish.

Begitu juga kita mengadakan kempen-kempen kesedaran menerusi media cetak dan media elektronik bagi menerangkan mengenai ancaman dan bahaya Daish. Kementerian juga menyarankan agar ibu bapa dan guru sentiasa memerhati perubahan tingkah-laku remaja yang menunjukkan kecenderungan dan sokongan kepada kumpulan pengganas.

Untuk makluman Yang Berhormat, sesiapa yang kita tangkap, kita memulihkan mereka. Kita bukan- yang mana remaja yang bawah umur ini, kita memulihkan mereka, kita tidak menghukum mereka sebab kita hendak memastikan bahawa mereka ini boleh dipulangkan kembali dalam masyarakat supaya mereka akan menjadi aset negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, menjawab soalan saya juga itu.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya hendak meluaskan lagi soalan Yang Berhormat Parit Sulong. Kalau boleh sebab itu bagi Yang Berhormat Parit Buntar.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak payahlah.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak ada. Isu sama. Isu fasal Daish.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya dulu sebab ini soalan asal ini, soalan saya ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Shah Alam tidak ada parit.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Daish. Lepas Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang bukan parit nanti. Bagi yang tidak ada parit. Shah Alam tidak ada parit.

Timbalan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebenarnya Tuan Pengerusi ada kuasa menentukan siapa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [Ketawa] Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Begitu juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga atas jawapan tersebut. Tadi saya ada bawakan juga mengenai isu-isu yang mana setengahnya sebab sekarang ini kita berhadapan dengan *challenges*, dengan izin, dengan keadaan teknologi semasa yang mana saya pernah lihat macam mana dia baiah menggunakan *handphone* sahaja.

Dia menggunakan- saya hendak tahu sama ada pihak kementerian ada membuat kajian atau tidak terhadap terutamanya yang remaja yang ini macam mana mereka boleh terpicat untuk pergi sama-sama berjuang dengan kumpulan-kumpulan Daish ini. Adakah disebabkan untuk berjihad ataupun setengahnya saya tengok yang mengamalkan ISIS ini ataupun golongan ISIS ini *very good looking* juga, dengan izin. Adakah ada kajian yang dibuat mengenai mengapa mereka sanggup pergi sana dalam usia yang muda. Muda, *very young- seventeen*. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, boleh sekali?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini hendak bagi dekat Yang Berhormat Parit Buntar tadi. Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia sekali itu bukan maknanya satu kali tetapi sekali itu maknanya...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Shah Alam sekali. Akan tetapi jangan panjang-panjang, soalan ya bukan syarahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekali itu bukan maknanya satu kali. Maknanya selari, sambil-sambil ya, okey. Soalannya Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa sebenarnya semua masalah ini penyelesaiannya adalah penerangan, ilmu dan kefahaman. Saya melihat bahawa kadangkala apabila dibiarkan begitu sahaja, pelbagai penjelasan dan penerangan yang diberikan oleh pendakwah dan tenaga penerangan persendirian yang mengelirukan dan menjadikan keadaan ini lebih bercelaru.

Sebagai contoh, soal kefahaman tentang Syiah itu. Kerajaan kena adalah satu sikap dan penjelasan yang *wasatiyyah* yang menjelaskan keadaan sebenarnya supaya orang yang terpengaruh dengan Syiah ini pun apabila dia dengar penjelasan kerajaan, dia pun tidak adalah nampak melampau sangat penolakan terhadap Syiah dan sebagainya dan dia rasa tidak betul kerana apa yang dia faham tentang Syiah itu adalah sebaliknya. So, dengan izin, *it doesn't help*.

So begitu juga dengan soal Daish, begitu juga dengan soal liberalisme dan sebagainya. Tidakkah kerajaan memikirkan perlunya satu penerangan dan penjelasan rasmi yang jelas dan ilmiah, yang boleh meyakinkan semua supaya mereka tidak akan tertarik dan terlibat dalam program-program yang dianjurkan oleh pihak ini. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Shah Alam, saya sudah sebut tadi, hal-hal agama ini di bawah kawal selia kerajaan negeri. *You* tidak fahamkah? *[Ketawa]* Pergi tanyalah kerajaan negeri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya faham. Kalau begitu, tutuplah JAKIM.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jangan tanya KDN.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri macam itu, apa guna adanya JAKIM?... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak payahlah bangun dua-dua. Mana peraturan ini bangun dua-dua sekali berdialog pula.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Suruhlah majlis sebelah sana buat perundangan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada peruntukan untuk Jabatan Agama Islam...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Itu yang buat lambat semua ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ada peruntukan untuk pegawai-pegawai. *Come on* lah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak. Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Give me a responsible answer.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *No, that is the responsible answer. It is not our responsibility.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *That is not a responsible answer, that is an irresponsible answer.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *The responsible answer is not our responsibility.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau negeri pun tangani, takkan pihak Persekutuan tidak boleh bantu, beri pandangan, beri *advice*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak. Yang Berhormat, Yang Berhormat faham tidak tanggungjawab KDN?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Faham. Yang Berhormat Timbalan Menteri faham tidak?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tanggungjawab...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap elok-elok Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak faham dalam persoalan Daish, Syiah, liberalisme, liberal Islam, kenapa hendak ditangani, serah sahajalah pada negeri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, KDN punya tanggungjawab adalah penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: KDN punya tanggungjawab adalah kalau orang kacau ketenteraman negara, barulah peranan kita masuk. Bukannya hendak buat penerangan sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah ke arah- ke arah itulah yang saya cadangkan supaya pihak kerajaan menangani masalah ini. Janganlah main, “*Oh ini tugas negeri, ini tugas negeri*”. Lepas tangan macam itu.

■1630

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey. Okey. Yang Berhormat Shah Alam tolong. Kesian orang lain. Ada dua kementerian lagi hendak habiskan. Saya belum jawab lagi soalan Yang Berhormat Puchong.

Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya ada satu soalan. Ini bukan fasal soalan agama. Tidak ada. Yakni, saya terkilan sebab saya tidak sempat tanya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Parit Buntar, tolong tumpukan kepada hal ini.

Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, saya ada hendak minta...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya beri satu lagi fasal saya Yang Berhormat, saya kawan baik Yang Berhormat, saya beri satu lagi peluang. *Last. Last. Last.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato’ Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Saya soalan. Kita tahu hari ini berlaku satu isu besar di Saudi Arabia dan negara-negara Teluk, yang mana ia secara tidak langsung memberi kesan kepada kita di sini kerana dia ada kena mengena dengan *war on terrorism*.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa sikap kerajaan apabila Saudi dan empat negara yang menyokongnya di Teluk telah meletakkan Kesatuan Ulama Sedunia sebagai satu organisasi *terrorist* dan salah seorang daripada Naib Presiden Kesatuan Ulama Sedunia itu adalah daripada Malaysia. Di mana dia bukan sekadar orang biasa.

Saya hanya ingin bertanya, adakah Malaysia dalam tuduhan Saudi itu bersetuju ataupun mempunyai sikap yang tertentu. Sebab ini adalah *international* punya *networking* tentang yang mereka menyatakan Kesatuan Ulama Sedunia yang dipimpin oleh Yusuf al-Qaradhawi itu sebagai satu *terror organization*. Itu saya ingin minta penjelasan, sikap Malaysia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu terserah pada kerajaan negeri juga? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak. Itu serah kepada Kementerian Luar [Ketawa] Akan tetapi Yang Berhormat, kita akan sentiasa memantau. Saya sebut tadi, kita akan sentiasa memantau apa-apa faktor yang boleh mengancam ketenteraman negara...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Pantau 24 jam.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Pantau itulah kerja kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Sudahlah. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Takkanlah ini tidak dianggap sebagai mengancam keselamatan dalam negara.

Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bangun ikut dia. Macam mana boleh bangun- apa ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, kalau...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maafah Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dia tidak menjawab soalan dengan cara yang bertanggungjawab. Minta maaf.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Ketawa]* Saya jawab *you* tidak puas hati. Mana Yang Berhormat Johor Bahru ini *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Cakap macam mana pun Yang Berhormat Shah Alam ini tidak faham.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Ketawa]* Yang Berhormat Johor Bahru, tolong *[Ketawa]* Okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Johor Bahru tiadalah. *Common* lah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tiada ya? Okey, tidak apalah, *then* saya tidak minta tolong dia *[Ketawa]* Okey, saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat Puchong tadi.

Berkenaan dengan tindakan kepada siasatan Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pihak polis sedang menjalankan siasatan berkaitan dengan penyebaran video yang dimuat naik dalam media sosial yang mendakwa Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad mempunyai hubungan sulit dengan isteri orang. Jadi, kertas siasatan ini telah dirujukkan kepada Jabatan Peguam Negara pada 17 Oktober 2017 dan pada 30 Oktober 2017, dua minggu kemudian kertas siasatan ini telah dikembalikan semula kepada pihak polis untuk melengkapkan siasatan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

You are lawyer, you know that we cannot comment about this case in this Chamber, dengan izin.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri ada satu kenyataan dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara bahawa *statement* daripada KP SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad akan diambil. Itu minggu lalu.

Jadi, persoalan ini berbangkit adalah bagaimana fail ini boleh dihantar ke Pejabat Peguam Negara sebelum daripada itu tanpa diambil sebarang kenyataan ataupun *statement* daripada KP SPRM. Itu persoalan pokok dia. Adakah beliau dalam video itu? Oleh itu, saya bangkit kerana saya hendak tanya kerana isu ini perlu kita perelaskan. Ini kerana orang di luar di sana, dia orang tanya. *It's not that I want to ask this question, a lot of people asked me. I think I have spoken to you about this as well. It's a matter of public concern.*

Oleh itu saya minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk beritahu kita, adakah satu kenyataan telah diambil daripada KP SPRM dan adakah beliau setuju bahawa itu adalah beliau dalam video *tape* itu? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Puchong, tidak molek untuk kita hendak komen atau cuba campur tangan dalam hal siasatan polis. Akan tetapi, jelas dalam jawapan saya, kertas siasatan tersebut telah pun dipulangkan oleh Peguam Negara kepada polis untuk siasatan lanjut. *The case is still live. It is not closed.* Jadi, soalan, butir-butir sudah soal siasat tidak, KP sudah ditanya dia kah belum, itu bukan! *Frankly, it's not our concern. It is a police concern.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri. *I think that answer says it all. You are obviously not concerned. But let me tell you. The whole country is concerned.* Oleh itu, kita kena tanya soalan ini, *why is there a delay.* Kenapa ada kelewatan dalam perkara ini? Itu soalan yang kedua. Ketiga, Yang Berhormat Menteri. Persoalan dari segi tindakan yang diambil secara dalaman. Seperti mana yang saya sebut tadi, kes-kes yang kita lihat.

The case in Johor for example, di mana beliau ada anggota polis itu kelihatan dengan seorang wanita, tindakan diambil secara terus di dalam pusat hiburan di Muar. Tindakan diambil secara terus. Kemudian tiga hari lalu, *they said a police officer having or enticing somebody else's wife*, tindakan diambil secara terus.

Jadi, dalam keadaan ini, kenapa berbulan-bulan tidak ada tindakan yang diambil. Walhal ini, adalah pemimpin ataupun ketua satu agensi yang cukup penting dalam negara ini. *So, we have to deal with this problem. So, when are we going to deal with it?* Itu soalan saya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *And my answer would be, it's already been dealt with. Just waiting for the investigation to complete. Then the AG can receive it.* Cakap orang putih pula [Ketawa] Dengan izin. Saya terlupa. Bila cakap dengan Yang Berhormat Puchong macam masuk *court* [Ketawa] Maknanya tindakan yang diambil oleh AG. AG tidak puas hati dengan kertas siasatan untuk dia hendak membuat keputusan akhir mengenai pendakwaan atau tidak. Jadi, sabarlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh sedikit.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tunggulah kes ini selesai.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh ya?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah. Sudah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Berkaitan. Berkaitan. Sedikit sahaja. Bolehlah. Yang Berhormat Tenggara pun hendak sibuk. Buat apa Yang Berhormat Tenggara [Ketawa] Boleh Tuan Pengerusi?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Untuk jawapan. Untuk pertanyaan daripada Yang Berhormat Puchong juga mengenai Balai Polis Taman Equine. Balai Polis Taman Equine ini, pandangan pihak polis ya, balai polis sedia ada masih lagi mampu untuk melaksanakan pengoperasian. Keperluan bagi penambahan balai polis untuk kawasan ini perlu melalui Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang akan melakukan kajian menyeluruh berdasarkan kepada perkembangan setempat, menepati kriteria asas-asas dari sudut sosial, ekonomi dan politik.

Ini termasuk Balai Polis Equine Park ekoran kawasan tersebut adalah di bawah bidang kawasan dan pentadbiran Balai Polis Seri Kembangan. Di mana jaraknya hanya lebih kurang tiga kilometer daripada Equine Park ini. Jadi, pihak polis buat masa ini memandangkan bahawa jarak itu dekat, maka masih lagi penduduk di Equine Park boleh lagi diservis oleh Balai Polis Seri Kembangan. Jawapan ini juga berkenaan dengan tadi permohonan daripada Yang Berhormat Tanah Merah, dari Yang Berhormat Parit Sulong berkenaan dengan pembinaan IPD dan penambahbaikan balai polis.

Perkara ini memang sentiasa diberi ambil kira oleh pihak polis. Akan tetapi, akan dimajukan dan akan dibangunkan mengikut masa-masa yang tertentu. Kita tidak boleh buat sekali gus. Jadi, *that is- police have to optimize their resources. The need to upgrade* balai polis di seluruh negara ini memang adalah permintaan yang biasa diminta oleh banyak wakil rakyat. Apa lagi?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Lailahaillah Allah* [Ketawa]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya sudah kata sekali tadi. Tengok. Macam manalah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya soalan pun dia sudah *reaction* macam itu, Tuan Pengerusi. Kenapa ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Mula-mula masuk PAS, lepas itu masuk AMANAH. Tidak amanah ini. Kena sekali sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Let me ask the question lah* [Ketawa]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Boleh tanya sekali sahaja. Saya bagi sekali sahaja sudah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, saya hendak tanya. Senang sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak. Tidak. Tidak.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak perlu takut. Senang. *Very simple question. Very simple question* sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak takut. Saya lagi takut Yang Berhormat Kuantan ini. Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Kuantan ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak apa. Jawab soalan saya dahulu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak. Saya jawab soalan Yang Berhormat Kuantan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Simple question* sahaja. Janganlah risau Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ringkas sahaja jawapannya pun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduklah. Sudah pukul 4.40 petang sudah. Duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Adakah kerajaan melihat isu skandal yang melibatkan Tan Sri Dzulkipli itu satu isu yang penting yang perlu ditangani dengan segera? *Or do you consider*, dengan izin, ia satu perkara remeh yang kita pantau sahaja, tanya pun tidak payah dan kita tunggu tengok macam mana. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Is it important?* Sebagai seorang yang menjaga SPRM, dia mesti merupakan seorang yang penuh integriti atau pun... *[Rakaman kurang jelas]* Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Salah fakta. SPRM bawah Jabatan Perdana Menteri. Tengok itu. Fakta pun tidak reti, SPRM bawah Jabatan Perdana Menteri, bukan bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sudah peninglah sebab asyik tukar parti. Itu yang jadi pening tu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk. Duduk. Duduk dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri ini buat lawaklah..

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk dahulu. Saya hendak jawab habis dahulu. Saya hendak habis jawab dahulu. Ini yang susah cakap dengan Yang Berhormat Shah Alam ini. Dia bercakap macam *lawyer* tapi dia bukan *lawyer* *[Ketawa]* Lepas itu sudahlah bukan *lawyer*, salah fakta lagi.

■1640

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: SPRM pun tidak tahu bawah JPM. Jadi isu ini, isu video ini kita kena buat siasatan dulu *because the law in Malaysia says innocent before you are proven guilty*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, *we know that*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *You* sudah awal-awal cakap. Oh! Ini *confirmed* lah ini Ketua SPRM itu sudah salah dan sebagainya...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa kata? *You're assuming. Don't put words in our mouths* lah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sepatutnya *trial by court*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Juri tidak ada.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Alamak, bila Yang Berhormat Puchong sudah bangun, saya kena dengar cakap dia.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hanya hendak perbetulkan Yang Berhormat Menteri. SPRM memang di bawah kawalan JPM tapi persoalan siasatan polis, di mana ada laporan polis itu di bawah KDN. So, ini memang tanggungjawab KDN apabila dibawa kepada perhatian KDN. KDN yang perlu jawab. Itu semua tahu. Itu perkara yang *basic* sangat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, Yang Berhormat *lawyer*. *You are lawyer*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *That's why we know the law. You don't know the law because we are lawyers. You don't know the law... [Dewan riuh] Please lah silent lah.*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Banyak cakaplah. Mana ada begitu. Ikut peraturanlah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk. Duduk.

Seorang Ahli: Ini lagi *lawyer* haprak.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Setuju tak prosedur dia adalah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini... [Disampuk]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sudahlah Yang Berhormat Sepang, duduk makan ubatlah, Yang Berhormat Sepang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk dulu. Prosedur dia adalah ada laporan polis, polis siasat, polis angkat kepada AG. Lepas itu AG kata bukti sudah cukup untuk dakwa, lepas itu baru bawa kepada mahkamah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah ambil *statement* daripada SPRM atau tidak? Sudah ambil atau tidak? Jawablah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Aduh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Have you taken the statement or not?*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jangan jadi Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *You* memang *lawyer* betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri tidak jawab. *Have you taken the statement...?*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang, duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, dia tidak jawab itu kami marah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang duduk dulu, Yang Berhormat Sepang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, kalau beginilah saya hendak berhenti jawab sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong duduk sekejap. Kalau berpanjangan begini, saya akan panggil kementerian lain. Sebelum itu saya terpaksa *put on the floor* dulu untuk undian. Ini kerana bukan cara begini berbahas. Saya ada kuasa untuk panggil kementerian yang selepas ini. So, jangan ganggu kepada Timbalan Menteri. Dia menjawab. Sila.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya, saya hendak berhenti Tuan Pengerusi tapi dia orang ini masih hendak tanya saya [Ketawa] Tidak apalah fasal Yang Berhormat Kuantan kawan baik saya juga. Jadi saya kena jawab dia punya soalan dia [Ketawa]

Seorang Ahli: Betul kah, kawan baik sama Yang Berhormat Kuantan ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ah? Kawan baik sebagai Ahli Parlimen. Yang Berhormat Kuantan bertanyakan mengenai kes kematian dalam lokap polis dan tindakan yang diambil bagi mengatasi kes kematian tersebut. Jadi bagi mengatasi kematian dalam lokap pihak polis ada SOP dia sebab yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu iaitu untuk memastikan borang pengesahan penyakit dan kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri.

Kedua, orang tahanan yang menghidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain. Satu lagi, langkah yang kita ambil kita benarkan pihak SUHAKAM untuk masuk melawat lokap-lokap kita tanpa ada apa-apa halangan. Kita juga mengasingkan penjenayah. Maksudnya penjenayah yang dijatuhkan hukuman mabuk, penjenayah *habitual*, tahanan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak diasingkan supaya mereka tidak duduk dalam satu lokap yang sama. Pihak polis juga menyediakan pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan.

Selain itu, kita pun ada *pilot project* untuk memasang CCTV di lokap-lokap. Okey, bagi menentukan lokap polis mematuhi segala peraturan. Kementerian telah menjalankan naziran terhadap lokap polis sebagai *key performance indicator* (KPI) Menteri Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sehingga kini, 54 lokap polis telah dilawati untuk mengenal pasti kekurangan dan sebagainya.

Tadi ada soalan mengenai...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai kematian dalam tahanan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah. Sudah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sudah pula.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk. Duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Soal kematian dalam tahanan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk. Duduk. Duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oh! Itu bawah penjara bukan bawah KDN. Ke bawah siapa lagi?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Pengerusi, tolong disiplinkan dia Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh saya tanya? [Ketawa]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dia tidak hendak ikut cakap Tuan Pengerusi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadi ada lagi soalan daripada Yang Berhormat Kuantan yang menyatakan prosedur peti-peti undi awal yang disimpan dalam lokap polis. Adakah calon-calon atau wakil-wakil calon boleh memeriksa peti undi berkenaan dalam PRU yang akan datang?

Untuk makluman Yang Berhormat, lokap polis merupakan kawasan larangan dan tempat larangan yang tidak boleh dimasuki secara sewenang-wenang oleh orang awam. Saya sendiri pun kena minta kebenaran kalau hendak masuk lokap. Ketua Pengawal kepada lokap adalah Ketua Polis Daerah dan Timbalan Ketua Pengawal adalah Ketua Balai Polis berkenaan. Tidak ada halangan bagi calon pilihan raya melihat peti undi. Melihat sahaja, bukan untuk memeriksa peti undi tersebut. Jika pertimbangan Ketua Polis Daerah tidak menimbulkan sebarang kesulitan yang boleh timbul kepada pelawat berkenaan. Saya hairan ini Yang Berhormat Kuantan, soalan ini seolah-olah tidak percaya kepada polis, seolah-olah tidak percaya kepada SPR.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh. Undi awal. Bolehlah [Ketawa]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Soalnya kita simpan dalam lokap dulu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, ini penting ini.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...Lokap merupakan tempat yang paling selamat untuk hendak simpan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita semua calon. Kita berhaklah hendak tanya. Boleh.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tidak bagi laluan. Duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Sikit sahaja.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ya, Yang Berhormat. Saya hendak soal.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tidak bagi laluan. Laluan kepada Yang Berhormat Kuantan.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan lokap ialah tempat paling selamat untuk peti-peti undi. Namun sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap berkenaan dengan orang mati dalam lokap. Jadi kenyataan itu *contradictory*, ia bercanggah. Macam mana orang boleh mati dalam lokap dan dalam masa yang sama mengatakan lokap tempat paling selamat.

Jadi kekhuatiran kita ialah berkenaan dengan integriti. Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata boleh tengok peti undi tapi tidak boleh teliti. Saya dalam kes kita ini risau berkenaan dengan undi-undi awal dalam kawasan Parlimen yang ada banyak undi awal yang ada jumlah undi awal yang tertinggi. Jadi apa sahaja boleh berlaku contohnya peti undi ditukar di dalam lokap, kita tidak tahu. Jadi persoalannya bagaimana pihak PDRM menjaga integriti, mengawal dengan baik? Bagaimana hendak meyakinkan kita semua peti-peti undi itu tidak diusik?

Jadi apa yang berlaku yang saya persoalkan ialah satu hari sebelum proses pengundian, peti-peti undi awal diletak dalam lokap bersekali dengan kertas undi. Kertas undi yang akan digunakan pada hari *polling day*, dengan izin. Jadi apabila saya mendapat maklumat bahawa lokap akan dibuka untuk mengeluarkan kertas undi, di situ saya memohon untuk mengiringi SPR untuk melihat proses buka lokap supaya tidak berlaku pertukaran peti undi awal yang ada sedia bersekali dalam lokap. Itu pun tidak dibenarkan.

Jadi persoalannya, *what is there to hide?* Sebabnya untuk melihat peti undi *polling agent* dibenarkan untuk calon. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, *I mean what is there to hide?* Kenapa tidak diteliti perkara ini sebab ini akan dipersoalkan dalam pilihan raya umum akan datang? Setiap kawasan yang ada undi awal contohnya Angkatan Tentera Kem yang belum wujud sudah ada undi awal seperti di Bera, di Bagan Datuk dan juga di Segamat. Kita tengok perkara ini berlaku. Jadi macam mana kita hendak kawal ini semua? Jadi jagalah integriti. Saya berbahas di bawah integriti PDRM itu. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Baik. Yang Berhormat, saya hendak nyatakan di sini polis Malaysia boleh dipercayai.

Soalan tadi mengenai...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ingat SPR bukan bawah KDN.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Soalan. Soalan. Tuan Pengerusi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, soalan tadi mengenai integriti SPR tadi fasal apa yang tadi yang SPR itu, itu hal JPM dan sudah dijawab oleh JPM.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri silap. Saya kata integriti PDRM sebabnya saya berbahas di bawah butiran integriti PDRM. Apabila SPR lepas tangan dan mengatakan bahawa peti undi awal itu di bawah kuasa PDRM maka saya persoalkan pula dalam perbahasan ini.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, prosedur pilihan raya adalah terletak di bawah SPR. Polis hanya simpan sahaja peti undi itu. Ikut peraturan SPR.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Sebab itu saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tanya kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan melepaskan pula kepada ketua balai pula sekarang ini. *I mean you pass the buck, SPR pass the buck to you, you pass the buck to ketua balai. So, how?*

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Pengerusi, pengalaman. Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri.

■1650

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya boleh tamatkanlah ini selepas ini.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah mula menyimpang daripada perkara-perkara yang... [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, Permatang Pauh, Permatang Pauh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Mana ada tamat. Soalan saya banyak lagi belum dijawab. *I have many questions* tadi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Cuma saya hendak jawab soalan terakhir ini soalan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya kena jawab.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, Lumut, Lumut.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Yang Berhormat Menteri, sebelum itu, Permatang Pauh, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi saya habis Yang Berhormat Kuala Selangor.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tak, tak. Ini berkaitan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Permatang Pauh? Okey, baik, baik.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan integriti, soalan saya belum dijawab kerana saya hendak tanya tentang indeks rasuah yang berkaitan dengan PDRM.

Apabila dikatakan 187 kes ataupun 0.15 peratus kes melibatkan anggota polis iaitu kes rasuah dalam tahun 2016 dan kalau diikuti web SPRM, itu kalau dianggarkan adalah 40 peratus daripada keseluruhan kes rasuah dari penjawat awam yang melibatkan anggota polis. Jadi kalau integriti polis dipertikaikan, jadi kita hendak tanyalah apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah ini? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, soal tadi yang berkenaan dengan butiran itu, nanti saya akan bagi secara bertulis ya. Fasal apa, ini soal integriti polis ini memang perkara itu sentiasa dipantau oleh pihak polis dan diambil tindakan. Tadi Yang Berhormat Puchong menyebutkan mengenai pegawai yang ada gambar pegang tangan dengan budak perempuan itu pun, ada di tempat hiburan pun telah diambil tindakan. Mereka telah dipindahkan dan dikenakan tindakan disiplin.

Cuma, masalahnya polis ini ada 120,000 orang pegawai. Bukannya jumlah yang sedikit. Akan tetapi dari segi statistik yang disebut oleh Yang Berhormat tadi pun baru ada 100 lebih orang yang diambil tindakan oleh SPRM.

Ini jumlah yang begitu kecil dibandingkan dengan jumlah keseluruhan 120,000 orang. Dia punya kejadian itu tak besar tetapi kita sentiasa akan mengambil tindakan kerana polis membawa integriti, rosak susu sebelanga, maka imej pihak polis akan terjejas. Setakat ini masih lagi di tahap yang begitu rendah tetapi kita sentiasa akan pantau supaya kita akan cuba kurangkan lagi untuk elakkan gejala rasuah.

Jadi saya hendak sebut fasal...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab fasal emolomen kenapa dua kali ganda tadi. Tak jawab soalan saya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya bagi jawapan bertulislah. Hendak habis ini. Saya hendak habiskan ini *last* sekali Yang Berhormat Kuala Selangor sahaja yang saya nak sebut.

Jadi Yang Berhormat Kuala Selangor tadi hal yang gred gaji ini, kita akan ambil kiralah mengenai gred gaji pegawai penjara. Memang pegawai penjara pun banyak mengeluh kerana gaji mereka agak rendah tapi tanggungjawab mereka makin meningkat.

Akhir sekali soalan mengenai kenapa gejala rumah urut yang- persepsi banyak rumah urut di negeri mana. Di negeri Selangor berlaku. Siapa yang bagi lesen? Yang bagi lesennya ialah pihak berkuasa tempatan. Kalau berlakulah masalah berleluasanya atau penambahan rumah urut di negeri Selangor, itu adalah disebabkan oleh PBT yang ada di negeri Selangor. Ini kerana mereka yang meluluskan lesen, bukan polis yang meluluskan lesen untuk rumah urut. PBT yang meluluskan lesen.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya tamatkan jawapan saya. Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tak jawab fasal senarai hitam *blacklist*. Yang *blacklist* luar negara tak jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Soalan saya fasal Datuk Ambiga, fasal Tun Mahathir tak jawab. Apa ini Menteri?

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *You spent so much time delaying tactic, answer* yang lain-lain, *you don't want to answer*. Ada jawapan yang tak mahu dijawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, apa ini tak jawab ini? Lari dari jawapan ini. Mengelak ini Menteri. Lain kali tak payah bahaslah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Soalan saya tidak mahu dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. *You use delaying tactic*, Tuan Pengerusi?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri, saya telah tujukan banyak soalan. Menteri tak jawab ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, saya tak puas hati ini. Menteri tak jawab soalan saya banyak ini. Buat apa saya bahas penat-penat ini? Rakyat...

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri itu tolong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jadi Menteri PBT sajalah bagus.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, laporan palsu polis itu penting itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, tolong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, dia belum jawab lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri tolong duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat tahu peraturan mesyuarat. Apabila Menteri sudah duduk, dia kata "*Terima kasih, Speaker. Saya sudah habis jawab*", bermakna itu habislah. Itu sebab, itu sebab...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, tak jawab, Tuan Pengerusi, masalahnya.

Tuan Pengerusi: Itu sebab kalau Menteri menjawab, jangan ganggu dia. Seorang demi seorang tanya. Jangan macam berdialog. Tadi sudah pun saya cakap, saya kata beri sama Menteri jawab. Itulah akibatnya. Jadi sekarang terpaksa saya kemukakan persoalan sama ada ya atau tidak.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, boleh kami minta jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri? Tuan Pengerusi, minta jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,497,545,400 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM12,497,545,400 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,302,836,300 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,302,836,300 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

Maksud B.24 [Jadual] - Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2018] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Selangor.

4.56 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Pembangunan Industri dan Daya Saing.

Tuan Pengerusi, saya punyai keyakinan yang amat tinggi bahawa zon perdagangan bebas digital (DFTZ) akan memberikan impak perubahan yang besar terhadap ekosistem dan kemandirian perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di samping untuk mewujudkan lebih 60,000 peluang pekerjaan baru dalam setiap rangkaian urus niaga.

Keyakinan ini diperteguhkan lagi apabila ekonomi digital yang merupakan penyumbang utama keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada tahun ini iaitu sebanyak 18.2 peratus dan ditambah pula menerusi Laporan Ekonomi 2017/2018 yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan bahawa ekonomi global dijangka berkembang 3.7 peratus tahun hadapan daripada 3.6 peratus yang diunjurkan untuk tahun 2017. Manakala keluaran dalam negara kasar dijangka meningkat kepada 4.9 peratus pada tahun 2018 daripada 4.6 peratus dijangka untuk tahun 2017.

Justeru itu, apabila melihat daripada butiran tersebut, sudah tentu pada hemat saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kaedah khususnya di pihak kementerian untuk menggalakkan lebih banyak lagi golongan usahawan khususnya generasi muda agar dapat terlibat di dalam ekonomi digital ini?

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin bertanyakan dari segi komposisi khususnya sektor penyertaan bumiputera kerana saya melihat apabila diwujudkan DFTZ ini, seakan-akan di peringkat khususnya akar umbi luar bandar, mereka tercari-cari *niche* untuk mereka terlibat khususnya dalam peningkatan ekonomi digital ini.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat mengadakan lebih banyak *outreach program* khususnya di peringkat luar bandar. Sebagai contoh, kerjasama N-BOS terutama sekali dengan RTC iaitu Pusat Transformasi Luar Bandar bagi memudahkan lagi urusan usahawan baru khususnya bagi generasi muda menyertai rangkaian ekonomi digital ini.

Saya yakin dan percaya usaha ini adalah sejajar dengan hasrat murni apabila zon perdagangan bebas digital ini diwujudkan sebagai pemangkin, khususnya pembangunan e-dagang seperti yang telah digariskan menerusi Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama *Malaysian Digital Economic Cooperation* (MDEC)

■1700

Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala. Menyedari bahawa negara China mempunyai skop pasaran halal yang luas terutama sekali usahawan Malaysia yang dikatakan memasarkan produk halal dengan anggaran 40 juta penduduk di Wilayah Xinjiang, Qinghai, Gansu, Ningxia, Yunan dan Xian pada hemat saya berupaya memberikan impak besar kepada industri halal negara. Ditambah pula dengan pembukaan Zon Perdagangan Bebas yang baru iaitu di Lanzhou di Wilayah Gansu dilihat sebagai satu permulaan yang sangat penting kepada inisiatif Lautan Sutera Abad Ke-21 dengan izin, *One Belt One Road, China*.

Hal ini dibuktikan lagi dengan nilai pertumbuhan perdagangan di antara Malaysia dan China yang pada hemat saya menunjukkan peningkatan sebanyak 24.8 peratus dengan jumlah RM213 bilion tahun ini setakat September yang lalu berbanding RM171 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2016.

Justeru itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, dalam keadaan bahawa usahawan negara mampu bersaing dengan ekonomi global seiring dengan Revolusi Industri Keempat, saya ingin mencadangkan agar Jawatankuasa Perdagangan Ekonomi Halal China diwujudkan dengan menyatukan keseluruhan industri halal negara di bawah satu bumbung menerusi satu kerjasama yang erat di antara pihak kementerian dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pada hemat saya jawatankuasa ini boleh berperanan memastikan agenda eksport perdagangan halal ke China akan berjalan dengan lancar di samping memastikan pelan induk pemasaran dan promosi berjalan dengan rancak di bawah pemantauan MATRADE. Namun demikian Tuan Pengerusi, apa yang merunsingkan saya dalam usaha untuk membantu usahawan halal bumiputera mempertingkatkan daya saing ekonomi mereka, ternyata usahawan halal bumiputera hanya berjumlah 30 peratus sahaja.

Pada hemat saya ini merupakan satu jumlah yang sangat kecil dan sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan apakah kaedah terutama sekali usahawan bumiputera ini dapat memasarkan produk-produk halal dan apakah permasalahan yang berlaku pada diri mereka? Sehubungan dengan itu saya juga ingin mendapatkan penjelasan di pihak kementerian usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi mempertingkatkan lagi penyertaan bumiputera terutamanya dalam perdagangan eksport halal ini.

Tuan Pengerusi, saya seterusnya ingin merujuk kepada Butiran 050100 – Perancangan Strategik. Apabila saya merujuk kepada butiran ini, kita menjangkakan bahawa ekonomi akan berkembang sehingga RM2 trilion pada tahun 2025, impak daripada Revolusi Industri Keempat yang akan berlanjutan sehingga tahun 2030.

Justeru itu, saya ingin bertanya sejauh manakah pihak kementerian mempunyai perancangan terutama sekali dalam kesiapsiagaan menghadapi Revolusi Industri Keempat ini? Apakah perancangan strategik yang sedang di rencana oleh pihak kementerian agar Malaysia tidak ketinggalan terutama sekali bagi golongan generasi muda daripada tidak menerima manfaat hasil daripada revolusi ini.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas pelantikan Dr. Li Chunrong sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd yang berkuat kuasa 1 Oktober yang lalu.

Saya amat berharap agar dengan pelantikan beliau ini akan memberikan impak *survival* khususnya di dalam pasaran automotif tempatan dan antarabangsa. Namun demikian, saya amat berharap apabila tiba masanya nanti Proton sebagai agenda automobil utama negara akan kembali dipimpin oleh anak watan Malaysia.

Sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar pelantikan beliau sama sekali tidak akan meminggirkan khususnya tenaga pakar tempatan. Justeru, itu saya amat berharap agar keutamaan diberikan juga kepada kepakaran anak-anak Malaysia di dalam Proton supaya pihak kementerian juga dapat memberikan input supaya anak tempatan ini dapat kita ketengahkan terutama sekali dalam kepakaran dan juga pendedahan dalam perusahaan automobil ini. Tuan Pengerusi, Kuala Selangor menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

5.05 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 24 Butiran 040000 – Pembangunan Keusahawanan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan jumlah RM49.4 juta. Antaranya pemberian berkenaan yang berjumlah RM43.5 juta untuk Butiran 040200 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia).

Jadi dengan peruntukan yang besar ini saya ingin mendapat penjelasan apakah SME Corp. ataupun apakah langkah-langkah yang diambil oleh SME Corp. ini untuk memandu atau memacu dan memantau agar PKS berjaya bergerak ke arah mencapai Revolusi Industri 4.0 atau IR 4.0 sebagaimana Yang Berhormat Kuala Selangor sebut tadi.

Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai pembangunan di bawah Bekalan P.24 SME Corp. Malaysia berjumlah RM189.1 juta. Antaranya bagi Butiran 00514 – Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera berjumlah RM30 juta, Butiran 00601 – Dana Pembangunan & Pembiayaan PKS berjumlah RM47 juta, Butiran 00603 – Program Keusahawanan berjumlah RM36.5 juta dan Butiran 00607 – Pelan Induk PKS berjumlah RM73 juta.

Saya mohon penjelasan pembangunan-pembangunan produk PKS yang berpotensi untuk dieksport dan status pembangunan halal hab PKS. Dari peruntukan di atas adakah kilang-kilang atau industri-industri juga akan dibina bagi menyediakan premis yang mengikut piawai antarabangsa dan selesai kepada PKS-PKS.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya menonton program TV mengenai seorang pengusaha Puan Azra Hussin dari Batu Pahat, Johor yang menghasilkan benang yang berkualiti dan kukuh dari serat daun nanas. Benang ini dapat menghasilkan kertas, cenderamata, bekas pensel, bingkai gambar, rantai kunci, buku cenderahati, beg, kertas dan lain-lain. Kini Puan Azra Hussin berjaya menghasilkan lebih 70 jenis cenderamata dan mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan.

Persoalannya, adakah SME Corp boleh membantu PKS ini dalam mengkomersialkan benang dan produk-produk yang berkaitan dari serat daun nanas ini dan sekali gus dapat membantu kitar semula sisa daun nanas yang banyak di Johor, Pahang, Melaka dan Perak.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud P.24 - Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang mendapat peruntukan RM79.3 juta antaranya untuk Butiran 00204 – Tabung Promosi Eksport Perkhidmatan berjumlah RM47 juta dan Butiran 00207 – Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (PPSPP) berjumlah RM10 juta.

Saya mohon pencerahan, adakah Tabung Promosi Eksport ini merangkumi pembangunan produk untuk eksport atau hanya untuk perbelanjaan petugas-petugas untuk promosi. Apakah yang dimaksudkan dengan PPSPP? Apakah peranan syarikat peringkat pertengahan dan kaitannya dengan promosi produk dan perkhidmatan di luar negara?

Akhir sekali saya ingin mendapat sedikit penjelasan Yang Berhormat Menteri, rancangan kerajaan untuk mengeluarkan kereta elektrik satu masa dahulu dan ingin mendapat penjelasan dari segi statusnya sekarang? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, sila Yang Berhormat.

■1710

5.10 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk berbahas dalam Peringkat Jawatankuasa.

Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya menepati petunjuk-petunjuk prestasi utama. Nilai barangan pembuatan dan perkhidmatan pada tahun ini RM860 juta dan dijangka mencecah RM900 bilion pada tahun depan. Prestasi utama untuk eksport daripada RM1.48 trilion pada tahun 2016 meningkat RM1.64 trilion dan kita sasarkan RM1.74 trilion pada tahun depan. Ini adalah satu angka-angka yang sangat memberangsangkan.

Cuma saya hendak tanya, daya saing sektor pembuatan dan perkhidmatan meningkat ini, sasaran untuk tahun 2017 ada kedudukan Malaysia kita disasarkan pada tahap yang lebih bawah daripada tahun depan. Jadi saya hendak minta penjelasan sedikit daripada kementerian.

Seterusnya saya hendak sentuh mengenai pelaburan. Pelaburan nampaknya tahun depan berkembang 67 peratus, ini menunjukkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan bertambah sekitar RM130 bilion pada tahun depan. Ini sebenarnya kalau kita tengok, saya hendak tanya adakah ini termasuk swasta ataupun awam. Kalau ikut swasta difahamkan RM260 bilion. Jadi saya minta penerangan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya pembangunan keusahawanan dan perusahaan kecil. Ini adalah angka-angka yang amat penting. Saya lihat pada tahun 2017, tahun 2018 nampaknya sasarannya sederhana. Jadi boleh terangkan kenapa berlaku penyederhanaan dari segi peningkatan jumlah nombor PKS ini.

Saya terus kepada Butiran 00201 - Program Pembangunan Industri Automatif. Saya difahamkan selepas Geely sudah ambil Proton, dan Geely pun melalui anak syarikat telah beli satu syarikat besar Link Corporation mempunyai teknologi Polestar yang mana mereka akan membina kereta elektrik sebagaimana Yang Berhormat Hulu Langat cakap tadi. Kita tahu Tesla, satu syarikat yang besar mereka berkembang 300 peratus dalam masa 10 tahun. Difahamkan teknologi yang dipunyai oleh Volvo ini iaitu sepupu Proton akan menjadi pesaing utama.

Jadi dengan adanya ini, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan industri automatif ini kita ada Akademi Railway, kita ada Akademi Aeroangkasa. Adakah kita bercadang untuk buat akademi untuk elektrik, *hybrid* khusus di Malaysia. Ini dapat membantu kita memperkasakan semula vendor-vendor kita supaya 10 tahun, 20 tahun akan datang nanti permintaan untuk elektrik *hybird* ini amat besar di China, di Amerika. Kita akan lebih bersiap sedia untuk- jadi, saya cadangkan kementerian bersama dengan NRE untuk melihat EEV ini supaya habnya akan dibuat di Malaysia.

Keduanya, Butiran 00202 - Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan. Saya difahamkan tahun ini bajet ada RM1 bilion tambahan untuk *Accelerated Capital Allowance* (ACA) yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Jadi saya lihat usaha ini amat baik kerana sepanjang tahun 2015 hingga tahun 2017 kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Contohnya daripada 2,296 pekerja yang patut diperlukan, dengan ada automasi ini kita dapat kurangkan sehingga 354 pekerja. Outputnya sama tetapi kebergantungan itu dapat dikurangkan 83 peratus.

Ini adalah satu langkah yang amat baik. Saya minta kementerian memperkasakan lagi program ACA ini supaya kita dapat kurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Di samping itu kita dapat memberi peluang untuk pekerja-pekerja tempatan menambahkan *skill* mereka, mendapat gaji yang tinggi dan berkemahiran tinggi. Jadi saya minta Butiran 00202 - Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan ini satu langkah baik dan mesti diperkasakan lagi.

Saya terus kepada Butiran 00525 - Dana Projek Berimpak Tinggi. Saya minta kalau boleh ada *detail* sedikit Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tengok apa ini dan yang terakhir sekali ialah- itu sahaja. Saya ingat cukup. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Sila.

5.14 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak fokus Butiran 020400 - Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala dan Butiran 050100 - Perancangan Strategik. Saya hendak bawa perhatian kementerian bahawa pada masa ini hanya sebahagian kecil sahaja daripada perundingan kita fokus kepada perdagangan dalam barangan. Sebahagian besar daripada perjanjian kita adalah dengan hal-hal lain macam *capital control*, macam ISDS, macam hak cipta intelektual.

So pada saya, saya nampak ini sebagai satu usaha daripada *0.01 percent* itu yang terkaya untuk pakai minat kita untuk sertai, kembangkan perdagangan dan membawa agenda mereka. Agenda yang membantu yang terkaya dalam dunia. So, saya rasa bolehkah kita *turn it around*. Kita pakai dahaga negara-negara untuk perdagangan, untuk bawa polisi-polisi yang pro rakyat, polisi-polisi yang dalamkan pasaran kita.

Umpamanya sekarang di ASEAN kita sedang berlumba, kita sedang bersaing untuk FDI. Satu caranya ialah kita kurangkan kita punya cukai korporat. Sekarang saya ingat lebih kurang 25 peratus cukai kita dan Singapura hanya 19 peratus. Thailand pun lebih kurang 20 peratus. Kita sekarang sedang bersaing. Apabila kita bersaing untuk kurangkan cukai korporat, kita terpaksa dapat cukai daripada sumber yang lain, GST. Kita buat *consumer tax*.

Bolehkah kita di ASEAN pakai FTA di kawasan ASEAN untuk katakan kita tidak akan lagi kurangkan cukai korporat. Jika mana-mana negara kurangkan cukai korporatnya, kita kenakan tarif terhadap eksport dia kepada kita. *Can that be done? Can we do it the other way around instead of* kita pakai perdagangan untuk bawa agenda korporat, kita pakai perdagangan untuk bawa agenda kerajaan dan agenda rakyat. *We can go one step further*, kita boleh katakan kita tambahkan katakan dalam ASEAN, semua negara di ASEAN kita buat satu perjanjian kita tambahkan cukai korporat *one percent* setiap tahun untuk lima tahun akan datang.

Mana-mana negara yang tidak buat macam itu, kita kenakan tarif tiga *percent* terhadap barangan dia ke negara-negara ASEAN yang lain. Kumulatif. Setiap tahun kita tambah *one percent*. So, isu macam itu ataupun satu lagi kita boleh bawa ialah isu gaji minimum. Kita semua *agree* kita akan tambahkan gaji minimum 10 *percent* setiap tahun di semua negara di ASEAN dan mana-mana negara yang tidak buat macam itu dikenakan denda sebagai tarif terhadap eksport dia ke negara-negara ASEAN yang lain.

Ini bukan sahaja akan bantu B40 di semua negara ini tetapi juga ia akan mendalamkan pasaran dalaman di ASEAN dan akan wujudkan peluang untuk *investors*, untuk peniaga kita. So, *I think* ini satu masalah yang kita hadapi di dunia. Kita tidak ada cukup pasaran. So, *these are the things* bolehkah kita *approach*- memang apabila kita bantah TPPA bukan ertinya kita tidak mahu perdagangan. Kita mahu perdagangan tetapi masalahnya ialah perdagangan ini dipakai oleh pihak yang terkaya untuk bawa agenda mereka.

So, mungkin kita kena fikir macam mana kita boleh bawa perdagangan tetapi juga pakai perdagangan untuk memajukan isu-isu macam pendapatan untuk kerajaan melalui cukai dan isu-isu macam gaji minimum. Saya ingat ini perlumbaan ke bawah, *the race to the bottom* oleh kerana kita semua mahu FDI harus ditangani. Saya rasa FTA antara ASEAN, FTA mungkin dengan negara-negara lain boleh dipakai supaya *race to the bottom* ini dapat dikawal.

Saya harap MITI boleh kaji ini. Memang ini satu idea yang baru kerana *the whole dialogue* sekarang dalam FTA, perjanjian ini di-*push* oleh *World Bank*, IMF yang banyak pro *with the one percent* itu. So, saya harap kita boleh bawa idea ini dan kita wujudkan satu suasana di mana perdagangan semua negara mahu perdagangan.

So, kita pakai dahaga mereka untuk perdagangan untuk bawa *social policy* yang baik untuk 99 percent. So, saya harap ini dapat dikaji. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bagan Serai.

5.19 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Butiran 020200 - Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala dan Butiran 020300 - Integrasi Kerjasama Ekonomi ASEAN.

■1720

Jadi kita semua mengetahui bahawa Malaysia ini adalah negara dagang yang kecil, yang terbuka, yang sudah pasti terkesan daripada apa yang berlaku dekat dunia ini. Kita tahu kuasa-kuasa besar ekonomi seperti di Amerika, seperti di China dan juga yang akan datang seperti di India umpamanya, memberikan kesan. Kita sentiasa mencari-cari peluang pekerjaan untuk memperluaskan, untuk *diversify*, dengan izin, kawasan perniagaan kita.

Jadi saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana tahap eksport telah meningkat dan usaha kuat yang telah dilakukan. Ini kerana sebenarnya bila bercakap tentang FTA ini, kita bukan baru. Kita sudah ada dengan Jepun, dengan China, dengan Korea, kita sudah ada dengan Pakistan, dengan New Zealand dan sebagainya. FTA ini sebenarnya bertujuan untuk menggalakkan perniagaan antara negara-negara dan untuk mengurangkan atau menghapuskan sekatan-sekatan seperti tarif kuota, yuran dan sebagainya. Untuk memudahkan urusan niaga yang menggalakkan perniagaan kita meningkatkan, bermakna ekonomi kita akan meningkat.

Jadi kalau kita lihat yang hangat diperkatakan iaitu mengenai TPPA, mengenai RCEP dan juga mengenai AEC yang telah kita wujudkan. Kita melihat kepada perkongsian ekonomi komprehensif serantau yang memberi makna yang sangat besar kepada negara sebenarnya. Sebanyak 16 negara RCEP dengan lebih tiga bilion penduduk menguasai kira-kira 48.6 peratus daripada penduduknya dengan gabungan KDNK anggaran RM22.68 trilion ataupun 29.3 peratus KDNK dunia.

Jadi, perkongsian seperti ini menawarkan peluang yang luas dan pelbagai kemungkinan bagi Asia dan Eropah untuk membawa kerjasama dan perkongsian ekonomi ke tahap yang lebih tinggi. Jika direalisasikan Perjanjian Perdagangan Bebas antara 10 anggota ASEAN dan enam rakan dialog iaitu Australia, China, India, Jepun, New Zealand dan Korea Selatan, akan mewujudkan satu blok perdagangan terbesar di dunia ini yang merangkumi hampir satu pertiga dari ekonomi global.

Ini belum lagi kita ceritakan tentang industri halal dan sebagainya yang akan membawakan banyak lagi peluang-peluang yang datang ini. Jadi saya ingin bertanya, sejauh manakah kerajaan berbincang dengan negara-negara terbabit dalam memuktamadkan beberapa isu seperti kaedah akses pasaran, berkenaan tarif sektor perkhidmatan pelaburan dan peraturan yang mampu memberikan gambaran yang jelas terhadap pelaksanaan perjanjian perdagangan ini. Bermaknanya saya ingin mengetahui statusnya yang sekarang ini.

Dahulu, kita telah berbincang begitu lama dan begitu hebat. Berapa siri saya tidak ingat sebenarnya tentang TPPA dan apabila berlaku perubahan dasar kerajaan, tiba-tiba Amerika membuat keputusan untuk menarik diri. Saya pernah terdengar dahulu perbincangan *with or without* Amerika, TPPA akan diteruskan. Itu juga satu lagi status yang kita hendak tahu kerana dengan wujudkan *agreement* TPPA ini akan memperluaskan lagi kawasan perniagaan Malaysia dan dijangka akan menaikkan lagi bilangan penduduk yang akan terlibat dan juga peningkatan ekonomi negara. Bayangkan kita boleh pergi ke sebelah sana, sebelah Mexico, Brazil, Peru, Kanada dan sebagainya. Ini memberikan kawasan yang lebih luas untuk kita sebenarnya. Jadi, status ini.

Perkara yang harus diteliti oleh kementerian mengenai setiap perjanjian adalah kemungkinan berlakunya pengaliran masuk tenaga asing. Ini satu poin yang kita hendak tahu, adakah ia akan menimbulkan masalah dari segi penguasaan, dari segi keselamatan dan sebagainya.

Apakah perkembangan terkini berkenaan dengan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik yang saya nyatakan tadi serta kenyataan Amerika untuk menarik diri. Sebenarnya yang kita hendak tengok hari itu kita cerita banyak sangat, dia punya fadilatnya, dia punya kebaikannya dan sekarang sudah tidak jadi ini, adakah kita akan rugi banyak umpamanya.

What do we lose umpamanya? Ini sebab apa, kita sedar bahawa kuasa dunia besar akan datang akan menjadi China, akan jadi Amerika dan India dan sekarang kita sudah beralih kepada sana. Daripada TPPA, kita telah fokus kepada RCEP sebenarnya. Kita hendak tahu, apakah sebenarnya yang kita akan rugi daripada perkara Amerika menarik diri daripada perjanjian ini?

Adakah kita akan menghadapi masalah-masalah macam ini, kuasa-kuasa besar dunia apabila berubah kepimpinan, apabila berubah dasar, maka kita tergugat sekali lagi dan segala usaha yang telah dilakukan ini telah mendatangkan bukanlah kita kata kerugian semata-mata, tetapi kita sudah banyaklah membelanjakan wang, masa dan tenaga dan buah fikiran bertekak dekat Parlimen ini juga. Berapa hari, dua hari dan kita bertekak dan kita tengok apa sudah jadi macam ini. Bagaimana keadaan masa akan datang?

Tuan Pengerusi, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) juga akan memberikan faedah yang sangat besar kepada penduduk ASEAN yang kini berjumlah 600 juta orang lebih dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN atau AFTA telah mengurangkan tarif kepada sifar atau hampir sifar yang secara langsung mengurangkan harga pelbagai barangan dan membolehkan rakyat memiliki lagi lebih banyak wang untuk dibelanjakan oleh keluarga masing-masing.

Saya ingin bertanya, apakah impak serta kesan yang diterima oleh pengusaha kecil dan sederhana daripada Sidang Kemuncak Mini Keusahawanan 1ASEAN dan bagaimanakah dengan penerimaan masyarakat luar terhadap produk serta barangan keluaran mereka. Ini adalah sangat penting. Macam kita cerita peningkatan ekonomi negara, kita cerita dalam masa perbahasan dasar dahulu tentang kenaikan ekonomi tetapi yang selalu juga dibising, yang diperkatakan ialah adakah kesamarataan dan adakah semua merasai kemenangan, kejayaan yang dilakukan, yang dibuat di negara kita hari ini.

Ini bermaknanya memang kita sebut tentang mereka yang terlibat dengan PKS ini umpamanya ataupun mereka yang di kumpulan golongan B40 umpamanya. Bagaimana mereka dapat memanfaatkan perkara ini? Bagaimana mereka dapat terlibat? Apakah usaha-usaha kerajaan untuk melibatkan lebih lagi mereka ini? Jadi sebagai komuniti tunggal, ASEAN mesti mengutamakan kelancaran Kad Perjalanan Perniagaan ASEAN serta memperkukuhkan program latihan ASEAN yang membolehkan pelajar ditempatkan bersama syarikat-syarikat di rantau ini. Saya mohon nyatakan perkembangan yang telah dicapai berdasarkan perkara ini. Tuan Pengerusi, Bagan Serai menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

5.27 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan perkara 010000 – Pembangunan Industri dan Daya Saing dan perkara kecil ialah 010600 – Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Saya lihat produktiviti adalah pemangkin pembangunan negara. Jadi lebih tinggi produktiviti kita, lebih bertingkatlah pertumbuhan keluaran negara.

Perkara ini bukan satu perkara yang tidak nyata. Beberapa hari yang lepas, saya juga melihat belanjawan yang dikeluarkan oleh Britain mengenai keadaan ekonomi Britain. Antara perkara yang dikhuatiri yang merendahkan keadaan ekonomi di Britain ialah kejatuhan produktivitinya. Jadi jelas, di Britain juga menghadapi masalah tersebut. Saya dalam perbincangan belanjawan secara mikro, saya membangkitkan tentang perbandingan produktiviti Malaysia dengan juga produktiviti di Vietnam. Kita dapati Vietnam melebihi kita enam peratus dan kita antara empat peratus.

Jadi, saya rasa perlu kita tingkatkan. Saya hendak meminta Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan bagaimana Perbadanan Produktiviti Malaysia - saya tidak boleh cakap banyak sebab saya dahulu ialah pernah jadi Pengarah Sambilan produktiviti itu, tetapi saya rasa tiba masanya kita mesti memikirkan idea-idea baru untuk mempertingkatkan produktiviti kerana kita dalam satu keadaan *service industry*, bukan lagi dalam satu keadaan apa yang dipanggil hanya *industrial* ataupun pembuatan.

■1730

Jika oleh sebab itu, kita punya pemikiran mesti lebih luas, penggunaan digital, *big data* untuk meningkatkan produktiviti ataupun kita fikirkan, saya bangkitkan usaha untuk menterjemahkan subsidi jadi produktiviti. Jadi itu pun juga boleh kita fikirkan bagaimana subsidi yang kita bagi berbilion itu boleh diterjemahkan sebagai satu usaha meningkatkan produktiviti, itu pun perlu difikirkan. Jadi saya berharap saya akan mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri bagaimana pemikiran kita tentang usaha peningkatan produktiviti.

Perkara yang kedua saya hendak bangkitkan ialah mengenai industri halal 19522 dan seterusnya saya mendapati *excitement* ataupun kehairahan untuk menceburi industri halal ini sangat meluas tetapi kebanyakan usaha yang dilakukan ialah apa yang saya panggil sebagai *property development* ataupun pembangunan hartanah. Jadi dia buat tempat untuk membuat kawasan halal ataupun industri halal.

Saya lihat kementerian mesti cuba fokus kepada idea *value adding*. Serupa juga kita *replacement*, saya hendak tunjukkan satu perkara iaitu yang dipanggil gelatin. Gelatin itu ialah hasil dari yang kita ambil daripada tulang yang menjadi pemangkin dan menjaga kekuatan makanan-makanan yang kita buat gelatin. Akan tetapi gelatin adalah dalam keadaan saya ambil secara tidak saintifik ialah keadaan yang waswas.

Jadi ada opsyen yang lain, yang sekarang yang dipanggil *vegetable gelatin* tetapi tumpuannya saya tengok di Malaysia fokus itu tidak ada. Bila saya buat kajian kalau mengganti sahaja apa yang dipanggil *animal gelatin* kepada *vegetable generic* yang itu, jumlah *business* yang disokong melebihi US50 bilion. Jadi kalau kita boleh buat gelatin untuk mengganti panadol sahaja sudah berjuta-juta Ringgit. Saya sendiri telah membuat beberapa usaha dan keputusannya sekarang dalam penyelidikan menggantikan gelatin dengan *seaweed*.

Akan tetapi apa yang saya hendak minta ialah bagaimana kerajaan sekarang fokus kepada menambah nilai, apa yang dipanggil barangan halal itu dengan mengubah menggunakan bioteknologi ataupun menggunakan tatacara pembuatan untuk bukan sahaja menggantikan, membuat benda-benda yang halal dan yang bersih tetapi yang *value added*nya adalah tinggi. Jadi saya minta penjelasan tentang perkara itu.

Saya juga ingin membangkitkan lagi satu perkara ialah tentang perbincangan TPPA ini, saya berharap dapat penjelasan juga daripada kementerian, apakah opsyen yang kita ada dalam usaha supaya kita dapat meneruskan peningkatan perdagangan antarabangsa kita ini dalam keadaan Amerika merasakan mereka perlu membetulkan keadaan dalaman, domestik industri mereka dan fokus kepada diri mereka. Bagaimana Malaysia dan negara-negara lain dapat bersama walaupun saya dapati dari perbincangan di Manila, nampaknya Kanada sudah rasa sejuk dalam hal ini kerana dia rasa perdagangan mereka dengan Amerika adalah lebih penting daripada TPPA. Jadi saya hendak penjelasan daripada kementerian bagaimana strategi-strategi kita, boleh kita buat.

Bagi saya yang paling penting ialah kita fokus kepada ASEAN. Akan tetapi saya lihat fokus kepada ASEAN bukan sahaja kita mesti fokus kepada *inter-trade*. Kita juga mesti fokus kepada ASEAN dengan perniagaan dunia. Saya bagi contoh, persoalan yang saya ingin nyatakan, walaupun ini boleh, tidak seratus peratus Kementerian Perdagangan Antarabangsa, masalah penjualan minyak sawit kita ke Eropah. Malaysia dan Indonesia adalah satu kumpulan ASEAN yang menjual berbilion ke sana dan mereka telah membuat satu sekatan yang menghalang penjualan yang lebih besar daripada kita. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang apa strategi yang kita mesti lakukan supaya kita diberi keadilan dalam suasana perdagangan yang bebas dan adil. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Kelana Jaya.

5.37 ptg.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya prihatin bahawa Yang Berhormat Menteri kita ini adalah mempunyai satu reputasi yang baik, bersih dan juga *capable*, jadi saya tidak ada soalan tentang operasi kementerian. Soalan-soalan saya pada hari ini ialah tertumpu kepada isu pembangunan.

Saya merujuk kepada P.24 00201 MITI – Program Pembangunan Industri Automotif. Tuan Pengerusi, saya lihat pada tahun 2016 peruntukannya RM10 juta, *it looks like a nominal sum*, RM10 *milion* dan 2017 juga RM10 juta tetapi untuk 2018 tertera bahawa ia lebih spesifik iaitu RM21,100,000. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. untuk siapakah peruntukan ini? Adakah ia untuk Proton-Geely ataupun untuk *support industry, infrastructure* ataupun ekosistem industri automotif.

Mengenai isu Proton-Geely, saya menerima laporan informal, laporan awam memang terdapat satu *mood* yang baik sekali di dalam kilang-kilang bahawa CEO yang baru ini membawa satu *promise* untuk *cut cost* sebanyak 20 hingga 30 peratus. Jadi ini memberi harapan baik kepada Proton dan saya tidak akan bincang lebihlah tentang Proton-Geely cuma satu soalan sahaja. Saya cuba cari dalam buku kita ini saya tidak terjumpa di mananya *support* untuk Proton-Geely, adakah sama ada kita akan bagi R&D lagi, *grant* seperti biasa ataupun apa-apa subsidi lagi ataupun *grant* untuk Proton-Geely.

Bagi Skim Pinjaman Mudah 00202 – Automasi dan Pemodenan, jumlah projek besarnya RM750 juta. Bagi tahun 2018, RM150 juta ini kepada siapa dan kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi satu senarai penerima ataupun *targeted group* yang akan menerima RM150 juta ini dan skim ini adalah satu skim pinjaman, itu *titlenya* pinjaman. Jadi saya hendak tahu pinjaman itu bawah kadar faedah berapa, satu peratus, tiga peratus, empat peratus, lima peratus.

■1740

Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi senarai dan juga kaedah pinjaman. Bagi P.24, MIDA 00525 - Dana Projek Berimpak Tinggi. Jumlah projek ini RM2.98 bilion dan untuk tahun 2018 jumlahnya ialah spesifik sangat. Jadi maknanya *it's actually meant for something very specific* ya. RM450,670. Saya hendak tahu apakah butiran terperinci projek-projek ini? Ini kerana kita tahu kerja MIDA ini ialah menggalakkan *domestic and foreign investment*. *What is this additional RM452 million support* untuk apa? Adakah ia berkaitan apa-apa dengan Proton-Geely *take over* atau tidak?

Baik saya merujuk kepada P.24 SME ataupun Butiran 00603 - Program Keusahawanan. Soalannya senang. Saya biasanya tengok dalam isu-isu bajet ini kita tengok *pattern*. Ternampak jelas bahawa *pattern* tidak munasabahlah, pada tahun 2016 cuma RM2.2 juta diperuntukkan, lepas itu meningkat lebih kurang tiga empat kali. Pada tahun 2017, RM9 juta selepas itu pada kali ini meningkatkan empat kali ganda ke RM36.5 juta.

Yang Berhormat Menteri, kalau boleh ceritalah kenapa peningkatan 400 peratus ini ya? Baik, ini menjadi fokus utama saya iaitu P.24 10300 iaitu SME Bank. Saya faham bahawa SME Bank ini adalah satu *Development Finance Institution (DFI)*. Akan tetapi saya risau dan juga tidak gembiralah tentang isu ini sebab dia akan menerima secara langsung RM40 juta dan secara pinjaman RM30 juta. Jadi totalnya jumlahnya untuk 2018 RM70 juta. Pada tahun 2017 anggarannya ialah RM90 juta dimasukkan dan 2016 RM20 juta sahaja.

Saya telah memeriksa Annual Report SME Bank 2016, *the latest*. *Nett profit* untuk SME Bank adalah RM 63 juta. *Under asset* SME Bank portfolio dia kita terdapat satu kategori namanya *loans advances and financing*. Ini adalah *basis business* dia lah memberi pinjaman. *Total asset under loans advances and financing* adalah RM6.22 bilion dan *total asset* kalau kita kira, RM10.5 bilion. Isu dia adalah kalau kita bandingkan *nett profit* dia RM63 juta ini kepada *total loans* dia mendapat pulangan satu peratus sahaja. Tuan Pengerusi, *this bank is making one percent return on all the loans they advanced*.

Kalau kita bandingkan dengan *nett profit* dia pada *total asset*, pulangannya 0.6 peratus. Apakah bandingan ini dengan bank-bank komersial yang lain? Saya faham DFI tetapi nantilah saya akan jawab isu tentang DFI ini.

Akan tetapi apabila kita bandingkan dengan bank-bank komersial kita dapati bahawa ia tidak mempunyai *track record* keuntungan yang baik malah kalau kita bandingkan dengan Maybank, satu GLC, GLC Maybank mendapat 1.4 *percent return*. Bank komersial Public Bank 1.7 *percent return*. SME Bank cuma dapat *one percent*. Maknanya prestasi keuntungan memang teruk.

Kalau kita bandingkan dengan aset pula, Maybank dapat 0.9 *percent, not bad*. Public Bank 1.4 *percent*, SME 0.6 *percent* sahaja. Jadi maknanya semua data-data ini menunjukkan bahawa *it's not performing as good as it should be*. Saya faham DFI ini hasratnya bukan seratus peratus untuk untung, tetapi kita kena faham juga SME Bank faedah dia bukan murah bukan satu peratus atau dua peratus kepada pelanggan dia. Dikatakan di *website* sendiri 3.75 peratus ke 7.5 peratus *the interest rate they charged*. Maknanya dia ada *commercial rate* sebab *commercial banking* lima peratus sahaja.

Jadi saya hendak tanya dan kita pun tahu DFI ini peruntukkannya melalui bajet ini. Maknanya dia punya *source of fund is very cheap. Very cheap*. Kalau dia dapat geran daripada kerajaan kosong peratus. Kalau dapat pinjaman daripada kerajaan kemungkinan satu atau dua peratus sahaja. *So the source of fund is cheap but they cannot compete with the commercial bank and they charged high interest rate*. Paling penting adalah operasi *expenses. Operating expenses* kalau kita banding dengan *nett income* tersangat tinggi. *Operating expenses* RM201 juta setahun OPEX dia dengan *nett income* RM318 juta. Maknanya *operating expenses* dia 63 *percent of their nett income*. Kalau kita banding dengan Maybank dengan Public Bank, Maybank *operating expenses only 47 percent*. Untuk Public Bank 41 *percent*.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sekiranya prestasi jelas sekarang bahawa bank ini SME Bank ini *not performing up to profitability and also has very high expenses*. Jadi saya hendak minta kalau kita hendak luluskan pada tahun 2016 *nett profit* RM63 juta. Itu data daripada *annual report*. Pada tahun 2017 diperuntukkan anggaran RM90 juta. *They make profit of RM63 million, you top up another RM90 million. It makes no sense*, Tuan Pengerusi. *There is something very rotten inside SME Bank*. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri kalau boleh lah RM70 juta yang kita peruntukkan untuk 2018 ini lebih baik digunakan untuk SME Corp betul buat *business* yang betul. Ataupun untuk *Malaysia Productivity Corporation (MPC) you know* untuk produktiviti yang lebih baik.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh berilah satu *undertaking* ataupun mulakan satu *investigation* yang betul-betul tentang DFI SME Bank ini. Cari jalan untuk memperbaiki keadaan kewangan dia dan cara tatatertib dia. Pastikan dia punya *expenses go by normal commercial rate*. Maknanya *below 50 percent of nett income*. Itu sahaja ucapan saya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja, Yang Berhormat Menteri.

Butiran 03010100 berhubung dengan *Negotiation Malaysia-European Union*. Apakah kedudukan sekarang kita punya *negotiation* antara kedua-dua negara? Butiran 020300, adakah negara-negara Asia ataupun Malaysia memulakan satu gerakan *single currency* bagi rantau Asia sebagaimana di abad ini satu mobil idea yang dilakukan oleh *European Union* mengutarakan satu *single currency* ternyata dapat memberi kesan yang positif kepada kekayaan seluruh rantau Eropah?

Apakah Malaysia mahu memulakan satu gerakan supaya *single currency* dilaksanakan di seluruh Asia bagi mengekang tekanan *US Dollar* kepada negara-negara perdagangan negara di Asia ini? Saya yakin boleh kalau China, Jepun dan Korea memainkan peranan yang penting bagi melaksanakan idea ini bagi mewujudkan sesuatu pembangunan ekonomi yang agak sama rata serta kekayaan yang sama rata di mana China telah memulakan satu projek yang raksasa iaitu *silk road* dan pembangunan ekonomi yang begitu menakjubkan ia boleh dilaksanakan dengan sokongan *single currency*.

Ketiganya, Butiran 30220. Adakah kita lebih selektif dalam meluluskan industri-industri yang datang ke Malaysia ini bukan semata-mata hanya menghendaki pelaburan tetapi lebih selektif kerana kita tidak mahu Malaysia ataupun menjadikan *profit centre* sahaja kepada pelabur-pelabur asing.

Dia tidak memberi kesan *spin-off effect* kepada seluruh ekonomi kita kerana buruh yang murah kerana senang dapat buruh maka dia melabur di Malaysia atas konsep itu yang industri yang sudah tidak relevan lagi tentang pembangunan Malaysia ini. Keempatnya ialah bagaimana perkembangan *furniture industry* dalam negara kita ini?

■1750

Suatu ketika, kayu getah merupakan satu yang melahirkan *furniture* yang berkualiti tinggi, dapat pasaran di Amerika dan *Europe* tetapi agaknya sudah sekarang ini makin tenggelam. Adakah kita mempunyai konsep untuk import bahan-bahan mentah dari luar negara? Lebih *fragile* kita punya industri *furniture* ini dengan mengimport bahan mentah dari luar negara dan menghasilkan industri *furniture* yang lebih berkualiti yang memang ada dari segi teknikalnya, dari segi kemahirannya kita ada.

Akan tetapi disebabkan oleh faktor-faktor mungkin pasaran, kelemahan dasar polisi Amerika dan *Europe* tentang *furniture* yang dikeluarkan oleh Malaysia ini menyebabkan nampaknya pembangunan industri *furniture* dalam negara kita ini makin lembap. Apakah langkah-langkah dapat diambil oleh kerajaan bagi menyuburkan lagi industri ini yang saya kira dia boleh menaikkan lagi harga perabot dan harga kayu yang berkualiti dalam negara kita? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Sila.

5.51 ptg.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Seramai 10 Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana jelas kepada saya bahawa Ahli Yang Berhormat bukan setakat memahami keadaan yang berlaku tetapi telah menjalankan penyelidikan yang agak mendalam ya tentang hal-hal yang sedang berlaku dalam negara kita dan saya amat menghargai pandangan yang diberikan dan sekali lagi diucapkan tahniah atas idea-idea yang bernas yang sudah pasti kita ambil kira.

Saya pergi satu persatu untuk lebih tersusun. Tuan Pengerusi, yang pertama Yang Berhormat Kuala Selangor berkaitan dengan DFTZ ataupun *digital free trade zone*. Ini satu inisiatif Perdana Menteri yang cukup baik. Seperti kita sedia maklum, ini merupakan *digital free trade zone* yang pertama di luar negara China yang dilancarkan pada 3 November. Apabila dilancarkan, ada 1,972 syarikat PKS. Hari ini sudah ada 1,997. Iktut taburannya, ada negeri-negeri yang banyak, ada juga negeri-negeri yang tidak banyak PKS yang menyertainya termasuklah negeri saya Kelantan. Sabah, Sarawak, kita dapati ada yang menyertai *digital free trade zone* ini tetapi bilangannya perlu kita tambah lagi.

Jadi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Selangor bertanya macam mana kita hendak galakkan usahawan muda untuk menyertai antara lainnya *digital free trade zone* dan juga ditanya apakah kaedah-kaedah ataupun tindakan diambil dalam bentuk *outreach* untuk menghebahkan perkara ini termasuklah dengan ada pendekatan NBOS menggunakan RTC dan lain-lain. Saya ucap terima kasih.

Sebenarnya DFTZ ini merupakan satu perkongsian pintar di antara beberapa agensi diketuai oleh MDEC ataupun *Malaysian Digital Economic Corporation* di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, MATRADE di bawah MITI dan juga SME Corp. di bawah MITI. Ini merupakan tiga agensi utama yang telah bersama-sama berkongsi untuk menjayakan digital FTZ. Mengenai usahawan muda, memang kita dapati bahawa kebanyakan daripada yang menyertai *digital free trade zone* ini merupakan anak-anak muda.

Yang kedua, Yang Berhormat Kuala Selangor bertanyakan tentang pasaran halal di Negara China. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri MITI II menghadiri pameran halal di Lanzhou dan kita diberi pengiktirafan sebagai apa yang dipanggil, dengan izin, *country of owner*. Kita diberi pengiktirafan sebagai negara yang memimpin ataupun menjadi ketua kepada *exhibitors* itu dan kita telah mendapat jualan kira-kira RM110 juta hasil daripada penyertaan Malaysia dalam pameran itu.

Persoalannya Yang Berhormat mahu supaya diadakan jawatankuasa bersama untuk memperkasakan industri halal supaya kita lebih dapat menyertai dengan berkesan obor ini iaitu *One Belt, One Road*, dengan izin. Saya ingin memaklumkan bahawa memang beberapa kementerian terlibat dalam promosi halal ini termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berada di Nanning untuk mempromosikan durian. Kita harap durian itu halal lah. Tidak ada logo halal tetapi halal ya. Kita dengar cerita berpuluh ribu orang beratur untuk membeli durian. Juga, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga terlibat dalam hal ini.

Maknanya, jawatankuasa yang Yang Berhormat sebutkan tadi memang sudah ada dalam kerajaan dan hari ini dikepalai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merasakan bahawa satu lonjakan harus diadakan untuk dilakukan untuk memastikan isu halal ini diberi fokus dan perhatian lebih serius. Maka beliau sendiri yang mengepalainya dan agenda utama ialah agenda untuk mengantarabangsakan industri halal ini. *Insyah-Allah*, kita yakin bahawa di masa akan datang, kita akan dapat lihat pencapaian lebih ketara dalam hal ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor menyatakan perasaan dukacita tentang bilangan bumiputera terlibat dalam industri halal. Ini satu perkara yang menjadi pengetahuan umum iaitu dari segi bilangan syarikat-syarikat bumiputera yang pertamanya mendapat sijil halal, yang keduanya yang terlibat dalam industri halal ini memang kecil. Ini adalah kerana usahawan Bumiputera ini memang bilangannya, kalau dibandingkan dengan usahawan lain, berkurang ya.

Kalau tengok kepada profil industri PKS hari ini, ada lebih 907,000 PKS dalam negara kita, bumiputera sekitar 25 peratus. Jadi maknanya apa yang berlaku dalam industri halal ini ada kaitan dengan profil industri yang mana penyertaan bumiputera secara keseluruhannya dalam industri PKS, umpamanya bilangan 907,000, bumiputera di sekitar 20 hingga 25 peratus. Jadi apa yang berlaku dalam beberapa aspek termasuk industri halal mencerminkan keadaan penyertaan bumiputera.

Dalam pada itu, kita ada beberapa kaedah termasuklah penubuhan TERAJU yang mana berperanan penting. MARA juga memainkan peranan penting. Akan tetapi hari ini kesemuanya dipusatkan di bawah TERAJU, di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dipengerusikan mesyuarat setiap bulan dan langkah-langkah yang diambil ini kita yakin akan memperkasakan lagi penyertaan bumiputera dalam industri halal.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor berharap supaya satu hari nanti Proton diterajui oleh anak tempatan. Kita kerajaan tidak campur tangan dalam hal ini. Ia merupakan keputusan perniagaan di pihak pemilik utama syarikat Proton iaitu DRB Hicom dan individu ini, Dr. Lee, yang merupakan seorang yang banyak pengalaman. Tiga puluh tahun pengalaman dalam bidang automatif dan merupakan salah seorang tokoh yang dihormati, disegani. Itu sebabnya pihak syarikat telah memilih Dr. Lee untuk menjadi ketua ataupun CEO Proton, tetapi kalau ada anak bumiputera ataupun rakyat Malaysia yang mampu, sudah pasti syarikat berkenaan akan memberikan pertimbangan sewajarnya. Apa pun, kita serah kepada syarikat.

Yang Berhormat Kuala Langat membangkitkan tentang SME Corp. Terima kasih banyak. Banyak perhatian SME Corp. pada hari ini. Saya ingin menjelaskan sebagai mukadimah apa dia peranan SME Corp. ataupun peranan industri kecil dan sederhana. Peranan utamanya ialah untuk menyelaraskan segala aktiviti program yang merentasi pelbagai kementerian dan agensi. Lebih 20 agensi terlibat, kementerian pun banyak terlibat. Jadi tujuan ditubuhkan SME Corp. ini ialah untuk selaras semua ini. Jadi, tugasnya ialah untuk menentukan juga dasar tentang SME Corp., melaksanakan satu pelan bernama SME Masterplan. Jadi, dipantau dengan rapi.

Kebetulan esok ada mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lebih separuh daripada ahli Jemaah Menteri menjadi ahlinya. Ini menunjukkan betapa kerajaan memberi perhatian yang cukup serius kepada SME Corp. Jadi, itu peranan SME Corp.

Jadi peranan untuk membantu PKS ini, adanya MARA, ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan lain-lain. Itu sebagai mukadimah.

■1800

Jadi apa langkah untuk kita meningkatkan penyertaan dalam industri 4.0 yakni sudah pasti suatu perkara yang penting, 4.0 ini perlu kita peluasan ke seluruh negara khususnya SME, PKS. Kalau PKS tidak terlibat dalam industri 4.0 sudah pasti negara tidak akan ke mana. Dalam konteks ini saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa *insya-Allah* pada penghujung ataupun *at the end of the third quarter*, dengan izin, mungkin sekitar bulan Mac, bulan April kerajaan akan mengeluarkan dokumen untuk menetapkan hala tuju Malaysia dalam industri 4.0 termasuklah peranan SME dan langkah-langkah yang kita akan ambil untuk memastikan PKS dapat menyertai industri 4.0 ini.

Berkaitan dengan premis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, tugas SME Corp. tidak meliputi pembangunan premis, ini lebih merupakan tugas MARA, tugas agensi-agensi negeri. Secara umumnya kerajaan tidak terlibat begitu banyak lagi dalam pembinaan premis-premis suatu masa dulu memang, masa ini ada tetapi SME Corp. tidak bertanggungjawab untuk membina premis.

Berkaitan dengan nanas, 30 jenis cenderahati yang telah dihasilkan bantuan dan apa yang boleh diberikan. Saya mohon Yang Berhormat bagi namanya saya tidak dapat nak menjawabnya tapi saya yakin bahawa biasanya peti ais ini akan mendapat bantuan daripada kadang-kadang MARDI, kadang-kadang daripada SME Corp, kadang-kadang daripada MARA. Dalam kebanyakan kes PKS dalam negara kita ini kebanyakan mereka mendapat bantuan mungkin Lembaga Nanas ya. Jadi Yang Berhormat bagi nama dekat saya dan *insya-Allah* kita akan mohon SME Corp. untuk berhubung dengan pihak yang berkenaan termasuklah kitar semula.

Berkaitan dengan program MTC, ini syarikat pertengahan dan sederhana. Kita dapati bahawa walaupun syarikat-syarikat ini pelanggannya cukup kecil saja, pelanggannya satu peratus tetapi menyumbang 30 peratus kepada eksport negara. Bilangannya kecil, syarikat pertengahan, definisinya perolehan ataupun *sale* antara RM20 juta hingga RM500 juta itu definisinya ya. Dia tidak kecil, bermakna dia bukan PKS dan bukan juga syarikat gergasi, pertengahan ya. Dalam bahasa Inggeris dengan izin dipanggil, *mid-tier*.

Sekarang ini sudah ada empat kumpulan, kita ada lapan semua, lapan *batches* dengan izin bermula lima tahun dahulu sekarang sudah ada empat, ada 173 buah syarikat yang dibantu oleh MATRADE untuk menyertai program *mid-tier* dan kita dapati bahawa dengan adanya bantuan MATRADE ini mereka telah berjaya untuk menembusi pasaran. Kadar pertumbuhan eksport mereka cukup memberangsangkan berbanding dengan syarikat-syarikat lain. Berikut juga, sudah menubuhkan konsortium, 173 ini bukan saja mendapat bantuan kerajaan tetapi antara mereka sudah ada diwujudkan *networking* membolehkan mereka untuk bersama-sama. Sekumpulan dari mereka baru pulang daripada negara China untuk menembusi pasaran di negara tersebut.

Jadi ini satu program yang penting yang diberi perhatian oleh kerajaan, saya sendiri memantaunya dan *alhamdulillah* kita berbangga dengan kejayaan setakat ini. Yang Berhormat Kota Tinggi terima kasih, bercakap tentang perdagangan. Tahun lepas hampir RM1.5 trilion dan tahun ini kita jangka kalau mengikut laporan ekonomi Kementerian Kewangan kadar pertumbuhan kira-kira 16 hingga 17 peratus *total trade*. Bermakna berdasarkan RM1.5 trilion mungkin RM1.65 trilion tahun ini ya, itu merupakan sasaran kita.

Sektor pembuatan merupakan pemangkin utama, pemacu utama kepada pertumbuhan *trade* kita dan berkaitan pertanyaan sama ada angka-angka pelaburan itu pelaburan swasta ataupun pelaburan kerajaan, ini merupakan angka-angka pelaburan swasta. Yang Berhormat juga bertanya tentang sama ada kita bercadang untuk menubuhkan akademi berkaitan dengan automotif ini. Kita sekarang ini ada *Malaysian Automotive Institute* (MAI) atau Institut Automotif Malaysia yang bertanggungjawab untuk menjadi *focal point* bagi membantu usahawan-usahawan dalam bidang automotif.

Antara kejayaannya ialah untuk membantu melatih kakitangan dalam bidang automotif, menggalakkan kerjasama antara syarikat-syarikat automotif termasuklah dengan syarikat automotif luar negara, bertanggungjawab untuk meningkatkan produktiviti yang disebut oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak tadi dalam sektor automotif. Kita belum ada hasrat untuk menubuhkan akademi, yang sudah ada ialah sebuah institut ya.

Jadi berkaitan dengan EEV ini merupakan hasrat kita. Kita nak jadi Malaysia sebagai pusat, EEV ini *energy efficient vehicles*. Sekarang ini kira-kira sudah lebih 40 peratus kereta-kereta yang ada di atas jalan di Malaysia ini khusus kereta baru merupakan kereta yang menepati EEV. EEV ini *energy efficient*, dia dua definisi. Pertama, menjimatkan penggunaan minyak petrol, yang keduanya ialah mengeluarkan *emission*, karbon *emission* yang berkurangan. Itu antara definisi ini ya dan sekarang ini lebih 40 peratus kereta-kereta di negara kita adalah merupakan EEV. Malaysia merupakan sebuah negara yang memang...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Dato' Sri...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Memang hebat dalam hal ini. Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sedikit penjelasan, rancangan kerajaan untuk mengeluarkan kereta elektrik ini tadi. Boleh mendapat penjelasan sikit?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat kerana mengingatkan saya. Kereta elektrik ini memang menjadi hasrat kita kira-kira lima tahun dahulu. Kerajaan memang mengeluarkan peruntukan kepada Proton masa itu, kira-kira RM1 juta telah dikeluarkan tetapi malangnya ia tidak menjadi. Jadi rancangan kita untuk mengeluarkan kereta elektrik yang diterajui oleh Proton yang dimulakan saya rasa sudah enam tahun lalu tidak menjadi maka hasilnya tidak adalah ya.

Seterusnya Yang Berhormat Kota Tinggi bertanya tentang apa itu *high impact project*. Antaranya ialah dalam bidang *aerospace* umpamanya di bawah SME Corp. peruntukan disediakan dipanggil dalam kerajaan EPP8 atau *Entry Point Project*, ini di bawah transformasi ekonomi, di mana 20 syarikat PKS sedang dibantu oleh SME Corp. untuk meningkatkan produktiviti mereka supaya syarikat-syarikat ini boleh menjadi sebahagian daripada global *value changes*. Itulah yang dimaksudkan *high impact project* di bawah SME Corp.

Yang Berhormat Sungai Siput bercakap tentang falsafah pembangunan. Yang Berhormat berpendapat bahawa dasar-dasar kita ini bukan pro rakyat, tidak mesra rakyat. Yang Berhormat sebenarnya pendapat bahawa ia lebih berpihak kepada negara-negara maju, negara kaya dan ia tidak mesra kepada negara-negara membangun seperti negara kita Malaysia ini. Pendekatan Malaysia ialah untuk dengan izin *embrace* globalisasi.

Kita yakin bahawa globalisasi ini memberi manfaat kepada kita sebabnya kita ada perdagangan, pelaburan, pelancongan dan ini semua manifestasi bagaimana kita menyokong proses globalisasi tapi dasar kita ialah untuk memastikan kita *intervene*, kita campur tangan dalam pasaran untuk memastikan bahawa beberapa aspek globalisasi yang negatif itu kita akan dapat perbaiki, itu dasar kita ya. Pertama kita percaya kepada...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Proses globalisasi tetapi pada masa yang sama dasar-dasar kita adalah pro rakyat. Dasar BR1M umpamanya, dasar untuk berpihak kepada luar bandar, dasar untuk membina infra rakyat, dan *Pan Borneo Highway* dan lain-lain. Ini merupakan langkah-langkah intervensi untuk memastikan golongan-golongan yang miskin...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Dan yang tertinggal itu diberikan pembelaan oleh kerajaan, itu dasar kita. Jadi Yang Berhormat, saya mencadangkan supaya...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Pengerusi sikit. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ya, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya juga agak tertarik bila Yang Berhormat Sungai Siput mengutarakan pandangannya tentang dasar yang nampaknya menarik tetapi sukar untuk dilaksanakan. Akan tetapi adakah *single currency* ini satu *solution* untuk mengatasi masalah negara-negara yang miskin ini supaya dapat sama-sama bersaing dengan negara-negara besar dalam rantau Asia ini, dalam membangunkan ekonomi? Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Rompin, Tuan Pengerusi oleh kerana Yang Berhormat Rompin sudah tanya, saya selesai Yang Berhormat Sungai Siput saya pergi ke Yang Berhormat Rompin, *single currency* ya. Saya sebut tadi saya nak pergi satu persatu tetapi tidak apalah Yang Berhormat Rompin akan langkau ya. Kita akan bawa ke depan untuk jawab soalan Yang Berhormat Rompin.

■1810

Jadi Yang Berhormat Sungai Siput mencadangkan beberapa perkara. Pertamanya ialah untuk mengurangkan, bukan mengurang supaya tidak ada yang disebut Yang Berhormat *race to the bottom* dengan menurunkan kadar *corporate tax* ya dengan persaingan di kalangan negara ASEAN. Yang Berhormat berpendapat ini satu perkara yang tidak sihat dan Yang Berhormat mahu supaya ada perjanjian di kalangan negara ASEAN, sesiapa yang melanggar perjanjian itu akan dikenakan tarif.

Satu lagi Yang Berhormat juga mencadangkan supaya ada perjanjian gaji minimum dan gaji minimum itu hendak dinaikkan 10 peratus setahun. Jadi ini cadangan yang saya pasti Yang Berhormat mempunyai *world view*, *tasawwur* yang tersendiri yang saya cukup faham dalam interaksi saya Yang Berhormat lima tahun ini, *world view* Yang Berhormat. Kita *respect* pandangan Yang Berhormat tetapi ini dua cadangan yang tidak praktikal untuk kita memaksa negara-negara ASEAN lain bersetuju dua perkara, yang pertama untuk mengadakan satu kadar cukai pendapatan yang uniform dan mana-mana yang mengurangkan kadar dikenakan tindakan, dikenakan tarif.

Satu lagi ialah untuk menetapkan *minimum wage* dan dinaikkan 10 peratus setiap tahun mana-mana tidak ikut itu akan dikenakan penalti. Ini tidak praktikal dan saya berani memberi jaminan bahawa tidak akan dipersetujui oleh mana-mana negara, tidak ada mana-mana negara. Kita tengok Eropah walaupun mereka, soalan Yang Berhormat Rompin tadi walaupun mereka berjaya, *European Unions* berjaya dari segi kesatuannya, politiknya, daripada segi *military* nya, NATO nya tetapi *corporate tax rate* berlainan, VAT mereka berlainan, 20 peratus ada, 18 peratus, 25 peratus ada.

Jadi itu *Europe* yang mana tahap pembangunannya hampir sama dan mereka nampaknya dari segi politiknya mereka ada satu Parlimen, di *Brussel* ada Parlimen, ada *European Commission* nya begitu hebat dengan bajet yang besar. Jadi model ASEAN ini model yang terbaik untuk kita.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Memang saya ingat apa idea saya bawa itu satu idea yang nampaknya ganjil. Akan tetapi jika kita tengok masalah di dunia sekarang, masalahnya kelembapan dalam perkembangan ekonomi dunia. Ini berkaitan dengan pengagihan kekayaan negara di mana yang *billionaire class* simpan banyak dan yang lain tidak cukup untuk *stimulate consumer demand*.

So, saya boleh *argue* daripada sudut *Keynesian* di mana perlu kita agihkan balik pengagihan ini ke tangan kerajaan dan ke tangan rakyat supaya *aggregate demand* berkembang *as a virtual cycle*. I rasa ini kita kena- saya ingat kita bawa kali pertama ini akan ganjil tetapi apabila kita *link* dia dengan masalah yang kita hadapi dengan *slow growth*, tidak ada peluang untuk *investment*, dengan *low job growth* kita kembangkan ini. *It makes no, look for capitalist system*. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Model Yang Berhormat ini model idealistik, kita tahu bahawa negara China walaupun sebuah negara komunis dari segi ekonominya, mereka *laissez faire*. *Russia 1989*, *Germany the collapse of the Berlin Wall 1989* umpamanya, *East Germany* sudah tidak ada lagi, *Russia Gorbachev 1989* juga, sudah buka *Perestroika* di Rusia.

Jadi model Yang Berhormat cuba hendak ketengahkan di Dewan ini sudah tidak berapa berkesan. Dalilnya negara China, negara Vietnam, Doi Moi di Vietnam, Rusia dan juga *Germany*.

Jadi model kita, Malaysia ialah kita *free enterprise* tetapi kita ada dasar-dasar yang mesra rakyat termasuklah infra rakyat. Dalilnya di negara kita Malaysia. Kalau dahulu *Gini coefficient* umpamanya melebihi *point four* sekarang sudah kurang daripada *point four*. Angka terkini pada 2016, angka terkini perbandingan antara tahun 2014 dan tahun 2016 umpamanya menunjukkan bahawa langkah kerajaan untuk mengadakan dasar ekonomi yang pro rakyat di negara kita telah berjaya untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kaya dengan miskin.

Yang Berhormat Rompin tadi bertanya berkaitan dengan *single currency*. Ini tidak pernah dibincangkan dalam ASEAN dan kita rasa tidak akan dibincangkan dalam tempoh banyak tahun lagi kerana antara masalah *single currency* hendak kena ada penyelarasan dari segi dasar ekonomi, penyelarasan dasar dari segi dasar *monetary*, penyelarasan dari segi dasar fiskal dan ini ialah satu perkara yang memang sukar untuk negara ASEAN bersetuju. *Single currency* bermakna 10 negara bersetuju untuk ada satu *currency* macam di *Europe* ada satu *currency* tetapi di ASEAN tidak pernah dibincangkan. Memang di *Europe* mungkin itu antara pemangkin kepada kemajuan *Europe*, EU kerana adanya *single currency* tetapi di sini tidak praktikal.

Yang Berhormat Rompin juga bertanyakan tentang *EU FTA status*. Kita sudah mula perbincangan sudah banyak, tahun 2012 kita berehat, tahun 2010 kita mula *mooted this idea*. Tahun 2012 kita berhenti, kita mula semula awal tahun ini, mula berbincang. Sebulan lalu saya berjumpa rakan sejawatan saya di Brussels dan kita bersetuju untuk melihat semula tetapi pada masa ini saya belum mandat daripada Kabinet kerana ada beberapa perkara yang penting yang perlu kita ambil kira termasuklah kelapa sawit yang disebut tadi Yang Berhormat.

Ini isu yang penting dalam kita menentukan pendirian kita. Jadi saya belum dapat mandat daripada Kabinet dan saya juga bercadang sebelum dibuat satu keputusan untuk mengadakan kaukus Parlimen untuk berbincang perkara ini. Tidak tahulah ada lagi hayat Parlimen ini, saya kurang pasti jadi kita terumbang ambing. Kalau hayat kita tidak lama maka kalau diadakan kaukus mungkin penyertaannya tidaklah sebegitu komited seperti dahulu. Itu berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat, EU FTA.

Berkaitan dengan sama ada kita selektif dalam menerima pelaburan. Ya, kita menolak beberapa cadangan pelaburan asing khususnya yang tidak sesuai di negara kita dari sudut penggunaan tenaga kerja, dari surut umpamanya *environment*, banyak juga pelaburan yang kita tolak dan memang kita selektif. Hari ini kita fokus kepada *high quality investment* umpamanya di MIDA kita ada prinsipal hab inisiatif di mana kira-kira 30 syarikat sudah memilih Malaysia sebagai *regional base* untuk beroperasi di kawasan ini. *Invest KL* juga sudah berjaya untuk menarik kira-kira 72 syarikat dalam tiga, empat tahun ini.

Syarikat-syarikat ini telah menjadikan Malaysia sebagai operasi *regional*. Jadi ini merupakan *quality investment*, kenapa? Ini kerana ada beberapa syarikat ini *average salary* nya RM8,000, RM9,000, RM10,000 ya. Kalau yang RM1,000 yang membayar gaji minimum ini kita kurang berminat. Ini kerana apa, betul ada pandangan menyatakan bahawa lagi banyak pelaburan yang kita tarik, lagi banyak tenaga kerja asing yang kita perlukan. Maka itu, Yang Berhormat cadangkan itu memang kita selektif dan memilih pelaburan, pelabur-pelabur dan kita telah menolak beberapa pelaburan.

Mengenai *furniture* ini merupakan hal berkaitan di bawah NAPIC Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan bahawa Malaysia merupakan nombor 10 dalam bidang *furniture*, nombor satu China ya. Banyak China nombor satu sekarang ini. Malaysia nombor 10 dan memang kebanyakan daripada bahan yang digunakan ini ialah getah. Getah sukar untuk didapati.

Saya difahamkan bahawa harga getah apabila ditebang meningkat dengan mendadak dan ada usaha-usaha untuk mengeksport batang getah ini tidak dibenarkan oleh kerajaan. Maka itulah keadaan berkaitan dengan getah. Itu soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin. Saya sudah selesai dengan isu Yang Berhormat Rompin...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, sebelum kita pergi ke topik lain. Yang Berhormat Menteri, depan sini.

Tuan Pengerusi, sebelum kita pergi kepada isu lain. Sebenarnya Malaysia telah menandatangani *Partnership and Cooperation Agreement* (PCA) dengan *European Union*. Saya percaya PCA itu harus ditandatangani sebelum perjanjian FTA dijalankan. *What is the status of that PCA sekarang?* Saya diberitahu *the document is now with the Government of Malaysia* tetapi belum ditandatangani. Minta penjelasan.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Saya minta maaf ini di bawah Wisma Putra tetapi yang pastinya Kabinet sudah meluluskannya. Mungkin proses biasa, proses *procedural* mungkin. Jadi saya tidak dapat bagi maklumat yang tepat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *In the partnership.*

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang pasti ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Belum *confirm* lagi?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Sudah diputuskan oleh kerajaan untuk ditandatangani. Kita sudah bersetuju secara prinsipnya, kita boleh rujuk kepada Wisma Putra untuk mendapat- jadi ada dua perjanjian. Satu PCA, satu lagi ialah EU FTA. Sebelum kita boleh berunding EU FTA, perlu ditandatangani PCA dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Klang.

■1820

Yang Berhormat Bagan Serai bertanyakan tentang status atau bertanyakan tentang status TPP dan juga RCEP. Pertama, berkaitan dengan RCEP. Ini merupakan prioriti kita kerana ia melibatkan negara-negara ASEAN dan kita telah melabur banyak masa dan banyak tenaga. Sebanyak 20 kali pegawai mesyuarat, sembilan kali Menteri dan buat pertama kali ketua-ketua negara juga membincangkan RCEP buat pertama kalinya di Manila, kira-kira dua minggu yang lalu.

Maka, ia menjadi prioriti. Setakat mana kemajuannya, ada kemajuan tetapi belum sampai. Kita sudah *extend deadline* tiga kali. Sepatutnya 2015, 2016, 2017. Jadi *deadline* sudah banyak kali ditetapkan kerana banyak negara, 16 ini memanglah yang isu utama kita panggil *difference in the level of ambition*, dengan izin. Maka, cita-cita sesetengah negara terlalu tinggi yang sukar untuk dipenuhi oleh negara-negara tertentu termasuklah dalam ASEAN. Ada sesetengah negara cita-cita rendah.

Jadi, tujuan kita ialah untuk mencapai kompromi dan kita sudah bersetuju supaya secara prinsipnya digunakan pendekatan *realistic level of ambition*. Itu pendekatan yang digunakan semasa perbincangan diadakan di Manila dua minggu lalu. Beberapa negara telah mencadangkan supaya negara-negara jangan terlalu tinggi *ambition*, pada masa yang sama jangan terlalu rendah. Kita bercakap tentang *realistic level of ambition*. Secara peribadi, saya harap ia dapat diselesaikan tahun depan. Itu juga merupakan hasrat rakan-rakan saya dalam negara ASEAN...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Mengenai TPP, kita sedia maklum ...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: ...Bahawa sudah jadi 11, dulu 12. Sekarang dipanggil komprehensif dan progresif ditambah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Penjelasan. Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar tentang *level of ambition*. *Is that right just now, level of ambition?* Adakah Menteri bercakap *level of ambition* bila berbincang tentang RCEP dengan 16 buah negara? Saya kira ASEAN dia bergerak sebagai satu blok dan kalau kata *level of ambition, are we talking*, adakah kita bercakap tentang ASEAN sebagai satu *level of ambition* ataupun setiap negara 10 itu kita hendak kira masing-masing punya *level of ambition*. *That would make it* akan menyebabkan ia lebih rumit lagi sebenarnya. Macam mana penjelasan?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Pengerusi, kita cuba untuk ada satu posisi dalam ASEAN, tetapi ini pun sukar. Jadi apa yang kita buat, setiap kali kita bermesyuarat, kita adakan *pre-council* di kalangan negara-negara ASEAN. Itu untuk cuba selaras, tetapi dalam ASEAN pun ada perbezaan pendapat. Maknanya ada negara ASEAN yang mempunyai *high level of ambition*, ada negara ASEAN yang rendah sedikit. Jadi itu kita tidak berunding sebagai satu blok tetapi di dalam perundingan, diiktiraf satu prinsip iaitu prinsip yang penting ASEAN *principle of ASEAN centrality*.

Maknanya segala perbincangan itu berteraskan kepada ASEAN sebagai tunggakunya, *centrality*. Ada orang menyatakan bahawa ASEAN ini *driven by China*, di belakang China. Ini tidak betul, itu daripada segi faktanya tidak betul. China merupakan salah sebuah negara yang menyertai RCEP. China tidak merupakan negara yang mendahului atau mengambil peranan utama. Negara yang mengambil peranan utama ialah ASEAN. Itu konsep yang penting ASEAN iaitu *ASEAN centrality*. Ia adalah tidak benar bahawa negara China menentukan tempoh atau menentukan hala tuju rundingan RCEP.

Seterusnya, Yang Berhormat juga ingin tahu tentang TPP. Sekarang ini TPP 11, tolak Amerika Syarikat. Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini saya tahu ramai mengikuti TPP. Apa yang berlaku, dua perkara penting.

Pertama kita gantung beberapa peruntukan, 20 semuanya, 11, 12. Kebanyakannya berkaitan dengan IPR dan yang lain-lain berkaitan hal lain. Itu pertama. Kita sudah setuju di Da Nang.

Keduanya, kita ada proses *side letters*. Maknanya pertukaran konsesi antara negara-negara tertentu. Itu secara umumnya. Jadi mengenai dipanggil *comprehensive and progressive TPP*, ditambah CP. Huruf 'C' *comprehensive*, huruf 'P' *progressive*. Tambah nama untuk memastikan bahawa kita dapat *bind in* daripada masyarakat negara-negara kita.

Saya hendak kongsi dengan Yang Berhormat hala tuju RCEP. Pertama, sudah diubah *entry into force*. Kalau dulu 85 peratus negara yang mengembang pada GDP, sekarang enam sahaja dan prosesnya begini. Pertama, ada beberapa perkara yang belum selesai. Malaysia pun ada juga tidak silap saya dua perkara yang belum selesai berkaitan dengan Petronas dan juga berkaitan dengan permintaan atau desakan daripada Bank Negara.

Jadi, hal-hal begini akan terus dirundingkan. Kita sedia maklum dalam media mengenai Kanada yang mempunyai hal-hal tertentu. Jadi maknanya, kita bersetuju tentang dipanggil *core elements*, benda-benda asas dalam TPP, tetapi ada lagi benda belum selesai. Jadi prosesnya ialah kita akan adakan perundingan dan saya sendiri akan pergi ke Kabinet dan kalau ada kokus lagi, saya tidak ada masalah untuk berbincang dengan Kokus.

Yang Berhormat Jasin ada di sini dan lain-lain Ahli Parlimen. Jadi kita akan terus berbincang. Maknanya kalau kita bersetuju, kalau kita berpuas hati barulah kita *sign*. *Sign*, selepas itu kalau *sign* pun ada satu lagi proses bernama ratifikasi.

Jadi itu prosesnya. Tiga, yang pertama beberapa perundingan lanjut perlu diadakan, bukan sahaja Malaysia negara lain juga. Kalau kita berpuas hati, siapa yang berpuas hati akan tandatangan. Selepas tandatangan ada proses ratifikasi. Rancangannya ialah untuk TPP 11 ini berkuat kuasa pada tahun 2018, tetapi ia mungkin makan masa sedikit kerana ada banyak hal yang belum dipastikan. MITI akan merujuk kepada Jemaah Menteri untuk mendapat mandat baru tentang beberapa perkara yang telah pun dirundingkan di Da Nang...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya ada dua soalan Yang Berhormat Menteri. Pertama, berkait dengan perhubungan TPP dengan RCEP. Soalan itu ialah saya mendengar dalam Dewan yang mulia ini, Menteri mengatakan bahawa RCEP adalah TPP *light*. *It is not high level*, tetapi lebih *base* gambarkan suasana *current economy* di Asia Tenggara atau ASEAN. *So, it is TPP light*.

Soalan saya ialah sekarang dalam perbincangan baru berkait dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*. Saya baca dalam surat khabar dan sebagainya dan saya mengikut perbincangan yang berlaku di Japan, di Da Nang dan sebagainya, IPR telah *downgraded* beberapa TRIPS-Plus *Agreement* yang ada sebenarnya bila Amerika Syarikat ada dalam perbincangan telah dikeluarkan seperti *data exclusivity* dan sebagainya dan juga masa untuk panjangkan *patent* daripada 20 tahun hingga 25 tahun dan sebagainya.

So sekarang kita ada TPP *light* dalam IPR sendiri, dalam TPP sendiri. So, *what is the impact on RCEP?* Adakah itu akan dibawa kepada RCEP ataupun RCEP itu perbincangan yang *independent* daripada TPP? Saya tanya soalan ini sebab dalam Dewan yang mulia ini Menteri telah mengatakan bahawa *RCEP will be TPP light. That is question number one.*

Isu bersampingan ialah berkait dengan *labour consistency plan*. Apakah status *labour consistency plan* memandangkan Amerika Syarikat tidak lagi menjadi *partner* kepada *agreement* yang *original*. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Mengenai *labour consistency plan* dan lain-lain, saya sebut tadi ada hal-hal yang perlu saya rujuk kembali kepada Jemaah Menteri. Walaupun kita setuju secara umumnya di Da Nang, tetapi ada hal yang perlu kita dapat mandat baru. Itu jawapan kepada— Kalau mengikut perancangan awal, memang *labour* ini satu bab yang penting. Kita hendak standard. Dua tiga hari baru-baru ini kita pendedahan dalam media berkaitan dengan standard buruh dalam industri pembinaan.

Jadi antara perkara dalam TPP ialah untuk memastikan bahawa buruh itu diberi jaminan tentang standard minimum termasuklah apa yang berlaku di Malaysia yang tidak menyenangkan ramai kita. Jadi, ada aspek-aspek yang amat positif dalam *labour consistency plan* dan juga *labour chapter*. Itu sebabnya Malaysia merasakan adalah wajar kita menerima beberapa *provision* dalam *labour chapter*. Apa-apa pun, beberapa perkara kita akan lihat semula khususnya berkaitan dengan perkara-perkara yang kita mahu *side letters* Petronas dan hal yang berkaitan dengan Bank Negara.

Berkaitan dengan IPR, kita setuju dalam RCEP untuk adakan satu *IPR chapter*, tetapi ia tidak sampai standard TPP. Dalam TPP, kita *suspend* daripada 20, 11 merupakan peruntukan berkaitan dengan IPR.

■1830

Yang Berhormat sebut tadi, dulu 50 tahun, 70 tahun *copyright* isu yang hangat dibincangkan dalam Dewan ini. Dalam DBP *copyright* sekarang 50 tahun, naik 70 tahun *protection. Biologics* diberi *data exclusivity* umpamanya. Jadi ini semua digantung, jadi saya ingin memberi jaminan di sini bahawa aset tidak mempunyai obligasi yang tinggi seperti mana seperti mana dalam TPP berkaitan dengan IPR. Hal-hal yang umum, yang TRIPS. Banyak negara sudah pun tandatangan TRIPS. Bagi semua banyak negara tiada masalah. Akan tetapi yang menjadi masalah TRIPS-Plus, yang lebih daripada apa yang telah dipersetujui di bawah WTO.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, saya baca dan saya telah berjumpa dengan perunding *the chief negotiator* daripada India. Dia telah mengatakan kepada saya bahawa sekarang di dalam RCEP, negara-negara seperti Jepun, *South Korea*, Australia dan New Zealand mendesak negara-negara membangun untuk terima *TRIPS-Plus Agreement* dalam perbincangan. Apakah ini benar dan juga apakah *response* Malaysia mengenai desakan ini.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Pengerusi adalah tidak wajar, tidak beretika untuk kita mendedahkan pendirian negeri-negeri, negara tertentu dalam mana-mana perundingan. Maka itu saya bercakap umum. Tidak boleh saya merujuk kepada negara tertentu.

Seterusnya Yang Berhormat Bagan Serai bertanya tentang ASEAN. Adakah nikmat daripada ASEAN ini?

Tuan Charles Anthony Santiago: Yang Berhormat Menteri, apa prinsip Malaysia. Itu saya hendak tanya.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tidak mengapa. Itu selesai sudah itu. Kita pergi kepada Yang Berhormat Bagan Serai, masa pun sudah suntuk sudah. Yang Berhormat Bagan Serai bertanya adakah AEC dirasakan oleh semua? Jadi ada persepsi bahawa nikmat daripada Komuniti Ekonomi ASEAN ini tidak dinikmati oleh semua orang, di kampung-kampung, sesetengah pun tidak tahu apa benda AEC.

Jadi ini satu perkara yang penting. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun memberi penekanan bahawa kita harus bawa AEC ini kepada kampung-kampung, supaya mereka tahu, jadi bukan setakat hendak merasai nikmat, tetapi juga perlu pendedahan kepada mereka.

Berkaitan dengan pelajar-pelajar kita bekerja di syarikat ASEAN, saya maklumkan bahawa saya sendiri telah mulakan satu inisiatif tiga tahun dahulu, memperkenalkan skim, membolehkan pelajar-pelajar yang belajar di negara kita, termasuk pelajar Malaysia dan luar negara untuk ditempatkan di syarikat-syarikat di Malaysia dan juga luar negara. Ini sudah tiga tahun dikendalikan oleh TalentCorp berjalan dengan baik. Ini kita harap akan dapat merapatkan lagi hubungan antara kita, negara ASEAN.

Yang Berhormat Bandar Tun Razak, bercakap tentang pentingnya produktiviti. Beliau bercakap tentang Bajet *United Kingdom*. Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengeluarkan kenyataan, mungkin yang terbaik iaitu kita punya *quarterly productivity* ialah *labour productivity* ialah 4.2 peratus. RMKe-7 iaitu RMKe-11 ialah 3.7 peratus. Rancangan Malaysia lima sebelum itu *averagenya* dua peratus. Jadi ini akan dijadikan satu agenda nasional. Ini penting kita setuju dengan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, satu perkara yang penting, Yang Berhormat Pernah menjadi sebahagian daripada NPC, lebih mengetahui apa yang kita lakukan.

Jadi antara tindakan-tindakan yang sedang kita lakukan ialah untuk yang pertama menjadikan ia satu agenda nasional. Kedua, untuk melibatkan semua pihak dan kita telah tubuhkan Nexus semalam. Mesyuarat semalam diadakan, Nexus dipengerusikan oleh saudara Dato' Wong, elektrik dan elektronik. Beliau melaporkan tentang langkah-langkah telah diambil oleh sektor ini dalam meningkatkan produktiviti sektor elektrik dan elektronik, sektor ini adalah sektor yang terpenting dalam pembuatan.

Jadi saya hendak berkongsi Ahli Yang Berhormat, bahawa kaedah yang kita ambil sekarang ialah untuk melibatkan sektor swasta dengan lebih agresif lagi. Dahulu memang NPC bekerjasama dengan swasta tetapi kali ini lebih agresif lagi, mereka- *they called the shots*, dengan izin, dan semalam kita tubuhkan tiga Nexus ditubuhkan, lima lagi surat-surat termasuklah pelancongan, ada berapa sektor, kesihatan.

Jadi tokoh-tokoh swasta ini akan menjadi ketua kepada satu pasukan untuk mencari jalan bagaimana produktiviti dapat dipertingkatkan dalam sektor tertentu. Yang Berhormat sebut tentang Vietnam. Beberapa buah negara kadarnya tinggi daripada Malaysia tetapi kita harus ingat bahawa, dengan izin, asas ataupun *basenya* rendah. *They're starting from a low base*. Kadar peningkatan lebih tinggi Yang Berhormat lebih faham, Yang Berhormat belajar matematik masa sekolah dahulu.

Jadi saya ingin mengucapkan terima kasih, oleh sebab ini perkara penting, terima kasih Yang Berhormat memberi penekanan dan banyak program telah diadakan oleh NPC, termasuklah produktiviti *champion*. Kita kenal pasti syarikat-syarikat yang *champion* yang terbaik dan kita mahu mereka sebarkan pengalaman ini ke syarikat-syarikat lain dan *insya-Allah* kita akan perkasakan lagi.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Tuan Pengerusi, saya hendak mencelah sedikit. Yang Berhormat Menteri, saya melihat daripada keadaan dahulu dan sekarang, terdapat apa yang dipanggil *disruptive industry*, industri yang akan mengubah tatacara antara lain, negara China sangat banyak kali berbincang tentang *intelligent* mekanisme yang mengubah tatacara kerja dan ia akan mengubah juga tentang produktiviti. Itu sebab, saya ingin bangkitkan di dalam jawatankuasa yang kita akan, ditubuhkan, mereka juga mesti, perkara pekerjaan ini tidak serupa daripada masa yang lalu. Itu sahaja. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah ini dibincangkan dalam usaha produktiviti.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Jawapannya ya. Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Yang Berhormat Bandar Tun Razak juga bercakap tentang fokus dan halal. Terima kasih, atas pandangan tersebut. Yang Berhormat kata, Yang Berhormat terlibat dalam usaha-usaha untuk menggantikan *animal-based gelatin* dengan *vegetable-based gelatin*, *alhamdulillah*. Kita sedia maklum bahawa halal ini bukan sahaja meliputi makanan, juga meliputi kosmetik, ubat-ubatan dan juga kewangan, empat lima cabang. Jadi kita halal itu kadang-kadang kita bercakap makanan sahaja, halal ini kita tahu lebih luas lagi.

Berkaitan dengan respons Malaysia kepada *protectionisme* ataupun langkah perlindungan, kita amat dukacita dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh beberapa buah negara. Itu sebabnya Malaysia terus mempromosikan usaha untuk membuka pasaran dan fokus kita ialah ASEAN. Perdagangan dalam ASEAN adalah tinggi 27 peratus daripada jumlah dan *inter-ASEAN investment* juga, syarikat Malaysia melabur di Indonesia. Yang Berhormat pun dahulu bertanggungjawab. Ini fenomena baru yang rancak, syarikat-syarikat Malaysia melabur di Filipina, syarikat-syarikat Filipina melabur di Malaysia. Ini perkara yang kalau di ASEAN, Menteri-menteri Ekonomi, galakkan. Jadi, Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

Yang Berhormat Kelana Jaya banyak bercakap tentang dua perkara. Satu ialah berkaitan dengan SME Bank. Terima kasih, jadi sebagai penjelasan, SME Bank dimiliki oleh Menteri Kewangan, Menteri Kewangan Diperbadankan, dikawal oleh Bank Negara. Lapornya kepada Bank Negara, kepada Kementerian Kewangan dan kepada MITI. SME Bank melaporkan kepada tiga pihak, termasuk kepada kami, tetapi dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan dikawal selia oleh Bank Negara. Memang SME Bank merupakan DFI. DFI ini seperti Bank Pembangunan, Bank Rakyat dan Bank Pertanian, ini adalah antara lima ada DFI di negara kita.

Jadi DFI bertanggungjawab untuk membangunkan PKS. PKS ini merupakan tumpuan utama SME Bank. Saya ambil maklum tentang angka-angka itu, mungkin ada kebenaran, saya tidak ada peluang untuk menyemak angka-angka tersebut. Akan tetapi adalah satu realiti bahawa prestasi SME Bank tidak sama dengan prestasi Maybank. Kita tidak wajar, tidak wajar membandingkan SME Bank dengan Yang Berhormat sedia maklum, kerana ia mempunyai peranan yang lebih.

Dalam pada itu, saya ingin memberi jaminan bahawa SME Bank telah melalui satu proses transformasi, bermula daripada lima tahun dahulu dan jika dahulu kerugian, *bad debt*-nya tinggi, NPL nya tinggi, tetapi lima tahun dulu apabila dilakukan proses transformasi dan teruskan oleh pengurusan hari ini, kerajaan cukup yakin, bahawa SME Bank berada atas landasan yang baik. Mungkin mampu meningkatkan lagi prestasinya, tetapi *by definition*, dengan izin, sebagai sebuah DFI, sudah pasti peranan lebih besar daripada bank-bank lain.

Seterusnya saya ingin maklumkan di sini bahawa SME Bank tidak lagi mendapat sokongan seperti dahulu. Dahulu mendapat peruntukan yang besar daripada kerajaan, *direct funding*, *grants*, maknanya *free* daripada kerajaan, tidak payah bayar semula. Jadi sekarang ini, sebahagian besar daripada *funding* SME Bank datang ke sukuk, dijamin oleh kerajaan. Itu sebabnya antara sebabnya kenapa kadar faedahnya bukan macam dahulu. Kadar faedahnya lebih tinggi daripada kadar faedah masa dahulu.

■ 1840

Akan tetapi saya hendak tekankan sekali lagi bahawa kira-kira lima ke enam tahun dahulu, SME Bank dikawal selia oleh Kementerian Kewangan juga Bank Negara telah melalui satu proses transformasi dan hari ini SME Bank terletak atas landasan yang lebih kukuh dan kita yakin SBE Bank akan terus menjalankan beberapa tindakan untuk mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak tekankan satu perkara sahaja, saya faham memang keuntungannya tidak sepatutnya sebesar ataupun pada prestasi sama lah dengan Public Bank ataupun dengan Maybank tetapi isu dia ialah operasi, operasi mempunyai satu *ratio*. *Ratio* ia adalah kos operasi kepada *ratio income* operasi dan kita semua lihat bahawa memang *international standard*, *banking standard* bahawanya sepatutnya kos operasi *below 50 percent* yang saya tujukan dan terdapat dalam *Annual Report 2016- SME Bank* ia tinggi sampai ke 60 lebih peratus.

Jadi banyak lagi yang boleh dikurangkan, jadi saya mintalah satu- bukan *undertaking*lah satu inisiatif daripada Yang Berhormat Menteri walaupun Menteri adalah satu *donor*lah kepada bank ini tekan isu tentang *overhead operating expenses*. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Kelana Jaya. Sebagai sebuah DFI saya beri dua contoh di mana kosnya lebih tinggi daripada bank-bank lain. Pertama, SME Bank ada satu pusat untuk membangunkan keusahawanan. Banyak *hand holding, outreach* yang lebih. Bank lain ada *outreach* juga tetapi SME Bank dikehendaki untuk turun ke bawah, turun ke kampung ke desa dan ini menuntut SME Bank mempunyai kos operasi yang lebih tinggi.

Keduanya, dia punya *branches* mungkin sesetengah tempat itu tidak perlu kalau berdasarkan pertimbangan bank biasa. Mungkin beberapa cawangan harus ditutup tetapi oleh sebab SME Bank mempunyai peranan untuk supaya akses kepada *finance* itu dapat diperbaiki maka SME Bank berada di setiap negeri kecuali di Perlis mungkin dan di beberapa negeri ada dua atau tiga cawangan.

Jadi itu sebagai penjelasan. Maknanya bukan berdasarkan semata-mata kepada pertimbangan komersial tetapi atas pertimbangan untuk membantu usahawan dalam erti kata supaya mereka mendapat akses kepada *finance* dan juga untuk mendapat program pendedahan. Jelas, Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Boleh saya cadangkan kalau kita hendak pakai *Blue Ocean Strategy*, kita gabungkan dengan bank-bank DFI yang lain Agrobank dan semua itu *then you can cut down the cost. Can you bring this up to the Cabinet?* Yang saya paling tidak suka ialah *you know wastage* lah. Kalau memang kawasan itu tidak ada pelanggan pun dan buka satu *branch* kita boleh gabung dengan Agrobank dengan bank-bank lain. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat Kelana Jaya atas cadangan tersebut. Yang Berhormat juga mencadangkan atau menanyakan sama ada bantuan kerajaan ataupun kerajaan dalam bajet ada peruntukan untuk bantu Proton-Geely? Jawapannya tidak ada dalam belanjawan dalam MITI untuk tahun 2018 itu jawapan. Apa-apa pun, kerajaan sentiasa mengadakan kerjasama dan kolaborasi dengan bukan sahaja Proton atau Syarikat Perodua ataupun syarikat-syarikat lain kerana kita ingin melihat kemajuan dalam industri automatif yang penting dalam negara kita yang mempunyai kira-kira 600,000 pekerja dalam ekosistem industri automatif.

Berkaitan peruntukkan MIDF ia merupakan peruntukan untuk automasi *automation* ini bukan kali pertama MIDF sudah pun ada peruntukan sebelum ini. *High impact* RM450 juta MIDA, Yang Berhormat hendak senarai ini kita cuma dapat tahu bila ada permohonan. Apa-apa pun ini adalah untuk kebanyakan untuk memberi *customized incentive* di mana projek-projek *high impact* ini yang mempunyai kesan yang besar, *multiplier* kepada negara kita. Itu definisi antara lainnya. Itulah peruntukkan RM450 juta yang disebut oleh Yang Berhormat.

Saya rasa saya sudah jawab kebanyakan daripada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kalau tidak lengkap saya mohon maaf boleh menulis kepada saya dan kita akan menjawabnya secara bertulis kalau mana-mana soalan tertinggal. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada 10 Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya tertarik hati dengan *research* yang dilakukan dan *insya-Allah* mana-mana yang baik kita akan laksanakan untuk faedah rakyat Malaysia. Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM468,582,400 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM468,582,400 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,238,626,300 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,238,626,300 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

**Maksud B.64 [Jadual] –
Maksud P.64 [Anggaran Pembangunan 2018] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Pendidikan Tinggi, Kepala Bekalan B.64 dan Kepala Pembangunan P.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi terbuka untuk dibahas. Ya, berapa orang yang minat? Ya Yang Berhormat Jerantut.

6.46 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja iaitu di bawah Butiran 04000 iaitu Pengurusan Sektor Pendidikan Tinggi yang mana melibatkan menjamin pendidikan tinggi yang berkualiti yang terbaik di universiti awam dan IPTS untuk mencapai keunggulan global.

Saya juga mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan semua warga di Kementerian Pengajian Tinggi yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang ada di institusi pendidikan tinggi di seluruh negara sama ada universiti awam mahupun universiti swasta.

Sesungguhnya usaha yang dibuat oleh kementerian ini *insya-Allah* akan menaikkan lagi imej dan kualiti pendidikan tinggi di negara kita setanding dengan negara-negara luar dan juga kita mengharapkan usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakannya akan menambahkan lagi senarai universiti-universiti yang berjaya daripada negara kita.

Cuma saya ingin menyentuh sedikit Tuan Pengerusi di bawah Butiran 040200 iaitu Jabatan Pendidikan Tinggi, yang mana kerajaan melalui kementerian ini terus memanjangkan tempoh moratorium pembukaan Institusi Pengajian Tinggi dengan niat yang baik iaitu untuk mengawal kualiti pendidikan terutama di sektor swasta. Saya memahami bahawa kita tidak mahu terlalu banyak Institusi Pendidikan Tinggi Khususnya Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, kita bimbang ianya dari segi kualiti tidak dapat dipastikan. Ini usaha yang baik oleh pihak kementerian.

Cuma saya ingin mengharapkan agar moratorium ini dapat mempertimbangkan institusi-institusi swasta yang diasaskan oleh GLC ataupun anak-anak syarikat milik kerajaan kerana pada hemat saya Institusi Pendidikan Tinggi yang ditubuhkan oleh agensi kerajaan ini yang bertujuan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan tetapi ia lebih kepada tanggungjawab sosial untuk memastikan setiap anak bangsa terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar yang mempunyai kemampuan yang terbatas daripada segi ekonomi untuk menghantar anak-anak mereka belajar di institusi pendidikan tinggi swasta yang lain kerana mereka ini tidak mendapat peluang untuk meneruskan pengajian tinggi di peringkat institusi pendidikan tinggi awam. Dengan adanya institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan oleh anak-anak syarikat kerajaan ini ia akan memberi peluang kepada mereka-mereka yang saya nyatakan tadi agar mereka dapat bersama dalam arus pendidikan tinggi negara.

■1850

Akan tetapi dengan adanya moratorium yang kita panjangkan ini lagi, mungkin sedikit sebanyak akan merencatkan peluang-peluang anak-anak bangsa kita kerana institusi yang dijalankan oleh anak-anak syarikat kerajaan ini mungkin mereka mempunyai cadangan untuk melebarkan cawangan-cawangannya ke kawasan-kawasan luar bandar ataupun ke bandar-bandar kecil, misalnya di kawasan saya sendiri Jerantut atau ke kawasan Yang Berhormat Menteri KKLW sendiri di Bera. Akan tetapi dengan adanya moratorium ini, usaha-usaha untuk membuka kampus-kampus cawangan tidak dapat dilaksanakan.

Saya berharaplah agar kerajaan dapat membuka ruang kepada universiti ataupun kolej yang dijalankan oleh agensi kerajaan. Saya bersetuju, yang swasta sepenuhnya itu kita terus kekalkan moratorium ini, tetapi untuk agensi-agensinya kerajaan, wajarlah diberi. Kita banyak agensi kerajaan yang memberikan peluang pendidikan tinggi kepada anak bangsa.

Misalnya di bawah MARA, di bawah FELCRA, di bawah RISDA. Ini agensi kerajaan tetapi kalau kita tidak buka moratorium ini, sudah pasti ia tergolong dalam institusi pendidikan tinggi swasta yang lain. Sedangkan, mereka bukan bermotifkan kepada keuntungan semata-mata. Ini kerana institusi ini menjalankan tanggungjawab sosial nak pastikan dasar kerajaan untuk memberikan pendidikan tinggi yang seluas-luasnya kepada anak bangsa kita.

Jadi, saya amat berharap agar dengan kemurnian hati Yang Berhormat Menteri agar dapat membawa perkara ini kepada pihak kerajaan khususnya Kabinet agar memberikan kelonggaran kepada agensi-agensi kerajaan ini untuk membuka kampus-kampus cawangan mereka ke kawasan-kawasan yang jauh daripada pusat-pusat bandar atau bandar-bandar terkemuka di negara kita dengan harapan saya usaha ini akan dapat mempercepatkan lagi bilangan pelajar-pelajar atau bilangan anak bangsa kita yang mempunyai akses kepada pendidikan tinggi dengan lebih cepat, banyak dan ramai. Jadi, secara tidak langsung, ia akan merencangkan lagi pembangunan negara kita.

Tambah-tambah lagi apabila kerajaan sendiri telah meningkatkan usaha TVET yang mana mungkin antara kolej-kolej swasta milik agensi kerajaan ini mempunyai perancangan mereka untuk memperluaskan program-program yang berkaitan dengan TVET ini kepada kolej-kolej baru yang mungkin mereka dah rancang. Jadi, ini juga akan turut memberikan sumbangan kepada perkembangan institusi TVET di negara kita dan secara tidak langsung ia akan mempercepatkan harapan kerajaan untuk melihat negara ini keterlibatannya dalam bidang TVET ini dapat kita percepatkan lagi.

Jadi, saya rasa, Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, itu sahaja yang dapat saya kongsi pada petang ini. Cuma, saya mengharap Yang Berhormat Menteri agar dapat mempertimbangkan harapan saya ini yang mewakili rakan-rakan Ahli Parlimen yang mengharapkan kawasan-kawasan mereka juga dapat dijangkau oleh perkembangan institusi pendidikan tinggi swasta milik GLC ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh sebab ramai yang nak berucap, saya hadkan masa lima minit seorang. Yang Berhormat Bukit Gantang, sila.

6.53 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Butiran 05011 – Penyelidikan *Fundamental*.

Seperti mana yang kita maklum, universiti ini salah satu daripada kerja asas mereka ialah untuk mengeluarkan penyelidikan yang dibuat di universiti yang dilakukan oleh tenaga-tenaga pensyarah di sana sama ada dia lebih bersifat kepada soal penyelidikan akademik untuk perluasan penyelidikan dan juga pembelajaran serta pengajaran mereka di universiti.

Malangnya, kita lihat bahan penyelidikan yang diterbitkan ini adalah amat kecil berbanding dengan apa yang dikomersilkan atau dipasarkan kepada luar untuk mendapat kembali segala apa yang kita belanjakan terutamanya kebanyakan yang diperolehi dalam penyelidikan ini daripada kerajaan sendiri. Kalau kita lihat pada bajet pada tahun 2018 ini, sebanyak RM345 juta berbanding dengan tahun 2017 iaitu sebanyak RM235 juta. Hampir dekat RM100 juta kenaikan. Ini satu perkembangan yang baik untuk mereka yang berada di pusat pengajian tinggi.

Tetapi persoalannya ialah kenapa kita harapkan supaya hasil penyelidikan ini dinilai ataupun dikomersilkan dengan baik. Persoalan saya, berapakah hasil kajian yang telah dipasarkan ke peringkat antarabangsa? Itu satu soalan saya.

Kedua, adakah usaha daripada pihak kementerian terutamanya dari segi dengan MITI dan sebagainya untuk memasarkan hasil penyelidikan daripada pensyarah-pensyarah ataupun kakitangan IPTA ini ke luar negara dan ia akan menghasilkan satu pendapatan yang baik kepada universiti dan juga kepada negara?

Ketiganya, berapakah nilai hasil penyelidikan IPTA khususnya yang digelar sebagai universiti penyelidikan, antaranya USM, UM, UKM dan juga UPM?

Kemudian, pergi kepada Butiran 010700 – UIAM. Saya nak persoalkan kenapa bajet UIA pada tahun ini berkurangan? Walaupun tidak banyak, lebih kurang RM7 juta berkurang berbanding dengan tahun 2017 iaitu RM407,224,000 berbanding dengan tahun depan iaitu RM400 juta. Sedangkan, UIA sedang menuju ke universiti penyelidikan. Kenapa pada tahun depan dikurangkan?

Butiran 050500 – Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi. Sebanyak RM300 juta untuk tahun ini. Sedangkan pada tahun lepas tidak ada. Pertanyaan saya ialah apakah maksud Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi ini? Kenapa pada tahun 2017 tidak ada, tahun depan ada? Apa yang dimaksudkan dengan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi ini? Adakah hari ini pensyarah masih lagi dihantar ke universiti luar negara?

Akhir sekali ialah Butiran 010000 – Operasi Pendidikan Tinggi. Persoalan saya ialah berapakah *ratio* setiap pensyarah yang mengajar di IPTA? Ini kerana ada di kalangan pensyarah yang mengajar sampai antara 16 hingga 20 jam satu minggu. Kalau ikut pengalaman saya dulu, tidak sampailah 12 begitu saja, tetapi sekarang ini sudah sampai.

Jadi persoalannya, adakah mereka ini memiliki masa yang berkualiti untuk menghasilkan penyelidikan dan penulisan? Itu salah satu daripada cara untuk mereka nak sebagai salah satu bidang asasi untuk akademik mereka. Akan tetapi dengan kelas yang agak banyak itu, masa mereka adakah mereka mampu untuk menggunakan masa kualiti ini bagi menghasilkan penyelidikan atau penulisan di universiti? Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

6.59 ptg.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas ruang dan peluang. Saya ingin terus kepada Butiran 060100 – Pelarasan Emolumen dan Kenaikan Pangkat.

Dalam menelusuri usaha kerajaan ke arah menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat, saya akui banyak usaha telah digerakkan sejak awal lagi menerusi pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Namun demikian, dalam usaha untuk menyediakan mekanisme yang terbaik untuk menghadapi impak ledakan revolusi perindustrian keempat, ada kalanya mungkin kita terlepas pandang terhadap keperluan memperkasakan tenaga pengajar yang memfokuskan kepada sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) terutamanya di politeknik.

Saya melihat antara perkara utama yang perlu diberikan perhatian di dalam memperkasakan tenaga pengajar di politeknik ini adalah berkaitan pemakaian skim pensyarah universiti berkelulusan PhD Gred 52 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13, Tahun 2009.

■1900

Harus diketahui bahawa isu ini telah lama dibangkitkan sejak tahun 2010 lagi dan perkara ini sangat penting. Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Politeknik menunjukkan bahawa seramai 32 orang staf pemegang PhD telah keluar daripada sistem politeknik mengakibatkan kerugian sebanyak RM3.2 juta kepada politeknik sekiranya setiap individu tersebut menerima pembiayaan pengajian PhD sebanyak RM100,000 seorang. Keadaan ini boleh mengakibatkan berlakunya krisis *brain drain*, dengan izin, dalam sistem pengajian politeknik. Perkara ini akan berterusan sekiranya mereka yang memiliki PhD akan terus keluar daripada sistem kerana ditawarkan Gred 51 ataupun Gred 52 di universiti dengan tawaran gaji yang lebih lumayan.

Kita tidak mampu menghalang penghijrahan mereka tetapi kerana bila merujuk kepada ini seharusnya kita harus bergerak ke arah yang lebih baik dan harus diketahui bahawa saya dimaklumkan 65 peratus tenaga pengajar yang memiliki PhD berada di bawah Gred 52.

Oleh itu saya melihat ada kalanya kegagalan melaksanakan pekeliling ini telah mengakibatkan politeknik ketandusan pemegang gred JUSA sehinggakan pelantikan jawatan ketua pengarah di politeknik juga ada kalanya harus dibawa daripada universiti awam.

Saya sedia maklum bahawa pihak KPT menggalakkan usaha dan ingin meramaikan lagi pemegang PhD dalam negara ini. Namun demikian, sekiranya galakan ini tidak seiring dengan insentif kenaikan gred pada mereka yang telah menamatkan pengajian di peringkat PhD.

Justeru itu, saya menggesa agar dan ingin mencadangkan agar Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13, Tahun 2009 dapat dilaksanakan dengan segera agar skim perjawatan yang ditawarkan di peringkat politeknik setara dengan skim perjawatan yang ditawarkan di universiti awam. Saya melihat dengan pelantikan ketua pengarah politeknik yang baru daripada universiti awam saya amat yakin dan percaya beliau mampu untuk menggerakkan inisiatif ini.

Saya juga mempunyai pelbagai persoalan yang hendak dilontarkan kepada pihak kementerian iaitu pertama, berapakah bilangan pensyarah politeknik yang mendapat laluan *fast track* daripada Gred 48 hingga Gred 52?

Kedua, mengapakah skim politeknik ini tidak melaksanakan skim yang disetarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)?

Ketiga, mengapakah sistem lantikan pertama dan kenaikan pangkat tidak dilaksanakan mengikut skim Gred 51 dan juga Gred 52?

Tuan pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 iaitu hospital baru. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah merealisasikan impian penduduk Kuala Selangor untuk memiliki sebuah hospital iaitu Hospital Pengajar UiTM Puncak Alam. Perkara ini penting kerana hospital berkenaan akan digunakan oleh pelajar perubatan serta akan memberikan satu wajah baharu di dalam Parlimen Kuala Selangor sebagai hab pendidikan perubatan utama negara di samping berupaya memberikan manfaat kepada penduduk Kuala Selangor dan Kapar yang melibatkan lebih daripada 600,000 orang penduduk.

Seterusnya perkara Butiran 060000 iaitu Dasar Baru. Saya ingin bertanyakan sejauh manakah pihak kementerian telah bersedia dan apakah langkah strategik yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi menyediakan institusi pendidikan tinggi negara dalam menghadapi revolusi industri keempat.

Terakhir, Butiran 030200 iaitu Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Saya ingin bertanyakan mengenai status Kolej Komuniti Kuala Selangor dan bilakah ianya akan digerakkan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rasah.

7.04 mlm.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 010000 – Operasi Pendidikan Tinggi. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya kepada pihak kementerian sebab baru-baru ini saya telah pun terima aduan daripada pensyarah-pensyarah bahawa pensyarah-pensyarah diwajibkan untuk membayar fi yang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan masa dahulu. Kalau masa dahulu kalau tidak silap fi mereka cuma RM20 sehingga RM30 tetapi sekarang fi tersebut telah pun meningkat sehingga RM200.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sebab baru-baru ini saya telah pun memerhatikan kalau mengikut Bajet 2015 kita lihat ada wujudnya butiran Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman di dalam bajet kita. Bajet 2015, Bajet 2016 dan Bajet 2017, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman ia wujud dalam anggaran bajet Kementerian Pendidikan Tinggi. Untuk peruntukan yang diperuntukkan pada tahun 2015 adalah RM60 juta, tahun 2016 sejumlah RM51 juta dan tahun 2017 sejumlah RM30 juta. Akan tetapi untuk tahun 2018 saya berasa sangat pelik, kemungkinan ada ketinggalan ataupun kesilapan di mana butiran Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman yang diasaskan oleh MCA tidak diwujudkan dalam Bajet 2018.

Saya rasa kemungkinan pihak kementerian boleh memberi satu penjelasan kepada Dewan yang mulia ini bahawa mengapakah perkara ini berlaku. Ini kerana selama ini saya rasa pihak kerajaan memang ada memberi subsidi kepada kolej tersebut tetapi mengapa tiba-tiba tahun ini butiran tersebut langsung tidak wujud. Saya rasa itu perlu dijawab demi kepentingan kepada semua pelajar yang sedang belajar di kolej universiti tersebut.

Akhir sekali, saya memang faham pihak kerajaan buat masa kini dia masih lagi tidak mengiktiraf sijil UEC. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, jikalau kita tidak mengiktiraf sijil UEC, bagaimana kita boleh menerima pelajar-pelajar dari luar negara. Sebagai contoh kita terima banyak *international student* tetapi kita boleh terima *foreign qualification* tetapi *local qualification* yang diiktiraf oleh kebanyakan terkemuka dunia tetapi kita pula tidak iktiraf.

Saya ingin tanya kepada pihak kementerian, buat masa kini berapakah jumlah pelajar-pelajar asing yang belajar di Malaysia? Kalau boleh saya ingin dapatkan butiran mengenai setiap universiti, berapakah *foreign student* di dalam setiap universiti itu? Dari manakah negara mereka? Saya ingin hendak dapatkan butiran itu supaya kita boleh sama-sama memantau, kita melihat bagaimanakah pelajar asing datang ke negara kita.

Pada masa yang sama saya rasa sebenarnya di negara kita bukan sahaja mempunyai universiti awam tetapi kita mempunyai banyak universiti swasta yang mampu menjadi satu daya tarikan kepada pelajar-pelajar asing. Pada masa yang sama saya rasa kalau kita bergiat untuk mendapatkan pelajar daripada negara asing, saya rasa sama juga kita perlu memberikan keutamaan kepada anak-anak kita yang belajar ataupun yang habis pelajaran mereka di sekolah menengah tidak kira dia sekolah menengah kerajaan ataupun sekolah menengah swasta. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik.

7.08 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut juga membahaskan pada petang ini berkaitan dalam jawatankuasa di Kementerian Pendidikan Tinggi, Butiran 010400 iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM).

Royal Belum terkenal dengan hutan flora dan fauna yang sangat unik dan merupakan antara hutan tertua di Dunia. UPM yang sangat terkenal dengan universiti penyelidikan hasil hutan adalah dicadangkan untuk membuka kampus baru di Parlimen Gerik untuk buat kajian di Hutan Belum. Fauna macam-macam, gajah, harimau dan pelbagai lagi yang boleh menjadi satu fokus yang mana kita harapkan Kementerian Sumber Asli boleh membantu mewujudkan sentri gajah.

Akan tetapi untuk Kementerian Pendidikan Tinggi kita berharap supaya flora boleh dibuat kajian, macam kemahiran Orang Asli tempatan seperti ubi jaga yang dikatakan boleh menguatkan orang lelaki, ubi spring... [Disampuk] Ha! Kalau makan ubi jaga itu *depa* kata okey lah makan dengan pinang muda, dia boleh bagi kekuatan kepada kita. Ubi spring pun sama juga. Kemudian satu yang paling penting di kawasan Royal Belum dan juga di Gerik adalah bunga Rafflesia ataupun orang tempatan kata bunga Pakma.

■1910

Satu bunga yang dikatakan bunga yang terbesar tetapi bunga tersebut kalau direbus boleh mengecutkan organ wanita-wanita yang lepas bersalin. Akan tetapi kita tidak tahu sejauh mana kebenarannya tetapi yang saya tahu orang Gerik masih menggunakan bunga tersebut. Itulah saya mengharapkan kalau boleh dipertimbangkan soal tanah, kita pakat-pakat berunding dengan kerajaan negeri supaya boleh dijayakan untuk dibukakan kampus UPM ataupun mana-mana universiti yang sesuai untuk dibuka dan boleh dibuat dari segi pelancongan dan pelbagai lagi.

Butiran 040300 – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Mohon kementerian memantau universiti ataupun IPT swasta yang menawarkan *course* yang telah mendapatkan pengiktirafan daripada MQA. Pelajar-pelajar menghabiskan masa belajar dengan sia-sia dengan sijil yang diperoleh tidak diiktiraf.

Begitu juga kadang-kadang pegawai-pegawai kerajaan yang hendak melanjutkan pelajaran, apabila sampai ke peringkat terakhir, kononnya ijazah mereka tidak diiktiraf oleh MQA. Sejauh mana kementerian memantau soal pengiktirafan tersebut bagi tidak merugikan pelajar-pelajar yang belajar di IPTS.

Butiran 030200 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Kolej komuniti adalah satu yang saya lihat amat penting yang berada di luar bandar pada hari ini, satu kolej yang memberi kerjasama yang baik dengan masyarakat sanggup mengeluarkan sijil penyertaan, sijil kehadiran sehingga peringkat diploma.

Saya mengharapkan peringkat kementerian supaya memberi fokus kepada pihak kolej komuniti ini yang mana kehendak rakyat terutamanya di luar bandar kita membantu dari segi memperbaiki rumah, tukar atap, tukar dinding di mana kolej komuniti ini setakat yang saya lihat di Gerik telah berjaya mendekatkan masyarakat dan dapat melahirkan anak-anak muda kita untuk menjadi tukang dan ada sijil daripada kolej komuniti.

Oleh itu diharapkan usaha yang berterusan pihak kementerian bagi memastikan kolej komuniti ini diterima sama ada sesiapa juga rakyat Melayu, Cina, India, Orang Asli dan pelbagai lagi. Hal ini kerana kita mahu melihat kolej komuniti hanya tertumpu untuk satu kumpulan kaum sahaja.

Akan tetapi dia penting untuk seluruh kaum bagi mencapai kemahiran seperti yang dicita-citakan di samping kita berharap kemahiran yang ditekankan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dapat memastikan pelajar-pelajar di kolej vokasional dia tahu arah tuju walaupun mereka kata untuk mendapatkan kemahiran tetapi di peringkat pengajian tinggi bagi meneruskan kesinambungan pelajar di kolej vokasional boleh didapati di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi. Dengan ini saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

7.13 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada empat butiran dan empat soalan yang perlu dibangkitkan. Pertama sekali adalah berkenaan dengan Butiran 030200 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti.

Pada tahun 2015, kerajaan telah menganjurkan *work-based learning* yang dikenali sebagai WBL dan beberapa jurusan telah diperkenalkan sebagai contoh kalau tidak silap saya jurusan Diploma *Games Art* yang berkenaan dengan pembangunan permainan beralah komputer. Adakah jurusan sebegini diteruskan untuk tahun 2016 dan tahun 2017? Selain daripada ini, ini menarik minat anak-anak muda. So, saya menerima baik cadangan sebegini. Apakah kerajaan telah memperluaskan jurusan-jurusan ini kepada bidang-bidang lain? Jika ada, apakah promosi yang dilakukan untuk menarik minat anak-anak muda?

Seterusnya adalah Butiran 040200 – Jabatan Pendidikan Tinggi. Ini berkenaan dengan borang yang pelajar kena isi semasa memilih IPTA. Apabila kita berpandukan pada borang, ada beberapa jurusan yang telah diberikan. Saya difahamkan jika mana-mana pelajar gagal melengkapkan mana-mana butiran dalam dokumen tersebut bermaksud kalau ada lima jurusan kena letak kesemua lima jurusan. Kalau ada 12, kena letak kesemua 12. Jika tertinggal, itu bermaksud mereka akan gagal ataupun borang itu akan ditendang.

Jika ini adalah betul, saya ingin mendapatkan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri mana-mana yang menjawab, sekiranya pelajar itu belajar untuk satu jurusan dan dia memilih tiga atau empat universiti, bakinya perlu diisi. Walaupun dia tidak minat dan sebagainya. Jika itu adalah seorang pelajar cemerlang, mempunyai keputusan yang baik dan disebabkan dia telah mengisi borang dan jurusan-jurusan di bawah kerana kalau tidak borang itu akan ditendang bagaimana senario itu akan diperinci dan diperhalusi oleh kementerian?

Seterusnya, Butiran 040300 – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini adalah satu agensi untuk menjamin kualiti pendidikan di institusi pengajian tinggi dilakukan untuk menilai setiap institusi.

Saya mendapati ada dua peringkat penilaian iaitu akreditasi sementara dan akreditasi penuh. Saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adalah, bagaimanakah kita bezakan kedua-dua akreditasi ini? Apakah perbezaan dia sebenarnya? Apakah kriteria kita memberikan sesebuah universiti atau institusi sebagai akreditasi sementara? Bagaimana mereka boleh digolongkan sebagai akreditasi penuh? Pada hari ini, Yang Berhormat Menteri kita juga ada banyak institusi atau kolej khususnya IPTS, mereka sedang menawarkan pelbagai kursus.

Akan tetapi ada dua perkara yang perlu dibezakan iaitu satu, adakah kolej itu mempunyai akreditasi? Satu lagi, akreditasi untuk program-program dan kursus-kursus yang mereka berikan. Macam mana yang ini perlu dimaklumkan kepada pelajar-pelajar? Kadang-kadang kolej itu, yes, dia mempunyai semua kriteria tetapi kursus yang ditawarkan itu tidak. So, bagaimana kita hendak bezakan bagaimana benda ini perlu disampaikan kepada pelajar-pelajar supaya tidak tertipu dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, adalah Butiran 050500 – Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi. Ini adalah sesuatu yang baru pada tahun lepas saya tidak nampak apa-apa bayaran, pada tahun ini adalah sebanyak RM300 juta. Apa-apa bantuan yang diberikan kepada pelajar saya hargai, bagus. Terima kasih.

Akan tetapi saya perlukan penerangan untuk berapakah perbelanjaan yang kita akan khususkan bantuan ini? Adakah ini berbentuk *loan*, geran atau *scholarship*? So, saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri untuk menerangkan bahagian ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Merbok.

7.17 mlm.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 060100 – Pelarasan Emolumen dan Kenaikan Pangkat. Peranan ahli akademik jauh berbeza berbanding guru sekolah. Ahli akademik perlu menjalankan penyelidikan bidang ilmu terkini dan mengembangkan ilmu sehingga berjaya mewujudkan ilmu baru yang tertulis dalam jurnal ilmiah. Selain berdepan dengan etika atau nilai teras akademik, tugas pensyarah sangat berat dan perlu mengabdikan diri untuk penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan akademik.

Walau bagaimanapun, peruntukan bagi latihan penyelidikan universiti dikurangkan. Namun begitu, peruntukan bagi penyelidikan meningkat daripada RM235 juta hingga RM345 juta. Dengan peruntukan sebanyak ini, ia memberikan berita baik kepada penyelidik-penyelidik di universiti. Dengan ini, kementerian dapat menyangkal tanggapan para penyelidik terhadap kementerian tersebut.

Dalam isu ini, ada dua perspektif menjelaskan dan mencari penyelidikan terbaik antaranya tugas pensyarah universiti perlu dinilai semula dan menilaikan prestasi tahunan boleh dijadikan panduan kenaikan pangkat serta ganjaran. Skim baru perlu diwujudkan dan dipandu oleh Suruhanjaya Bebas Perkhidmatan Ahli Akademik Malaysia. Dengan ini, penilaian kenaikan pangkat pensyarah hingga ke profesor ulung perlu disandarkan kepada prestasi akademik dan sumbangan yang cemerlang.

■1920

Ucapan tahniah kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana memperoleh jumlah pembangunan iaitu pada tahun 2016 iaitu RM1.2 bilion, 2017 – RM2.5 bilion dan 2018 pula RM2.9 bilion. Ini menunjukkan peningkatan yang positif.

Butiran 010000. Terdapat 20 IPTA dan 24 IPTS di mana yang terakhir adalah *Heriot-Watt University*. Namun begitu, setiap IPTA tersebut terdiri daripada berbagai-bagai pengkhususan. Ucapan terima kasih di atas perhatian kerajaan dan saya mohon supaya pihak kerajaan dapat menambah bilangan universiti luar negara di Malaysia. Ini kerana ia dapat mengurangkan perbelanjaan kementerian bagi menghantar pelajar ke luar negara.

Setiap IPTA merupakan institut yang mempunyai tiga kategori iaitu penyelidikan, komprehensif dan berfokus. Sebagai contoh, USM merupakan institut yang melandaskan pendidikan dan UNIMAP pula berlandaskan berfokus. Saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menambah lagi universiti bagi penyelidikan dan universiti bagi berfokus. Ini kerana dapat menambah bilangan penyelidik terutama dalam bidang kejuruteraan.

Adakah pihak kementerian akan memastikan bilangan pelajar yang masuk untuk melanjutkan pelajaran sentiasa meningkat memandangkan ramai yang lulus tetapi tidak berpeluang untuk masuk ke universiti? Dengan peruntukan tersebut, adakah pihak kementerian dapat mengekalkan tahap kompetensi IPTA dengan institut yang setaraf di luar negara? Saya juga ingin tahu, berapakah bilangan pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

7.23 mlm.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menggulung pukul lapan malam.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga turut membahaskan untuk Kementerian Pendidikan Tinggi B.64. Saya ingin menyentuh Butiran 010700, dibawa tajuk Operasi Pendidikan Tinggi. Secara umumnya, kesemua universiti kecuali tiga universiti mengalami peningkatan di dalam peruntukan. Hanya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi MARA, dan juga Universiti Malaysia Pahang yang tidak ada kenaikan tetapi ada penurunan. Apakah sebab peruntukan ketiga-tiga buah universiti ini dipotong sedangkan yang lain ada kenaikan? Apakah implikasi terhadap pemotongan peruntukan dari segi penyelidikan, kualiti dan kompetensi?

Kedua, saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Hospital Pengajar. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah dasar kementerian kepada universiti-universiti swasta yang menawarkan kursus perubatan swasta sama ada mereka perlu mendirikan, membina, membangunkan hospital pengajar mereka sendiri? Ini kerana setengah-tengahnya sekarang ini mungkin melatih penuntut-penuntut mereka di hospital-hospital milik Kementerian Kesihatan. Jadi, apa dasarnya? Ini kerana saya fikir Kementerian Kesihatan juga memerlukan hospital-hospital ini untuk melatih doktor-doktor pakar dan kadang-kadang hospital-hospital mengalami *congestion* juga bila terlalu ramai penuntut yang ada setiap universiti kerajaan itu.

Seterusnya saya hendak bertanya lagi, apakah lagi hospital-hospital pengajar perubatan yang bakal dibina oleh Kementerian Pendidikan Tinggi? Saya tahu universiti UiTM ada dan Universiti Islam Antarabangsa *is in the pipeline*, sudah ada peruntukan. Universiti-universiti lain bagaimana?

Seterusnya saya ingin bertanya Butiran 030000 – Pendidikan Teknikal dan Vokasional, ringkasnya 030200 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Saya ingin bertanya sama ada pendidikan kolej universiti kita ini terbuka kepada apa kita panggil *mature students* yang mana telah bekerja dan perlu kembali untuk mengasah lagi kemahiran mereka dalam bidang teknikal.

Saya melihat bahawa sekarang ini ada *demand* untuk kita panggil orang yang *service* kepada rumah. Jadi dia tidak boleh hidup dengan hanya mungkin buat *plumbing*, tetapi dia juga perlu boleh memperbaiki peti ais dan *washing machine* dan sebagainya. Jadi kadang-kadang mereka ini tidak ada kelulusan tinggi, mungkin pasca SPM sahaja. Mereka boleh buat kerja, tetapi adakah mereka ini boleh balik kepada kolej-kolej komuniti dan adakah kolej komuniti membuat program di sebelah malam untuk orang-orang yang telah bekerja.

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai Butiran 040300 – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menjawab soalan ini mengenai pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang ditawarkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada USIM adalah setaraf dengan mahasiswa lain. Namun hingga sekarang ini, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia (LKPU) masih tidak mengiktiraf lepasan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang. Jadi setakat ini, graduan mereka di mana? Apakah peluang pekerjaan mereka?

Jadi akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang Butiran 050500 – Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi. Adakah ini termasuk bantuan kepada pelajar-pelajar kita yang pergi secara persendirian di luar negara? Baru-baru ini ada banyak kes di mana bila mereka tidak dapat biasiswa dan dengan penurunan mata wang kita, yuran telah meningkat, kos hidup telah meningkatkan, jadi mereka agak tersangkut. Ada yang tidak bayar yuran dan tidak boleh meneruskan pelajaran mereka setelah bertahun, mungkin setengah peringkat akhir. Jadi, adakah bantuan pelajar pendidikan tinggi termasuk kepada pelajar-pelajar kita ataupun pelajar Malaysia yang berada di luar negara yang pergi secara sendiri?

Akhir Yang Berhormat Menteri, saya minta maaf. Butiran 050300 – Air Kokol. Saya tengok ada peningkatan RM10 juta ke RM19 juta. Kalau boleh Menteri memberi sedikit penjelasan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Lipis.

7.28 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya turut serta perbincangan anggaran perbelanjaan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pertamanya sebelum saya pergi kepada butiran, saya mohon izin menyokong apa yang disarankan oleh rakan saya iaitu daripada Yang Berhormat Jerantut. Setelah saya teliti sebentar tadi bahawa saranan daripada Yang Berhormat Jerantut itu merupakan perkara yang amat penting kerana kita sebenarnya masyarakat yang masih jauh daripada bandar-bandar besar, maka sangat penting kalau kolej-kolej, universiti swasta ini yang dikendalikan oleh GLC dibina di tempat-tempat seperti Lipis, Jerantut, mungkin Kuala Krau dan mungkin di lain-lain tempat yang bersesuaian.

Saya pergi kepada Butiran 030200 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, yang beranggaran bajet RM367 juta bagi tahun 2018. Sebenarnya kolej komuniti adalah juga merupakan salah satu pilihan kepada masyarakat yang dinyatakan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, bahawa kita banyak pelajar-pelajar lepas SPM yang tidak mendapat keputusan yang baik, maka mereka terus pergi kepada kolej komuniti dengan pilihan berbagai-bagai bidang. Ini juga merupakan amat penting bagi sesebuah tempat termasuklah di tempat saya kerana mereka ini adalah penduduk-penduduk yang mungkin jauh di pedalaman.

■1930

Tetapi ingin saya nyatakan bahawa Kolej Komuniti Lipis yang juga dikenali sebagai KKL dan merupakan berhampiran dengan pejabat saya sebenarnya dan di sini tempatnya selalu saya melihat pelajar-pelajar dan selalu saya bertemu ramah dengan mereka. Berterus terang Yang Berhormat Menteri saya katakan bahawa KKL ini, Kolej Komuniti Lipis ini merupakan kolej komuniti yang kelihatan sungguh usang, hidup segan mati tak mahu. Jadi pada satu ketika, seingat saya waktu saya sebagai ADUN dahulu, pernah kolej komuniti memohon tanah lebih kurang dalam 25 ekar, tak silap saya. Saya telah melihat pelan kolej komuniti dalam Parlimen Lipis, tetapi sehingga hari ini tidak menjadi kenyataan.

Saya tak tahu apakah pemilihan kriteria yang dilakukan oleh pihak kolej komuniti. Ini berlaku telah hampir 10 tahun yang dahulu. Saya melihat atas minat mereka, mungkin bidang yang tak sesuai, mungkin bidang-bidang yang tertentu. Maka saya berharap supaya pihak kementerian melihat serba sedikit kolej komuniti di Lipis ini. Mungkin boleh di-*upgrade*, mungkin boleh dibina baru kerana saya tengok mungkin kita boleh membantu kawasan-kawasan persekitaran seperti Raub, Jerantut, Cameron Highland yang perjalanannya hanya satu jam setengah sahaja untuk sampai ke Lipis. Jadi saya memandangkan sedemikian rupa oleh sebab kritikalnya kekurangan kelas dan sebagainya. Saya berharap supaya dengan pembinaan yang baru ini mungkin boleh menambah pelajar di kawasan saya itu.

Saya pergi kepada butiran 02100 iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), anggaran perbelanjaan bernilai RM781 juta. Saya sebenarnya dari segi UiTM ini, dari segi pengulasannya- kewujudannya sudah lama sebenarnya UiTM ini. Kita semua sudah faham bahawa UiTM ini merupakan salah satu universiti yang terbaik di negara kita ini. Banyak membantu orang yang agak susah kerana kos yang- dengan ganjaran-ganjaran yang ditawarkan adalah agak berpatutan jika dibandingkan dengan universiti lain. Maka pihak UiTM kita sangat berpuas hati dengan UiTM ini.

Seperkara yang ingin saya nyatakan bahawa di dalam kawasan saya terdapat tanah seluas 1,000 ekar yang telah diberikan kepada UiTM pada tahun 2010. Persoalan saya, bilakah hendak dibina UiTM tersebut? Bilakah? Ini juga pernah dinyatakan hasrat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina UiTM tersebut. Saya mendapati tanah itu masih terbiar dan tidak dibina apa-apa dan dalam pertanyaan saya beberapa kali di dalam Parlimen hendak dibina, hendak dibina sahaja jawapan. Akan tetapi jawapan konkrit bilakah hendak di bina, apakah fakulti, berapakah kos, tidak dinyatakan. Jawapannya saya ingat lagi Timbalan Menteri menjawab akan dibina, akan dibina.

Minta sikit Tuan Pengerusi untuk saya mengulas tanah yang seluas 1,000 ekar ini. Kerajaan Negeri Pahang anugerahkan pun agak murah, kalau tak silap saya lebih kurang RM300,000 sahaja bayaran premiumnya. Bererti lebih kurang RM30 seekor sahaja. Ada ura-ura mengatakan pihak UiTM hendak sewakan orang untuk tanam sawit sahaja. Kalau ini berlaku saya minta UiTM pulangkan kembali tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana tidak berlaku apa-apa di kawasan tersebut. Mohon penjelasan daripada Menteri, saya mohon menyokong bajet Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Temerloh.

7.34 mlm.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010000 – Operasi Pendidikan Tinggi.

Pertamanya kita ucap syukur, dalam butiran ini saya akan menyentuh tiga isu penting. Yang pertama saya ucapkan syukur kerana pengiktirafan beberapa universiti tempatan kita yang disenaraikan dalam universiti penyelidikan iaitu UKM, USM, UM, UPM dan juga UTM. Universiti pendidikan ini begitu signifikan untuk menjadi nadi kepada pembangunan negara, selain daripada eksplorasi kepada pembangunan ilmu. Ini sejajar dengan ketamadunan sesebuah negara.

Jadi saya ingin mendapatkan data mengenai berapakah *rate on return* hasil pulangan yang diperolehi kerajaan dalam universiti penyelidikan ini? Itu yang pertama. Kedua, jika kita melihat kajian-kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik sebagai contoh, Projek *Peace* iaitu kajian terhadap penderaan, penganiayaan dan pengabaian warga emas oleh Profesor Madya Noran Naqiah Mohd Hairi daripada Universiti Malaya. Begitu juga dengan kajian oleh Profesor Dr. Nazamid Saari daripada UPM yang telah memperkenalkan satu produk makanan yang berasaskan kundur yang boleh mengubat penyakit darah tinggi dan sebagainya.

Jadi persoalannya, sejauh manakah hasil-hasil kajian ini dipatenkan atau dikomersialkan? Apakah juga impaknya kepada intervensi polisi oleh kerajaan supaya keberkesanan polisi yang dicadangkan hasil daripada kajian-kajian ini dapat kita laksanakan dengan baik. Itu isu pertama.

Isu yang kedua ialah dalam butiran ini kita perlu konsisten untuk melihat pendidikan sebagai tunjang kepada pembangunan ekonomi negara. Saya melihat antara *outcome* utama di bawah pendidikan tinggi berkualiti adalah melahirkan graduan dalam pengajian sektor kritikal yang kemudiannya bekerja dalam sektor yang sama. Namun secara umumnya adalah ramai di kalangan graduan tidak menyertai pasaran pekerjaan dalam bidang yang mereka pelajari sewaktu di kampus dahulu.

Ini melibatkan soal isu *informer labour* lah dan tambahan pula kalau kita lihat Malaysia ini mempunyai 28 ke 30 peratus tenaga-tenaga mahir. Jadi sepatutnya perkara ini kita dapat tangani dengan baik. Cuma saya lihat, sasaran asal negara kita mahu memiliki 50 peratus tenaga mahir pada tahun 2020 nanti. Akan tetapi telah dikurangkan kepada 35 peratus. Jadi kenapa dikurangkan ini saya juga mahu penjelasan daripada pihak kementerianlah.

Baik Tuan Pengerusi, melihat kepada hubungan di antara sistem pendidikan yang tertinggi dengan penyertaan para graduan dalam sektor pekerjaan ini, saya kira kita masih jauh dengan hakikat memiliki tenaga kerja mahir yang tinggi di dalam negara kita. Untuk pengetahuan, kebanyakan negara maju memiliki tenaga-tenaga mahir yang tinggi, yang lahir daripada sistem pengajian dan juga pendidikan tinggi ini. Sebagai contoh Jerman ada 82 peratus tenaga mahir mereka, Finland ada 58 peratus dan *Singapore* 52 peratus.

Tuan Pengerusi, jadi tidak mustahillah jika hubungan sektor pendidikan tinggi dan juga sektor pekerjaan kritikal ini jika tidak dihubungkan dengan baik, makanya nanti kita akan kekal, terperangkap dalam kelompok negara berpendapatan pertengahan. Bukan melangkah dan beranjak kepada kelompok negara maju. Jadi saya kira kuncinya untuk keluar daripada kelompok ini ialah pendidikan.

Jadi Tuan Pengerusi, kita tidak boleh fikir mengapa para graduan kita nantinya bila mereka *graduate* suka memilih kerja dan gaji tanpa kita melihat terlebih awal kepada betapa sesaknya mereka dalam menempuh alam pekerjaan dengan gaji yang kecil pada ketika ini. Hendak berdepan dengan hutang pendidikan, kos sara hidup yang tinggi, pendapatan boleh guna yang rendah, kuasa membeli yang rendah, jadi apa lagi yang ada pilihan kepada mereka? Walaupun mereka mungkin lepasan *engineering*, mungkin lepasan undang-undang tetapi akhirnya mereka terpaksa memilih untuk jadi pemandu *GrabCar* ataupun pemandu teksi dan seumpamanya. Betul itu kerja yang boleh *survive* rezeki mereka tetapi persoalannya dia akan menjejaskan potensi negara untuk memiliki tenaga-tenaga mahir di dalam negara dan akhirnya sudah tentulah akan menjejaskan juga produktiviti negara pada masa akan datang.

Jadi saya kira mereka ini tidak bolehlah disalahkan jika sekiranya mereka tidak menyertai pasaran pekerjaan yang sesuai dengan kos pengajian yang mereka ambil sewaktu di universiti terlebih dahulu. Jadi akhirnya kita perlu lihat sejauh mana kondusifnya suasana yang kita sediakan kepada graduan pada hari ini. Ini kerana kalau kerajaan bercakap soal negara berpendapatan tinggi tetapi rakyat di bawah terutamanya graduan-graduan ini masih lagi seperti merempat maknanya di bawah, jadi apakah sebenarnya yang mahu kita capai.

■1940

Jadi justeru itu saya mohon pandangan dan penjelasan kementerian mengenai isu ini iaitu berkaitan dengan hubungan pendidikan tinggi dengan penyertaan mereka kelak ke pasaran pekerjaan yang ada pada hari ini sesuai dengan pendidikan dan juga pengajian yang mereka duduki sewaktu di universiti. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

7.40 min.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 030000 – Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan dibaca bersekali dengan Butiran 040200 – Jabatan Pendidikan Tinggi.

Sehingga Mei 2016 negara hanya memiliki 28 peratus seperti apa yang diperkatakan oleh rakan Yang Berhormat tadi dan memiliki 28 peratus pekerja mahir daripada keseluruhan 13.2 peratus guna tenaga negara semasa. Jumlah ini masih jauh lagi ketinggalan daripada sasaran.

Walau bagaimanapun, saya tengok bahawa dalam laporan yang diberikan kepada kita, kalau mengikut petunjuk prestasi utama sasaran peratusan graduan TVET yang mendapat pekerjaan tahun konvokeyen adalah 73.90 peratus untuk tahun 2016. Akan tetapi banyak kali yang perlu dilakukan. Jadi soalan saya pada Kementerian adalah bagaimanakah KPT mengarusperdanakan sektor TVET dan STEM ke universiti awam dan institusi pendidikan tinggi swasta memandangkan pendidikan TVET dan STEM di peringkat ijazah amat diperlukan bagi menyediakan tenaga mahir bagi negara.

Dalam Bajet 2018, pendidikan TVET negara telah dijenamakan semula sebagai TVET Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia diberi peranan utama dalam pembangunan ini. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian bagaimanakah dari segi agihan peruntukan antara KSM dan juga KPT dan bilakah pula pelan induk TVET Malaysia akan dilaksanakan?

Seterusnya Butiran 040300 – Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Soalan saya adalah bagaimanakah MQA ataupun Agensi Kelayakan Malaysia ini berperanan bagi memastikan kualiti pendidikan TVET di Universiti Teknikal Malaysia benar-benar berkualiti dan memenuhi keperluan industri negara khususnya dalam menghadapi cabaran IR 4.0? Sehingga kini apakah dan jumlah subjek TVET yang telah mendapat akreditasi penuh yang diajar di Universiti Teknikal Malaysia dan IPTS di seluruh negara.

Seterusnya apakah mekanisme penyelarasan yang diguna pakai oleh MQA bagi memastikan tidak berlaku kursus TVET yang sama dilaksanakan oleh beberapa universiti teknikal negara di IPTS. Seterusnya bagaimana pula pihak KPT memastikan kursus-kursus TVET yang ditawarkan tidak akan mewujudkan lambakan siswazah dalam sesuatu bidang seperti mana yang terjadi kepada bidang-bidang lain di negara ini.

Dalam waktu yang sama saya juga memohon Yang Berhormat Menteri menyatakan senarai ataupun jumlah institusi pendidikan tinggi swasta yang menawarkan pendidikan TVET di Malaysia yang boleh dianggap setaraf dengan rangkaian universiti teknikal negara.

Seterusnya bagi Butiran 060000 – Dasar Baru. Ada kajian mengenai sistem pengesanan graduan 2018. Terdapat lebih kurang 22.7 peratus graduan yang masih belum mendapat pekerjaan. Sehubungan dengan itu saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian, sejauh manakah Transformasi Pendidikan Tinggi Negara telah mencapai objektifnya terutamanya daripada aspek peranan IPT seperti yang digariskan melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020 iaitu setiap IPT perlu berubah ke arah menyediakan graduan yang berketerampilan melalui pembangunan kurikulum yang relevan, ahli akademik yang berwibawa dan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran berfokuskan pelajar.

Seterusnya soalan saya adalah apakah pihak KPT ada melaksanakan kajian impak pelaksanaan program-program seperti pelaksanaan dwi ijazah, program ICGPA dan program keusahawanan?

Soalan saya lagi apakah tahap keberkesanan program-program ini bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan seterusnya mengatasi masalah pengangguran siswazah?

Seterusnya adakah kajian yang dibuat oleh pihak Kementerian terutamanya mengenai jumlah siswazah yang telah berjaya menjadi usahawan?

Saya- mungkin KPT ada juga bekerjasama dengan badan-badan lain seperti Perbadanan Nasional Berhad, TERAJU dan program usahawan yang lain. Jadinya saya minta laporan dan juga makluman mengenai kajian-kajian ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

7.45 m.m.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua tiga perkara sahaja. Pertamanya mengenai Butiran 010000 - Operasi Pendidikan Tinggi.

Disebutkan oleh rakan-rakan tadi ada tiga universiti yang tidak mendapat tambahan peruntukan, yang lain *alhamdulillah* seperti yang telah kita bahaskan tahun lepas ia mendapat perhatian. Cuma saya ingin bertanya kepada kementerian, antara hujah universiti-universiti ini dikurangkan peruntukan tahun lalu ialah kerana institusi ini akan ada sumber-sumber pendapatan mereka sendiri melalui perkhidmatan-perkhidmatan, *consultancy* dan juga apa nama itu, macam yang ada hospital universiti mungkin puncanya daripada rawatan-rawatan di hospital.

Jadi saya ingin bertanya apakah kedudukan dan pencapaian institusi-institusi pengajian tinggi ini? Ini kerana bila kita lihat pertambahan peruntukan pada tahun ini seolah-olah macam usaha untuk mendapat pendapatan selain daripada pihak kerajaan ini mungkin belum tercapai melainkan tiga universiti yang tidak diberikan kenaikan termasuk UiTM mungkin hasil ataupun pendapatan mereka daripada sumber-sumber sendiri telah berjaya.

Keduanya juga mengenai operasi ini. Di dalam perbelanjaan ini hanya kod objek 40000 disebut. Ertinya pemberian dan naikan bayaran tetap kepada universiti ini, di sini kita tidak lihat bagaimana perbelanjaan universiti ini terutamanya terhadap emolumen. Saya ingin bertanya dengan dasar tidak menyambung kontrak-kontrak bagi pensyarah-pensyarah yang telah bersara, apakah kita telah dapat mengurangkan perbelanjaan di universiti-universiti ini mengenai emolumen?

Berapakah lebih kurang penjimatan yang dapat dibuat? Atau adakah kerajaan-sebab saya dimaklumkan ada juga universiti yang terus menyambungkan perkhidmatan pensyarah-pensyarah dan profesornya. Jadi adakah tindakan yang dibuat tahun lepas itu masih lagi diteruskan ataupun kita sudah *reverse* balik kepada lama iaitu menyambung kontrak-kontrak bagi pensyarah-pensyarah yang sudah tamat perkhidmatan ini.

Ketiganya saya ingin bertanya mengenai hospital pengajar, ada tiga yang telah siap. Ada satu yang di dalam Dasar Baru iaitu Hospital Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (HUIAM). Saya ingin bertanya adakah ini universiti yang baru selain daripada pusat kepakaran ataupun Pusat Perubatan UIA yang ada di Kuantan? Bilakah hospital baru ini akan dijangka siap?

Di samping itu saya juga ingin bertanya- ada disebutkan pembangunan hospital baru bagi Universiti Sultan Zainal Abidin ataupun UNiSZA. Jadi bagaimanakah kedudukan pembangunan hospital tersebut? Sama ada sudah sampai ke peringkat hampir siap atau bagaimana.

Bagi tiga pusat ataupun hospital pengajar yang mendapat peruntukan yang lebih kurang sama dengan tahun lepas, saya ingin bertanya sama ada hospital-hospital ini sudah mampu untuk mencapai tahap menanggung sendiri kerana kita lihat dengan kos perubatan yang meningkat mereka tidak mendapat tambahan yang banyak. Ertinya mereka sudah mampu untuk menyara ataupun bagaimana keadaannya. Ini kerana kita tidak mahu perkhidmatan sama ada untuk latihan doktor-doktor kita ataupun perkhidmatan perubatan pada para pesakit terjejas kerana peruntukan yang tidak bertambah ini.

■1950

Akhir sekali, saya ingin bertanya Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ini, bagaimana kekuatannya untuk memastikan kalau pendidikan institusi kerajaan ini saya tidak berapa kluatir tetapi swasta. Bagaimana kekuatan MQA ini untuk memastikan bahawa mereka dapat memastikan kualiti yang baik dan dakwaan-dakwaan yang mengatakan universiti swasta tertentu ini hebat, benar-benar hebat seperti yang didakwa? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

7.50 mlm.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 010000 iaitu Operasi Pendidikan Tinggi dan Butiran 03000 iaitu Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, terdapat 10 inisiatif di bawah 10 lonjakan pelan ini yang telah dikenal pasti antaranya adalah Graduan Holistik Bercirikan Keusahawanan dan Seimbang (iCGPA), kecemerlangan bakat CEO Fakulti, Program Keunggulan Global, *Soaring Upwards*, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (MOOCs).

Saya ingin bertanya, sebab apa MOOC ini kita memerlukan teknologi yang tinggi, kepantasan *internet*, *data storage*, inovasi dan *design*. Adakah kerajaan bersedia untuk mewujudkan satu universiti sendiri, universiti MOOC umpamanya supaya semua dapat disatukan, *centralized computing*, fasiliti komputer umpamanya? Ini untuk menjadikan lebih baik. Pada ketika ini kita lihat lebih daripada 60,000 orang telah mencapai program ini di UKM sendiri.

Keduanya tentang iCGPA ini. Tahniahlah saya hendak ucapkan kepada kementerian kerana penilaian dan inovatif ini. Persoalannya adakah iCGPA ini boleh diperkembangkan di seluruh dunia agar menjadi satu standard yang global? Seperti yang kita ada ISO, Halal. Adakah perancangan untuk tujuan ini?

Keduanya ialah tentang CEO Fakulti, satu program yang menarik dan memberi peluang kepada- untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan pengajian tinggi. Persoalannya, apakah mungkin kita mempunyai program timbal balas supaya sektor korporat yang menyumbang ini juga dapat memanfaatkan kepakaran di universiti khususnya dalam bidang penyelidikan oleh pihak industri? Juga adakah boleh diwujudkan penyumbangan idea dan fikiran program ini oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang juga mengambil bahagian?

Tuan Pengerusi, selain itu saya melihat kepada pembangunan TVET tadi mengarusperdanakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional TVET merupakan salah satu fokus utama KPT pada tahun 2016. Ini satu program yang baik. Contohnya kolej komuniti, memberikan satu lagi peluang kepada pelajar-pelajar sebagai satu laluan alternatif yang tidak menjadi. Daripada pendidikan formalnya tidak menjadi. Akan tetapi kalau gagal pendidikan formal bukan bermakna gagal dalam hidup. Maknanya di sinilah yang kita kata kerajaan menjaga semua orang. Bagaimana untuk mendapat ilmu dan kemahiran dan seterusnya mencipta satu kehidupan yang baik yang dia juga dapat mencapai impian dalam hidupnya. Dapat juga meningkatkan programnya.

Saya melihat seorang pelajar, saya pernah jumpa seorang pelajar yang pada asalnya mendapat sijil tetapi meneruskan pelajaran ke peringkat diploma, ijazah dan akhirnya saya pernah jumpa dia sudah dapat PhD umpamanya. Jadi gagal itu bukan bermakna gagal semua. Akan tetapi kalau pelajar-pelajar ini mempunyai impian yang tinggi dan dibimbing, diberi bantuan supaya dapat yakin kepada diri sendiri, *believe* kepada dirinya, maka usaha ini akan membuahkan kejayaan dan boleh menjadi ikon kepada rakyat yang lain supaya mencapai kejayaan dalam hidupnya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berapakah jumlah graduan yang telah dihasilkan oleh kolej komuniti setakat ini serta menyatakan pembangunan yang telah mereka kecapai melalui pembelajaran di kolej komuniti? Apakah perancangan kementerian dalam mempromosikan kolej komuniti dalam menggalakkan golongan belia untuk memasuki institusi tersebut? Macam kolej komuniti di Bagan Serailah, jumlah dengan pembelian saya dapati hampir RM11 juta. Program pertamanya, pelajarannya tidak ramai- 11 orang, 12 orang atau 15 orang. Jadi bagaimanakah dapat dipromosikan lagi?

Saya harap jugalah satu hari Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat datang ke Parlimen Bagan Serai, lihat sendiri apa yang ada dan bagaimana rakyat di sini juga dapat diberikan semangat kerana ini kawasan luar bandar. Ada murid-murid, ada pelajar-pelajar yang tidak dapat meneruskan secara formal. Saya hendak melihat ini supaya satu hari akan ada pelajar-pelajar, akan ada insan-insan dari Parlimen Bagan Serai menjadi ikon, menjadi contoh dan teladan kepada orang lain untuk berjaya dalam hidup walaupun dengan yang dikatakan TVET ini.

Hari ini masalah persepsi. Rasa macam kalau pergi vokasional dan sebagainya itu maka macam kelas yang lebih rendah. Akan tetapi kita hendak wujudkan satu persepsi supaya dapat kita jadikan ikon pelajar-pelajar daripada TVET ini untuk mencipta kejayaan dan memberikan dorongan kepada yang lain. Tuan Pengerusi, terima kasih beri Bagan Serai peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

7.55 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 010000. Ini mengenai lima universiti yang tahap tinggi dan mempunyai penyelidikan. Saya nampak Yang Berhormat Menteri, dia memang berminat dengan universiti-universiti yang boleh mencapai tahap yang tinggi di peringkat antarabangsa. Di sini walaupun pihak kerajaan sudah kata tidak kurangkan peruntukan bagi penyelidikan di universiti-universiti tetapi saya nampak ada sesetengah universiti pun ada PhD dan sebagainya yang belum sampai.

Kita tidak boleh kerana universiti kita saya berharaplah dapat mencapai tahap yang lebih tinggi seperti Universiti Malaya sudah meningkat iaitu tahapnya dan mudah-mudahan akan mencapai mungkin di dalam lingkungan 50 yang terbaik di dunia. Itu bukan mustahil dicapai. Akan tetapi kalau kita hendak capai ke tahap yang begitu tinggi, kita perlu penyelidikan tahap yang tinggi juga. Di sinilah walaupun kita berharap pihak swasta pun boleh memberi sumbangan. Akan tetapi yang pentingnya peruntukan daripada kerajaan mestilah dijamin dan dipastikan sampai kepada sasaran. Itulah yang kita harapkan.

Yang Berhormat Menteri, walaupun kita nampak ada sesetengah kursus, sesetengah mata pelajaran yang boleh capai, subjek yang boleh capai ke tahap yang lebih tinggi tetapi pada keseluruhannya kita nampak ada kurang juga. Misalnya, saya tidak nampak Universiti Hong Kong, Universiti Singapura dia punya tahap itu lebih tinggi dan mungkin kita boleh kaji macam mana kita boleh capai.

Oleh sebab kita ada kemampuan, kita ada bilangan profesor dan bilangan penyelidik yang cukup di tahap yang tinggi bahkan juga ada ramai penyelidik Malaysia yang berada di negara-negara lain seperti UK dan USA, ramai. Mungkin kita dapat menggalakkan mereka yang berbakat di negara ini supaya menyertai universiti-universiti kita agar universiti kita dapat mencapai tahap yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Ahli Yang Berhormat lain boleh mencelah ya, Yang Berhormat.

7.59 mlm.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Terima kasih kepada 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian pada malam ini. Saya akan cuba menjawab sebaik-baiknya untuk kebaikan pendidikan tinggi negara keseluruhannya. Kalau kita pergi kepada Yang Berhormat Kepong dahulu. Yang Berhormat Kepong oleh sebab masih lagi segar dalam ingatan kita tentang universiti. Dikatakan bahawa saya amat minat dengan universiti penyelidik.

Sebenarnya kita memberi penekanan yang seimbang, bukan hanya kepada universiti penyelidik juga kepada universiti komprehensif dan juga universiti TVET, yang juga akan memberi tenaga kerja mahir sepenuhnya untuk negara kita keseluruhannya.

■2000

Sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, memang benar bahawa kita bekerjasama dengan universiti-universiti lain di seluruh dunia. Kita tahu ada penyelidik-penyelidik kita di universiti luar negara di UK, di US dan ada juga baru-baru ini Profesor Qi baru balik daripada *Tsinghua University, Beijing* yang juga bekerjasama dengan kita dalam penyelidikan *stem cell* untuk memastikan penyelidikan kita terus bertambah baik dan bertambah tinggi.

Memang kolaborasi ini bukan hanya di antara universiti-universiti di dalam negara tetapi juga untuk universiti-universiti luar negara sebenarnya kerana kita percaya bahawa kerjasama ini.

Baru-baru ini kita mempunyai bekas *provost Oxford* pun datang ke Malaysia untuk kita mengadakan kerjasama dalam bidang *stem cell* dengan Universiti Oxford. Dia datang cari kita, Yang Berhormat, jumpa dengan penyelidik-penyelidik daripada UM, daripada UKM dan juga USM bagaimana kita patut bekerjasama dalam bidang *stem cell*. Ini mengatakan pengiktirafan mereka kepada penyelidik-penyelidik kita. Sebagaimana yang dicadangkan, memang kita akan terus berkolaborasi dengan mereka untuk memastikan penyelidikan kita akan terus bertambah baik.

Saya hendak katakan sekali lagi bahawa kita tidak meninggalkan keperluan-keperluan tenaga kerja mahir yang perlu dikeluarkan oleh kolej komuniti, politeknik dan juga MTUN kerana ini juga perlu untuk tenaga mahir negara.

Yang Berhormat Bagan Serai tadi juga bertanya bagaimana kita melaksanakan MOOCs ataupun *online learning*. Saya hendak mengatakan bahawa baru-baru ini kita telah melancarkan rangkaian *broadband MYREN-X* yang mempunyai kapasiti *broadband*, jalur lebar, setinggi 100 *gigabit* setiap saat, *per second* untuk memastikan rangkaian universiti kita mempunyai talian yang mencukupi bukan hanya untuk pembelajaran *online* tetapi juga untuk penyelidikan kerana apabila kita membuat penyelidikan, seperti mana saya katakan tadi, kita membuat penyelidikan dengan kerjasama dengan negara-negara luar. Jadi, ini perlu agar penyelidikan kita itu boleh berkongsi sama.

Baru-baru ini, ketua pengarah saya baru balik daripada Jepun dan juga dari China untuk kita berkolaborasi dengan mereka. Jadi, kolaborasi dalam bidang penyelidikan ini bukan- banyak kita lihat. Baru-baru ini kita mempunyai *Newton Fund* yang memberi dan terus menambah peruntukan untuk kita, peruntukan daripada Jepun, peruntukan daripada Australia yang mana kita perlu laksanakan. Ini memerlukan satu talian yang lebih hebat, yang lebih besar, *broadband* yang saya katakan tadi dengan pelancaran MYREN-X. *Insya-Allah*, pada tahun hadapan ini, rangkaian seluruh negara akan siap di Semenanjung dan seterusnya akan sambung ke Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Bagan Serai juga bertanya tentang iCGPA, *integrated CGPA* yang kita lancarkan hampir tiga tahun yang lalu di mana baru-baru ini kita telah mula mendapat pengiktirafan dan ada pihak *World Bank* bertanya boleh tak kita menggunakan penilaian iCGPA ini untuk digunakan di seluruh dunia. *World Bank*, Bank Dunia juga telah mengatakan mereka perlu dan ingin bekerjasama untuk memastikan ianya dapat diselaraskan di seluruh dunia.

Yang Berhormat Kuala Krai tadi membuat pertanyaan tentang pensyarah-pensyarah tadi- adakah mereka akan disambung ataupun akan disarakan. Sebenarnya ini polisi universiti kerana universiti kita kebanyakannya- bukan kebanyakannya. Hampir kesemuanya mempunyai autonomi sama ada dalam pengambilan dan juga dalam pemberhentian.

Dalam konteks ini, persaraan ini ialah persaraan mereka yang sudah mencapai umur 60 tahun dan universiti membuat pemilihan mereka, bukan Kementerian sebenarnya. Universiti membuat pemilihan mereka, ada yang disambung yang dirasakan masih diperlukan di universiti, masih memberi satu kebaikan dalam impaknya sama ada dalam penyelidikan, sama ada dalam pengajaran ataupun dalam kepimpinan mereka di universiti. Mereka itu disambung oleh senat universiti sendiri. Ini terpulang kepada universiti dan tidak ada polisi khas mengatakan mereka perlu disambung atau perlu dihentikan. Penerusan ini mengikut kehendak universiti masing-masing.

Kita lihat sebenarnya MQA banyak juga soalan-soalan tentang MQA tadi. Ada yang bertanya sama ada MQA dilaksanakan mengikut kualiti ataupun tidak. Sebenarnya memang MQA ini ialah selaras dengan penilaian kualiti, *quality assurance* di peringkat antarabangsa, INQAAHE. INQAAHE ini adalah satu penilaian kualiti pendidikan di peringkat antarabangsa yang dianuti oleh 160 buah negara di seluruh dunia di mana MQA merupakan satu daripada agensi di bawah INQAAHE. Juga hendak mengatakan bahawa di Asia, *we are the leading agency* dalam membentuk satu sistem kualiti pendidikan tinggi. Di ASEAN, kitalah Malaysia menjadi- bukan tuan rumah. Baru-baru ini Malaysia menjadi *a leading agent* yang memastikan kualiti itu dibentuk di seluruh negara ASEAN.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya hendak bangkitkan satu isu berkaitan dengan MQA tetapi saya akan menggunakan peluang ini untuk tanya Menteri.

Soalan saya ialah apakah proses untuk satu institusi pendidikan tinggi swasta untuk menentukan fi penuntut-penuntut untuk pergigian ataupun doktor? Adakah itu di bawah kawalan MQA ataupun lain-lain jawatankuasa di kementerian? Saya bangkitkan isu ini sebab saya telah mendapat beberapa aduan daripada ibu bapa dan juga penuntut khususnya yang pergi ke *MAHSA College* yang dalam bidang pergigian yang sekarang diminta untuk membayar RM420,000 *advance* untuk dua tahun.

Adakah ini bawah MQA ataupun dalam bidang lain? Bila saya dengar ini, mereka terpaksa bayar *RM420,000 in advance for two years*, ini terlalu tinggi dan juga ini akan memberi *disincentive* kepada orang lain di luar negara untuk datang belajar di Malaysia. So minta pandangan Yang Berhormat. Ini berkaitan dengan *MAHSA College*.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Fi bukan di bawah MQA, Yang Berhormat. Fi adalah di bawah kementerian. Baru-baru ini ada banyak permohonan daripada IPTS agar kita tidak mengongkong fi mereka. Walau bagaimanapun, fi juga kita pastikan mereka tidak meningkatkan fi secara sewenang-wenangnya. Terima kasih, Yang Berhormat. Kita akan selidik fi yang dikatakan kenaikannya telah dibuat oleh MAHSA ini dan jika perlu kita mengambil tindakan, kita akan mengambil tindakan kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat daripada Parit Sulong dan beberapa Yang Berhormat yang lain juga telah bertanya tentang kebolehpasaran. Sama juga dengan Yang Berhormat daripada Temerloh tadi yang juga bertanya tentang kebolehpasaran dan beberapa orang yang lain.

Sememangnya kita memang faham bahawa apabila kita mengadakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang kita lancarkan pada tahun 2015, sememangnya kebolehpasaran merupakan satu isu yang perlu diambil, dilihat dengan cara yang sepenuhnya.

Oleh itu, kementerian telah memastikan pelajar-pelajar yang kita akan lahirkan ini- dalam Lonjakan 1 jelas mengatakan pelajar-pelajar yang akan dilahirkan oleh kementerian ialah pelajar-pelajar yang holistik, yang menyeluruh, bukan hanya pelajar-pelajar yang hanya pandai baca buku dan menjawab soalan. Pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan juga pelajar-pelajar yang seimbang. Dikatakan pelajar-pelajar kita perlu holistik, berciri keusahawanan dan juga seimbang.

Jadi, sebab itulah kita mengeluarkan beberapa cara penilaian pelajar yang kita katakan tadi iCGPA, *integrated CGPA* yang mana mempunyai lapan domainnya, bukan hanya domain akademik semata-mata tetapi tujuh domain yang lain yang mengukur *practical skills* pelajar-pelajar tersebut, yang mengukur nilai pelajar-pelajar tersebut, kemampuan dia berkomunikasi, kemampuan keusahawanannya. Ini mengatakan bahawa pelajar-pelajar itu bila pelajar itu holistik, pelajar itu, *insya-Allah*, akan lebih mampu untuk senang mendapat kerja apabila mereka keluar kelak.

■2010

Kita juga telah seperti saya katakan tadi pastikan kita mengeluarkan program-program, melaksanakan program-program 2u2i, dua tahun di universiti dan dua tahun di industri yang merupakan program yang hanya ada di Malaysia kerana kita mengeluarkan program ini agar pelajar-pelajar mempunyai masa yang mencukupi ataupun *work based* yang mencukupi, pengalaman yang mencukupi sebelum mereka masuk ke alam kerja. Tidak mencukupi, kita juga panggil pensyarah-pensyarah daripada luar dalam program CEO Fakulti Program di mana kita lihat, kita panggil pensyarah-pensyarah sama ada daripada MNC seperti *Huawei, Samsung, Motorola, Shell* untuk bersama-sama dengan kita dan juga di dalam negara kita ada Maybank, CIMB, Khazanah termasuk juga KSN, KSP agar pelajar-pelajar dapat belajar sendiri daripada mulut orang yang melaksanakan program-program itu yang tahu, yang penuh berpengalaman.

Apabila saya berjumpa dengan industri, saya telah menggunakan perkataan bahawa industri dan akademi adalah satu. *Industry and academy are one* yang mereka terkejut kerana saya kata kita mengalu-alukan agar industri datang ke universiti dan memberitahu kami apakah kurikulum yang mereka mahu. Sampai begitu, industri beritahu kita apakah kurikulum yang mereka mahu.

Kalau mereka bercakap tentang Industri 4.0, definisikan kepada kita apakah sebenarnya Revolusi Industri 4.0 itu, apakah kurikulum yang diperlukan? Kalau dikatakan pensyarah-pensyarah kita tidak mencukupi untuk mengajar kurikulum tersebut, kita menjemput mereka menjadi *adjunct* profesor di mana mereka boleh *co-teach* ataupun memberi syarahan bersama-sama dengan profesor-profesor kita sebanyak 40 peratus.

Saya tanya mereka, apa yang mereka mahu dan saya tanya industri bila mereka mahu dan saya tanya juga mereka berapa ramai yang mereka mahu? Ini yang dikatakan dalam konteks ilustrasi industri dan juga akademi adalah satu. Dengan program-program ini kita harap isu-isu *graduate employability* ataupun kebolehpasaran pelajar-pelajar akan dapat kita tangani dengan lebih baik lagi. Tidak kurang juga tentang keusahawanan, kita ada pelan-pelan tindakan keusahawanan, bukan hanya pelan induk tetapi pelan tindakan untuk memastikan sekurang-kurangnya tiga peratus daripada graduan-graduan kita akan menjadi usahawan apabila mereka *graduate* nanti. Saya nampak ini telah mula dicapai masa kini kerana *target* kita ialah pada tahun 2020 nanti kita harap lima peratus daripada graduan-graduan ini akan menjadi usahawan.

Yang Berhormat daripada Temerloh tadi juga bertanya tentang penyelidikan. Untuk penyelidikan, sebenarnya keseluruhannya industri penyelidikan kita telah menjana pendapatan sebanyak RM6 bilion sebenarnya dalam bentuk komersialisasi, dalam bentuk perundingan dan juga dalam bentuk latihan. Kita lupa bahawa universiti juga membuat perundingan. Jadi sebahagian besar juga pendapatan itu dalam bentuk perundingan.

Dengan adanya kita tidak nampak, kita tidak pernah fikir perkara ini, dengan adanya program perwujudan universiti penyelidik tadi, kita telah dapat menyelamatkan hampir RM2 bilion wang negara yang kita biasanya menghantar pensyarah-pensyarah kita ke luar negara untuk belajar dan mendapat PhD. Mereka dapat PhD di dalam negara dan dengan ini telah dapat menyelamatkan saya katakan hampir RM2 bilion tukaran wang asing.

Yang Berhormat Lipis tanya tadi tentang kolej komuniti yang usang, yang hampir sepuluh tahun. Yang Berhormat, *insya-Allah* saya akan teliti permohonan Yang Berhormat itu. Jangan runsing, *insya-Allah* saya pastikan kita laksanakan dengan secepat mungkin, KSU pun ada di belakang ini kerana dia yang mengeluarkan wang. Tentang UiTM itu, saya tidak boleh jawab dengan tepat kerana kita masih, peruntukan itu datang daripada Kementerian Kewangan Yang Berhormat. Jadi walau bagaimanapun kami tidak akan mensia-siakanlah harapan Yang Berhormat yang telah dikemukakan dengan penuh semangat dalam Dewan pada hari ini...

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya.

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapatkan sedikit maklumat, kalau boleh selepas ini pun tidak apalah jawapan secara bertulis tentang berapakah jumlah mereka yang telah berjaya untuk mendapatkan PhD dalam negara ini yang disebut tadi dalam tahun lepas, sekitar mutakhir inilah dua, tiga tahun kebelakangan ini. Berapa pula *candidate* yang gagal untuk mendapatkan PhD, kalau boleh dapat angka, *insya-Allah*.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat komposisi universiti penyelidik katakanlah di Universiti Malaya sendiri, universiti penyelidik biasanya pelajar lepasan ijazah itu sama angkanya, jumlahnya dengan pelajar bukan ijazah. Katakanlah contoh Universiti Malaya, Universiti Malaya mempunyai 30,000 orang pelajar.

Jadi kita boleh lihat bahawa 15,000 daripada pelajar Universiti Malaya adalah pelajar dalam bidang *post-graduate*. Kita boleh lihat angka itu dan sebahagian besarnya juga ialah dalam bidang sarjana tetapi bakinya ialah dalam bidang- kalau kita lihat lima universiti tadi, kalau kita ambil semua, USM, UPM, UKM, kalau kita letakkan 10,000 satu universiti, kita sudah ada hampir 50,000 yang sedang melaksanakan program-program *post-graduate* dan juga PhD. Saya juga hendak beritahu bahawa ramai pelajar-pelajar PhD juga merupakan mereka daripada luar negara kerana mereka mengiktiraf PhD yang dikeluarkan oleh negara kita.

Yang Berhormat Kota Raja tadi bertanya tentang peruntukan. Sebenarnya memang betul ada pengurangan dalam satu buah universiti sahaja sebenarnya iaitu UiTM tetapi pengurangan ini bukan dalam bentuk yang *substantial*, pengurangan ini dalam bentuk TNT, *travel*, untuk perjalanan mereka, dalam bentuk keraian dan hospitaliti. Ia tidak akan melibatkan *core business* dalam universiti-universiti tersebut. Saya juga peka tentang perkara ini, saya juga telah bertanya soalan-soalan tersebut dan melihat. Sebenarnya jika mereka memerlukan tambahan, *insya-Allah* kita akan membuat permohonan dalam *review* pertengahan tahun nanti.

Adakah universiti-universiti swasta memerlukan hospital pengajian sendiri? Ini bergantung di atas *availability* ataupun kemampuan ditampung oleh hospital-hospital kerajaan. Sebelum mereka mendirikan bidang katalah dalam melaksanakan program-program perubatan, kita pastikan mereka mempunyai tempat di mana pelajar-pelajar ini akan mengadakan latihan-latihan mereka.

Bertanya tentang sama ada orang-orang yang agak berumur boleh masuk kolej komuniti. Memang sebeginitulah, itu sebab kolej komuniti dibangunkan kerana kolej komuniti tidak cuba mencari siapa sebenarnya yang— tidak melihat sangat gred siapa-siapa. Akan tetapi jika ada antara orang-orang yang sudah berumur, bukan tua tetapi berumur macam saya jugalah yang dirasakan kita perlu kepada kepakaran yang lebih, kita boleh dan kolej komuniti sanggup bila bilangan mencukupi mewujudkan program-program kemahiran sebagaimana yang dikehendaki, *insya-Allah*.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya rasa perkara ini tidak begitu diketahui oleh umum kerana secara puratanya masyarakat menganggap bahawa kolej komuniti adalah untuk penuntut pasca selepas mereka habis SPM baru masuk. Akan tetapi untuk makluman Menteri, memang ramai tidak tahu bahawa ada kursus-kursus untuk orang yang bekerja, mereka boleh ambil secara *part time* dan sebagainya. Mungkin ini perlu diuar-uarkan kepada rakyat kita lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya betul, mungkin perlu ditingkatkan lagi pasaran, pengetahuan dan itulah sebabnya diwujudkan kolej komuniti. Saya pernah melihat ramai golongan wanita belajar buat kek, belajar buat makaroni dan juga belajar membuat pastri di kolej komuniti ini di samping ada juga mereka yang mengikuti latihan-latihan komputer. Pernah kelas-kelas tahfiz, saya baru pergi ke Bagan Datuk hari Ahad yang lalu, ada pelajar-pelajar kelas tahfiz yang belajar komputer di Kolej Komuniti Bagan Datuk.

■2020

Ini cara jangka pendek mungkin diadakan pada waktu petang ataupun diadakan waktu hari di hujung minggu. Ini boleh dilaksanakan *insya-Allah* boleh mereka semua. Yang Berhormat Kota Raja juga bertanya tentang bantuan untuk pelajar-pelajar luar negara yang mempunyai masalah baru-baru ini. Sehingga kini memang bajet ini tidak mengambil kira peruntukan tersebut dan sememangnya baru ini ada gerakan yang dibuat GPMS yang saya sendiri cuba membantu untuk kita mengutip. Bagi mereka yang masih mempunyai isu ada masalah tentang pendidikan *insya-Allah* cuba hubungi GPMS mungkin boleh membantu mereka.

Yang Berhormat Merbok bertanya tentang skim gaji baru saya sudah jawab tadi bahawa gaji pensyarah-pensyarah ialah autonomi universiti. Bila mereka mendapat PhD, mereka masuk jadi pensyarah mereka terus diberi Gred 51 dan kenaikan pangkat di universiti sebenarnya ialah di atas keputusan yang dibuat oleh universiti masing-masing mengikut senat mereka.

Kalau kita lihat Yang Berhormat Merbok juga bertanya tentang universiti di luar negara yang ada di dalam negara. Sebenarnya kalau kita lihat bukan hanya Heriot-Watt kita mempunyai sebuah universiti *Asia School of Business* yang bekerjasama *MIT Sloan School of Management* yang ada di Malaysia pada masa kini yang merupakan sebuah universiti yang mengiktiraf dan memberi keutamaan kepada Malaysia untuk mereka membangunkan universiti mereka di sini. Swinburne, Raffles, Reading, Southampton, Monash, Nottingham, New Castle dan juga Curtin.

Sebenarnya Malaysia mempunyai cawangan terbesar universiti-universiti daripada *United Kingdom* sebelumnya. *United Kingdom* mempunyai lima cawangan di Malaysia. Tidak pernah *United Kingdom* mempunyai cawangan yang lebih besar daripada yang ada di Malaysia. Itu lah pengiktirafan...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri boleh saya patah balik. Soalan saya ada lagi satu belum menjawab. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tadi bertanya mengenai kursus undang-undang USIM yang belum lagi mendapat pengiktirafan dan saya bertanya kerana sudah ada graduan daripada bidang ini jadi oleh sebab mereka tidak boleh praktis sebagai peguam lagi. Jadi apakah nasib mereka dan saya lupa tadi hendak tanya apa kriteria yang belum lagi dipenuhi oleh USIM sebenarnya yang mereka ini tidak boleh diakui oleh kita punya badan pengiktirafan ini.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya masih menunggu perincian jawapan terperinci kerana *insya-Allah* graduan-graduan ini akan mendapat pengiktirafan biasanya belum dapat pengiktirafan daripada *Bar Council*, itulah yang biasanya memegang- saya tidak boleh jawab kerana tidak dapat jawapan lagi kerana banyak sangat hendak jawab ini hendak jawab dan menerima soalan-soalan ini sebenarnya.

Akan tetapi saya boleh beri *assurance* lah kepada Yang Berhormat bahawa *insya-Allah* mereka akan diberi pengiktirafan kerana itu mungkin satu dua perkara. Kita akan bincang dengan *Bar Council* agar ianya akan diberi pengiktirafan sewajarnya.

Yang Berhormat Kapar tadi ada beberapa soalan, satunya tentang MQA. MQA juga saya sudah jawab sedikit tadi mengatakan bahawa MQA ada memberi akreditasi berbeza. Satu, akreditasi kepada universiti kolej diberi oleh kementerian. Apabila kita telah melihat kemampuan-kemampuan mereka, tenaga-tenaga pelajar mereka, kemampuan kewangan mereka untuk memastikan mereka mampu melaksanakan tugas mereka dengan baik dan infrastruktur yang ada.

Untuk kurikulum biasanya diberi oleh MQA. Kriteria-kriteria itu kadangkala ada yang berbentuk sementara mengikut katalah dalam bidang perubatan apabila setelah selesai semua pengajian untuk pelajar-pelajar tersebut. Apabila telah selesai lima tahun pengajaran biasanya mereka dapat akreditasi penuh.

Yang Berhormat Kapar juga bertanya tentang *work-based learning*. Saya sudah jawab tadi mengatakan tentang *Games Art* di Kolej Komuniti ianya akan terus diperkembangkan dan terus menjadi buruan dan juga menjadi perhatian oleh pelajar-pelajar semua sebenarnya.

Saya baru dapat jawapan untuk Yang Berhormat Kota Raja tentang USIM. Ini dikatakan bahawa graduan lulusan program Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah dengan kepujian yang ditawarkan oleh USIM boleh beramal sebagai peguam sivil dengan syarat telah menduduki dan lulus peperiksaan Sijil Amalan Guaman ataupun SAG Malaysia di bawah Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) Malaysia sebagaimana graduan lulusan undang-undang yang diiktiraf daripada negara luar.

Kelulusan peperiksaan Sijil Amalan Guaman adalah bagi membolehkan graduan tersebut menjalankan latihan dalam kamar bagi tujuan kemasukan sebagai peguam di Mahkamah Sivil. Status ini adalah berdasarkan pemberian status pengiktirafan bersyarat ataupun *professional recognition* kepada USIM oleh LKPU pada bulan Mei 2015.

Bagi tujuan permohonan pengecualian daripada menduduki peperiksaan Sijil Amalan Guaman (SAG), USIM telah melaksanakan keperluan akademik dan jaringan yang diminta oleh LKPU dan telah menjalani latihan penilaian program daripada 6 hingga 8 Mac yang lalu. Itu jawapan untuk...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit fasal USIM ini?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya tidak berbahas tetapi saya berminat dengan tajuk ini sebab saya juga untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri saya juga banyak kali bangkitkan isu ini sebelum ini. Cuma jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya agak pelik sedikit lah sebab apa, universiti-universiti yang menawarkan jurusan undang-undang di universiti tempatan ini sepatutnya tidak menghadapi masalah, sepatutnya lah. Oleh sebab saya rasa USIM ini ada persamaan dengan UIA juga dari segi menawarkan jurusan undang-undang perbandingan.

Akan tetapi UIA tidak ada masalah, tidak perlu duduk *special exam* dan sebagainya. Kenapa USIM ini ada, kenapa mereka terpaksa buat ini. Saya kasihan kepada ibu bapa kerana mengharapkan anak-anak mereka menjadi *lawyer* tetapi tidak menjadi *lawyer*. Setakat saya menjadi *lawyer* sudah 23 tahun tidak pernah sekali pun menerima pelajar USIM jadi *chambering student*. Oleh sebab mereka kata tidak boleh terima. Jadi saya harap mungkin Yang Berhormat Menteri boleh fikirkan supaya mereka juga tidak menghadapi masalah supaya mengambil *exam* dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Bukan hanya saya akan fikirkan saya akan pastikan mereka diberi pengiktirafan. Itu kerja dan tanggungjawab Menteri *insya-Allah* kita akan lakukan dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Gerik juga bertanya tentang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, minta maaf. Yang Kapar tentang Kolej Komuniti tadi. Saya juga telah menanyakan selain daripada jurusan Diploma *Games Art* yang menarik minat anak muda. Adakah lagi apa-apa jurusan yang telah diperkenalkan untuk tahun 2016 dan 2017 untuk menarik minat anak-anak muda memasuki Kolej Komuniti? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat sebenarnya banyak program lain dalam bentuk industri selaras dengan 4.0 seperti *Gamification, Animation, Virtual Reality, Augmented Reality*. Di sini merupakan asas-asas program yang dilaksanakan. Ada banyak lagi sebenarnya dan memang saya telah memberitahu kepada Kolej Komuniti agar mereka melaksanakan program-program sebagaimana yang sepatutnya untuk memastikan mereka selaras dengan perkembangan. Sebenarnya kalau kita lihat kita bangga apabila melihat kebolehpasaran Kolej Komuniti. Kebolehpasaran Kolej Komuniti ialah 97.2 peratus sebenarnya. Walau bagaimanapun kita akan pastikan agar program-program dan kursus-kursus Kolej Komuniti ini akan memastikan ia selaras dengan kehendak masyarakat dan kehendak industri.

Yang Berhormat Gerik bertanya tentang ubi jaga dan bunga *Rafflesia* yang kedua-dua mempunyai khasiat-khasiat yang baik. Sebenarnya UPM memang ada kerjasama sedang melaksanakan program-program di Hutan Belum sebenarnya untuk memastikan kekayaan flora dan fauna itu diambil kira dengan sebaik-baiknya. Memang kita lihat bukan hanya di Gerik, kita lihat pemuliharaan sistem juga di Langkawi. Eco Park Langkawi juga ialah merupakan kerjasama di antara UKM untuk pastikan ia kawasan itu dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya.

■2030

Sebenarnya tidak ada, sebenarnya jika ada pelajar-pelajar dia- Yang Berhormat Gerik bertanya tentang sijil yang tidak diiktiraf. Sebenarnya, kita boleh melihat portal kementerian sebenarnya untuk menyemak jika ada sijil-sijil yang tidak diiktiraf dan juga kita pastikan semua mata pelajaran, kursus-kursus yang ditawarkan oleh setiap kolej itu semestinya mempunyai pengiktirafan oleh MQA itu sendiri. Sememangnya kolej komuniti menerima semua kaum, bukan hanya kaum bumiputera sahaja. Begitu juga politeknik, begitu juga dengan UA. Ini salah faham, mungkin Yang Berhormat Gerik boleh buka sebenarnya untuk kaum-kaum yang lain juga.

Yang Berhormat Rasah juga bertanya tentang fi pensyarah IPTS yang dinaikkan. Itu sebenarnya fi itu ialah *One-Off* sebenarnya Yang Berhormat dan yang sudah tidak disemak sejak tahun 1997 lagi. Oleh sebab itu kenaikan itu dibuat dan ia untuk memastikan mereka tidak perlu lagi membuat penyemakan setiap tahun. *Insya-Allah* dengan pembayaran sekali gus ini, kita akan mengelakkan isu-isu birokrasi dalam mereka terpaksa membaharui pendaftaran mereka setiap tahun.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, Rasah.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Ya, sila.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri, bagi saya, saya cuma ingin sampaikan rintihan pensyarah-pensyarah di mana kalau dulu harga fi cuma RM20 dan juga RM10, tetapi sekarang harga dia RM300. Jadi ini adalah satu kenaikan yang mendadak dan saya rasa walaupun *One-Off*, RM300 itu dia merupakan satu amaun yang agak tinggi. Jadi, adakah sebelum kenaikan ini adakah pihak kementerian pernah berjumpa dengan pensyarah-pensyarah dan memberi taklimat kepada mereka apa sebabnya kenaikan yang mendadak ini. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Saya katakan tadi sejak tahun 1997 Yang Berhormat. Tahun 1997, kalau 2017 tolak 1997 iaitu 20 tahun Yang Berhormat. Jadi mereka memang telah ada kerjasama di antara- apabila kita mengenakan fi tersebut, memang kita telah menghubungi IPTS dan sebenarnya mereka tidak ada banyak masalah tentang perkara tersebut.

Yang Berhormat Kuala Selangor telah bertanya tadi tentang tangga gaji untuk pensyarah-pensyarah TVET. Tidak ada ya, tidak ada? Ada. Okey.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah bangun.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Rasah sini. Mohon maaf Yang Berhormat Menteri sebab...

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Nanti sekejap, saya jawab dulu. Saya jawab ini. Sebenarnya kolej politeknik sedang dalam proses dikatakan pengkorporatan dan dengan adanya proses pengkorporatan ini, sistem gaji politeknik akan menjadi lebih fleksibel kerana politeknik juga perlu mengambil pensyarah-pensyarah daripada luar yang mempunyai pengalaman industri. *Insya-Allah* dengan pengkorporatan ini, kita akan pastikan yang gaji-gaji ataupun elaun yang diberi kepada pensyarah-pensyarah ini akan setimpal. Memang untuk kita memastikan program TVET ini dapat berjalan dengan baik, kita juga memastikan pensyarah-pensyarah juga dibayar dengan baik.

Untuk Yang Berhormat Bukit Gantang, saya sudah bagi tahu tadi tentang bagaimana penyelidikan telah membawa pendapatan...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: ...Sebanyak RM6 bilion kepada negara dan- oh, Yang Berhormat Rasah. Okey, sila.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, tadi dalam perbincangan saya, saya ada bertanya kepada pihak Kementerian mengapakah tahun ini tiada sebarang peruntukan untuk Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman sebab sebelum ini memang setiap tahun mempunyai peruntukan yang agak besar untuk 2016 – RM51 juta; 2017 – RM30 juta.

Akan tetapi untuk tahun ini, butiran Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman tersebut telah pun hilang di dalam buku bajet ini. Saya rasa kemungkinan besar pihak Kementerian ketinggalan ataupun sesuatu telah pun berlaku terhadap peruntukan tersebut. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: [Bangun]

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tanjong Piai bangun juga Yang Berhormat.

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat Menteri. Bagi laluan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, mengenai peruntukan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, kita tahu semasa Kolej TAR ditubuhkan hampir 50 tahun yang lalu. Jadi satu surat cara Kolej TAR telah diluluskan di Parlimen dengan kaedah satu *on* satu atau 50 peratus perbelanjaan KTAR ditanggung oleh KTAR dan 50 peratus lagi ditanggung oleh kerajaan.

Jadi pada tahun 2013, semasa KTAR dinaiktarafkan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, satu persetujuan telah dicapai antara *TARUC Council* dengan MOHE iaitu kerajaan akan menanggung perbelanjaan sehingga had RM60 juta setahun. Ini adalah komitmen yang sentiasa ditunaikan sejak tahun 2013. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa persetujuan tersebut masih diguna pakai dan bantuan kerajaan akan diteruskan kepada had RM60 juta setahun seperti mana yang dipersetujui bersama. Saya harap kerajaan dapat komitmen tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih kedua-dua Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong Piai dan juga Yang Berhormat Rasah yang membangkitkan tentang peruntukan untuk Kolej Tunku Abdul Rahman. Saya perlu menyemak kembali dan kita juga akan pastikan bahawa apa juga perjanjian peruntukan yang telah dijanjikan itu akan dapat kita laksanakan. Saya akan hubungi, melihat perincian bagaimana ia perlu dilaksanakan.

Yang Berhormat Jerantut bertanya tentang program moratorium. Sebenarnya kita ada 507 universiti swasta masa kini dan kita melaksanakan moratorium kerana kita rasakan kita sudah mempunyai terlalu banyak universiti swasta masa kini. Ia tidak menyekat kita sebenarnya daripada untuk membuka universiti jika ia merupakan universiti yang akan dibangunkan di UDA City, EduCity di Johor Bharu ataupun dia merupakan universiti yang 100 terbaik di dunia.

Kalau kedua-duanya tidak dapat dipenuhi, ia perlu masuk ke Kabinet untuk kelulusan. Sebenarnya tidak ada syarat mengatakan, tidak ada mengatakan mutlak, dia tidak mutlak mengatakan bahawa ia tidak dapat dilaksanakan dan *insya-Allah* jika ada permohonan-permohonan terutama dalam bidang TVET Yang Berhormat, ini dialu-alukan oleh kerajaan kerana bidang inilah yang akan memastikan bilangan-bilangan kebolehpasaran pelajar itu akan dapat kita selaraskan dengan baik.

Terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Habis sudah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis sudah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,962,387,200 untuk Maksud B.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM10,962,387,200 untuk Maksud B.64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,934,899,200 untuk Maksud P.64 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2018 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,934,899,200 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2018]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

[Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan 2018 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■2040

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion Ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” hendaklah disahkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan, yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion Ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” hendaklah disahkan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 29 November 2017.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.44 malam]